

**KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI,
KESEJAHTERAAN SPIRITUAL DAN EFIKASI KENDIRI
DALAM KALANGAN KAUNSELOR ORGANISASI
DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

MAHANI BINTI ISMAIL

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI, KESEJAHTERAAN SPIRITUAL
DAN EFIKASI KENDIRI DALAM KALANGAN
KAUNSELOR ORGANISASI DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

MAHANI BINTI ISMAIL

TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2019

**UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **MAHANI BINTI ISMAIL**

No. Matrik: **PHA 080035**

Nama Ijazah: **DOKTOR FALSAFAH**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI, KESEJAHTERAAN SPIRITUAL DAN
EFIKASI KENDIRI DALAM KALANGAN KAUNSELOR ORGANISASI
DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Bidang Penyelidikan: **KAUNSELING**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan

ABSTRAK

PSYCHOLOGICAL WELL-BEING, SPIRITUAL WELL-BEING AND SELF-EFFICACY AMONG ORGANIZATIONAL COUNSELORS IN THE MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA

ABSTRACT

This study aims to determine the level of psychological well-being, spiritual well-being and self-efficacy among organizational counselors in the Ministry of Education Malaysia. Besides, the study also aims to determine a priori model that involved the relationship between the spiritual well-being, self-efficacy and psychological well-being with the survey data, verify the spiritual well-being as a mediator in the model, and examine the indirect effects of spiritual well-being on psychological well-being in the model. Finally, the study will also determine whether gender, location of the workplace, and working experience serves as a moderator in the study. Does gender play a role as a moderator in the proposed model 'moderated - mediation' was also examined. Quantitative method using a survey was used to gather the data. A total of 203 counselors who work in the District Education Office, the State Education Department, Matriculation College, the Institute of Teacher Education and also in Psychology and Counseling Division Ministry of Education were selected as respondents. The instruments used in this study are Ryff Psychological Well-being Scale (1989), Spiritual Well-being Scale (1982) and Counselor Self-Efficacy Scale (1996). Data was analyzed using the Statistical Package for Social Science version 20 (SPSS) and software Analysis of Moment structure version 21 (AMOS). Descriptive analysis was also used to measure the mean, standard deviation, frequency and percentage. Moreover, construct factor analysis (CFA) and structural equation

modeling (SEM) was also performed in this study. The results showed that the level of psychological well being and self-efficacy of organization counselor is high. While the level of self-efficacy is moderate . This study also showed that a significant fit model for counselors' psychological well being with the research data. Test of goodness fit model was assessed through multiple indices that are Root Mean Square Error of Approximation (RMSEA), Comparative Fit Index (CFI) and Chi Square / Degree of Freedom (Chisq / Df) to achieve a fit model. The value of fit for structural model of psychological well-being proved to be fit and accepted (GFI = .92, CFI = .92, RMSEA = .09). Sobel test analysis statistics show that the spiritual well being model serve as a mediator in this study (3.18, $p < 0.05$ sig). The study found that there is an indirect effect of the spiritual well-being on the psychological well-being in the study. Spiritual well-being act as a partial mediator in the relationship between self-efficacy and psychological well-being. The results also showed gender, location of the workplace and working experience serve as a moderator in the model of moderated – *mediation* with a significant value in *mediation* ($M = .147$, $F = .130$) and without *mediation* ($M = -.406$, $F = -.432$). The results of this study provide a foundation to form a good counselors psychological well-being model with an additional emphasis on the spiritual aspects in addition to the existing psychological aspects. Implication of the study to future researchers and counseling practitioners are discussed.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Segala puji bagi ALLAH Pemilik Pengetahuan dan Keagungan. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana tiada daya dan upaya kecuali dengan izin ALLAH Yang Maha Penyayang dan Maha Mendengar keluh kesah, maka akhirnya tesis ini berjaya disempurnakan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w dan ahli keluarga serta para sahabat baginda. Terima kasih ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana memberi peluang kepada saya menikmati hadiah biasiswa. Penghargaan dan ucapan terima kasih yang sangat bermakna ditujukan kepada penyelia saya Dr. Melati binti Sumari dan Dr. Shahrir bin Jamaluddin, yang banyak memberi tunjuk ajar, pandangan dan sokongan kepada saya. Hanya ALLAH yang dapat membalas jasa kalian. Saya juga ingin merakamkan ucapan yang teramat istimewa buat suami tercinta dan kedua ibu bapa Hj Ismail bin Abd. Rahman dan Hj Rokiah bt Hj. Ab. Rahman, terima kasih yang tidak terhingga di atas segala pengorbanan, kasih sayang dan doa yang tidak putus-putus buat saya. Tidak lupa buat kedua ibu dan bapa mertua, adik beradik dan sahabat sejati yang sentiasa memberikan sokongan di sepanjang pengajian ini. Khas buat anakanda tercinta Muhammad Faez, Nur Quratul Ain, Nur Qurratul Adliah dan Nur Qurratul Adleena, Sesungguhnya kalian adalah inspirasi ibu meniti kejayaan ini. Akhir sekali, terima kasih kepada semua yang telah memberikan sumbangan doa dan dorongan sama ada secara langsung atau tidak langsung di sepanjang menyiapkan tesis ini. Ya ALLAH rahmati dan berkati mereka dengan balasan yang sewajarnya. “Ya ALLAH kurniakanlah kami kebahagiaan di dunia dan dan kebahagiaan di akhirat. Aamiin...

Mahani binti Ismail

KANDUNGAN

HALAMAN

Perakuan Keaslian Penulisan.....	ii
Abstrak.....	iii
Penghargaan.....	v
Kandungan.....	vi
Senarai Rajah.....	xii
Senarai Jadual.....	xiv
Senarai Simbol dan Singkatan.....	xvi
Senarai Lampiran.....	xviii

Bab 1: Pendahuluan

1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	2
1.3 Pernyataan Masalah.....	10
1.4 Objektif Kajian.....	24
1.5 Soalan Kajian.....	25
1.6 Hipotesis Kajian.....	25
1.7 Kepentingan Kajian.....	27
1.8 Limitasi Kajian.....	29
1.9 Definisi Operasional.....	30
1.9.1 Kaunselor Organisasi.....	30
1.9.2 Kesejahteraan.....	32
1.9.3 Kesejahteraan Psikologi.....	32

1.9.4	Kesejahteraan Spiritual.....	35
1.9.5	Efikasi Kendiri Kaunselor.....	36
1.9.6	Moderator.....	36
1.9.7	Mediator.....	37
1.9.8	<i>Mediation</i>	38
1.10	Kesimpulan.....	39

Bab 2: Tinjauan Literatur

2.1	Pengenalan.....	40
2.2	Kerangka Teori Kajian.....	40
2.2.1	Teori Kesejahteraan Psikologi (Ryff, 1989).....	41
2.2.2	Pendekatan Kaunseling Spiritual Menurut Al- Ghazali.....	46
2.2.3	Pandangan Psikospiritual Terhadap Manusia.....	52
2.2.4	Teori Kesejahteraan Spiritual (Paloutzian & Ellison, 1982).....	54
2.2.5	Teori Efikasi Kendiri (Bandura, 1977).....	61
2.3	Kerangka Konsep Kajian.....	65
2.3.1	Kaunselor Organisasi.....	67
2.3.2	Konsep Kesejahteraan.....	69
2.4	Kesejahteraan Psikologi Dari Pandangan Islam.....	72
2.5	Faktor-faktor Kesejahteraan Psikologi (Ryff, 1995).....	74
2.6	Kesejahteraan Psikologi (Ryff, 1995).....	77
2.6.1	Autonomi.	78
2.6.2	Menguasai Persekitaran.....	78
2.6.3	Penerimaan Kendiri.....	79
2.6.4	Perkembangan Peribadi.....	79
2.6.5	Hubungan Positif Dengan Orang Lain.....	79

2.6.6	Tujuan Hidup.....	80
2.7	Kesejahteraan Spiritual.....	80
2.7.1	Kesejahteraan Beragama.....	84
2.7.2	Kesejahteraan Kewujudan.....	84
2.8	Efikasi Kendiri.....	85
2.8.1	Aspek-aspek Efikasi Kendiri.....	89
2.8.2	Pengaruh Efikasi Kendiri Terhadap Tingkah laku dan Kognitif.....	90
2.8.3	Faktor Yang Mempengaruhi Perkembangan Efikasi Kendiri.....	92
2.8.3.1	Pengetahuan.....	95
2.8.3.2	Kemahiran.....	95
2.9	Kajian Mengenai Kesejahteraan Psikologi.....	96
2.10	Kajian Mengenai Kesejahteraan Spiritual.....	105
2.11	Kajian Mengenai Efikasi Kendiri.....	107
2.12	Hubungan Di Antara Kesejahteraan Psikologi, Kesejahteraan Spiritual Dan Efikasi Kendiri Kaunselor.....	110
2.13	Model <i>Mediation</i>	112
2.13.1	Jenis-Jenis <i>Mediation</i>	113
2.14	Kesimpulan.....	115

Bab 3 : Metodologi

3.1	Pengenalan.....	116
3.2	Reka Bentuk Kajian.....	117
3.3	Populasi Kajian.....	118
3.5	Instrumen Kajian.....	122
3.5.1	Soal Selidik.....	122
3.5.1.1	Bahagian A: Demografi.....	123

3.5.1.2	Bahagian B : Skala Kesejahteraan Psikologi.....	114
3.5.1.3	Bahagian C: Skala Kesejahteraan Spiritual.....	130
3.5.1.4	Bahagian D: Skala Efikasi Kendiri Kaunselor.....	123
3.5.2	Kaedah Penskoran.....	134
3.6	Kebolehpercayaan Instrumen.....	137
3.6.1	Kebolehpercayaan Skala Kesejahteraan.....	138
3.6.2	Kebolehpercayaan Skala Kesejahteraan Spiritual.....	138
3.6.3	Kebolehpercayaan Skala Efikasi Kendiri Kaunselor.....	139
3.7	Prosedur Penterjemahan Bahasa Alat Ukur.....	141
3.8	Kajian Rintis.....	142
3.9	Prosedur Kajian.....	145
3.10	Prosedur Analisis Data.....	146
3.11	Analisis SEM (<i>Structural Equation Modeling</i>).....	148
3.11.1	Model Pengukuran.....	149
3.11.2	Model Struktural.....	150
3.11.3	Pengujian Kesepadanan Model.....	150
3.11.4	Langkah-langkah Kajian Analisis Model Persamaan Struktur.....	156
3.12	Kesimpulan.....	149

Bab 4: Dapatan dan Perbincangan

4.1	Pengenalan.....	162
4.2	Analisis Awal Data.....	164
4.3	Ujian Normaliti.....	164
4.4	Analisis Multikolariti.....	168
4.5	Dapatan Analisis Statistik Deskriptif.....	169
4.6	Tahap Kesejahteraan Kaunselor Organisasi.....	172

4.7	Tahap Kesejahteraan Psikologi.....	173
4.8	Tahap Kesejahteraan Spiritual.....	176
4.9	Tahap Efikasi Kendiri Kaunselor.....	177
4.10	Kesepadanan Model <i>a priori</i> Dengan Data Kajian.....	178
4.11	Penilaian Model Pengukuran.....	179
4.12	Penilaian Model Struktural.....	182
4.13	Kesejahteraan Spiritual Berperanan Sebagai <i>Mediator</i> dalam Model Kajian.....	188
4.14	Kesan Tidak Langsung Ke Atas Kesejahteraan Psikologi Dalam Model Kajian..	189
4.15	Faktor Gender, Tempat Kerja dan Pengalaman Bekerja Sebagai Moderator.....	192
4.15.1	Moderator Gender.....	193
4.15.2	Model Comparison Bagi Gender.....	195
4.16	Moderator Dan Model <i>Comparison</i> Lokasi Tempat Kerja.....	198
4.17	Moderator dan Model <i>Comparison</i> Pengalaman.....	202
4.18	Faktor Gender Berperanan Moderator Dalam Model Moderated-Mediation.....	207
4.19	Rumusan Dapatan Kajian.....	209
4.20	Kesimpulan.....	212

Bab 5 : Perbincangan, Implikasi dan Kesimpulan

5.1	Pengenalan.....	214
5.2	Ringkasan Kajian.....	214
5.3	Rumusan Dapatan Kajian.....	217
5.4	Tahap Kesejahteraan Psikologi.....	220
5.5	Tahap Kesejahteraan Spiritual.....	224
5.6	Tahap Efikasi Kendiri Kaunselor.....	226
5.7	Kesepadanan Model <i>a priori</i> Dengan Data Kajian.....	228
5.8	Kesejahteraan Spiritual Berperanan Sebagai <i>Mediator</i> dalam Model Kajian.....	230

5.9	Kesan Tidak Langsung Ke Atas Kesejahteraan Psikologi Dalam Model Kajian..	231
5.10	Faktor Gender, Lokasi Tempat Kerja dan Pengalaman Bekerja Berperanan Sebagai Moderator.....	232
5.10.1	Kesan Moderasi Gender dalam Model Kajian.....	232
5.10.2	Kesan Moderasi Lokasi Tempat Kerja	234
5.10.3	Kesan Moderasi Pengalaman Bekerja	235
5.11	Gender Berperanan Sebagai Moderator Dalam Model “ <i>Moderated-Mediation</i> ”.	237
5.12	Hubungan Antara Kesejahteraan Spiritual dengan Kesejahteraan Psikologi.....	238
5.13	Hubungan Antara Efikasi Kendiri dengan Kesejahteraan Psikologi.....	242
5.14	Implikasi Kajian Ke atas Aspek Teori.....	248
5.15	Implikasi Kajian Ke atas Aspek Praktikal.....	250
5.16	Cadangan Kajian.....	252
5.17	Kesimpulan.....	255
	Rujukan.....	258
	Lampiran.....	274

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1. Teori- teori Kesejahteraan Kaunselor Organisasi KPM.....	41
Rajah 2.2. Model a priori.....	66
Rajah 2.3. Model <i>Mediation</i>	113
Rajah 2.4 <i>Mediation</i> Penuh.....	114
Rajah 2.5 <i>Mediation</i> Separa.....	114
Rajah 2.6 Tiada <i>Mediation</i>	115
Rajah 3.1 Kaedah Persampelan.....	120
Rajah 3.2 Prosedur Kajian Analisis Model Persamaan Struktur.....	144
Rajah 4.1 Model Pengukuran Penuh (CFA).....	180
Rajah 4.2 Model Kesejahteraan Psikologi Kaunselor Organisasi KPM.....	182
Rajah 4.3 Konstruk Bagi Pemboleh Ubah Model Kajian.....	186
Rajah 4.4 Model Struktural Kesejahteraan Psikologi Kaunselor.....	186
Rajah 4.5 Keputusan Ujian Statistik Sobel.....	188
Rajah 4.6 Analisis Kesejahteraan Spiritual Sebagai Moderator.....	191
Rajah 4.7 Model Struktural Bagi Analisis Pelbagai Kumpulan Untuk Moderator...	193
Rajah 4.8 Faktor Gender Lelaki Sebagai Moderator Dalam Model Kajian.....	196
Rajah 4.9 Faktor Gender Perempuan Sebagai Moderator Dalam Model Kajian.....	197
Rajah 4.10 Model Struktural Bagi Analisis Pelbagai Kumpulan Moderator Lokasi	199
Rajah 4.11 Faktor Lokasi Bandar Sebagai Moderator Dalam Model Kajian.....	200
Rajah 4.12 Faktor Lokasi Luar Bandar Sebagai Moderator Dalam Model Kajian...	201
Rajah 4.13 Model Struktural Bagi Analisis Pelbagai Kumpulan Moderator.....	203
Rajah 4.14 Faktor Pengalaman Sebagai Moderator Kumpulan 1.....	204
Rajah 4.15 Faktor Pengalaman Sebagai Moderator Kumpulan 2.....	204
Rajah 4.16 Faktor Pengalaman Sebagai Moderator Kumpulan 3.....	205

Rajah 4.17 Gender Sebagai Moderator Antara EK Dengan KS.....	208
Rajah 4.18 Gender Sebagai Moderator Antara KS Dengan KP.....	209
Rajah 5.1 Model Kesejahteraan Kaunselor.....	212

Universiti Malaya

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1 Ciri – ciri Model dan Saiz Sampel Minimum (Hair et al.. (2010).....	121
Jadual 3.2 Skala Jawapan Untuk Skala Kesejahteraan Psikologi, Ryff (1989).....	124
Jadual 3.3 Contoh Item Positif Dan Item Negatif Konstruk Autonomi.....	125
Jadual 3.4 Contoh Item Positif Dan Item Negatif Konstruk Menguasai Persekitaran	126
Jadual 3.5 Contoh Item Positif Dan Item Negatif Konstruk Penerimaan Kendiri....	126
Jadual 3.6 Item Yang Diterbalikkan Untuk Konstruk Penerimaan Kendiri.....	127
Jadual 3.7 Contoh Item Positif Dan Item Negatif Konstruk Perkembangan Peribadi	128
Jadual 3.8 Contoh Item Positif Dan Item Negatif Konstruk Hubungan Positif Dengan Orang Lain.....	128
Jadual 3.9 Contoh Item Positif Dan Item Negatif Tujuan Hidup.....	129
Jadual 3.10 Item Yang Diterbalikkan Untuk Konstruk Tujuan Hidup.....	130
Jadual 3.11 Item – item dalam Skala Kesejahteraan Spiritual.....	131
Jadual 3.12 Respons Jawapan dan Skor Markah Skala Kesejahteraan Spiritual.....	132
Jadual 3.13 Item-Item Yang Diterbalikkan Kodnya Mengikut Instrumen.....	135
Jadual 3.14 Penskoran Skala Kesejahteraan Spiritual (Boivin et al., 1999).....	136
Jadual 3.15 Nilai Kebolehpercayaan Alpha Instrumen Bagi Kajian Sebenar.....	140
Jadual 3.16 Nilai Kebolehpercayaan Alpha Instrumen Bagi Kajian Rintis dan Kajian Sebenar	133
Jadual 3.17 Rumusan Ujian Statistik.....	147
Jadual 3.18 Indeks Kepadanan Untuk Model Pengukuran.....	153

Jadual 4.1 Ujian Normaliti Kesejahteraan Psikologi, Kesejahteraan Spiritual dan Efikasi Kendiri.....	166
Jadual 4.2 Ujian Normaliti Sub Kontruk Kesejahteraan Psikologi, Kesejahteraan Spiritual dan Efikasi Kendiri.....	176
Jadual 4.3 Ciri – ciri Demografi Responden Kajian.....	171
Jadual 4.4 Skor Min Bagi Kesejahteraan Kaunselor Organisasi.....	173
Jadual 4.5 Kategori Konstruk Kesejahteraan Psikologi.....	174
Jadual 4.6 Kategori Sub Konstruk Kesejahteraan Psikologi.....	174
Jadual 4.7 Min, Sisihan Piawai dan Tahap Sub Konstruk Kesejahteraan Psikologi	175
Jadual 4. 8 Kategori Sub Konstruk Kesejahteraan Spiritual.....	176
Jadual 4.9 Min, Sisihan Piawai dan Tahap Kesejahteraan Spiritual.....	176
Jadual 4.10 Kategori Sub Konstruk Efikasi Kendiri Kaunselor.....	177
Jadual 4.11 Min, Sisihan Piawai dan Tahap Sub Konstruk Efikasi Kendiri Kaunselor	177
Jadual 4.12 Tahap Kesejahteraan Psikologi, Kesejahteraan Spiritual dan Efikasi Kendiri Kaunselor Organisasi di KPM.....	178
Jadual 4.13 Indeks Kesepadanan (<i>Goodness of Fit Index</i>).....	181
Jadual 4.14 Hasil Analisis Indeks Padanan Model Struktural Penuh.....	183
Jadual 4.15 Pemberat Regresi Bagi Model Struktural.....	184
Jadual 4.16 Pemberat Regresi Bagi Model Struktural Kesejahteraan Psikologi.....	187
Jadual 4.17 Kesan Tidak Langsung Dan Jumlah Kesan Bagi Model Struktural.....	190
Jadual 4.18 Analisis Pelbagai Kumpulan Berdasarkan Moderator Gender.....	193
Jadual 4.19 Nilai P Berdasarkan Kepada Jumlah Perubahan Khi Kuasa Dua Dan Darjah Kebebasan Bagi Moderator Gender.....	194

Jadual 4.20 Pemberat Regresi Model Struktural Kesejahteraan Psikologi Bagi Kumpulan Gender 1 Dan Kumpulan Gender 2.....	194
Jadual 4.21 Perbezaan Nilai Khi Kuasa Dua Dan Darjah Kebebasan Bagi Moderator Gender.....	195
Jadual 4.22 Perbandingan Peranan Gender Sebagai Moderator Dalam Model Kajian	197
Jadual 4.23 Hasil analisis pelbagai kumpulan berdasarkan moderator lokasi tempat kerja.....	199
Jadual 4.24 Perbandingan Lokasi Tempat kerja Sebagai Moderator Dalam Model Kajian.....	201
Jadual 4.25 Perbandingan Peranan Pengalaman Sebagai Moderator Dalam Model Kajian.....	205
Jadual 4.26 Hasil Keputusan Pengujian Hipotesis.....	211

SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

Simbol atau singkatan	Tajuk
n	Bilangan
$<$	Kurang daripada
$>$	Lebih daripada
\rightarrow , \leftrightarrow	Hubungan
p	Kebarangkalian
r	Pekali korelasi
AMOS	<i>Analysis of Moment Structure</i>
SEM	<i>Structural Equation Modeling</i>
CFA	<i>Confirmatory Factor Analysis</i>
CFI	<i>Comparative Fit Index</i>
GFI	<i>Goodness of Fit Index</i>
RMSEA	<i>Root mean-square error of approximation</i>
MLE	<i>Maximum Likelihood Estimation</i>
SPSS	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
KM	Kolej Matrikulasi
IPG	Institut Pendidikan Guru
ACA	<i>American Counseling Association</i>
WHO	<i>World Health Organisation</i>
GSS	<i>General Social Survey</i>

SENARAI LAMPIRAN

Tajuk	Halaman
Lampiran A - Surat Kebenaran dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan	274
Lampiran B - Surat Kebenaran dari Jabatan Pendidikan Negeri	275
Lampiran C - Surat Kebenaran dari Institut Pendidikan Guru	286
Lampiran D - Surat Kebenaran dari Kolej Matrikulasi	294
Lampiran E - Contoh Borang Persetujuan Termaklum	298
Lampiran F - Borang Soal Selidik	299
Lampiran G - Plot Kesejahteraan Psikologi	308
Lampiran H - Plot Kesejahteraan Spiritual	309
Lampiran I - Plot Efikasi Kendiri	310
Lampiran J- Keputusan Ujian Normaliti Sub Konstruk	311

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11), faktor modal insan menjadi salah satu strategi penting dalam pembangunan Malaysia. Ia menjadi penting kerana menjadi kayu penunjuk kemajuan sesebuah negara (Sidek, 2011). Wawasan 2020 pula telah menjadi satu wawasan membina negara bangsa yang menyeluruh bagi melahirkan bangsa yang kuat, kukuh dan tahan menghadapi segala ujian kejiwaan (Mizan, 2016). Ini bermakna negara memerlukan bangsa yang berjiwa sejahtera dan memiliki keperibadian yang tinggi dalam mengharungi kehidupan seharian. Merujuk kepada kenyataan oleh Sapora (2016) pembangunan modal insan memerlukan rakyat mempunyai kesejahteraan psikologi di mana terlihat perlu adanya perkhidmatan kaunseling. Carroll (1996) turut menyatakan di kebanyakan organisasi amat memerlukan perkhidmatan kaunseling terutama di sektor awam dan swasta. Ini selari dengan dasar kerajaan untuk membentuk warganegara yang penyayang dalam menuju Wawasan 2020 (Sapora & Hafsah, 2014). Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia, adalah merupakan bahagian yang bertanggungjawab secara langsung dalam pembangunan kesejahteraan modal insan yang beramanah, berintegriti, produktif, kreatif serta inovatif dalam konteks Kementerian Pendidikan Malaysia. Inspirasi ini adalah selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) (KPM, 2013).

1.2 Latar Belakang Kajian

Penekanan terhadap pentingnya kaunseling semakin ketara selepas negara mencapai kemerdekaan. Pembangunan di Malaysia telah mengakibatkan proses urbanisasi yang sentiasa berlaku sejajar dengan tuntutan negara dalam mencapai Wawasan 2020 (Melati et al., 2014). Perkembangan ini memberi gambaran bahawa masyarakat di Malaysia sudah boleh menerima perkhidmatan kaunseling sebagai satu profesion yang semakin berkembang (Rafidah & Lau, 2016).

Mizan Adiliah (2016) menyatakan negara Malaysia memerlukan generasi yang kental dan sepadu dalam berhadapan dunia abad ke-21, para kaunselor di negara ini perlu bermuhasabah diri dalam memperlengkapkan diri dengan pelbagai ilmu bagi memenuhi tuntutan membina negara bangsa melalui perkhidmatan kaunseling. Kesejahteraan psikologi penjawat awam berkaitan rapat dengan kejayaan di dalam sesuatu organisasi perkhidmatan awam. Sokongan dan harapan kerajaan terhadap perkhidmatan kaunseling semakin ketara selari dengan hasrat negara dalam mencapai Wawasan 2020 dan Pelan Rancangan Malaysia Ke-11.

Sabariah (2005) menyatakan kerjaya di bidang kaunseling berbeza secara signifikan daripada kerjaya profesion yang lain. Tidak seperti kerjaya dalam undang-undang, perubatan, kejuruteraan, sains politik, atau perakaunan, kaunselor menggunakan diri sendiri sebagai alat untuk perubahan terapeutik. Blocher (2000) juga menekankan bahawa peribadi, nilai, dan gaya interperibadi kaunselor merupakan elemen penting di dalam dunia kaunseling. Peribadi kaunselor juga adalah alat terapeutik utama di dalam proses kaunseling. Meyer dan Ponton (2006) telah mengibaratkan kaunselor seperti dahan-dahan pokok yang sentiasa membantu

pokok mendapatkan sinaran cahaya matahari untuknya bernafas. Kaunselor juga akan sentiasa perlu memperolehi kesejahteraan, mengukuhkan ketahanan diri serta melindungi diri dari kesan-kesan trauma yang negatif melalui aktiviti-aktiviti yang profesional.

Figley (2002) menyatakan kesejahteraan kaunselor merupakan satu elemen dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada klien mereka. Isu-isu yang wujud di sekeliling mereka sekiranya tidak dapat diselesaikan akan membelenggu emosi dan psikologi mereka dan ini akan menghalang seseorang kaunselor untuk berfungsi secara terapeutik. Kaunselor yang tidak dapat berfungsi dengan baik, akan terganggu kesejahteraan psikologi dan mentalnya. Ini akan mempengaruhi keberkesanan tugas mereka dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada klien. Kenyataan oleh Othman (2005) mengukuhkan lagi bahawa kesihatan mental yang positif akan membawa insan ke arah kesejahteraan hidup. Bagi mencapai matlamat ini, pelbagai pendekatan boleh dilakukan oleh kaunselor. Ini bermakna kaunselor yang sihat kesihatan mentalnya lebih berupaya memperolehi kesejahteraan dalam dirinya.

Kajian yang dijalankan oleh Meyer dan Ponton (2006) mendapati bahawa kaunselor yang terganggu kesihatan mental akan berhadapan dengan kesukaran secara profesional dan peribadi, berbanding dengan rakan-rakan mereka. Ini jelas menunjukkan bahawa gangguan kesihatan mental boleh menjejaskan keberkesanan perkhidmatan kaunselor. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia(WHO), kesihatan mental adalah satu keadaan yang sejahtera di mana seseorang individu menyedari tentang keupayaan diri, dapat mengendalikan tekanan dengan baik, dapat bekerja secara produktif dan mampu menyumbang kepada masyarakat. Justeru itu, amatlah

perlu seseorang kaunselor terlebih dahulu memiliki kesejahteraan diri positif sebelum berhadapan dengan klien mereka. Ini disokong oleh Lawson dan Myers (2011) menyatakan kaunselor yang berkesejahteraan tinggi akan mempunyai kualiti profesional yang positif. Ini bermakna klien hanya akan memperolehi perkhidmatan yang terbaik dari kaunselor yang mempunyai kesihatan mental yang baik juga.

Lebih 50 tahun yang lalu, semenjak tahun 1960-an lagi, kajian lepas terhadap kesejahteraan dan konsep-konsep yang berkaitan telah berkembang pesat dalam bidang kajian sosial (Kim, 2000). Dalam jangka masa 50 tahun kebelakangan ini, kekayaan manusia telah bertambah tiga kali ganda. Walau bagaimanapun tidak ada bukti peningkatan kesejahteraan manusia, bahkan terdapat peningkatan penyakit mental yang amat ketara (Rohany & Fatimah, 2006). Bidang kesejahteraan kaunselor kurang diberi perhatian oleh penyelidik (Chan, 2009; Witmer & Young, 1996 ; Lawson, 2007) dan ini juga berlaku di negara kita.

Menurut Myers dan Weeney (2008), kaunselor yang profesional sentiasa berusaha untuk menggalakkan dan mengukuhkan kesejahteraan psikologi melalui pembangunan, pencegahan dan intervensi. Strauser, Lustig dan Ciftci (2008) menyatakan juga, individu yang mempunyai tahap kesejahteraan psikologi yang tinggi atau meningkat akan mempunyai kemahiran yang lebih efektif terhadap proses pembangunan kerjaya dan tingkah laku mereka. Ini amat perlu bagi seseorang kaunselor untuk menuju ke arah kesejahteraan. Kesejahteraan psikologi merujuk kepada perasaan optimis seseorang bahawa dia akan memperolehi hasil yang positif dari peristiwa dan pengalaman di dalam kehidupannya (Adam, Bezner, Duabhs, Zambarano & Steinhardt, 2000). Kesejahteraan psikologi juga akan dapat

memberikan satu impak terhadap kerjaya mereka untuk terus maju ke hadapan dalam menghadapi cabaran kerjayanya. Ini bermakna, kaunselor yang sejahtera psikologinya akan sentiasa berusaha untuk memajukan diri dalam kerjaya dan hidup mereka.

Briner (2000) menyatakan bahawa persekitaran kerja juga boleh memberi kesan positif dan negatif terhadap kesejahteraan psikologi seseorang individu. Seorang kaunselor itu akan menerima kesan terus dari persekitaran yang positif ataupun negatif dan ini menggambarkan bahawa persekitaran di mana seseorang kaunselor itu berada memainkan peranan penting menentukan kesejahteraan mereka. Persekitaran yang tidak efektif tentunya akan menyumbang kepada kesejahteraan yang rendah serta akan memberi kesan negatif kepada klien kelak.

Untuk menghasilkan seorang kaunselor yang tinggi kesejahteraannya, tidak akan lengkap jika melihat dari aspek psikologi sahaja. Bagi memperolehi kesejahteraan yang tinggi seseorang harus juga merujuk kepada aspek beragama dan spiritual. Ini kerana menurut Sapora (2016) agama mengkaji manusia secara holistik dan peranan kejiwaan manusia tidak boleh dipisahkan dengan aspek agama. Ini kerana agama melibatkan kehidupan manusia keseluruhannya yang bertujuan untuk mencapai hakikat hidup tertinggi melalui pengabdian kepada Tuhan Yang Maha Pencipta. Ini diperkukuhkan lagi oleh Yatimah dan Mohd.Tajudin (2011) menyatakan terdapat perkembangan baru dalam dunia kaunseling barat yang berasaskan aspek ketuhanan yang menegaskan kesedaran betapa kepentingan nilai agama dalam kehidupan. Sidek (2011) menegaskan penghayatan agama mampu melahirkan insan yang mempunyai budi pekerti yang mulia dan peribadi yang boleh

dicontohi. Bukan sekadar menjadi landasan terhadap suatu sistem kepercayaan tetapi menjadi petunjuk ke jalan kehidupan. Salasiah (2016) juga menyatakan spiritual dalam kaunseling bukanlah sesuatu perkara yang baru, ia telah lama dibincangkan dan kebanyakan pengamal kaunseling telah mengakui bahawa elemen spiritual tidak boleh dipisahkan dalam amalan kaunseling. Justeru adalah amat penting seseorang kaunselor yang berkhidmat sebagai pembimbing yang membantu klien dari segi mental, emosi, kerohanian dan tingkahlaku, memiliki kesejahteraan yang tinggi dari sudut spiritual dan juga psikologi.

Terdapat kajian-kajian yang mengaitkan kesejahteraan psikologi dengan kesejahteraan spiritual. Kajian yang dijalankan oleh Ellison dan Smith (1991) ada menerangkan hubungan antara beragama dan kesejahteraan psikologi di dalam kajiannya, beliau mendapati peserta-peserta yang mempunyai pegangan agama yang kuat dilaporkan mempunyai tahap tinggi di dalam kesejahteraan psikologinya berbanding dengan mereka yang rendah pegangan agamanya. Ini akan memberi kesan negatif terhadap kesejahteraan seseorang. Kajian mereka telah membuktikan bahawa amalan beragama amat penting menyumbang kepada kesejahteraan psikologi seseorang.

Mulai dari beberapa dekad yang lepas kesejahteraan spiritual telah mendapat perhatian dari para pengkaji dengan menekankan tentang kepentingannya di dalam profesion kaunseling (Kelly 1994; Miller 2001). Kepentingan kesejahteraan spiritual di dalam profesion kaunseling amat ketara sehingga terdapat keperluan untuk menyatukan kepercayaan spiritual ke dalam proses kaunseling (Kelly, 1994). Ini jelas menunjukkan perlunya wujud hubungan kuat antara spiritual diri dengan

kesejahteraan hidup seseorang. Kepentingan aspek spiritual dalam menyumbang kepada kesejahteraan kaunselor turut dijelaskan oleh Meyer dan Ponton (2000) bahawa dari aspek peribadi, spiritualiti adalah merupakan aspek penting di dalam sistem diri kaunselor. Ia penting kerana spiritualiti akan memastikan kaunselor sentiasa stabil, tabah dan kuat apabila berhadapan dengan berbagai jenis tekanan. Ini jelas menunjukkan elemen spiritual diri mempunyai hubungan yang kuat dengan kesejahteraan seseorang kaunselor. Dan menurut Salasih (2016) aspek spiritual dan agama dilihat sesuatu yang tidak boleh diasingkan kerana ia bersepadu. Aspek spiritual atau *al-nafsiyy* melibatkan kombinasi hati, jiwa, akal dan roh.

Pengkaji juga cuba melihat perbezaan kesejahteraan spiritual antara gender. Matthew (2004) dalam kajiannya mendapati lelaki mendapat skor yang tinggi sedikit berbanding gender perempuan. Kajian beliau juga mendapati tidak ada perbezaan yang signifikan dalam spiritual atau efikasi sendiri bagi gender. Selain dari itu kajian oleh Fiorito dan Ryan (2007) mendapati gender bertindak sebagai moderator di dalam hubungan antara spiritual dan kesejahteraan psikologi. Hasil kajian mereka juga dapat membantukan kita memahami bahawa spiritual memainkan peranan yang signifikan di dalam kesejahteraan psikologi. Implikasi kajian ini amat perlu untuk kita mengambilkira faktor gender dalam program psikologi dan terapeutik dalam usaha untuk memastikan intervensi terhadap gender lebih berkesan.

Rogers (1961) ada menyatakan, kesejahteraan peribadi kaunselor amat penting untuk mewujudkan proses terapeutik dalam membantu orang lain. Ini bermakna kaunselor yang sejahtera mampu menyumbang kepada keteraputikan hubungan antara klien dengan dirinya berbanding dengan kaunselor yang tidak

sejahtera. Roger juga menegaskan bahawa kaunselor berkesan haruslah menarik, mudah mesra, menunjukkan keyakinan dan boleh dipercayai. Kepentingan siapa diri kaunselor turut dijelaskan oleh Gilliland et al.(1984) dengan menyatakan bahawa elemen yang paling penting sekali di dalam proses kaunseling adalah diri kaunselor itu sendiri.

Menurut Corey dan Corey (1993), isu utama dalam kaunseling adalah peranan kaunselor sebagai seorang yang mempunyai hubungan terapeutik dengan kliennya. Kepelbagaian ilmu, teori dan praktikal dalam diri kaunselor akan dimanipulasikan sepenuhnya oleh kaunselor untuk membuat perubahan terhadap klien. Tetapi adakah mereka sendiri dapat membuat perubahan terhadap diri sendiri dan menjadi model perubahan dalam diri, yang boleh menjadi contoh dan inspirasi kepada klien mereka untuk berbuat demikian?. Dalam usaha untuk meningkatkan kesejahteraan klien, adakah kaunselor sedar bahawa mereka juga harus secara berterusan meningkatkan tahap kesejahteraan mereka?. Persoalan ini menunjukkan betapa pentingnya seseorang kaunselor itu berfungsi dengan baik, jujur, ikhlas dan berusaha untuk menjadi seorang kaunselor yang sejahtera untuk klien dan khusus untuk kehidupannya. Mizan et al.(2012) menyatakan orang yang menolong perlu mempunyai keistimewaan berupa kelebihan dari segi pengetahuan, kemahiran, kekuatan emosi dan rohani daripada yang yang ditolongnya. Ini dapat menyumbang dengan baik dalam proses pertolongan.

Pengkaji juga cuba melihat kesejahteraan kaunselor dan hubungannya dengan efikasi sendiri yang dimiliki oleh seseorang kaunselor. Kaunselor yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi mampu membawa perubahan yang besar kepada klien.

Kajian yang telah dijalankan oleh Sutton dan Fall (1995) berhubung tahap efikasi sendiri kaunselor mendapati bahawa kaunselor yang mempunyai pengalaman dan kemahiran tertentu serta berkeupayaan dalam mengambil tindakan menyelesaikan masalah dapat membantu kepada perubahan tingkahlaku klien. Ini bermakna kaunselor yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi biasanya berkemampuan membawa klien ke arah kesejahteraan dengan membantu klien supaya dapat berfungsi dengan sepenuhnya. Sapora dan Hapsah (2014) menyatakan kaunselor yang profesional berjaya bertindak sebagai seorang guru yang membekalkan pelbagai maklumat tentang pendidikan dan pembelajaran sehingga mampu mendorong klien membuat keputusan secara terbuka dengan pilihan sendiri.

Bandura (1986) pula menyatakan bahawa efikasi sendiri ialah satu keazaman dalam tindakan membuat keputusan dalam usaha untuk mencapai matlamat serta meletakkan seluruh jiwa dan raganya agar tidak menemui kegagalan. Ini jelas menunjukkan efikasi sendiri amat penting bagi seseorang kaunselor kerana ia mampu membuat sesuatu matlamat atau sesuatu perancangan dan tindakan berjaya tercapai berbekalkan kesungguhan yang tiada tolok banding dari hati dan jiwa raga yang kental. Dan ini juga merupakan salah satu elemen penting menyumbang ke arah kesejahteraan diri kaunselor dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Sebagai kesimpulannya, berdasarkan perbincangan dan mengambil kira dari kajian-kajian lepas, ternyata terdapat beberapa aspek penting dalam kehidupan yang menyumbang kepada kesejahteraan seseorang kaunselor khususnya di dalam kajian ini. Pengkaji mendapati kesejahteraan seseorang kaunselor bukan setakat dilihat dari segi psikologi sahaja tetapi aspek spiritual yang melibatkan pegangan agama.

Pengkaji juga cuba mengenalpasti aspek lain yang menyumbang kepada kesejahteraan kaunselor di dalam kerjaya mereka dengan memberikan fokus kepada kepentingan memiliki efikasi sendiri yang tinggi. Ini kerana kaunselor yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi mampu mengharungi segala ujian dengan tenang dan tabah serta tidak mudah berputus asa. Justeru itu kajian ini dijalankan dengan mengutarakan kombinasi tiga pemboleh ubah dalam usaha melahirkan kaunselor-kaunselor yang mempunyai kesejahteraan diri yang tinggi daripada aspek psikologi, spiritual dan efikasi sendiri serta dapat menyumbang ke arah keberkesanan peranan mereka sebagai agen perubahan ummah dan pembinaan insan yang sejahtera.

1.3 Pernyataan Masalah

Isu kesejahteraan manusia adalah satu isu yang perlu diberi perhatian kerana ianya melibatkan berbagai aspek kehidupan manusia. Setiap individu memainkan pelbagai peranan di dalam kehidupannya di dalam rumah sebagai ibu, bapa, suami, isteri, anak, datuk dan nenek dan di luar rumah sebagai pekerja, jiran dan ahli masyarakat. Jika terdapat masalah pada salah satu peranan sudah tentu ia akan menjejaskan peranan-peranan yang lain (Rohany & Fatimah,2006). Ini bermakna amat penting seseorang kaunselor itu sejahtera, sihat dan ceria, serta dapat berfungsi dengan baik, semasa berperanan sebagai ibu, ayah atau anak dan sebagainya, kerana dengan itu dapat mengelakkan beliau dari terganggu semasa bertugas sebagai kaunselor. Ini ditegaskan lagi oleh Ryff dan Singer (2006), iaitu dari sudut psikologi, kesejahteraan adalah berkait rapat dengan kegembiraan yang dilalui dalam kehidupan yang baik dan sempurna.

Namun begitu untuk mencapai kesejahteraan diri bukan satu perkara yang mudah. Yatimah dan Mohd.Tajudin (2011) ada menyatakan perubahan sosio-budaya masyarakat adalah satu keadaan sejagat yang akan menyebabkan berlaku proses penyesuaian di kalangan masyarakat. Sidek (2011) juga menegaskan dalam proses membina negara bangsa Malaysia, kita terpaksa berhadapan dengan budaya hendonisme. Budaya hendonisme merupakan satu pegangan hidup yang mementingkan kebendaan semata-mata sehingga boleh menzalimi diri sendiri. Akibat daripada serangan mental dan hendonisme yang berlaku, maka memberi kesan negatif kepada kesejahteraan masyarakat dan memberi implikasi kepada setiap kaunselor. Situasi ini memerlukan para kaunselor bersiap sedia dengan ilmu dan ketahanan diri serta memastikan kesejahteraan mereka tidak terganggu.

Kajian Ng Haw Kuen (2015), terhadap 340 guru kaunseling di Malaysia mendapati bahawa guru kaunseling mempunyai tahap kesejahteraan yang kurang memuaskan berbanding dengan penglibatan kerja mereka. Ini juga bertepatan dengan kajian yang telah dijalankan oleh *American Counselor Association* (2012) iaitu kajian hubungan antara kelesuan dan keletihan dengan kesejahteraan terhadap 129 orang pengamal kaunseling menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kelesuan kerja dan keletihan kerja dengan kesejahteraan.

Mizan Adliah (2016) juga menegaskan, abad ke-21 sedang mengalami satu gelombang tranformasi besar yang drastik, berlaku kesan kemajuan teknologi dan proses globalisasi menuju kepada dunia tanpa sempadan. Dan ini mendorong kepada keperluan perkhidmatan kaunseling yang semakin jelas mendapat sokongan dan harapan daripada kerajaan. Fokus utama ialah bagaimana membina insan yang dapat

membawa Malaysia ke tahap negara maju dan negara perindustrian yang dinyatakan melalui Wawasan 2020. Sapora dan Hapsah (2014) ada menyatakan perkhidmatan kaunseling begitu diperlukan dikebanyakkan organisasi awam dan swasta. Ini bertepatan dengan cita-cita kerajaan untuk melahirkan masyarakat penyayang dalam mencapai cita-cita wawasan 2020. Sidek (2011) ada menegaskan kepentingan pembangunan modal insan tidak lain kerana ia menjadi indikator kemajuan sesebuah negara. Walaupun asas penting seperti pertumbuhan ekonomi, penguasaan teknologi, penerokaan ilmu pengetahuan dan penyelidikan diambil kira, tetapi apa yang lebih penting ialah bagaimana insan itu dibangunkan (Sidek, 2011).

Sejarah perjalanan perkhidmatan kaunseling tiga dekad yang lalu menunjukkan kaunseling telah berjaya memberikan perkhidmatan menyokong keperluan masyarakat, pekerjaan dan pendidikan Negara yang dilihat sebagai satu strategi penting dalam pembangunan sumber manusia. Kaunseling bukan sahaja berfungsi sebagai pencegahan dan pemulihan tetapi juga lebih utama berbentuk pembangunan dan komprehensif dalam membangunkan insan yang sangat diperlukan (Mizan Adliah, 2016). Beliau juga menyatakan perkhidmatan kaunseling akan berhadapan dengan klien yang memiliki gaya hidup yang lebih mencabar dan boleh mencetuskan pelbagai isu yang boleh menggugat kesejahteraan psikologi. Meyer dan Ponton (2006) menyatakan bahawa kaunseling adalah merupakan satu profesion yang berisiko di mana proses kaunseling yang baik memerlukan kaunselor bersama-sama dengan klien di dalam proses perkembangan dan penyembuhan insan. Proses tersebut berkemungkinan akan mengancam kesejahteraan kaunselor melalui penerokaan ke atas trauma, kesedihan dan kemurungan klien. Oleh kerana kepelbagaian masalah klien pada masa kini, maka tidak dapat menolak profesion ini

daripada terdedah kepada risiko. Dan ini ditegaskan lagi oleh Sapora et al.(2013) bahawa kaunseling merupakan satu pekerjaan yang boleh mengundang tekanan dan ini memberi kesan kepada kompetensi kaunselor dalam memberikan perkhidmatan yang baik.

Peranan kaunselor dalam memberikan perkhidmatan kaunseling amat penting. Dan bagi memastikan perkhidmatan dapat diberikan dengan baik maka amat perlu kaunselor berada dalam kesejahteraan. Figley (2002) menyatakan kesejahteraan kaunselor merupakan satu elemen penting dalam tugas membantu klien. Sekiranya kaunselor gagal menyelesaikan segala permasalahan yang dialami oleh beliau maka dibimbangi boleh mengganggu emosi dan psikologi, seterusnya boleh memberi kesan pada proses keterapeutikannya sebagai kaunselor dan mengundang kekecewaan. Ini menunjukkan seseorang kaunselor perlu bersedia dari segi emosi, mental, psikologi dan spiritual yang baik sebelum memberikan perkhidmatan atau pertolongan kepada klien. Dan ini ada dinyatakan oleh Mizan et al. (2012) bahawa menolong atau membantu atau membimbing merupakan satu elemen dalam kaunseling. Ini memberikan gambaran bahawa yang memberikan perkhidmatan mempunyai keistimewaan dan kelebihan dari segi ilmu, kemahiran, kekuatan emosi dan rohani (spiritual) berbanding dengan yang dibantu. Beliau juga menegaskan sikap tolong menolong di dalam Islam adalah kewajipan yang bersifat global. Pertolongan melalui kaunseling dikira sebagai satu ibadah dan bantuan kaunseling diklasifikasikan sebagai *Fard al Kifayah*.

Shahril (2002) ada menyatakan kepentingan dan keperluan bagi mengkaji atau meninjau aspek kesejahteraan kaunselor yang sentiasa berkhidmat di bawah

tekanan, risiko dan juga ketidakpastian mengenai klien dan masalah yang dibawa bersama mereka. Tanggungjawab yang dipikul oleh mereka harus juga dilaksanakan tanpa mengira apa jua keadaan persekitaran mereka dan adalah dipercayai hanya kaunselor yang mempunyai kesejahteraan yang baik sahaja mampu untuk memberikan perkhidmatan yang baik dan memuaskan di bawah situasi yang tertekan. Menyentuh tentang tinjauan ke atas kesejahteraan kaunselor, pengkaji barat ada menyatakan, bidang kesejahteraan kaunselor kurang diberi perhatian oleh penyelidik (Witmer & Young, 1996 ; Lawson, 2007) dan ini juga berlaku di negara kita. Myers et al., (2003) juga menyatakan dalam kajian-kajian lepas aspek kesejahteraan kaunselor masih kurang diberi perhatian. Namun begitu sejak kebelakangan ini, isu kesejahteraan menjadi suatu topik penting sering dibicarakan di mana-mana organisasi. Rohani dan Fatimah, (2006) menyatakan mengkaji kesejahteraan manusia dari sudut psikologi amat bermakna kerana ia merupakan ilmu yang membolehkan kita memahami mengapa sesuatu masalah terjadi, sebab-sebabnya dan tahu bagaimana untuk menghadapinya dengan baik.

Pengkaji cuba dapatkan dapatan-dapatan dari kajian yang telah dijalankan sama ada dari dalam mahupun luar negara berhubung isu-isu yang dihadapi oleh para kaunselor kini yang boleh dikaitkan dengan senario semasa kaunselor di negara kita. Menyentuh tentang kepentingan kesejahteraan kaunselor, maka dalam kajian ini pengkaji akan mengutarakan beberapa elemen penting yang menyumbang kepada kesejahteraan psikologi para kaunselor organisasi pendidikan di Malaysia. Dalam dunia globalisasi tanpa sempadan, perkhidmatan kaunseling akan berhadapan dengan pelbagai permasalahan yang merupakan antara cabaran buat kaunselor kerana setiap klien akan berhadapan dengan masalah yang berlainan (Muhammad Aziz Shah et al.,

2009). Dan ini merupakan satu ancaman yang mengganggu kesejahteraan kaunselor dalam bentuk konflik jangkaan kaunselor terhadap perubahan klien yang diharapkan (Sapora, 2013). Kaunselor yang mempunyai daya tahan dan kekuatan jiwa yang rendah akan mengalami kekecewaan. Dan ini ada ditegaskan oleh Shahril (2002) kaunselor akan lebih berupaya membantu klien yang mempunyai halangan untuk bergerak atau berkembang ke tahap yang lebih baik sekiranya kaunselor tersebut sejahtera dan mempunyai daya tahan.

Sidek (2011) juga menegaskan dalam proses membina negara bangsa Malaysia, kita terpaksa berhadapan dengan budaya hendonisme. Budaya hendonisme merupakan satu pegangan hidup yang mementingkan kebendaan semata-mata sehingga boleh menzalimi diri sendiri. Akibat daripada serangan mental dan hendonisme yang berlaku, maka memberi kesan negatif kepada kesejahteraan masyarakat dan memberi implikasi kepada peranan setiap kaunselor. Situasi ini memerlukan para kaunselor bersiap sedia dengan ilmu dan ketahanan diri serta memastikan kesejahteraan mereka tidak terganggu. Selain itu kaunselor juga berhadapan dengan cara pemikiran baharu dalam kalangan kliennya kesan pembangunan dan krisis persekitaran yang berlaku (Mizan Adiliah, 2016).

Kajian Ng dan Wan Marzuki (2017) terhadap 340 orang kaunselor sekolah dari berbagai negeri di Malaysia, mendapati kaunselor mempunyai pemahaman yang kurang mendalam terhadap realiti kehidupan. Mereka percaya bahawa semua masalah boleh diselesaikan dan semua manusia boleh mengambil tindakan untuk menyelesaikan sebarang masalah sedangkan tanggapan tersebut adalah tidak benar.

Dan ini boleh menyebabkan kaunselor kecewa sekiranya klien tidak dapat berbuat seperti yang ditanggap oleh kaunselor.

Kajian Mckim dan Adcock (2014) terhadap 311 responden terdiri daripada kaunselor professional, ahli psikologi dan pekerja am mendapati bahawa seseorang kaunselor yang trauma akan membina sempadan terhadap kliennya dan berkemungkinan akan menyebabkan tahap trauma kaunselor itu bertambah tinggi. Ini akan mengganggu kesejahteraan kaunselor.

Bidang kesejahteraan kaunselor kurang diberi perhatian oleh penyelidik (Witmer & Young, 1996 ; Lawson, 2007) dan ini juga berlaku di negara kita. Walau bagaimanapun, pengkaji cuba dapatkan dapatan-dapatan dari kajian yang telah dijalankan sama ada dari dalam mahupun luar negara berhubung isu-isu yang dihadapi oleh para kaunselor kini yang boleh dikaitkan dengan senario semasa kaunselor di negara kita.

Abad ke-21 memperlihatkan satu gelombang perubahan besar yang pesat sedang berlaku akibat kemajuan teknologi dan proses globalisasi membawa kepada dunia tanpa sempadan. Perkhidmatan kaunseling akan berhadapan dengan klien yang memiliki gaya hidup yang lebih mencabar. Kaunselor akan dicabar dengan kaedah pemikiran baharu dalam kalangan kliennya akibat ledakan pembangunan yang disertai dengan krisis persekitaran yang berlaku. Cabaran hidup ini juga akan mencetuskan pelbagai isu yang memberi kesan kepada kesejahteraan psikologi (Mizan Adiliah, 2016).

Dalam dunia globalisasi tanpa sempadan, perkhidmatan kaunseling semakin penting diperlukan. Manusia tentu sekali akan berhadapan dengan pelbagai pemasalahan. Maka pemasalahan klien adalah antara cabaran buat kaunselor kerana setiap individu (klien) akan berhadapan dengan masalah yang berlainan (Muhammad Aziz Shah et al., 2009). Menurut Sapora (2013), ancaman kaunselor juga boleh datang dalam bentuk konflik antara jangkaan kaunselor terhadap perubahan sebenar klien.

Meyer dan Ponton (2006) menyatakan bahawa kaunseling adalah merupakan satu profesion yang berisiko di mana proses kaunseling yang baik memerlukan kaunselor bersama-sama dengan klien di dalam proses perkembangan dan penyembuhan insan. Proses tersebut berkemungkinan akan mengancam kesejahteraan kaunselor melalui penerokaan ke atas trauma, kesedihan dan kemurungan klien. Dalam proses membina negara bangsa Malaysia, budaya hendonisme adalah perkara yang perlu dihadapi. Hendonisme merupakan pandangan hidup pada kebendaan semata-mata sehingga boleh menzalimi diri sendiri. Dengan meningkatnya serangan mental dan hendonisme yang berlaku, ia memberi implikasi kepada setiap kaunselor.

Kepentingan kaunselor mempunyai kesejahteraan diri yang tinggi tidak boleh dipandang mudah, ini kerana kaunselor adalah individu yang berperanan membantu orang lain untuk mencapai kesejahteraan supaya dapat berfungsi dengan sepenuhnya dalam kehidupan mereka. Menurut Ellison (1983) dan Westgate (1996), individu yang mempunyai orientasi spiritual yang kukuh dan kesejahteraan psikologi yang

positif tidak akan mengalami banyak simptom berkait dengan kesihatan mental serta hilang produktiviti di tempat kerjanya.

Roach dan Young (2007) dalam kajiannya telah mendapati bahawa kaunselor adalah merupakan orang yang terakhir untuk meminta pertolongan dan lambat dalam mendapatkan rawatan diri mereka. Ini menunjukkan bahawa kaunselor sanggup berkorban demi kepentingan orang lain. Hakikatnya tindakan sebegini boleh menjejaskan kesejahteraan diri mereka. Amat perlu seseorang kaunselor memastikan kesejahteraan diri mereka tidak terabai agar mereka dapat berfungsi sepenuhnya sebagai kaunselor yang berkesan.

Menurut Corey dan Corey (2003) dan Bandura (1986) kaunselor juga harus sedar mengenai keperluan diri mereka dari aspek perkara-perkara yang tidak selesai dalam hidup mereka, konflik-konflik peribadi, masalah-masalah defensif, dan mudah tersinggung, yang mana ke semua itu boleh mengganggu hubungan profesional mereka dengan klien. Individu yang mempunyai efikasi sendiri yang rendah akan mengalami tekanan yang tinggi, kemurungan serta kebimbangan. Manakala individu yang mempunyai efikasi sendiri tinggi pula dilihat lebih berupaya untuk mengatasi tekanan dan kurang mempamerkan respon yang negatif. Sedangkan kesejahteraan diri seorang kaunselor amat penting untuk mereka berfungsi sepenuhnya sebagai seorang kaunselor yang teraputik untuk membawa klien mereka ke arah kesejahteraan diri. Oleh itu adalah amat perlu seseorang kaunselor memperbaiki diri sendiri dan berusaha ke arah kesempurnaan di dalam memberikan perkhidmatan membantu orang lain.

Buchbinder (2007) ada menyatakan bahawa kajian yang telah dijelankannya menunjukkan bahawa pelajar yang memilih profesion yang menyediakan terapi peribadi kepada orang lain mempunyai isu-isu psikologi yang belum selesai di dalam hidup mereka. Isu – isu inilah sekiranya tidak diselesaikan akan mengganggu kesejahteraan psikologi apabila mereka bertugas sebagai kaunselor kelak sehingga mereka pula yang terpaksa dibantu. Situasi ini perlu dielakkan supaya hubungan terapeutik tidak terganggu oleh masalah-masalah peribadi kaunselor.

Ini bertepatan dengan Bike, Norcross dan Schatz (2009) menyatakan kaunselor yang membawa isu-isu peribadi mereka ke dalam latihan profesional adalah yang selalunya memerlukan terapi profesional. Ini menjelaskan bahawa adalah amat penting seseorang kaunselor mahupun bakal kaunselor menyelesaikan dahulu isu-isu peribadi yang tidak selesai sebelum menceburkan diri di dalam bidang membantu orang lain. Sekiranya isu ini tidak dapat diselesaikan maka tidak mustahil boleh mengganggu kesejahteraan kaunselor itu sendiri apabila mereka berhadapan dengan isu klien yang ada kaitannya dengan isu peribadi mereka yang tidak selesai.

Permasalahan yang wujud di atas sekiranya tidak dapat dihadapi dengan baik oleh para kaunselor boleh menyebabkan gangguan kepada kesejahteraan mereka. Haslee (2002) yang menerangkan bahawa kaunselor yang sejahtera dan berdaya tahan khususnya akan berupaya memulihkan diri dengan cepat apabila menghadapi kesulitan dan kekecewaan. Mereka pantas mengembalikan kefungsiannya diri apabila mengalami tekanan dengan memuhasabahkan diri dan mengaplikasikan kemahiran memujuk dan merawat diri. Meyer dan Ponton (2006) dalam kajiannya menyatakan bahawa kaunselor yang melalui sesi kaunseling dan mengikuti perkembangan

hubungan empati bersama dengan klien yang traumatik berkemungkinan akan menjadi trauma. Kesan dari trauma tersebut tidak hanya terhad kepada persekitaran yang terapatik itu sahaja bahkan ia akan turut melibatkan aspek-aspek lain dalam kehidupan seharian kaunselor tersebut. Akibatnya kesejahteraan kaunselor akan merosot dan menggagalkannya daripada memberikan perkhidmatan yang terbaik. Sekiranya ini berlaku klien tersebut haruslah dirujuk kepada kaunselor lain.

Isu mengenai keberkesanan peranan kaunselor ada dinyatakan oleh Johnson, Fielding dan Cavazos (2009), bahawa peranan yang dimainkan oleh kaunselor adalah tidak berkesan kerana kurangnya memberikan maklumat yang tepat kepada klien mereka disebabkan mereka sendiri tiada pengetahuan mengenai perkara tersebut. Ini memerlukan kaunselor berusaha mendalami ilmu selaras dengan perkembangan masa.

Kesejahteraan kaunselor juga turut mengambilkira elemen persekitaran tempat kerja mereka. Pelsma (2000) telah menyatakan bahawa kaunselor adalah dipengaruhi oleh iklim positif ataupun iklim negatif di persekitaran tempat kerja mereka. Sikap dan kesejahteraan klien di tempat mereka bertugas adalah amat penting bagi membolehkan mereka menjalankan peranan mereka di situ. Justeru itu peranan rakan sejawat, para pentadbir dan kemudahan dan keselesaan tempat bekerja tidak boleh dipandang remeh oleh sesiapaupun. Menurut Sapora et al., (2013) kurangnya pengukuhan atau sokongan dari majikan atau orang yang mempunyai kuasa menyebabkan kaunselor mudah merasa terancam

Setiap kaunselor perlu sedar bahawa kaunseling sebagai satu profesion yang berisiko di mana proses kaunseling yang berkesan memerlukan kaunselor bersama-

sama dengan klien di dalam proses perkembangan dan penyembuhan insan. Proses penerokaan ke atas trauma, kesedihan dan kemurungan klien berkemungkinan akan mengancam kesejahteraan kaunselor (Meyer & Ponton, 2006). Dan ini memerlukan kekuatan spiritual dalam menghadapi situasi ini. Kajian Hickson, Housley dan Wages (2000) mendapati semua kaunselor (n=147) sedar tentang kepentingan kepercayaan spiritual di dalam diri mereka di sepanjang proses kaunseling. Mereka juga percaya bahawa elemen spiritual akan dapat menjadi agen psikologi yang kuat di dalam amalan kaunseling. Manakala, Shafranske dan Malony (1990) yang mengkaji hubungan di antara orientasi beragama dan spiritual terhadap ahli psikologi dan psikoterapi. Menurut Kamus Dewan Bahasa (Edisi Keempat), beragama membawa erti menganut atau mempercayai sesuatu agama serta mematuhi segala ajaran agama.

Oleh itu kajian mereka menunjukkan bahawa 74% respondennya menyatakan bahawa isu-isu agama dan spiritual harus dipertimbangkan di dalam bidang psikologi. Majoriti responden menyatakan bahawa ahli psikologi secara umumnya tidak mempunyai pengetahuan atau kemahiran untuk membantu klien dalam perkembangan agama dan spiritual. Malahan satu pertiga responden juga menyatakan bahawa kompetensi di dalam kepercayaan peribadi adalah berdasarkan kepada orientasi pengalaman dan juga teoritikal.

Kajian Richter (2001) yang melihat korelasi antara kesejahteraan psikologi dengan kesejahteraan spiritual. Beliau mendapati bahawa tahap spiritual yang tinggi dikaitkan dengan karektor peribadi yang sihat. Kajiannya juga memperolehi korelasi yang positif di antara kesejahteraan psikologi dengan kesejahteraan spiritual. Ini

memperlihatkan betapa pentingnya elemen spiritual dalam diri seseorang dalam mencapai kesejahteraan diri umumnya.

Walaupun kesejahteraan dilihat sebagai tulang belakang kepada profesion kaunselor, namun ramai individu yang berada dalam bidang ini tidak mengamalkan kesejahteraan ini dan menjayakannya dalam kehidupan mereka (Granello, 2013; Witmer & Young, 1996) Manakala, kajian oleh Kelly (1995) mengenai nilai-nilai kaunselor berdasarkan kepada responden dari ahli Persatuan Kaunseling Amerika (ACA) menunjukkan bahawa 64% respondennya percaya kepada Tuhan, 25 % dari responden percaya kepada dimensi spiritual dan hubungannya dengan realiti, 70 % responden sentiasa bergabung dengan organisasi keagamaan dan 45 % responden pula menunjukkan partisipasi yang tinggi di dalam beragama. Di dalam kajian itu juga beliau mendapati bahawa responden yang menganggap diri mereka seorang yang beragama akan menunjukkan orientasi beragama intrisik yang lebih tinggi dari ekstrinsik. Ini bermakna mereka mempunyai nilai beragama sebagai panduan hidup yang lebih tinggi dari nilai beragama untuk urusan sosial dan peribadi.

Al-Darmaki (2004) yang menjalankan kajian terhadap kaunselor pelatih di Turki mengaitkan efikasi sendiri kaunselor dengan tahap esteem sendiri yang tinggi, tahap kebimbangan yang rendah, tahap penyelesaian masalah yang tinggi serta jenis kemahiran mikro yang dipilih. Individu yang mempunyai efikasi sendiri yang rendah akan mengalami tekanan yang tinggi, kemurungan serta kebimbangan. Manakala individu yang mempunyai efikasi sendiri tinggi pula dilihat lebih berupaya untuk mengatasi tekanan dan kurang mempamerkan respons yang negatif. Sedangkan

kesejahteraan diri seorang kaunselor amat penting untuk mereka berfungsi sepenuhnya sebagai seorang kaunselor yang terlatih untuk membawa klien mereka ke arah kesejahteraan diri (Bandura, 1986).

Kajian oleh Montgomery (2013) terhadap responden yang terdiri daripada ahli psikiatri, ahli psikologi dan sukarelawan NGO menunjukkan bahawa setiap ahli terapi harus mengambilkira perbezaan individu terhadap agama dan spiritual yang menjadi tunggak dalam konsep kesejahteraan mereka. Ahli terapi juga harus sensitif apabila terdapat konflik antara kepercayaan sendiri kaunselor dengan klien.

Isu yang cuba diketengahkan oleh pengkaji dengan mengaitkan kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri kaunselor dalam dalam kajian ini, bertepatan dengan Kod Etika Kaunselor, Lembaga Kaunselor (Malaysia), yang menyatakan “Adalah menjadi tanggungjawab profesional kaunselor hendaklah melakukan aktiviti penjagaan sendiri bagi mengekalkan dan memupuk kesejahteraan emosi, fizikal, mental dan spiritual mereka supaya mereka dapat melaksanakan tanggungjawab profesional secara terbaik” (Kod Etika Kaunselor, Lembaga Kaunselor (Malaysia), Bahagian C, m.s 28, 2011).

Dalam pada masa yang sama kaunselor perlu peka terhadap tanda-tanda ketidakupayaan fizikal, mental atau masalah emosi mereka. Mereka hendaklah tidak menawar, atau memberikan perkhidmatan profesional, jika ketidakupayaan sedemikian boleh memudaratkan klien atau individu lain. Mereka perlu mendapatkan bantuan bagi masalah yang boleh mencacatkan perkhidmatan profesionalnya. Jika perlu, mereka hendaklah membatasi, menggantung, atau menamatkan tanggungjawab

profesional mereka ke satu masa mereka disahkan boleh meneruskan kerja mereka dengan selamat (Kod Etika Kaunselor, Lembaga Kaunselor (Malaysia), Bahagian C2,g m.s 16, 2011).

Berdasarkan perbincangan di atas, pengkaji memfokuskan kajian ini kepada dua pemboleh ubah bebas iaitu kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri. Konstruk yang ingin dikaji di bawah kesejahteraan spiritual adalah kesejahteraan beragama dan kesejahteraan kewujudan. Manakala pemboleh ubah bebas kedua bagi kajian ini iaitu efikasi sendiri yang mengukur dua konstruk iaitu pengetahuan dan kemahiran para kaunselor. Manakala pemboleh ubah bersandar bagi kajian ini pula adalah kesejahteraan psikologi. Ringkasnya, kajian ini bertujuan melihat hubungan kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri dalam kalangan kaunselor organisasi di Kementerian Pendidikan Malaysia dan menghasilkan satu model kesejahteraan untuk kaunselor umumnya.

Kesimpulannya, perkara-perkara sama ada dari luar mahupun dari dalam diri seseorang kaunselor yang boleh menjejaskan kesejahteraan diri perlu diberi perhatian agar tidak mendatangkan kesan negatif kepada perkhidmatan kaunseling dan khususnya kepada klien.

1.4 Objektif Kajian

Objektif khusus yang ingin dicapai dalam kajian ini, ialah :

- i. Menentukan tahap kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri kaunselor organisasi di Kementerian Pendidikan Malaysia.
- ii. Menentukan kesepadanan model *a priori* dengan data kajian.

- iii. Menentukan kesejahteraan spiritual sebagai mediator dalam model kajian.
- iv. Menentukan kesan tidak langsung ke atas kesejahteraan psikologi dalam model kajian.
- v. Menilai sama ada gender, lokasi tempat kerja dan pengalaman bekerja berperanan sebagai moderator dalam model kajian.
- vi. Menilai sama ada gender berperanan sebagai moderator dalam model '*moderated – mediation*' yang dicadangkan

1.5 Soalan Kajian

Terdapat enam (6) persoalan kajian dibentuk daripada objektif yang dibina, iaitu:

- i. Apakah tahap kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri kaunselor organisasi di Kementerian Pendidikan Malaysia ?
- ii. Adakah terdapat kesepadanan model *a priori* dengan data kajian?
- iii. Adakah kesejahteraan spiritual berperanan sebagai mediator dalam model kajian?
- iv. Adakah terdapat kesan tidak langsung ke atas kesejahteraan psikologi dalam model kajian?
- v. Adakah faktor gender, lokasi tempat kerja dan pengalaman bekerja berperanan sebagai moderator dalam model yang dicadangkan?
- vi. Adakah gender berperanan sebagai moderator dalam model '*moderated – mediation*' yang dicadangkan?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan teori-teori, objektif, persoalan kajian dan kajian tinjauan yang dibuat, terdapat lima hipotesis penting yang akan diuji dalam kajian ini. Aras signifikan, α , yang digunakan untuk kajian ini adalah 0.05. Hipotesis nul telah dicadangkan untuk kajian ini. Hipotesis yang telah dibentuk untuk menjawab keseluruhan soalan kajian 2,3,4,5 dan 6 adalah seperti berikut :-

Berdasarkan objektif 2, hipotesis kajian dibentuk:

- Ho1 : Tidak terdapat kesepadanan model bagi kesejahteraan psikologi kaunselor dengan data kajian
- Ha1 : Terdapat kesepadanan model bagi kesejahteraan psikologi kaunselor dengan data kajian

Berdasarkan objektif 3, hipotesis kajian dibentuk:

- Ho2 : Kesejahteraan spiritual tidak berperanan sebagai mediator dalam model kajian
- Ha2 : Kesejahteraan spiritual berperanan sebagai mediator dalam model kajian

Berdasarkan objektif 4, hipotesis kajian dibentuk:

- Ho3 : Tidak terdapat kesan tidak langsung ke atas kesejahteraan psikologi dalam model kajian
- Ha3 : Terdapat kesan tidak langsung ke atas kesejahteraan psikologi dalam model kajian

Berdasarkan objektif 5, hipotesis kajian dibentuk:

- Ho4 : Faktor gender tidak berperanan sebagai moderator dalam model kajian
- Ha4 : Faktor gender berperanan sebagai moderator dalam model kajian
- Ho5 : Faktor lokasi tempat kerja tidak berperanan sebagai moderator dalam model kajian
- Ha5 : Faktor lokasi tempat kerja berperanan sebagai moderator dalam model kajian
- Ho6 : Faktor pengalaman bekerja tidak berperanan sebagai moderator dalam model kajian
- Ha6 : Faktor pengalaman bekerja berperanan sebagai moderator dalam model kajian

Berdasarkan objektif 6, hipotesis kajian dibentuk:

Ho7 : Gender tidak berperanan sebagai moderator dalam model '*moderated-mediation*' yang dicadangkan

Ha7 : Gender berperanan sebagai moderator dalam model '*moderated-mediation*' yang dicadangkan

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting untuk meningkatkan kefahaman kepada pihak-pihak yang terlibat di dalam bidang kaunseling khususnya untuk menentukan apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada kesejahteraan kaunselor di Malaysia. Meskipun kajian mengenai kesejahteraan telah banyak dijalankan di luar negara, namun sebahagian besarnya mengkaji dalam aspek selain dari kesejahteraan kaunselor. Oleh itu pemahaman dari aspek kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri akan dapat memberikan gambaran yang lebih jelas agar kaunselor dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan bermutu apabila kesejahteraan mereka meningkat.

Kajian ini juga akan dapat menguji pandangan atau konsep kesejahteraan yang dibawa oleh Ryff dalam teori kesejahteraan psikologi yang berkisar mengenai kesejahteraan individu dalam enam domain. Ryff menghasilkan teori ini bersandarkan kepada persekitaran budaya, pemikiran, sosial dan agama di dunia barat. Ini memberikan persoalan sama ada konsep yang dibawa oleh Ryff ini sesuai untuk diaplikasikan di Malaysia dengan keadaan persekitaran budaya, pemikiran, sosial dan agama yang berbeza. Maka konsep-konsep dalam teori ini akan diuji untuk melihat kesesuaiannya digunakan dalam konteks budaya masyarakat Malaysia.

Perkara ini adalah mustahak untuk dipastikan sebelum apa-apa teori atau model boleh diambil dalam pengamalan kaunseling di Malaysia.

Selain dari itu juga kajian ini akan dapat mengesahkan model *a priori* yang dibentuk. Model *a priori* kajian ini yang merupakan model cadangan pengkaji akan dapat disahkan hubungan antara pemboleh ubahnya. Hubungan yang kuat dan kukuh antara pemboleh ubah yang dikaji akan dapat memastikan bahawa model *a priori* kajian ini adalah satu model yang dapat diaplikasikan dalam melihat kesejahteraan kaunselor di Malaysia.

Hasil kajian ini juga diharap dapat dijadikan panduan oleh para kaunselor, para pelajar dan juga para pengkaji serta sesiapa juga yang terlibat di dalam bidang kaunseling dalam usaha untuk mengkaji, menilai dan meningkatkan kesejahteraan kaunselor dalam konteks budaya Malaysia yang amat penting untuk diketengahkan. Ia akan dapat menambahkan lagi sorotan kajian yang tidak banyak lagi di negara ini dalam bidang keilmuan kaunseling (Chiam, 2003). Walaupun jika kita tinjau kajian-kajian lepas yang mengkaji pemboleh ubah yang serupa dalam kajian ini namun kebanyakannya adalah dilaksanakan dalam konteks masyarakat barat. Oleh itu perbezaan nilai hidup, budaya serta agama mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk memperolehi hasil dapatan yang berbeza. Justeru itu atas pertimbangan mengenai kepentingan-kepentingan tersebut maka pengkaji telah mengambil ketetapan untuk menjalankan kajian ini khususnya dalam konteks masyarakat Malaysia. Hasil dari kajian ini adalah diharapkan dapat memberi sumbangan yang penting dalam bidang keilmuan kaunseling khususnya bidang kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri.

1.8 Limitasi Kajian

Kajian ini tertumpu kepada seluruh kaunselor organisasi yang berkhidmat di Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini melibatkan semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan sahaja dan hanya membolehkan generalisasi yang terhad dapat dilakukan. Merujuk kepada iklan kekosongan jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Kaunselor) bertarikh 07 November 2017 dengan nombor rujukan KPM.500-3/5/2 Jld. 14 (32) menyatakan bahawa syarat kelayakan bagi jawatan kaunselor adalah seperti berikut :-

- i) Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (menepati jadual Akta Kaunselor 1998 (Akta 580)
- ii) Memperolehi penilaian prestasi (LPNT/PBPPP) melebihi 85% bagi 3 tahun terkini
- iii) Bebas daripada tindakan tatatertib /SPRM/ pinjaman tegar
- iv) Mempunyai pengalaman dan kemahiran yang sesuai dengan bidang tugas Kaunseling dan pengurusan.
- v) Memiliki Sijil Perakuan Amalan dari Lembaga Kaunselor Malaysia adalah diberi keutamaan
- vi) Diperakukan oleh Ketua Jabatan masing-masing

Kajian lanjutan yang meliputi keseluruhan populasi kaunselor di Malaysia yang melibatkan kaunselor di sektor swasta dan sektor awam adalah merupakan satu kajian lanjutan yang boleh dilaksanakan. Ini akan dapat memberikan satu senario tahap kesejahteraan keseluruhan kaunselor di Malaysia.

Kajian ini juga melihat hubungan antara kesejahteraan spiritual, efikasi sendiri dan juga kesejahteraan psikologi menggunakan populasi kaunselor organisasi di Malaysia. Namun begitu konsep dan instrumen yang digunakan adalah berdasarkan kepada kajian pengkaji – pengkaji dari barat. Walaupun instrumen – instrumen tersebut telah dibuktikan boleh berjaya di pelbagai budaya lain sebagaimana yang ditunjukkan dalam dapatan kesahan dalaman setiap instrumen (rujuk Bab 3), ia tetap adalah budaya yang berbeza dengan budaya masyarakat Malaysia. Oleh itu kandungan instrumen tersebut mungkin akan membawa pemahaman maksud yang berbeza antara negara barat dan Malaysia.

1.9 Definisi Operasional

Menurut Ary at el. (2002) definisi operasional adalah menerangkan makna sesuatu konstruk dengan mengkhususkan kepada operasi bagaimana pengkaji mengukur atau memanipulasikannya Definisi operasi juga memberikan kriteria bagi mengukur konstruk secara empirikal. Sesuatu konstruk juga boleh mempunyai berbilang definisi operasi (Lim, 2007). Di dalam kajian ini terdapat beberapa istilah yang perlu diberikan definisi dan penerangan sebagaimana ianya akan digunakan di dalam kajian ini.

1.9.1 Kaunselor Organisasi

Kaunselor ditakrifkan sebagai orang yang berkeupayaan untuk memberikan khidmat kaunseling dimanaia layak menjadi pembimbing dan penasihat kepada orng yang menghadapi masalah (Kamus Dewan edisi ketiga (2002). Manakala Daftar Awam (Oktober 2001) mendefinisikan kaunselor sebagai kerjaya terlatih yang

berkait dengan kerjaya, perkahwinan, seksual, pendidikan dan pengurusan dalam bidang kaunseling. Kaunselor juga berupaya memainkan peranan sebagai pembimbing dengan berkongsi maklumat dan pandangan bagi membantu atau menolong klien melakukan perubahan dengan membuat keputusan dan menetapkan matlamat setelah dapat mengenal pasti keupayaan diri mereka. Dalam kajian ini kaunselor adalah merupakan individu yang bertugas dan memberikan perkhidmatannya di dalam organisasi pendidikan di Malaysia.

Organisasi adalah bermaksud susunan yang terdiri daripada bahagian-bahagian, orang dan lain-lain dalam sesuatu pertubuhan, perkumpulan, perbadanan dan lain-lain untuk tujuan-tujuan tertentu dan kepentingan bersama dan sebagainya menurut Kamus Dewan Edisi Keempat Organisasi. juga adalah merupakan suatu sistem aktiviti kerja sama yang dilakukan oleh dua orang atau lebih. Organisasi juga turut membawa erti sekelompok orang (dua atau lebih) yang secara formal di persatukan dalam suatu kerjasama untuk mencapai tujuan yang telah ditetapkan. Dalam kajian ini organisasi yang dimaksudkan adalah organisasi pendidikan di Malaysia yang terdiri dari Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Institut Pendidikan Guru dan juga Kolej Matrikulasi.

Oleh itu kaunselor organisasi adalah merujuk kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang telah dilantik sebagai kaunselor oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Ia merupakan seorang yang profesional yang dilantik untuk memberikan perkhidmatan kaunseling di Pejabat Pendidikan Daerah / Bahagian, Jabatan

Pendidikan Negeri, Kolej Matrikulasi, Institut Pendidikan Guru dan Bahagian Psikologi Dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia.

1.9.2 Kesejahteraan.

Meyer (2006) mendefinisikan kesejahteraan sebagai satu cara hidup yang berorientasikan kesihatan dan kesejahteraan di mana tubuh badan, fikiran dan rohani di integrasi oleh individu tersebut untuk hidup dalam kehidupan manusia dan masyarakat. Secara idealnya ia adalah satu pencapaian ke arah kesihatan dan kesejahteraan yang optimum oleh setiap manusia. Menurut Diener, Lucas dan Scollon (2006), kesejahteraan adalah merupakan penilaian subjektif individu terhadap satu penilaian hidup dari segi afektif dan kognitif. Individu akan merasai sejahtera apabila perasaan gembira mereka melebihi daripada perasaan tidak gembira, apabila mereka juga terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang menarik, apabila mereka mengalami keseronokan yang lebih daripada kesedihan, dan apabila mereka merasa puas dengan kehidupan mereka. Kesejahteraan dalam kajian ini adalah merangkumi kesejahteraan psikologi dan kesejahteraan spiritual.

Kesejahteraan Psikologi.

1.9.3 Kesejahteraan Psikologi

Dalam kajian ini kesejahteraan psikologi bermaksud untuk mengukur hubungan kaunselor organisasi dengan kesejahteraan psikologi mereka berdasarkan kepada enam domain atau dimensi yang ditetapkan. Ia akan diukur menggunakan Skala Kesejahteraan Psikologi (Ryff, 1989). Kesejahteraan psikologi kaunselor akan

diukur berdasarkan domain autonomi, menguasai persekitaran, penerimaan sendiri, perkembangan peribadi, hubungan positif dengan orang lain dan tujuan hidup

Autonomi. Autonomi adalah keazaman sendiri dan juga kebebasan serta kemampuan untuk berfikir dan bertindak serta membentuk tingkahlaku dan menilainya dengan standard peribadi. Autonomi juga mencerminkan satu tahap kesihatan psikologi yang individu akan pilih sama untuk bergantung dengan orang lain ataupun untuk berfungsi secara sendirian (Deci & Ryan, 2008).

Menguasai Persekitaran. Ia adalah merupakan keupayaan seseorang untuk sentiasa mendahului orang lain, mengubah keadaan dengan aktiviti yang kreatif secara fizikal ataupun mental (Ryff,1989). Chang (2006) melihat aspek menguasai persekitaran ini adalah keupayaan seseorang untuk memanipulasi persekitarannya mengikut keperluannya.

Penerimaan Kendiri. Sheldon dan Kasser (2001) menyatakan apabila individu mempunyai perasaan yang bagus, enak dan baik terhadap diri sendiri walaupun mereka sedar yang mereka masih mempunyai beberapa kelemahan, ini menunjukkan mereka mempunyai satu tahap penerimaan sendiri yang tinggi. Penerimaan sendiri ini juga di maksudkan dengan ciri utama dalam kesihatan mental di samping kefungisian optima dan kematangan dalam diri seseorang itu (Ryff, 1989).

Perkembangan Peribadi. Menurut Rogers (1961) perkembangan peribadi adalah merupakan sebahagian dari fungsi psikologi yang penting. Individu tersebut juga adalah merupakan seorang individu yang mempunyai kawalan terhadap dan

keyakinan terhadap dirinya sendiri untuk terus berusaha untuk membangunkan potensi mereka, untuk berkembang sebagai seorang manusia (Ryff, 1989).

Hubungan Positif Dengan Orang Lain

Hubungan positif dengan orang lain. Ia merangkumi sifat perasaan empati yang kuat dan sayang kepada semua manusia serta boleh mencintai dengan sepenuh hati serta menjadi rakan karib (Ryff, 1989). Rogers (1961) dalam teorinya juga turut melihat hubungan intim adalah merupakan hasil dari keperluan psikologi untuk mengelakkan pengasingan individu dan menjana hubungan peribadi.

Tujuan Hidup

Mc Knight dan Kashdan (2009) menyatakan bahawa elemen menuju ke arah kehidupan yang bermakna mempunyai hubungan dengan kesejahteraan psikologi. Individu ini akan menterjemahkan kepercayaan dan cita-citanya dengan berusaha ke arah mencapai satu matlamat yang diimpikan. Kesemua ini apabila digabungkan akan menjadikan hidup ini lebih bermakna kerana tujuan dalam hidup adalah berhubungan dengan kesihatan mental (Ryff, 1989). Ryff (1989) menafsirkan kesejahteraan psikologi sebagai usaha mencapai kesempurnaan diri berdasarkan kepada potensi diri sebenar yang berlandaskan kepada enam domain iaitu autonomi, menguasai persekitaran, penerimaan sendiri, perkembangan peribadi, hubungan positif dengan orang lain dan tujuan hidup (Ryff, 1989). Ryff dan Keyes,(1995) menterjemahkan kesejahteraan psikologi sebagai penilaian positif seseorang terhadap kehidupannya atau diertikan sebagai kepuasan hidup seseorang.

Kesejahteraan psikologi juga diistilahkan sebagai ketiadaan tekanan , kemurungan dan juga tekanan kerja (Kim, 2000). Beliau juga menyatakan kesejahteraan psikologi adalah kepuasan yang diperolehi melalui kehidupan keseluruhannya, kepuasan dengan domain penting kehidupan, emosi yang positif atau negatif dan juga simptom-simptom fizikal seseorang.

1.9.4 Kesejahteraan Spiritual

Kesejahteraan spiritual ialah satu kepuasan terhadap kesejahteraan beragama yang mencerminkan hubungannya dengan Yang Maha Esa, kesejahteraan kewujudannya serta makna dan tujuannya dalam kehidupan ini. (Arnold et al., 2007). Menurut Ellison (1983), kesejahteraan spiritual adalah satu kehidupan spiritual yang berhubung dengan Tuhan, diri sendiri, komuniti dan juga persekitaran yang menjadi tunas kepada kesempurnaan hidup seseorang. Beliau juga menyatakan bahawa konsep kesejahteraan spiritual boleh diterjemahkan dalam banyak dimensi. Ia mewakili kepercayaan dan nilai-nilai dalam diri seseorang.

Bagi tujuan kajian ini kesejahteraan spiritual akan menilai hubungan kaunselor organisasi dengan Tuhan serta mengukur erti kewujudan dan beragama mereka di atas muka bumi. Skala Kesejahteraan Spiritual (Paloutzian & Ellison, 1982) akan digunakan bagi mengenal pasti dua dimensi kesejahteraan spiritual kaunselor organisasi iaitu kesejahteraan kewujudan dan kesejahteraan beragama.

1.9.5 Efikasi Kendiri Kaunselor

Efikasi sendiri merupakan kepercayaan seseorang terhadap keupayaannya untuk mencapai matlamat (Bandura,1995). Tahap efikasi sendiri yang tinggi adalah dikaitkan dengan usaha yang intensif dan bersungguh-sungguh untuk mencapai sasaran yang dikehendaki. Individu yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi juga akan sentiasa melihat sesuatu halangan itu sebagai cabaran yang perlu diatasi serta akan menetapkan strategi yang realistik untuk mencapai sasaran tersebut.

Bagi tujuan kajian ini efikasi sendiri adalah untuk mengukur tahap keupayaan kaunselor organisasi dari dua dimensi iaitu ilmu pengetahuan dan kemahiran. Instrumen Skala Efikasi Kendiri Kaunselor akan digunakan bagi mengukur tahap efikasi sendiri kaunselor organisasi berdasarkan kepada dua dimensi tersebut.

1.9.6 Moderator

Moderator adalah dikatakan juga pemboleh ubah penganggu yang mana pemboleh ubah tersebut bersifat hipotetikal. Ini bermaksud secara konkritnya, pengaruhnya tidak kelihatan, tetapi secara teorinya dapat mempengaruhi hubungan antara pemboleh ubah bebas dan bersandar yang sedang dikaji. Oleh kerana itu, moderator didefinisikan sebagai pemboleh ubah yang secara teorinya mempengaruhi hubungan pemboleh ubah yang sedang diteliti tetapi tidak dapat dilihat, diukur, dan dimanipulasi. Pengaruhnya harus disimpulkan dari pengaruh-pengaruh pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah penyederhana terhadap gejala yang sedang dikaji. Contoh hipotesis - jika minat terhadap belajar meningkat, maka motivasi untuk menelaah pelajaran tersebut akan semakin meningkat. Pemboleh ubah bebas - minat

terhadap pelajaran. Pemboleh ubah bersandar- motivasi dalam mentelaah pelajaran. Moderator - proses belajar. Oleh itu jika pelajar tertarik terhadap pelajaran yang diajar oleh pensyarah, maka pembelajarannya akan baik. Tinggi atau rendahnya motivasi dipengaruhi oleh minat. Namun demikian, hasil akhir pembelajaran tersebut akan dipengaruhi oleh faktor pelajar itu sendiri sama ada proses belajar itu ada atau tidak terlebih dahulu sebelum pembelajaran tersebut. Dengan persiapan belajar yang baik, dan minat yang tinggi maka motivasinya akan semakin bertambah. Dalam kajian ini pengkaji akan melihat bagaimana faktor-faktor demografi iaitu gender, lokasi tempat kerja dan pengalaman bekerja memainkan peranan sebagai moderator dalam hubungan antara kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri kaunselor organisasi.

1.9.7 Mediator

Mediator adalah merupakan kesan daripada satu atau lebih pemboleh ubah tidak bersandar yang dipindahkan kepada satu atau lebih pemboleh ubah bersandar melalui pemboleh ubah yang ketiga. Pemboleh ubah mediator merupakan pemboleh ubah yang mewujudkan hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar. Oleh itu, penyingkiran pengaruh pemboleh ubah mediator akan menyebabkan ketiadaan sebarang hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah. Misalnya dalam suatu penyelidikan tentang kebolehan membaca kanak-kanak, pelbagai data telah dikumpul oleh penyelidik, termasuk maklumat demografi dan data fizikal seperti umur (pemboleh ubah Z) dan ketinggian kanak-kanak (pemboleh ubah X). Hasil analisis menunjukkan bahawa ketinggian (pemboleh ubah X) kanak-kanak mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kebolehan membaca (pemboleh ubah Y) mereka. Hal ini bermakna semakin tinggi (pemboleh ubah X)

seseorang kanak-kanak, semakin tinggi kebolehan (pemboleh ubah Y) membacanya. Realitinya, ketinggian kanak-kanak (pemboleh ubah X) dan kebolehan membaca mereka (pemboleh ubah Y) dipengaruhi oleh satu pemboleh ubah ketiga iaitu umur (pemboleh ubah Z) dan penyingkiran pengaruh umur secara statistik akan melenyapkan hubungan antara ketinggian (pemboleh ubah X) dan kebolehan membaca (pemboleh ubah Y) kumpulan kanak-kanak yang diselidik. Pemboleh ubah mediator juga mungkin hanya mempengaruhi pemboleh ubah tidak bersandar dan menyebabkan perubahan berlaku dalam pemboleh ubah bersandar. Menurut Fauzi et .al (2014) mendefinisikan mediator sebagai pemboleh ubah ketiga yang menjadi penganggu di antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah tidak bersandar yang diukur. Kesimpulannya mediator adalah variabel yang menerangkan tentang hubungan dan pengaruh antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar (Baron dan Kenny, 1986). Dalam kajian ini akan melihat kesan kesejahteraan spiritual sebagai mediator dalam model kajian yang dibentuk.

1.9.8 *Mediation*

Mediation merujuk kepada hubungan kesan langsung antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar. *mediation* ini juga merujuk kepada hubungan kesan tidak langsung antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah mediator. Dan juga antara pemboleh ubah mediator dan pemboleh ubah bersandar (Baron & Kenny, 1986). Oleh itu dalam kajian ini akan dikaji bagaimana peranan gender sebagai moderator dalam model moderated *mediation*.

Kesimpulan

Bab ini telah menerangkan secara terperinci beberapa aspek berkaitan kajian yang dijalankan. Perbincangan merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konsep kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian dan definisi operasi. Berdasarkan kepada isu dan pernyataan masalah yang dikemukakan, terdapat kelompangan daripada kajian-kajian lepas yang membawa kepada kajian ini dijalankan. Perkara-perkara yang dibincangkan di atas juga dapat membantu pengkaji memahami lebih mendalam tentang kesejahteraan psikologi kaunselor organisasi dengan beberapa aspek lain yang menyumbang kepada kesejahteraan tersebut.

Universiti Malaysia

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan


Bab ini akan membincangkan dengan lebih terperinci tentang kaunselor, membincangkan konsep-konsep dan kajian-kajian lepas berkaitan dengan kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri kaunselor, teori-teori atau pendekatan-pendekatan yang berkaitan dengan kajian. Juga membincangkan hubungan ketiga-tiga pemboleh ubah dalam kajian berdasarkan kajian-kajian lepas. Bab ini juga menerangkan konstruk-konstruk bagi setiap pemboleh ubah kajian iaitu kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri kaunselor. Dalam kesejahteraan psikologi akan disentuh enam konstruk yang ada iaitu autonomi, menguasai persekitaran, penerimaan sendiri, perkembangan peribadi, hubungan positif dengan orang lain dan tujuan hidup. Dalam pemboleh ubah kesejahteraan spiritual, pengkaji akan mengupas konstruk kesejahteraan beragama dan kesejahteraan kewujudan. Manakala pemboleh ubah efikasi sendiri kaunselor pula, konstruk yang akan dikupas ialah pengetahuan dan kemahiran.

2.2 Kerangka Teori Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih beberapa teori bagi mendasari kajian ini. Menurut Fauzi et al., (2014), kerangka teori merupakan suatu kaedah bagi pengkaji menyimpulkan perhubungan antara beberapa faktor utama yang telah

dikenal pasti kepada persoalan yang ingin dikaji. Berikut adalah beberapa teori yang telah dipilih oleh pengkaji iaitu Teori Kesejahteraan Psikologi (Ryff, 1989), Pendekatan Kesejahteraan Spiritual (Paloutzian & Ellison, 1982), Pendekatan Kaunseling Spiritual Menurut Al Ghazali (Salasiah Hanin, 2016) dan Teori Efikasi Kendiri (Bandura, 1977).

Seterusnya pengkaji akan mengesan sumbangan pemboleh ubah kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri kaunselor terhadap kesejahteraan kaunselor organisasi Kementerian Pendidikan Malaysia.



Rajah 2.1. Teori- teori Kesejahteraan Kaunselor Organisasi KPM (Ryff, 1989, Ellison dan Paloutzian, 1982, Bandura, 1977)

2.2.1 Teori Kesejahteraan Psikologi (Ryff, 1989)

Menurut Ryff (1989) kesejahteraan psikologi adalah suatu keadaan seseorang yang mempunyai kemampuan menerima diri sendiri mahupun kehidupannya di masa

lalu, pengembangan atau pertumbuhan diri, keyakinan bahawa kehidupannya sangat bermakna dan mempunyai matlamat dalam kehidupan, memiliki kualiti hubungan positif dengan orang lain, juga berkeupayaan untuk mengurus kehidupannya dan keadaan sekeliling dengan begitu berkesan, dan berkemampuan untuk menentukan tindakan sendiri dalam membuat sebarang keputusan.

Ryff (1989) dalam kajiannya mendapati bahawa semua individu merasakan bahawa pentingnya untuk mendapatkan penglibatan orang lain untuk berfungsi secara positif. Kajiannya juga mencadangkan bahawa setiap individu haruslah sentiasa bersimpati, mempunyai hubungan yang positif dengan orang lain disamping sentiasa mengambil berat antara satu dengan yang lain. Beliau juga dapati bahawa individu akan sentiasa berusaha untuk berperasaan positif dengan diri sendiri di samping cabaran yang sentiasa mencabar mereka.

Kesejahteraan psikologi lebih tertumpu kepada pencapaian kegembiraan , kesesuaian keseimbangan antara kesan positif dan kesan negatif serta kepuasan hidup secara keseluruhannya. Ini kerana kesejahteraan psikologi ini dibangunkan dari usaha ke arah kesempurnaan dan menyedari akan potensi sebenar diri seseorang. (Ryff, 1995). Sebuah kehidupan yang berjalan dengan baik dan sempurna akan menghasilkan kegembiraan yang berkait terus dengan kesejahteraan psikologi (Ryff & Singer, 2006).

Ryff (1989) menyatakan kesejahteraan psikologi adalah bertunjangkan kepada asas penyelidikan di dalam bidang psikologi klinikal, kesihatan mental dan juga pembangunan manusia. Beliau juga menyatakan konsep kesejahteraan psikologi

ini dibangunkan hasil dari enam penyelidikan iaitu Konstruk Penerimaan Kendiri oleh Maslow (1968), Konseptual Kematangan oleh Allport (1961), Pembangunan Model Tahap Psiko-Sosial oleh Erikson (1959), Asas Keperluan dan Kecenderungan Dalam Hidup oleh Buhler dan Masarik (1968), Konseptual Perubahan Peribadi oleh Neugariten (1973) dan akhirnya Kesihatan Mental Positif oleh Johada (1958). Menurut Ryff lagi, konsep kesejahteraan psikologi juga merujuk pada pandangan Rogers tentang orang yang berfungsi penuh (*fully functioning person*).

Menurut Ryff (1989), kesejahteraan psikologi meliputi enam dimensi seperti berikut iaitu autonomi, menguasai persekitaran, penerimaan sendiri, perkembangan peribadi, hubungan positif dengan orang lain dan tujuan hidup.

Autonomi adalah keazaman sendiri dan juga kebebasan serta kemampuan untuk berfikir dan bertindak serta membentuk tingkahlaku dan menilainya dengan standard peribadi. Ini bermaksud seseorang yang mempunyai autonomi adalah individu yang ada lokus penilaian dalaman yang mana dia tidak memerlukan sesiapa untuk mendapatkan kelulusan tetapi boleh menilai sendiri berdasarkan standardnya (Rogers, 1961). Autonomi juga mencerminkan satu tahap kesihatan psikologi yang individu akan pilih sama untuk bergantung dengan orang lain ataupun untuk berfungsi secara sendirian (Deci & Ryan, 2008). Oleh itu secara ringkasnya autonomi adalah dikaitkan dengan kematangan dan juga kesejahteraan psikologi seseorang dalam menentukan dirinya berfungsi secara sendirian.

Menguasai Persekitaran adalah satu dimensi di mana individu sentiasa bersaing dalam menguruskan persekitaran mereka. Chang (2006) melihat aspek

menguasai persekitaran ini adalah keupayaan seseorang untuk memanipulasi persekitarannya mengikut keperluannya. Sekiranya individu itu merasakan tidak dapat mengawal persekitaran mereka maka mungkin tidak akan ada langkah-langkah untuk mencapai cita-cita kerana timbul rasa putus asa terhadap halangan yang mendatang. Ia juga adalah merupakan keupayaan seseorang untuk sentiasa mendahului orang lain, mengubah keadaan dengan aktiviti yang kreatif secara fizikal ataupun mental (Ryff,1989). Maka dari perspektif ini bagi seorang kaunselor yang tidak dapat menguasai persekitaran kehidupannya sudah tentu akan menghadapi kesukaran dalam membantu klien untuk menguasai persekitaran kehidupan dan cabaran hidup mereka.

Penerimaan sendiri ini merupakan satu tahap di mana individu dapat menerima dan menghargai semua aspek di dalam diri mereka tanpa mengira sama ada baik atau pun buruk. Sheldon dan Kasser (2001) menyatakan apabila individu mempunyai perasaan yang bagus, enak dan baik terhadap diri sendiri walaupun mereka sedar yang mereka masih mempunyai beberapa kelemahan, ini menunjukkan mereka mempunyai satu tahap penerimaan sendiri yang tinggi. Individu yang tidak dapat menerima diri mereka akan berusaha dengan kualiti-kualiti tertentu untuk mencapai tahap yang mereka harapkan. Penerimaan sendiri ini juga dimaksudkan dengan ciri utama dalam kesihatan mental di samping kefungisian optima dan kematangan dalam diri seseorang itu (Ryff, 1989) serta penerimaan sendiri ini juga adalah salah satu aspek di dalam insan yang berfungsi sepenuhnya (*fully functioning person*).

Perkembangan peribadi seseorang yang sentiasa mempunyai perkembangan peribadi dalam kehidupannya akan sentiasa berjaya dalam mencapai cita-citanya. Individu tersebut juga adalah merupakan seorang individu yang mempunyai kawalan terhadap dan keyakinan terhadap dirinya sendiri untuk terus berusaha untuk membangunkan potensi mereka, untuk berkembang sebagai seorang manusia (Ryff, 1989). Menurut Rogers (1961) pula perkembangan peribadi adalah merupakan sebahagian dari fungsi psikologi yang penting. Psikoterapi adalah bergantung kepada kecenderungan klien untuk mencapai perkembangan peribadi. Ini kerana pendekatan di dalam teori Rogers ini adalah untuk mencapai kebenaran sendiri (*one true self*). Sheldon dan Kasser (2001) turut menyatakan bahawa usaha-usaha ke arah perkembangan sendiri akan dapat meningkatkan kesejahteraan seseorang.

Hubungan positif dengan orang lain adalah individu yang dapat membentuk hubungan yang positif dan mempunyai perasaan yang sentiasa menyokong dan menerima, seterusnya akan membentuk perasaan yakin dan dihargai. Ia juga merangkumi sifat perasaan empati yang kuat dan sayang kepada semua manusia serta boleh mencintai dengan sepenuh hati serta menjadi rakan karib (Ryff, 1989). Seterusnya Rogers (1961) dalam teorinya juga turut melihat hubungan mesra adalah merupakan hasil dari keperluan psikologi untuk mengelakkan pengasingan individu dan menjana hubungan peribadi.

Tujuan hidup adalah individu yang mempunyai tujuan hidup akan menggunakan kelebihan dan kepercayaan yang ada untuk melakukan aktiviti yang akan membantu mereka mencapai objektif hidup mereka. Mc Knight dan Kashdan (2009) menyatakan bahawa elemen menuju ke arah kehidupan yang bermakna

mempunyai hubungan dengan kesejahteraan psikologi. Individu ini akan menterjemahkan kepercayaan dan cita-citanya dengan berusaha ke arah mencapai satu matlamat yang diimpikan. Kesemua ini apabila bergabung dan menjadikan hidup ini lebih bermakna kerana tujuan dalam hidup, adalah berhubungan dengan kesihatan mental (Ryff, 1989).

Kesemua enam dimensi yang dikemukakan oleh Ryff (1989) mencerminkan keperluan untuk menggunakan setiap dimensi tersebut di dalam melihat kesejahteraan psikologi kaunselor organisasi di Malaysia. Keenam-enam dimensi tersebut memainkan peranan penting di dalam fungsi psikologi yang positif. Oleh itu untuk melihat kesejahteraan psikologi kaunselor organisasi di Malaysia, pengkaji akan menggunakan skala kesejahteraan psikologi oleh Ryff (1989).

2.2.2 Pendekatan Kaunseling Spiritual Menurut Al- Ghazali,

Dalam kehidupan seharian manusia sering terleka memenuhi tuntutan-tuntutan fizikal dan material sehingga mengabaikan unsur-unsur lain. Ini bertepatan dengan kenyataan Abd.Rahman (2017), bahawa sangat kurang yang menyedari akan keistimewaan dan kelebihan unsur spiritual sehingga mereka terlupa kerana kesibukan memenuhi keperluan-keperluan lain. Sedangkan spiritual merupakan kualiti dalaman manusia yang melibatkan kombinasi aspek roh, jiwa, hati dan akal oleh Al-Ghazali. Aspek-aspek tersebut berperanan menjelaskan manusia berkemampuan mendapatkan ilmu pengetahuan (Salasiah, 2016), iaitu ilmu zahir dan batin (Yatimah & Mohd.Tajudin, 2011). Al-Ghazali menerangkan kepentingan ilmu yang diibaratkan seperti baja yang membangunkan aspek dalaman manusia yang

menjadi teras kehidupan seluruhnya. Memetik ucapan Al-Ghazali, “Dunia adalah tempat bercucuk tanam bagi akhirat, dan salah satu tempat petunjuk.” Justeru itu menurut Yatimah dan Mohd.Tajudin, (2011) jika manusia gagal menjalankan perintah Allah semasa hidup, maka keresahan akan berlaku hingga boleh menggugat kesejahteraan (bermasalah). Maka dengan itu Al- Ghazali telah menghuraikan sifat-sifat manusia berlandaskan keterangan Al-Quran dan hadis sebagai pedoman (Yatimah & Mohd.Tajudin, 2011).

Dengan penjelasan yang mendalam berhubung aspek spiritual dengan keistimewaan dan kepentingannya, maka pengkaji berminat memuatkan isu kesejahteraan spiritual dalam kajian ini bagi mengisi kelompangan yang wujud dalam teori-teori barat yang mengeneipkan unsur-unsur spiritual (Abd.Rahman, 2017; Salasiah, 2016; Sapora, 2016; Siti Aisyah, 2011). Dalam kajian ini, pengkaji membincangkan aspek-aspek spiritual menurut Al Ghazali satu persatu dengan mengaitkan kepentingannya terhadap kesejahteraan spiritual para kaunselor. Abd.Rahman (2017) ada menyatakan, manusia yang mempunyai unsur spiritual yang tinggi akan meningkatkan kedudukan mereka ke tahap yang amat tinggi sehingga lahirnya pancaran Nur Ilahi (Iman). Dan ini disokong oleh Othman (2005) peningkatan yang tidak terhingga ini membawa manusia ke suatu makam yang istimewa sebagai khalifah (pemimpin) di dunia. Berikut Firman Allah SWT yang bermaksud ; “Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat; sesungguhnya Aku hendak menjadikan seseorang Khalifah di muka bumi.” (*Surah Al-Baqarah : 30*).

Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengaitkan aspek kesejahteraan spiritual dengan kejadian insan berdasarkan pendekatan kaunseling spiritual menurut Al Ghazali (Salasiah, 2016). Pendekatan ini terdiri daripada empat unsur spiritual yang dikaitkan dengan kewujudan manusia sebagai insan. Imam Al Ghazali di dalam Kitab *Ihya Ulumuddin* telah menghuraikan dengan mendalam unsur spiritual (kerohanian) dengan membahagikan unsur spiritual kepada empat elemen spiritual yang terdiri daripada *Al-Ruh* (Roh), *Al-Qalb* (Hati), *Al-Aqal* (Akal) dan *Al-Nafs* (Nafsu). Penekanan yang mendalam dan kesungguhan perhatian oleh Al Ghazali terhadap elemen-elemen spiritual manusia kelihatan apabila terdapat pengulangan penyebutan tersebut dalam kebanyakan hasil karyanya seperti *Ihya'*, *Mukasyafah al Qulub*, *Riyadah al-nafs*, *Riyadah wa al-syahwah al-nafsiyyah*, *Muraqabah*, *Muhasabah*, *al Taubah*, *al Risalah al-laduniyyah* dan sebagainya (Salasiah, 2016).

Al- Ruh (Roh). Salasiah (2016) menjelaskan Imam Ghazali telah membahagikan pengertian roh (al-ruh) kepada dua pengertian. Pengertian pertama roh adalah jisim halus yang bersumber pada ruangan hati. Melalui perantaraan urat-urat dan otot roh tersebar keseluruh bahagian anggota badan. Dan perjalanan roh di dalam diri seseorang manusia dapat limpahan cahaya kehidupan, perasaan, penglihatan dan pendengaran. Ini telah di umpamakan oleh Al-Ghazali seperti rumah yang diterangi oleh cahaya lampu.

Pengertian kedua pula adalah *al-ruh* iaitu suatu sifat halus pada manusia yang dapat mengetahui sesuatu. Al-Ghazali menerangkan *al-ruh* sebagai sesuatu yang abstrak dan ketuhanan, sukar di gambar oleh akal fikiran manusia bagi memahami hakikat sebenar (Salasiah, 2016). Justeru itu, Al-Ghazali berpesan supaya kita

mengelak membicarakan isu roh secara terperinci kerana Rasulullah SAW sendiri tidak berbuat sedemikian. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud: *“Dan mereka bertanya kepadamu tentang al-ruh. Katakan al-ruh itu dari perkara urusan Tuhanku, dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja”*. Salasiah, (2016) menjelaskan Al-Ghazali melihat ar-ruh sebagai hati apabila *ar-ruh* berperanan sebagai satu cara mengenali Allah SWT. Dan hati dijelaskan lagi oleh Al-Ghazali sebagai pengantara kepada anggota tubuh yang lain, memberi kesan ibarat raja yang mempunyai penolong yang berkhidmat melayani perintahnya (Yatimah dan Mohd.Tajudin, (2011). Kesimpulannya, hati memainkan peranan yang sangat penting menentukan nilai seseorang di sisi Allah SWT dan juga nilai seseorang terhadap sesama manusia.

Al- Qalb. Al-Ghazali memberikan pengertian al qalb kepada dua maksud. Pertama bermaksud segumpal daging yang berbentuk bujur dan terletak di sebelah kiri dada manusia, dikenali dengan hati jasmani. Di dalam daging ini terdapat rongga-rongga yang mengandungi darah hitam dan berfungsi sebagai sumber roh. Hati ini juga terdapat pada haiwan dan juga orang yang telah mati. Pengertian kedua al qalb adalah membawa pengertian yang halus bersifat ketuhanan dan spiritual atau dikenali juga dengan hati rohani. Hati dalam pengertian hati rohani ini adalah keadaan manusia yang mampu menimba ilmu pengetahuan dan bertanggungjawab terhadap segala perintah dan larangan Allah SWT (Salasiah, 2016). Hati rohani ini juga mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan hati jasmani. Hati rohani pula berhubung dengan ilmu mukasyafah. Rahsia-rahsia roh akan terbongkar dengan mendalami hakikat hati dalam pengertian hati rohani.

Keperingan hati sebagai tempat berputik segala perasaan dan kecenderungan turut dinyatakan oleh Abd.Rahman (2017). Yatimah dan Mohd.Tajuddin (2011) juga menyatakan bahawa Al-Ghazali sangat memberi penekanan terhadap peranan hati dalam kehidupan manusia. Hati dapat meningkatkan martabat manusia dalam kehidupan dunia dan akhirat. Dan melalui hati manusia mampu mengenal Allah. Sabda Rasulullah SAW: “Ingatlah dalam jasad itu ada seketul daging, jika ia baik, maka baiklah jasad seluruhnya. Jika ia rosak, maka rosaklah jasad seluruhnya. Ketahuilah bahawa daging itu adalah al-qalb” (Riwayat al-Bukhari dan Muslim, Hadis 40). Sapora (2016) menyatakan unsur al-qalb atau hati amat istimewa kerana boleh membuat seseorang memahami hakikat sebenar dan mengenal diri mereka. Keistimewaan ini memungkinkan seseorang membuat sesuatu keputusan dengan baik dan rasional.

Al-Aql. Menurut Al Ghazali, al aql membawa maksud ilmu tentang hakikat sesuatu dan ianya terletak di dalam hati. Akal juga adalah merupakan tempat terletaknya al hikmah atau dengan kata lain akal adalah sumber atau punca bagi ilmu. Al Ghazali (1994) juga menyatakan pengertian kedua al aql adalah satu tempat untuk memahami dan mendapatkan ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan sangat penting bagi seseorang. Al Ghazali (2000) juga membahagikan pengertian akal kepada empat kategori iaitu :-

- i. Akal sebagai suatu sifat yang membezakan manusia daripada haiwan. Melalui akal, manusia akan bersedia untuk menerima pelbagai ilmu yang memerlukan pemikiran.
- ii. Akal ialah ilmu pengetahuan yang ada pada kanak-kanak mumaiyiz seperti mengetahui bilangan dua lebih banyak dari satu

- iii. Akal itu adalah ilmu pengetahuan yang diperolehi daripada pengalaman.
- iv. Akal yang dapat mengetahui akibat sesuatu perkara (berdasarkan pertimbangan akal) dan mencegah nafsu daripada menuruti segala keseronokan

Akal adalah sifat yang khusus untuk manusia yang membezakannya dari haiwan. Pengertian akal bagi kategori pertama dan kedua adalah merupakan satu anugerah secara tabii, manakala pengertian akal ketiga dan keempat hanya dapat diperolehi melalui usaha manusia itu sendiri. Ini jelas menunjukkan bahawa pengertian al aql adalah selari dengan ilmu pengetahuan.

Al Nafs. Pengertian al nafs adalah bermaksud nafsu yang merangkumi kekuatan marah dan syahwat dalam diri manusia. Pengertian ini biasanya digunakan oleh para ahli tasawuf kerana yang dimaksudkan dengan nafsu dalam kalangan mereka adalah ianya punca kepada segala sifat yang tercela pada manusia dan nafsu perlu ditentang dengan mujahadah al nafs. Seterusnya menurut Al Ghazali (2000), pengertian kedua bermaksud hakikat manusia itu sendiri atau zatnya. Al Nafs dalam makna ini mempunyai sifat yang pelbagai bergantung kepada keadaan. Sehubungan dengan itu Al Ghazali (2000) telah membahagikan kategori jiwa kepada tiga bahagian utama berdasarkan dengan apa yang disebut dalam Al Quran iaitu :-

- i. *Al nafs al-mutmainnah* iaitu merupakan keadaan diri atau jiwa yang tenang serta berjaya melawan hasutan nafsu syahwat.
- ii. *Al nafs al-lawwamah* iaitu gambaran keadaan diri atau jiwa yang tidak sempurna ketenangannya kerana sentiasa bergolak antara kebaikan dan dengan kejahatan. Jiwa ini juga disebut sebagai jiwa tercela kerana jiwa ini mencela tuannya yang cuai daripada mengabdikan diri dengan Allah SWT.

- iii. *Al nafs al-ammarah* iaitu keadaan jiwa yang meninggalkan perjuangan melawan nafsu syahwat serta tunduk patuh kepada kehendak nafsu syahwat dan hasutan syaitan.

2.2.3 Pandangan Psikospiritual Terhadap Manusia

Langgulung (1989) menyatakan bahawa para cerdik pandai Islam terdahulu telah membuat kesimpulan tentang empat konsep yang menilai manusia iaitu nafs, aql, qalb dan ruh. “Nafs merupakan tempat di mana berlakunya keburukan. Di mana ruh merupakan sumber kehidupan dan tempat di mana berlakunya kebaikan. Ruh merupakan sesuatu yang lembut, suci dan bebas daripada pengaruh nafs. Ia datang dari Allah dan kewujudannya tidak boleh dilihat dan ia juga merupakan tempat wujudnya kasih sayang dan belas kasihan. Qalb merupakan tempat ilmu pengetahuan dan saluran persepsi. Qalb tidak mampu menilai melainkan ia bebas daripada pengaruh lima deria. Dengan mengamalkan zikir, ilmu laduni memberikan cahaya kepadanya. Ia merupakan tempat ilmu pengetahuan. Mereka mengatakan bahawa aql digunakan untuk ilmu pengetahuan yang datang melalui lima deria menggunakan proses berfikir. Tarafnya rendah daripada qalb. Ini kerana kedua-dua nafs dan ruh cuba untuk mempengaruhi qalb dan qalb kadang kala dipengaruhi ruh dan kadang kala dipengaruhi nafs.”

Berdasarkan penilaian kepada manusia dari empat aspek tersebut, Langgulung (1989) menyimpulkan bahawa manusia boleh dinilai sebagai sfera enam lapisan melalui pandangan kefalsafahan. Jiwa adalah teras sfera tersebut. Ia sentiasa berada dalam keadaan suci. Kemudian diikuti oleh qalb, yang dianggap sebagai dimensi emosional. Selepas itu ialah aql, dimensi intelektual yang diikuti oleh nafs,

dimensi psikologi. Seterusnya adalah jasad iaitu dimensi fizikal dan akhir sekali adalah insan iaitu dimensi sosial manusia.

2.2.3.1 Dimensi Sosial (Lapisan Luaran Pertama)

Insan adalah bermaksud bersosial, oleh itu dimensi ini amatlah penting untuk memahami sifat semulajadi dan tingkah laku manusia. Ia adalah dicadangkan sebagai lapisan luaran pertama untuk manusia. Manusia yang pertama dicipta adalah tiada berteman. Kemudian Allah Yang Maha Mengasihani telah mencipta Hawa dan daripada mereka lah generasi ke generasi telah dilahirkan sehingga ke hari ini. Oleh itu sifat semula jadi manusia adalah sememangnya bersosial. Maka dengan sebab itu adalah penting bagi manusia untuk memilih dengan siapa mereka bersosial.

Dimensi sosiologi ini sangat mempengaruhi manusia. Kebiasaannya ia mendefinisikan keperluan manusia jika ianya tidak diperhati oleh dimensi-dimensi lain. Keperluan-keperluan seperti pakaian, tempat tinggal dan lain-lain lagi ditentukan secara budaya dan sosial (Salasih, 2016). Para cerdik pandai Islam amat yakin bahawa rahsia kesihatan mental terdapat dalam pemerhatian hak-hak dan kewajipan tertentu. Misalnya hak seorang anak adalah terhadap kedua ibubapanya. Mereka menerangkan bahawa seseorang yang sihat ialah seorang yang menyempurnakan tugas peribadi dan sosialnya dengan sebaik mungkin sebagaimana firman Allah, “ Sesungguhnya Allah menyuruh melakukan keadilan dan berbuat kebajikan serta memberi karib kerabat, dan melarang berbuat yang keji dan yang mungkar dan kezaliman” (Quran, 16:90).

2.2.3.2 Dimensi Fizikal Lapisan Luaran Kedua)

Dimensi jasad dicadangkan sebagai lapisan luaran yang kedua. Menurut Hairunnaja (2002), bertentangan dengan pandangan barat yang menyatakan melihat kewujudan manusia pertama sebagaimana yang dihipotesiskan oleh Darwin berasal dari beruk, Al Quran dengan jelas menyatakan bahawa manusia pertama iaitu Nabi Adam adalah dicipta secara jasad daripada enam jenis tanah dan air. Enam jenis tanah sepertimana disebutkan di dalam Al Quran adalah :-

- i. debu, At Turab (Ali Imran : 59)
- ii. tanah, At Tin (Ali Imran : 49)
- iii. tanah liat, Al Tin Al Lazib (As Sffat : 11)
- iv. tanah kering, Hamaein Masnun (Al Hijr : 28)
- v. tanah yang dibakar, Salsaalin kal-fakhar (Ar Rahman : 14)
- vi. bumi, Al Ard (An Najm : 32)

2.2.3.3 Dimensi Fisiologi (Lapisan Luaran Ketiga)

Dimensi ketiga manusia adalah nafs (dimensi fisiologikal). Tindak balas jasad dan fisiologi dalam perisetubuhan yang tertentu yang kemudiannya menerbitkan persenyawaan kepada kewujudan jiwa yang baru lahir. Mengikut pandangan ini, proses penciptaan Adam telah dijelaskan dalam Al Quran pada ayat berikut,

“ Kami telah menjadikan kamu dari tanah, kemudian dari air mani, kemudian dari segumpal darah, kemudian dari sepotong daging, yang sempurna kejadiannya dan yang tidak sempurna, supaya kami terangkan kepadamu (kekuasaan Kami).... ” (Quran, 22:5).

2.2.3.4 Dimensi Intelektual (Lapisan Keempat)

Dimensi intelek dalam sifat semulajadi manusia adalah salah satu nikmat yang terbesar yang telah dikurniakan oleh Allah s.w.t kepada manusia. Inilah lapisan luaran ketiga dan lapisan dalam bagi sifat semulajadi manusia. Dimensi intelektual inilah yang membezakan manusia dengan binatang dan sebagai asas dalam prinsip memahami manusia. Seperti mana uniknya cap jari manusia kepada setiap manusia, unik juga pemikiran setiap manusia. Jadi, dengan anugerah istimewa ini kita dimestikan untuk melaksanakan setiap potensi. Mencari dan menyebarkan ilmu pengetahuan dan kemudiannya menjadi satu kewajipan bagi setiap individu.

Aql dalam kesusasteraan Arab bermaksud kesungguhan, logik dan penilaian. Al Quran telah menyebutkan sebanyak 4 kali mengenai berfikir, mengingat dan membayangkan (Raba, 2001). Ia menggalakkan kita menggunakan dimensi ini secara induktif dan deduktif. Allah telah mengingatkan di dalam firmanNya, “ *Hanya umpama hidup di dunia seperti air yang Kami turunkan dari langit, lalu bercampur dengan tumbuh-tumbuhan bumi, di antara makanan yang dimakan manusia dan binatang ternak. Sehingga apabila bumi telah sampai ke puncak keindahannya (dengan tanamannya) serta berhias dan penduduknya menduga, bahawa mereka dapat menguasainya (ketika itu) datanglah perintah (hukuman) Kami waktu malam atau siang, lalu Kami jadikan bumi itu , seperti bumi yang telah dipotong-potong tanamannya, seolah olah tiada kelmarin itu. Demikianlah Kami terangkan beberapa ayat bagi kaum yang memikirkan.*”

Allah juga mengingatkan manusia dalam ayat yang lain, “ *Sesungguhnya tentang kejadian langit dan bumi dan pertikaian malam dan siang menjadi tanda (atas kekuasaan Allah) bagi orang – orang yang berakal.*” (Quran , 3:190).

2.2.3.5 Dimensi Emosional (Lapisan Kelima)

Qalb adalah hati iaitu tempat di mana kepercayaan, perasaan sebenar atau emosi disimpan dan ditonjolkan dalam tingkah laku manusia. Al Quran menggunakan perkataan ‘qalb’ dan ‘fuad’ kerana perkataan ‘fuad’ bermaksud hati kepada hati atau penutup hati. Sebagai contoh, mengingati Allah s.w.t datangnya dari hati, melaksanakan perintahnya dan kelakuan – kelakuan baik datang dari keikhlasan yang berasal dari hati (Raba, 2001). Ayat di dalam Al Quran ini menerangkan tentang pentingnya penjagaan dimensi hati ini, “ *Janganlah engkau turut apa-apa yang tidak ada pengetahuan engkau tentang keadaannya. Sesungguhnya pendengaran, pengelihatan dan hati, masing-masingnya akan diperiksa (dipertanggungjawab)....*” (Quran, 17:36).

Menurut Al Ghazali (1981), hati ini adalah seperti cermin yang menerima ilmu pengetahuan melalui cahaya kepercayaan. Hati seorang kanak-kanak tidak matang untuk menerima dan memahami realiti. Hati seorang pelaku dosa telah menjadi gelap kerana tidak boleh menunjukkan ilmu pengetahuan ini. Lapisan emosional ini adalah lapisan yang sebelum dimensi spiritual. Oleh itu penjagaan dimensi ini adalah penjagaan teras dalaman dimensi manusia. Begitu juga penjagaan hati merupakan penjagaan diri seseorang itu.

2.2.3.6 Dimensi Spiritual (Lapisan Keenam)

Para psikologi Islam menganggap dimensi spiritual menjadi faktor pemisah antara psikologi barat dan Islam. Dimensi ini telah dikeluarkan oleh para cendekiawan yang mementingkan kebendaan. Para sarjana Islam menganggap ruh sebagai teras dalam sfera sifar semulajadi manusia. Dimensi ini sentiasa suci dan sentiasa mencari kesucian. Oleh itu seseorang hanya boleh mengecapi kebahagiaan jika dimensi ini dijaga rapi. Manusia berpotensi untuk percaya sejak dari mula persetujuan anak Adam sepertimana yang tercatat dalam Al Quran, “ *Ketika Tuhanmu menjadikan keturunan anak Adam daripada tulang punggung mereka, Dia mempersaksikan dengan diri mereka sendiri. Allah berfirman: Bukankah Aku Tuhanmu? Sahutnya : Ya, kami menjadi saksi, supaya kamu mengatakan pada hari kiamat: Sesungguhnya kami lengah terhadap perihal ini.* “ (Quran, 7:172). Sejak daripada itu setiap manusia telah menyatakan bahawa Allah merupakan Tuhan mereka. Sebenarnya seluruh Al Quran dan kitab-kitab Allah yang terdahulu telah di dedikasikan untuk ajaran ini. Fakta ini telah diperjelaskan lagi dalam ayat berikut: “ *Maka luruskanlah (hadapkanlah) mukamu ke arah agama, serta condong kepadanya. Itulah agama Allah yang dijadikannya manusia sesuai dengan ia. Tiadalah bertukar perbuatan Allah. Itulah agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tiada mengetahuinya.*” (Quran 30:30).

Namun begitu jika dimensi-dimensi lain tidak dijaga, ia akan memberi kesan terhadap dimensi tersebut. Jika hati seseorang itu penuh dengan dosa, cahaya kebenaran tidak mampu menerangkan hatinya. Misalnya jika dimensi sosial menjadi rosak, dimensi ini akan mendapat kesannya. Hadith Rasulullah juga menerangkan tentang kepentingan faktor persekitaran yang mana apabila manusia menentang sifat

semulajadi mereka, mereka akan menjadi sakit. Beriman kepada Allah adalah fitrah manusia dan tidak boleh diubah. Oleh yang demikian apabila terdapat unsur-unsur yang membendung sifat semulajadi manusia, seseorang itu akan menjadi kacau bilau dalam semua dimensi dan akhirnya akan menghadapi tekanan, perasaan bersalah, gangguan emosi dan masalah kesihatan.

2.2.4 Pendekatan Kesejahteraan Spiritual (Paloutzian dan Ellison, 1991)

Menurut Paloutzian dan Ellison (1991) kesejahteraan spiritual merujuk kepada persepsi individu terhadap kualiti kehidupan spiritual mereka. Ellison (1983) menyatakan kesejahteraan spiritual adalah satu gambaran kesihatan spiritual seperti mana kita melihat tekanan darah untuk menggambarkan tahap kesihatan fizikal kita. Smith (2004) pula mendefinisikan kesejahteraan spiritual adalah berfungsi sebagai satu bentuk elemen kerohanian dan juga satu alat pengukuran bagi mengukur tahap kerohanian atau spiritual seseorang. Westgate (1996) pula menyatakan bahawa kesejahteraan spiritual ini adalah keadaan di mana dimensi-dimensi spiritual berintergrasi dengan dimensi-dimensi dalam kehidupan yang akan meningkatkan potensi untuk pengembangan sendiri.

Selain dari itu kesejahteraan spiritual juga turut dijelaskan sebagai satu kehidupan yang berhubung dengan Tuhan, diri sendiri, komuniti dan persekitaran yang akan menjadi pemangkin kepada kesempurnaan hidup (Arnold et al., 2007). Secara konseptualnya Arnold et al. (2007) juga mendapati kesejahteraan spiritual ialah satu kepuasan terhadap kesejahteraan beragama yang mencerminkan hubungannya dengan Yang Maha Esa, kesejahteraan kewujudannya serta makna dan tujuannya dalam kehidupan ini. Bagi Hawk et al. (1995) berpendapat kesejahteraan

spiritual merupakan perasaan berhubung dengan orang lain bagi mendapatkan makna dan tujuan hidup, mengukuhkan kesejahteraan dan kepercayaan serta hubungan dengan Yang Maha Esa dari dalam diri sendiri.

Untuk mengukur serta melihat tahap kesejahteraan spiritual seseorang memerlukan satu alat ukur yang dapat menunjukkan ukuran tersebut. Maka Paloutzian dan Ellison (1982) telah memperkenalkan Skala Kesejahteraan Spiritual (*Spiritual Well-Being Scale*). SWBS mengandungi dua subskala iaitu Kesejahteraan Beragama (*Religious Well Being*) dan Kesejahteraan Kewujudan (*Existential Well-Being*). Namun begitu apabila kedua-dua subskala ini dijumlahkan ia akan membentuk satu jumlah keseluruhan yang dikenali sebagai Kesejahteraan Spiritual (Ledbetter et al., 1991). SWBS mengandungi dua puluh item. Item-item ini dapat menyediakan peluang kepada kaunselor untuk meneroka pandangan spiritual terhadap isu-isu kaunseling yang timbul (Ledbetter et al.; 1991) Menurut Bufford, Paloutzian dan Ellison (1991), kesemua 20 item SWBS ini adalah amat menarik dan secara relatifnya dapat berintergrasi ke dalam proses kaunseling. SWBS ini juga menyediakan satu titik permulaan kepada kaunselor untuk meneroka lebih jauh kepada aspek-aspek spiritual klien. Selain itu juga item-item ini dapat menyediakan peluang kepada kaunselor untuk meneroka pandangan spiritual klien terhadap isu - isu kaunseling yang timbul (Ledbetter et al., 1991).

Boivin et al. (1999) menyatakan bahawa SWBS harus dilihat dari dua aspek pandangan iaitu horizontal dan juga *vertikal*. Ini boleh dilakukan dengan melihat kepada sub skala SWBS iaitu secara dimensi *horizontal* adalah merujuk kepada sub skala kesejahteraan kewujudan manakala dimensi vertikal pula adalah merujuk

kepada sub skala kesejahteraan beragama. Ini kerana di dalam sub skala ini ia memfokuskan kepada kesejahteraan spiritual seseorang itu berhubung dengan Tuhannya. Sub skala kewujudan dikatakan sebagai dimensi horizontal adalah kerana sub skala kesejahteraan kewujudan ini adalah cenderung melihat aspek- aspek psikologi sosial. Di mana ia adalah mengenai bagaimana bagusnya seseorang individu itu dapat menyesuaikan dirinya dengan komuniti dan persekitarannya. Sub skala ini juga melibatkan tujuan kewujudan insan itu, kepuasan dalam hidupnya, pengalaman yang positif dan juga negatif (Ellison & Smith, 1991, Trott, 1996).

Skala Kesejahteraan Spiritual ini menurut Paloutzian dan Ellison (1991) telah digunakan di dalam hampir 300 kajian pada masa itu kerana skala ini menyediakan satu skala global mengenai kesejahteraan spiritual. Kajian mengenai kesejahteraan spiritual kaunselor juga ada dijalankan menggunakan skala ini. Individu yang mempunyai orientasi spiritual yang kukuh dan kesejahteraan psikologi yang positif tidak akan mengalami banyak simptom berkait dengan kesihatan mental serta hilang produktiviti di tempat kerjanya (Ellison, 1983, Westgate, 1996). Ini memberi gambaran bahawa betapa pentingnya kesejahteraan spiritual bagi seseorang insan dalam menjalani hidup seharian, dan ini lebih bermakna bagi seorang kaunselor yang sejahtera spiritualnya. Jika dilihat dari subskalanaya, boleh diibaratkan dimensi vertikal iaitu kesejahteraan beragama merujuk kepada hubungan insan terhadap pencipta. Manakala dimensi horizontal iaitu kesejahteraan kewujudan merujuk kepada hubungan sesama insan, persekitaran dan komuniti. Kedua-dua hubungan ini amat penting dihayati oleh seseorang kaunselor dalam kehidupan mereka. Keistimewaan skala ini ialah ia boleh menilai seseorang dari perspektif holistik atau keseluruhan dengan tidak memfokuskan kepada mana-mana agama, komuniti atau

organisasi. Di atas justifikasi - justifikasi inilah maka instrumen ini dipilih untuk digunakan dalam kajian ini.

Sebagai kesimpulannya, pendekatan Kesejahteraan Spiritual yang dibawa oleh Paloutzian dan Ellison (1982) yang menyentuh aspek beragama dan bermasyarakat (bersosial) amat bermakna di dalam dunia psikologi.

2.2.5 Teori Efikasi Kendiri (Bandura, 1977)

Efikasi sendiri telah dipelopori melalui kajian yang dijalankan oleh Albert Bandura yang mengutarakan Teori Kognitif Sosial. Teori Kognitif Sosial mengandaikan bahawa manusia boleh mengawal fikiran, motivasi dan juga tindakan mereka (Bandura 1977, 1982, 1986). Bandura (1977, 1982, 1986, 1995) memberikan definisi efikasi sendiri sebagai satu tahap keupayaan seseorang untuk mencapai sesuatu matlamat. Bandura (1977, 1982, 1986, 1995) juga turut menyatakan bahawa efikasi sendiri merupakan keazaman dalam tindakan seseorang, dalam membuat keputusan, dalam usaha untuk mencapai matlamat serta meletakkan seluruh jiwa dan raganya di dalam usaha tersebut agar tidak menemui kegagalan (Bandura 1986). Efikasi sendiri juga dilihat sebagai satu mekanisma menyeluruh di dalam diri individu yang berintegrasi di antara kognitif, tingkahlaku dan kemahiran sosial ke arah sesuatu matlamat (Larson 1998).

Efikasi sendiri yang dicadangkan oleh Bandura (1977, 1986) boleh berkembang melalui empat sumber asas iaitu pencapaian, pengalaman pemerhatian, pujukan verbal dan pendekatan emosional.

Pencapaian. Pencapaian bermaksud sekiranya seseorang itu berjaya di dalam sesuatu bidang maka dia akan terus berjaya di dalam bidang tersebut. Bandura (1977) menerangkan sumber efikasi pencapaian ini sebagai pelaksanaan sesuatu tingkah laku yang spesifik dengan jayanya. Lebih berjaya pengalaman seorang individu di dalam pencapaiannya maka lebih tinggilah efikasi kendirinya untuk menguasai kompetensi yang lebih sukar. Ia akan berlaku sebaliknya iaitu apabila seorang individu mengalami kegagalan yang berulang kali akan menyebabkan efikasi individu tersebut rendah (Curry, 2007).

Pujukan verbal. Pujukan verbal pula adalah sumber efikasi sendiri di mana seseorang itu akan mendengar penerangan dan penjelasan mengenai bagaimana cara dan kaedah untuk melakukan tingkah laku yang tertentu. Ia adalah satu bentuk pengukuhan secara verbal seperti pujukan, cadangan, huraian dan sebagainya (Bandura, 1977).

Pengalaman pemerhatian. Ia adalah sumber efikasi sendiri yang kedua dan dinyatakan oleh Bandura (1977) sebagai “ seeing others perform threatening activities without adverse consequences can create expectations in observes that they too will eventually succeed if they intensify and persist in their efforts”. Memerhatikan contoh kejayaan yang ada pada orang lain akan menjadikan efikasi sendiri individu meningkat.

Pendekatan emosional. Ia adalah satu lagi sumber efikasi yang dinyatakan oleh Bandura (1977). Emosi yang sering diterima oleh seseorang adalah merupakan satu maklumat kritikal mengenai tekanan yang mereka hadapi. Emosi yang sedih,

kecewa dan kebimbangan misalnya akan memberikan tekanan yang tinggi kepada individu dan seterusnya mengurangkan keupayaan mereka. Ini akan menjadikan diri mereka di kepung dengan pelabelan negatif. Oleh yang demikian individu tersebut haruslah mengatasi emosi negatif itu agar dapat meningkatkan efikasi kendirinya

Keempat – empat sumber efikasi sendiri ini digabungkan dan akan menghasilkan satu persepsi dalam efikasi sendiri melalui kognitif (seperti menetapkan sasaran, meramal masalah masalah yang bakal di hadapi), motivasi (seperti merancang matlamat, menetapkan output), afektif (seperti mengatasi situasi stres, mengawal pemikiran yang negatif) dan proses pemilihan (seperti menjauhkan diri atau mendekati diri dengan sesuatu situasi) (Prieto, 2009).

Berdasarkan kepada definisi tersebut, kaunselor dikatakan mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi apabila mereka percaya bahawa mereka mempunyai keupayaan untuk memberi kesan yang positif kepada perkembangan klien mereka. Dalam usaha untuk memperolehi kepercayaan ini kaunselor seharusnya berasa yakin bahawa mereka memberikan perkhidmatan yang dapat memberi impak positif kepada klien mereka. Ini akan memberikan mereka efikasi sendiri kaunselor. Efikasi sendiri kaunselor adalah merupakan satu kepercayaan seseorang kaunselor mengenai keupayaannya untuk memberikan perkhidmatan kaunseling yang efektif kepada kliennya (Friedlander & Snyder (1983), Larson et al., (1992), Sharply & Ridgway (1993).

Efikasi sendiri kaunselor juga turut berhubung rapat dengan perasaan bimbang kaunselor, prestasi kaunselor dan juga persekitaran penyeliaaan kaunselor

tersebut. Disamping itu efikasi sendiri kaunselor juga mempengaruhi tindakan kaunselor di dalam proses dalam sendiri klien seperti proses afektif, proses motivasi dan juga proses kognitif yang lain (Daniels & Larson 2001).

Kejayaan di dalam sesuatu proses kaunseling memerlukan bukan hanya pengetahuan dan kemahiran sahaja tetapi proses tersebut juga perlu mempunyai kaunselor yang mempunyai keupayaan untuk melaksanakan kaunseling yang dapat memberikan perubahan kepada klien mereka (Melchert, Hays, Wiljanen & Kolocek 1996).

Larson dan Daniels (1998) pula menyatakan efikasi sendiri kaunselor juga adalah kepercayaan seseorang kaunselor terhadap keupayaannya untuk memberi kaunseling efektif kepada kliennya dan memerlukan kepercayaan bahawa kaunselor dapat memberikan hasil yang baik. Larson dan Daniels (1998) memberi maksud kaunseling efektif adalah proses – proses berikut :

- i. mengadakan hubungan terapeutik dengan klien
- ii. meneroka dan mencabar klien
- iii. hadir dan bersama dengan klien secara emosinya
- iv. mereka bentuk intervensi yang efektif selari dengan klien yang sentiasa berubah


Efikasi sendiri kaunselor juga dilihat berasaskan kepada tanggapan individu bahawa mereka mempunyai pengalaman dan kemahiran tertentu serta berkeupayaan dalam mengambil tindakan menyelesaikan masalah dan bertindak membantu kepada perubahan tingkah laku klien (Sutton & Fall 1995).

2.3 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep kajian adalah untuk menerangkan dan meramal sesuatu fenomena secara sistematik (Wiersma, 2000). Manakala menurut Lim (2007), kerangka konsep adalah suatu koleksi konsep, konstruk atau pemboleh ubah utama yang difikirkan mempunyai hubungan antara satu sama lain yang ingin diselidiki penyelidik. Beliau juga menjelaskan kerangka konsep boleh berbentuk mudah atau kompleks, dipandu oleh teori atau sekadar munasabah, berbentuk sebab - akibat atau deskriptif.

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kerangka konseptual yang berasaskan kepada kerangka teori kajian yang telah dipilih oleh pengkaji. Kerangka konsep kajian dalam bentuk model *a priori* pada Rajah 1.2 di bawah terdiri daripada kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri sebagai pemboleh ubah bebas (*exsogeneous*), kesejahteraan psikologi sebagai pemboleh ubah bersandar (*endogenous*) dan faktor gender, lokasi tempat kerja dan pengalaman bekerja sebagai pemboleh ubah penyederhana (*moderator*).

Pemboleh ubah tidak bersandar merupakan pemboleh ubah yang dijangka akan mempengaruhi sesuatu pemboleh ubah lain yang digelar pemboleh ubah bersandar (Noraini, 2010). Dalam kajian ini pemboleh ubah tidak bersandar (Kesejahteraan Spiritual dan Efikasi Kendiri Kaunselor) adalah merupakan pemboleh ubah yang akan mempengaruhi pemboleh ubah bersandar iaitu Kesejahteraan Psikologi Kaunselor.



Rajah 2.2 Model *a priori*

Model *a priori* kesejahteraan kaunselor (rujuk Rajah 2.2) mengandungi pemboleh ubah indikator (*observe variable*). Pemboleh ubah indikator adalah merupakan pemboleh ubah yang diukur dengan menggunakan alat kajian (Byrne, 2010). Di dalam kajian ini terdapat sepuluh pemboleh ubah indikator iaitu enam di dalam Kesejahteraan Psikologi, dua di dalam Efikasi Kendiri dan dua di dalam Kesejahteraan Spiritual. Pemboleh ubah indikator yang terdapat di dalam

Kesejahteraan Psikologi adalah autonomi, menguasai persekitaran, penerimaan sendiri, perkembangan peribadi, hubungan positif dengan orang lain dan tujuan hidup dan seterusnya kesejahteraan beragama dan kesejahteraan kewujudan adalah pemboleh ubah indikator bagi Kesejahteraan Spiritual. Manakala pengetahuan dan kemahiran adalah pemboleh ubah indikator untuk Efikasi Kendiri Kaunselor.

2.3.1 Kaunselor Organisasi

Kaunselor organisasi adalah berperanan dalam memenuhi aspirasi merealisasikan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18/2005 : Aplikasi Psikologi dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam. Pelaksanaannya merujuk kepada aktiviti psikologi dan kaunseling yang meliputi aspek penilaian personel, pembangunan personel, penyelidikan dan intervensi dengan penekanan berikut :

- i. Menyediakan perkhidmatan psikologi dan kaunseling untuk kesejahteraan individu, organisasi dan komuniti berkaitan dengan perkhidmatan pembangunan, pencegahan, pemulihan dan intervensi krisis yang merupakan usaha penambahbaikan berterusan terhadap pengurusan modal insan agar dapat diperkasakan ke tahap yang optima.
- ii. Melaksanakan aplikasi psikologi dan kaunseling dalam penilaian personel dengan membantu pengurus sumber manusia memahami minat, peribadiiti, emosi, sikap dan pencapaian seseorang dengan menggunakan ujian psikologi. Aplikasi ini direalisasikan semasa urusan pemilihan, penempatan, pengurusan prestasi, pembangunan kompetensi dan pra persaraan serta dalam urusan temuduga berstruktur.
- iii. Melaksanakan aplikasi psikologi dan kaunseling dalam pembangunan personel dengan menekankan kepada mewujudkan pegawai yang memiliki

nilai dan etika kerja serta sikap yang positif. Ia melibatkan aktiviti khidmat runding, peningkatan motivasi dan kepuasan kerja pegawai serta pembangunan sendiri dengan penerapan kemahiran mengurus isu dan masalah psikologi di tempat kerja seperti pengurusan emosi, stress, perubahan sikap dan set minda, perhubungan individu dan lain-lain. Aplikasi ini digunakan kepada semua pegawai yang baru dilantik sehingga bersara.

- iv. Melaksanakan penyelidikan psikologi dan kaunseling terhadap permasalahan penjawat awam di tempat kerja seperti faktor pencetus, penghalang motivasi, interaksi antara manusia dengan peralatan dan sistem kerja (ergonomik). Seterusnya ia dapat menyediakan input dan maklumat yang boleh digunakan untuk penambahbaikan pengurusan sumber manusia di dalam perkhidmatan awam.
- v. Melaksanakan aplikasi psikologi dan kaunseling dalam intervensi pembangunan modal insan dengan membantu pegawai mengurus masalah secara lebih berkesan melalui program pengupayaan sendiri yang mengandungi aktiviti kaunseling, mentoring dan pembimbing rakan sekerja (AKRAB).
- vi. Memantapkan kualiti perkhidmatan psikologi dan kaunseling dalam pengurusan sumber manusia dengan meningkatkan pengetahuan dan kompetensi warga pendidikan ke tahap optimum secara berterusan.
- vii. Melaksanakan perkhidmatan psikologi dan kaunseling berteraskan etika dan menepati peruntukan perundangan Akta Kaunselor 1998 (Akta 580).

2.3.2 Konsep Kesejahteraan

Definisi kesihatan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) adalah “ *a state of complete physical, mental and social well being and not merely the absence of disease an infirmity*” (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2005). Individu yang tidak mempunyai sebarang penyakit serta individu yang sejahtera dari aspek fizikal, mental dan sosial adalah merupakan individu yang ditakrifkan sebagai individu yang sihat dan mempunyai kesihatan yang baik. Menurut Arul Rajah (2000) ukuran kepada kesihatan bukan hanya kepada kefungsi dan struktur tubuh sahaja tetapi ia juga meliputi interaksi individu dengan persekitaran serta hubungan interperibadi.

Pada tahun 2005, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah melancarkan satu program iaitu ‘*Health for All in the 21st Century*’ (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2005). Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan lagi kualiti dan jangka hayat kehidupan serta menghapuskan ketidaksamaan kualiti kesihatan yang berasaskan perbezaan bangsa, gender, etnik, agama dan juga tahap pendidikan (Robbins, Powers & Burgers, 2002). Salah satu daripada elemen yang diketengahkan melalui program tersebut adalah konsep kesihatan holistik ataupun kesejahteraan. Menurut Baker (2002), kesihatan holistic atau kesejahteraan adalah merangkumi dimensi psikologi, fizikal, social, intelektual, spiritual, pekerjaan dan juga persekitaran. Oleh itu mana-mana individu yang berupaya mencapai tahap optimum bagi dimensi-dimensi tersebut adalah dikategorikan sebagai individu yang sejahtera.

Kesejahteraan boleh dilihat dalam tujuh dimensi yang berbeza iaitu kesejahteraan psikologi, kesejahteraan sosial, kesejahteraan intelektual, kesejahteraan fizikal, kesejahteraan spiritual, kesejahteraan pekerjaan dan juga kesejahteraan

persekitaran (Stuart, Biddle, Kenneth & Stephen, 2000). Kementerian Kesihatan Malaysia (2005) menyatakan bahawa kesejahteraan psikologi adalah bagaimana seseorang itu mampu untuk menangani tekanan, mengelakkan konflik, meningkatkan ketenangan serta merangsang motivasi dan meningkatkan keyakinan diri dalam kehidupan.

Kesejahteraan sosial pula adalah bagaimana individu itu dapat berinteraksi dengan masyarakat sekeliling dan berupaya untuk bertanggungjawab sebagai ahli dalam sesebuah masyarakat. Individu juga seharusnya boleh menerima perbezaan budaya, bangsa, kepercayaan, adat resam dan juga gender. Individu juga akan saling sokong menyokong dan menghargai antara satu dengan yang lain dalam menyumbang tenaga dan buah fikiran. Individu yang dapat memainkan peranan yang baik sebagai seorang anggota masyarakat akan memperolehi tahap kesejahteraan yang optimum.

Dari aspek kesejahteraan intelektual pula bermaksud kemampuan individu untuk menaakul, memproses dan bertindak balas terhadap maklumat serta berkemampuan untuk membuat keputusan.

Aspek kesejahteraan fizikal didefinisikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (2005) adalah merujuk kepada unsur daya tahan kardiovaskular, otot dan komposisi badan. Manakala kesejahteraan spiritual pula adalah dilihat melalui agama, kepercayaan dan juga amalan ritual. Kesejahteraan spiritual ini melibatkan kepercayaan bahawa terdapat satu kuasa yang agung yang menjadikan manusia ini dan alam sekitarnya. Ia boleh direalisasikan dengan amalan-amalan ritual.

Kesejahteraan pekerjaan pula adalah pengembangan dan penggunaan kemahiran, bakat, anugerah dan juga pengetahuan untuk meningkatkan pencapaian dan taraf hidup. Ini akan dapat membinasikap yang positif dalam pekerjaan dan seterusnya dapat meningkatkan produktiviti dan kepuasan dalam melakukan sesuatu pekerjaan.

Kesejahteraan persekitaran pula adalah merujuk kepada kesedaran tentang kestabilan dan pemusnahan dunia atau alam sekitar akibat kesan dari aktiviti manusia. Menurut Prentice (1999) kesejahteraan persekitaran inilah yang akan memobilasikan manusia untuk menyediakan satu persekitaran yang lestari dan menghargai sumber alam semulajadi.

Kesejahteraan adalah merupakan satu cara hidup ke arah kesempurnaan dan kesihatan yang optima di mana tubuh, minda dan rohani akan bergabung di dalam diri individu untuk berfungsi sepenuhnya di kalangan individu lain dan masyarakat. Menurut Myers dan Sweeney (2007), secara idealnya ia adalah satu tahap kesejahteraan dan kesihatan optima yang boleh dicapai oleh setiap individu. Manakala Hattie, Myers dan Sweeney (2004) pula melihat kesejahteraan adalah satu kaedah integrasi bersepadu yang berorientasi ke arah memaksimumkan potensi individu yang boleh dicapai.

Meyer dan Ponton (2006) mendefinisikan kesejahteraan sebagai satu cara hidup yang berorientasikan kesihatan dan kesejahteraan, tubuh badan, fikiran dan rohani diintegrasikan oleh individu tersebut untuk hidup dalam kehidupan manusia dan masyarakat. Secara idealnya ia adalah satu pencapaian ke arah kesihatan dan

kesejahteraan yang optimum oleh setiap manusia. Dalam membincangkan mengenai kesejahteraan kaunselor, pengkaji menggunakan beberapa konsep seperti kesejahteraan psikologikal (Ryff, 1989), kesejahteraan spiritual (Ellison, 1983, Westgate, 1996, Paloutzian & Ellison, 1991) dan juga efikasi sendiri (Bandura, 1977, Larson, 1998, Melchert et al., 1996).

Di dalam kajian ini kesejahteraan yang akan digunakan adalah kesejahteraan psikologi dan kesejahteraan spiritual sebagai pemboleh ubah kajian.

2.4 Kesejahteraan Psikologi Dari Pandangan Islam

Selain ahli sarjana psikologi, cendekiawan Islam pun telah menjelaskan konsep kesejahteraan psikologi ini iaitu Ibnu Miskawaih (932 – 1030) dan Imam Al Ghazali (1058 – 1111). Menurut Ibnu Miskawaih kebahagiaan (alsa'adah) terdiri atas dua jenis, iaitu: kebahagiaan material (jism al-sa'adah) dan kebahagiaan psikologi (nafs al sa'adah). Kebahagiaan material pada asasnya bukan kebahagiaan, kerana individu yang bahagia hanya terhad pada hal-hal material saja, Ibnu Miskawaih menyebutnya sebagai kebahagiaan yang menipu. Namun demikian kebanyakan manusia ketika menyatakan dirinya bahagia kerap terjebak dengan kebahagiaan material ini (Salasiah, 2016). Kebahagiaan yang sejati menurut Ibnu Miskawaih adalah kebahagiaan jenis kedua iaitu kebahagiaan psikologi. Konsep kebahagiaan psikologi ini mirip dengan kesejahteraan psikologi (*true happiness*), menurut Ibnu Miskawaih kebahagiaan jenis ini akan dapat membawa manusia ke darjat para malaikat.

Selain Ibnu Miskawaih, Abu Hamid Al Ghazali atau yang lebih dikenal dengan Imam Ghazali telah menulis sebuah buku, *Kimia Kebahagiaan (The Alchemy of Happiness)* setebal lebih dari 6000 halaman. Menurut Al Ghazali kebahagiaan itu berasal dari transformasi diri, dan terletak pada pemahaman dirinya. Kata Al Ghazali, “Barangsiapa yang dapat memahami dirinya, maka sungguh ia akan bahagia”. Ini kerana pemahaman diri dapat menjadi cermin dari pengalaman-pengalaman hidupnya di masa lalu, masa sekarang, dan individu pada masa yang akan datang. Individu akan benar-benar mencapai taraf kebahagiaan apabila ia dapat membersihkan hatinya sehingga bersih seperti cermin, itu berarti cahaya Allah telah masuk ke dalam dirinya.

Al-Ghazali menekankan, hanya sedikit orang yang mampu mencapai puncak kebahagiaan. Mereka adalah orang-orang yang dekat dengan Allah Subhanahu wa Ta’ala, seperti para Nabi dan orang-orang salih. Kebahagiaan yang mereka miliki merupakan kebahagiaan sejati. Tahap kebahagiaan mereka tentunya berbeza dengan tahap kebahagiaan yang diperolehi oleh orang-orang awam yang masih cenderung kepada kebahagiaan material. Kebahagiaan mereka tercapai apabila telah berhasil menunaikan suatu tugas atau berhasil dalam dakwahnya kerana kelak mereka meyakini akan mendapatkan buah dari jerih payahnya itu. Menurut Al Ghazali inilah yang disebut kebahagiaan sejati (Abd.Rahman, 2017).

Kesimpulannya kesejahteraan dan kebahagiaan dalam Islam adalah bertakwa kepada Allah dan hidup dengan limpahan maghfirah, hidayah, dan taufiq dari Allah Subhanahu Wa Ta’ala (Amirul Sodik, 2016). Maghfirah iaitu ampunan Allah yang akan membuka pintu-pintu nikmat lainnya, hidayah adalah petunjuk Allah sehingga

individu sentiasa berada di jalannya, sedangkan taufiq adalah bertemunya antara keinginan hamba dengan keinginan Allah, atau keadaan di mana seorang mukmin menjalankan perintah-perintah Allah dan menjauhi segala larangannya. Dengan kata lain kesejahteraan psikologi bagi seorang mukmin akan dapat dicapai apabila ia bertaqwa kepada Allah Subhanahu wata'ala.

2.5 Faktor-faktor Kesejahteraan Psikologi (Ryff, 1989)

Menurut Ryff (1989), individu memiliki tahap kesejahteraan psikologi yang berbeza-beza dengan terdapat empat faktor yang mempengaruhinya:

i. Faktor demografi

a. Umur – terdapat perbezaan di antara umur dengan kesejahteraan psikologi di mana dalam dimensi penguasaan persekitaran dan autonomi cenderung untuk meningkat seiring dengan pertambahan umur.

b. Gender – perbezaan gender mempengaruhi aspek-aspek kesejahteraan psikologi di mana perempuan adalah memiliki kemampuan yang lebih tinggi dalam membina hubungan yang lebih positif dengan orang lain. Gender perempuan juga memiliki pertumbuhan peribadi yang lebih baik berbanding dengan gender lelaki.

ii. Faktor Klasifikasi Sosial

a. Status sosial ekonomi – perbezaan kelas sosial ekonomi mempunyai hubungan dengan kesejahteraan psikologi individu. Kesejahteraan psikologi yang tinggi diperolehi oleh individu yang memiliki status pekerjaan yang tinggi. Selain dari itu kesejahteraan psikologi juga turut dipengaruhi oleh tahap pendapatan, status perkahwinan dan juga sokongan sosial masyarakat.

Individu yang memperoleh tahap pendapatan yang tinggi, sudah berkahwin dan mempunyai sokongan sosial yang tinggi akan memperoleh kesejahteraan psikologi yang tinggi.

b. Budaya – perbezaan dalam kesejahteraan psikologi antara masyarakat yang memiliki budaya yang berorientasikan individualisma seperti di dalam aspek penerimaan sendiri atau autonomi adalah lebih ketara dalam konteks masyarakat barat. Dalam pada itu masyarakat yang memiliki budaya yang berorientasikan kolektif dan saling bergantung seperti dalam konteks budaya timur adalah termasuk dalam aspek hubungan positif dengan orang lain yang lebih menjurus kepada bersifat kekeluargaan.

Menurut Gross (2012); Ivztan, Chan, Gardner dan Prashar (2013) dan Salami (2011) pula, faktor-faktor yang mempengaruhi kesejahteraan psikologi adalah :-

i. Makna Hidup

Pengalaman hidup memberi sumbangan yang sangat besar terhadap tercapainya kesejahteraan psikologi. Salah satu pengalaman hidup yang dapat memberikan sumbangan tersebut adalah pengalaman memaafkan orang lain dalam kehidupan sosialnya, di mana terdapat pemulihan dalam hubungan interperibadi.

ii. Faktor Demografi

Faktor demografi merangkumi beberapa faktor seperti usia, gender, budaya dan status ekonomi. Faktor-faktor demografi seperti perbezaan umur, gender dan budaya adalah mempunyai sumbangan yang pelbagai terhadap kesejahteraan psikologi.

iii. Kesihatan Fizikal

Kesihatan fizikal turut mempengaruhi pada kesejahteraan psikologi. Kesihatan fizikal memainkan peranan penting dalam menentukan keresahan ataupun kesejahteraan psikologi. Di samping itu, kesejahteraan psikologi juga turut memiliki kaitan dengan ketiadaan penyakit pada diri seseorang itu.

iv. Pendidikan

Tahap pendidikan turut mempengaruhi kesejahteraan psikologi. Ketika individu menempuh pendidikan pada tahap atau tingkatan yang lebih tinggi, individu mempunyai ilmu pengetahuan yang lebih baik. Kemudian individu akan memiliki kesedaran yang lebih baik dalam membuat sesuatu pilihan.

v. Agama dan Spiritualiti

Agama dan spiritualiti memiliki pengaruh pada kesejahteraan psikologi. Terdapat hubungan positif yang kuat di antara keduanya kerana kesejahteraan psikologi akan tercipta ketika adanya perkembangan dalam spiritualiti.

vi. Keperibadian

Ciri-ciri keperibadian akan menggambarkan kecenderungan individu pada sesuatu pola perilaku dan pemikiran yang stabil, bukan berdasarkan baik atau buruknya. Penelitian yang dilakukan menunjukkan bahwa faktor keperibadian memiliki hubungan yang signifikan dengan kesejahteraan psikologi.

2.6 Kesejahteraan Psikologi

Kesejahteraan psikologi adalah merupakan satu istilah yang subjektif dan ianya dilihat dari aspek yang berbeza oleh individu yang berbeza. Namun begitu kesejahteraan psikologi boleh diertikan sebagai ketiadaan tekanan kerja, kemurungan dan juga tekanan dalam kehidupan (Parker & Baltes, 2003). Konsep kesejahteraan psikologi di dalam kajian masa kini memperlihatkan kesejahteraan psikologi mempunyai dua konstruk yang bebas iaitu kesejahteraan positif dan kesejahteraan negatif (Ryff & Keyes, 1995). Kesejahteraan positif dikaitkan dengan variabel seperti kepuasan dalam kehidupan secara keseluruhannya, kepuasan dengan aspek-aspek utama dalam kehidupan dan mempunyai emosi yang positif. Sebaliknya kesejahteraan negatif pula adalah dikaitkan dengan simptom-simptom fizikal yang negatif ataupun merasai pengalaman emosi yang negatif (Ryff & Keyes, 1995).

Kesejahteraan psikologi adalah merujuk kepada keadaan di mana individu memiliki sikap yang positif terhadap dirinya sendiri dan juga dengan orang lain. Individu itu dapat membuat keputusan sendiri dan mengatur tingkah lakunya sendiri serta berupaya mencipta dan mengatur persekitaran yang sesuai dengan keperluannya, memiliki tujuan hidup serta membuatkan diri mereka lebih bermakna dan berusaha untuk meneroka dan mengembangkan potensi diri mereka (Ryff, 1989).

Ryff dan Keyes (1995) menyatakan bahawa manusia mempunyai dua fungsi yang positif untuk meningkatkan kesejahteraan psikologinya. Pertama adalah mengenai bagaimana individu itu dapat membezakan perkara yang positif dan perkara yang negatif itu akan mempengaruhinya untuk mendapatkan kebahagiaan.

Kedua adalah menekankan tentang kepuasan hidup sebagai kunci utama terhadap kesejahteraan.

Kesejahteraan psikologi juga adalah merupakan tahap kemampuan individu dalam menerima apa yang ada pada dirinya, membentuk hubungan yang baik dengan orang lain, berupaya dalam menghadapi tekanan sosial, mengawal persekitarannya, memiliki erti dalam hidup serta dapat merealisasikan potensi dirinya secara berterusan (Ryff, 1989).

Dalam kajian ini kesejahteraan psikologi bermaksud untuk mengukur hubungan kaunselor organisasi dengan kesejahteraan psikologi mereka berdasarkan kepada enam domain atau dimensi yang ditetapkan. Ia akan diukur menggunakan Skala Kesejahteraan Psikologi (Ryff, 1989). Kesejahteraan psikologi kaunselor akan diukur berdasarkan domain autonomi, menguasai persekitaran, penerimaan sendiri, perkembangan peribadi, hubungan positif dengan orang lain dan tujuan hidup.

Autonomi. Autonomi adalah keazaman sendiri dan juga kebebasan serta kemampuan untuk berfikir dan bertindak serta membentuk tingkahlaku dan menilainya dengan standard peribadi. Autonomi juga mencerminkan satu tahap kesihatan psikologi yang individu akan pilih sama untuk bergantung dengan orang lain ataupun untuk berfungsi secara sendirian (Deci & Ryan, 2008).

Menguasai Persekitaran. Ini adalah merupakan keupayaan seseorang untuk sentiasa mendahului orang lain, mengubah keadaan dengan aktiviti yang kreatif

secara fizikal ataupun mental (Ryff,1989). Chang (2006) melihat aspek menguasai persekitaran ini adalah keupayaan seseorang untuk memanipulasi persekitarannya mengikut keperluannya.

Penerimaan Kendiri . Menurut Sheldon dan Kasser (2001), apabila individu mempunyai perasaan yang bagus, enak dan baik terhadap diri sendiri walaupun mereka sedar yang mereka masih mempunyai beberapa kelemahan, ini menunjukkan mereka mempunyai satu tahap penerimaan sendiri yang tinggi. Penerimaan sendiri ini juga dimaksudkan dengan ciri utama dalam kesihatan mental di samping kefungsiian optima dan kematangan dalam diri seseorang itu (Ryff, 1989).

Perkembangan Peribadi. Menurut Rogers (1961), perkembangan peribadi merupakan sebahagian dari fungsi psikologi yang penting. Individu tersebut juga adalah merupakan seorang individu yang mempunyai kawalan terhadap dan keyakinan terhadap dirinya sendiri untuk terus berusaha untuk membangunkan potensi mereka, untuk berkembang sebagai seorang manusia (Ryff, 1989).

Hubungan Positif Dengan Orang Lain. Ia merangkumi sifat perasaan empati yang kuat dan sayang kepada semua manusia serta boleh mencintai dengan sepenuh hati serta menjadi rakan karib (Ryff, 1989). Rogers (1961) dalam teorinya juga turut melihat hubungan intim adalah merupakan hasil dari keperluan psikologi untuk mengelakkan pengasingan individu dan menjana hubungan peribadi.

Tujuan Hidup. Menurut Mc Knight dan Kashdan (2009) ialah elemen menuju ke arah kehidupan yang bermakna mempunyai hubungan dengan kesejahteraan psikologi. Individu ini akan menterjemahkan kepercayaan dan cita-citanya dengan berusaha ke arah mencapai satu matlamat yang diimpikan. Kesemua ini apabila digabungkan akan menjadikan hidup ini lebih bermakna kerana tujuan dalam hidup adalah berhubungan dengan kesihatan mental (Ryff, 1989).

2.7 Kesejahteraan Spiritual

Kesejahteraan spiritual berasal dari dua perkataan iaitu kesejahteraan dan juga spiritual. Sejahtera menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2013) adalah bermaksud sesuatu keadaan yang serba baik, masyarakatnya dalam keadaan makmur, sihat dan damai. Terdapat dua pendekatan dalam memahami kesejahteraan iaitu pendekatan yang fokus kepada kebahagiaan dan mencegah dari kesakitan. Manakala pendekatan kedua adalah dengan meninjau dari aspek pengembangan potensi diri manusia secara keseluruhan termasuklah dari cara berfikir dan juga fizikal yang sihat.

Manakala perkataan spiritual adalah dari perkataan Latin, *spirit* atau *spiritus* yang membawa maksud 'nafas' dan *spirare* pula membawa maksud 'untuk bernafas'. Oleh itu untuk seseorang itu hidup, dia perlu untuk bernafas dan memiliki nafas itu pula ertinya memiliki kehidupan, nyawa dan jiwa. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2013), spiritual membawa maksud berhubungan dengan atau bersifat kejiwaan. Spiritual juga merupakan satu pencerahan diri dalam mencapai makna dalam kehidupan dan juga adalah bahagian asas dalam keseluruhan kesihatan dan kesejahteraan seseorang.

Spiritual juga merupakan satu elemen yang berkaitan dengan kerohanian. Sesuatu yang spiritual mempunyai kebenaran abadi yang berkaitan dengan tujuan hidup manusia, sering dibandingkan dengan sesuatu yang bersifat duniawi dan sementara. Spiritual juga adalah merupakan ekspresi dari kehidupan yang lebih tinggi, lebih kompleks dalam pandangan hidup seseorang. Aspek spiritual yang utama adalah dengan mempunyai arah tujuan yang dapat meningkatkan kebijaksanaan dan kekuatan kehendak seseorang, berupaya untuk mencapai hubungan yang lebih dekat dengan ketuhanan dan alam semesta (Harun Din, 1988).

Spiritual merupakan satu bentuk hubungan manusia dengan Tuhannya (habluminallah) yang dilakukan oleh manusia dalam bentuk peribadatan seperti solat, puasa, zakat, mengerjakan haji, berdoa dan sebagainya. Secara umumnya spiritual merupakan kehidupan rohani dan wujud dalam cara berfikir, berdoa, berakhlak, bersosialisasi. Apabila semakin penting aspek spiritual dalam diri seseorang itu maka akan menjadi semakin tinggi keupayaannya untuk mengatasi masalah yang dihadapinya (Graham, 2001). Graham (2001) juga berpendapat bahawa spiritual ini bukanlah satu agama tetapi ia tidak dapat dilepaskan dari nilai-nilai keagamaan.

Kesejahteraan spiritual pula adalah mencakupi kepada penemuan terhadap makna dan tujuan dalam hidup seseorang individu itu. Seseorang itu akan merasa kedamaian dan sentiasa merasakan bahawa Tuhannya berada pada kekuatan yang lebih tinggi (Graham, 2001). Oleh itu kesejahteraan spiritual adalah satu keadaan di mana seseorang akan berasa sangat bahagia dan berasa amat hampir dengan Pencipta sehingga apabila melakukan sesuatu perkara semuanya menjurus kepada tingkah laku yang positif seperti membantu orang lain. Ini disokong oleh Sapora dan Ruhaya

(2012) yang menyatakan, Islam menyeru umatnya memberi bantuan dalam pelbagai aspek kehidupan terutama aspek spiritual yang boleh diperolehi melalui penyerahan diri kepada Pencipta. Justeru itu individu yang memiliki kesejahteraan spiritual dan mempunyai kepedulian yang tinggi akan sentiasa berminat untuk membantu orang lain menyelesaikan masalah yang dirasakan sebagai satu tanggungjawab mereka sesama insan.

Berikut adalah beberapa aspek penting di dalam kesejahteraan spiritual. Menurut Burkhand (2010), aspek – aspek kesejahteraan spiritual adalah, pertama menemukan erti dan tujuan dalam kehidupan ini. Kedua, menyedari akan kemampuan dalam menggunakan sumber dan kekuatan dalam diri sendiri. Ketiga, mempunyai perasaan keterikatan dengan diri sendiri dengan Yang Maha Tinggi dan berkuasa ke atas dirinya. Menurut Paloutzian dan Ellison (1991) pula, kesejahteraan spiritual terbahagi kepada dua aspek iaitu hubungan vertikal dengan Tuhan (*religious well being*) dan hubungan horizontal yang meliputi hubungan dengan sesama manusia (*existential well being*). Manakala menurut Miller, Fleming dan Brown-Anderson (1998), aspek kesejahteraan spiritual ini adalah terbahagi kepada hubungan dengan Tuhan (*connection with God*), kepuasan dengan Tuhan dan kehidupan seharian (*satisfaction with God and day to day living*), masa depan atau kepuasan hidup (*future life / life contentment*), hubungan peribadi dengan Tuhan (*peribadi relationship with God*) dan kebermaknaan (*meaningfulness*).

Seterusnya Scot, Agresti dan Fitchett (2001) pula membahagikan kesejahteraan spiritual ini kepada tiga aspek iaitu pengasingan (*alienation*), gabungan (*affiliation*) dan kepuasan dalam kehidupan (*satisfaction with life*). Pertama,

pengasingan (*alienation*) adalah menerangkan mengenai tiada makna dalam hidup, ketidakpuasan dengan kehidupan ini dan merasakan wujudnya jarak antara diri seseorang itu dengan Tuhannya tidak akan memperolehi kesejahteraan spiritual. Seseorang yang merasakan mempunyai jarak dengan Tuhan, berasa tidak puas dengan kehidupan yang dijalani pada saat ini tidak dapat merasakan kesejahteraan spiritual tersebut kerana hati-hati mereka itu telah kering. Kedua adalah gabungan (*affiliation*) yang membawa maksud hubungan yang positif dengan Tuhan. Hubungan positif bererti seseorang itu merasa hubungannya dengan Tuhannya adalah begitu dekat dan segalanya adalah mencukupi ketika dia dekat dengan Tuhannya sehinggalah apa sahaja yang dia lakukan adalah semata-mata hanya untuk Tuhannya. Individu juga cenderung untuk sentiasa redha atas apa sahaja yang berlaku kepada dirinya, keluarganya dan juga persekitarannya. Hal ini juga menjadikan seseorang itu sentiasa berfikiran positif. Ketiga adalah kepuasan dalam kehidupan (*satisfaction with life*) yang menjelaskan mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan kepuasan dan masa depan dalam hidup ini. Seseorang itu cenderung untuk merasa puas dalam kehidupan yang dijalani pada saat ini dan akan melihat masa depan dengan penuh optimis dan motivasi yang dimiliki adalah amat tinggi. Ini akan mendorongnya menjadi seorang yang berfikiran positif.

Justeru itu berdasarkan pandangan pengkaji-pengkaji di atas maka kita dapati bahawa kesejahteraan spiritual mempunyai pelbagai aspek penting. Aspek – aspek tersebut memainkan peranan dalam kehidupan seseorang bagi menghadapi kehidupan seharian yang penuh dengan cabaran. Menurut Westgate (1996), untuk mencapai perkembangan diri, individu akan melalui beberapa cabaran yang

melibatkan interaksi elemen-elemen kerohanian (spiritual) dengan elemen-elemen sosial dalam kehidupan.

Sebagai kesimpulannya, untuk mencapai kesejahteraan yang hakiki (kesejahteraan dunia dan akhirat) maka dilihat aspek keagamaan dan spiritual merupakan aspek yang sangat penting bagi menjayakannya.

Kesejahteraan Beragama. Boivin et al. (1999) menyatakan bahawa SWBS harus dilihat dari dua aspek pandangan iaitu horizontal dan juga vertikal. Ini boleh dilakukan dengan melihat kepada sub skala SWBS iaitu secara dimensi horizontal adalah merujuk kepada sub skala kesejahteraan kewujudan manakala dimensi vertikal pula adalah merujuk kepada sub skala kesejahteraan beragama. Ini kerana di dalam sub skala ini ia memfokuskan kepada kesejahteraan spiritual seseorang itu berhubung dengan Tuhannya.

Kesejahteraan Kewujudan. Sub skala kewujudan dikatakan sebagai dimensi horizontal adalah kerana sub skala kesejahteraan kewujudan ini adalah cenderung melihat aspek- aspek psikologi sosial. Di mana ia adalah mengenai bagaimana bagusnya seseorang individu itu dapat menyesuaikan dirinya dengan komuniti dan persekitarannya. Sub skala ini juga melibatkan tujuan kewujudan insan itu, kepuasan dalam hidupnya, pengalaman yang positif dan juga negatif (Ellison & Smith, 1991, Trott, 1996).

Merujuk daripada kajian-kajian di atas terdapat pelbagai dimensi di dalam kesejahteraan spiritual. Namun begitu pengkaji telah memilih dua dimensi yang akan dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam kajian ini. Dimensi – dimensi tersebut adalah kesejahteraan beragama dan kesejahteraan kewujudan. Kesejahteraan beragama adalah merujuk kepada hubungan vertikal dengan Tuhan, manakala kesejahteraan kewujudan merujuk kepada hubungan horizontal dengan sesama manusia.

2.8 Efikasi Kendiri

Efikasi sendiri pula adalah merujuk kepada kepercayaan seorang individu mengenai keupayaannya untuk mencapai keinginannya (Bandura, 1977, 1986, 1995). Tahap efikasi sendiri tinggi dalam diri seseorang akan melihat faktor kebimbangan dan kerisauan sebagai satu cabaran untuknya mencapai apa yang disasarkan. Ia juga akan menetapkan satu sasaran yang realistik dan mampu dilaksanakan (Larson & Daniel, 1978). Efikasi sendiri ialah jangkaan seseorang bahawa dia telah bertingkah laku seperti yang diperlukan untuk menghasilkan atau mencapai sesuatu matlamat (Bandura, 1977). Ia diertikan sebagai keyakinan terhadap sesuatu keupayaan untuk menyusun dan melaksanakan kognitif, tingkah laku dan kemahiran sosial yang diperlukan untuk kejayaan terhadap sesuatu tugas (Schunk, 1991; Bandura, 1986; Jerusalem & Hesslig, 2009).

Efikasi sendiri ini juga adalah tingkah laku yang bermotivasi tinggi yang merujuk kepada proses kognitif secara sedar, membabitkan keupayaan untuk menjangka matlamat dan ganjaran, penggunaan pertimbangan, penilaian dan penetapan keputusan. Ia adalah tentang aras keyakinan individu terhadap

kemampuan untuk melaksanakan tugas tertentu (Bandura, 1997). Menerusi konsep *reciprocal determinism*, iaitu kitaran interaksi antara kognitif, persekitaran dan tingkah laku membolehkan individu mempelajari persekitarannya untuk menghasilkan tingkah laku yang diperlukan berdasarkan kepada pengetahuan terdahulu yang dimiliki. Ini adalah berkait dengan sub konstruk kemahiran yang diketengahkan dalam Skala Kesejahteraan Spiritual.

Dalam aspek efikasi sendiri, jangkaan terhadap efikasi berbeza daripada jangkaan terhadap hasil atau matlamat. Jangkaan efikasi bermaksud individu percaya bahawa mereka akan berjaya membentuk tingkah laku yang diperlukan untuk menghasilkan sesuatu matlamat, sebaliknya jangkaan terhadap matlamat adalah berkaitan dengan andaian bahawa tingkah laku akan menghasilkan suatu matlamat tertentu. Sebagai contoh, pelajar boleh mempercayai tingkah laku tertentu akan menghasilkan matlamat tertentu yang dijangka tetapi mereka mungkin tidak mempercayai bahawa mereka boleh melaksanakan tingkah laku yang akan menghasilkan sesuatu matlamat itu.

Matlamat yang selalu dikaitkan secara terus dengan efikasi ialah tingkah laku atau pencapaian. Sejak awal penerimaan konsep efikasi sendiri telah ada tanggapan terhadap efikasi sendiri dengan pencapaian. Bandura dalam bukunya pada tahun 1977 telah melaporkan kajian yang menunjukkan hubungan yang signifikan antara efikasi sendiri dengan pencapaian prestasi yang berkaitan dengan kerja. Oleh itu teori dan penyelidikan tentang efikasi telah membuat rumusan bahawa efikasi memberi kesan kepada pencapaian dan prestasi manusia. Dan ini bersesuaian dengan sub konstruk pengetahuan yang cuba diketengahkan dalam kajian ini.

Bandura (1977) menyatakan bahawa individu yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi dijangkakan dapat bekerja dengan lebih tekun dan rajin walaupun berada dalam situasi kesusahan berbanding mereka yang ragu-ragu terhadap kebolehan mereka. Teori ini yang telah diperkembangkan yang mencakupi jangkauan keupayaan untuk mengawal aktiviti-aktiviti individu seperti yang melibatkan pemikiran, perasaan dan tingkah laku seseorang (Schunk, 1991). Schunk (1989) membincangkan bagaimana keberkesanan diri memainkan peranan yang penting semasa pembelajaran akademik. Pada permulaan aktiviti, kepercayaan pelajar tentang keupayaan mereka adalah berbeza-beza. Motivasi mereka untuk belajar dipertingkatkan apabila mereka membuat kemajuan dalam pembelajaran dan dapat menguasai pelbagai kemahiran yang diajarkan kepada mereka.

Pengalaman kerja dan kelulusan akademik kaunselor juga turut menyumbang kepada tahap efikasi sendiri di mana kaunselor yang mempunyai pengalaman kerja dan tahap kelulusan akademik yang lebih tinggi akan mempunyai tahap keyakinan yang tinggi dalam menjalankan aktiviti kaunseling (Orlinsky & Howard, 1986). Begitu juga menurut Johnson et al. (1989) yang menyatakan bahawa efikasi sendiri kaunselor akan meningkat sewaktu menjalani praktikum peringkat sarjana dan juga tahap efikasi sendiri kaunselor yang tinggi dikaitkan dengan pengalaman klinikal yang lebih banyak. Justeru bersesuaian dengan sub konstruk yang diutarakan dalam kajian ini iaitu Skala Efikasi Kendiri Kaunselor yang mempunyai 2 sub konstruk iaitu pengetahuan dan kemahiran.

Model efikasi sendiri menyarankan jangkauan matlamat diri yang ditetapkan dan efikasi sendiri menyumbang kepada pencapaian. Selain itu, efikasi juga boleh

menjadi faktor pengantara kepada sesuatu matlamat. Efikasi sendiri telah dibuktikan sebagai peramal yang boleh dipercayai dapat meningkatkan motivasi dan pencapaian tugas. Oleh kerana kepentingan efikasi pencapaian, teori ini banyak diaplikasikan dalam bidang seperti pendidikan, pengurusan sumber manusia, tingkah laku organisasi, sukan, kesihatan dan sebagainya (Iannelli , 2011).

Efikasi sendiri adalah didapati berkaitan dengan usaha, ketabahan dan pencapaian individu (Zimmerman, 1989). Wood dan Locke (1987) pula mendefinisikan efikasi sendiri sebagai jangkaan individu terhadap keupayaan dirinya dalam melaksanakan satu set tindakan khusus dalam situasi tertentu. Seterusnya Wood dan Bandura (1989) pula menjelaskan efikasi sendiri merujuk kepada keupayaan seseorang dalam meningkatkan motivasi, pemikiran dan sasaran tindakan seperti yang dimatlamatkan berdasarkan kepercayaan kepada kebolehan diri mereka.

Apapun konsep atau definisi yang diberikan oleh para sarjana berkenaan efikasi sendiri ini, umumnya mereka bersetuju bahawa konsep teori efikasi adalah merupakan generalisasi kepada tingkah laku seseorang yang didasari oleh dua faktor utama iaitu kepercayaan terhadap tindakan dan hasil tindakan tersebut. Faktor seterusnya adalah kepercayaan peribadi terhadap keupayaan menyelesaikan sesuatu tugas yang khusus. Efikasi juga dioperasikan sebagai kepercayaan seseorang untuk melakukan penyesuaian dan pelaksanaan strategi baru yang akan dapat meningkatkan keyakinan seseorang terhadap kemampuan sendiri dan kawalan (Woods, 2010).

2.8.1 Aspek-aspek Efikasi Kendiri

Keupayaan individu dalam menyelesaikan tugas dapat meningkatkan efikasi diri. Tahap efikasi kendiri yang dimiliki individu dapat dilihat dari aspek efikasi kendiri. Efikasi kendiri yang dimiliki individu adalah berbeza-beza, ia dapat dilihat berdasarkan aspek yang mempunyai implikasi penting pada tingkah laku mereka. Menurut Bandura (1977), ada tiga aspek dalam efikasi kendiri iaitu:

a. *Magnitude*

Aspek ini berkaitan dengan kesukaran tugas. Apabila tugas-tugas yang dibebankan pada individu mengikut tahap kesukarannya, maka perbezaan efikasi kendiri secara individu mungkin terdapat pada tugas-tugas yang sederhana, menengah, atau tinggi. Individu akan melakukan tindakan yang dirasakan mampu untuk dilaksanakannya dan akan mengelak tugas-tugas yang dirasakan diluar batas kemampuan yang dimilikinya.

b. *Generality*

Aspek ini adalah berhubung dengan bidang tugas atau tingkah laku. Beberapa pengalaman akan beransur-ansur menimbulkan penguasaan terhadap pengharapan pada bidang tugas atau tingkah laku yang khusus sedangkan pengalaman lain akan membangkitkan keyakinan yang meliputi berbagai tugas.

c. *Strength*

Aspek ini adalah berkaitan dengan tingkat kekuatan atau kemantapan seseindividu terhadap keyakinannya. Tingkat efikasi kendiri yang lebih rendah mudah digoyangkan oleh pengalaman-pengalaman yang melemahkannya, sedangkan

individu yang memiliki efikasi sendiri yang kuat akan tekun dalam meningkatkan usahanya meskipun melalui pengalaman yang akan melemahkannya. Individu yang memiliki efikasi sendiri yang tinggi akan memiliki sikap optimis, perasaan yang positif, dapat memperbaiki kemampuan untuk memproses informasi secara lebih efisien, memiliki pemikiran bahwa kegagalan bukanlah sesuatu yang merugikan namun akan memotivasi diri untuk melakukan yang lebih baik.

Individu yang efikasi dirinya rendah memiliki sikap pesimis, perasaan yang negatif serta meningkatkan kemungkinan seseorang menjadi marah, mudah bersalah dan memperbesar kesalahan mereka (Bandura (1977)). Oleh itu aspek efikasi sendiri adalah selalu berkaitan dengan tahap kesukaran tugas yang diberikan, yang berkaitan juga dengan tingkah laku individu dalam berbagai bidang penguasaan tugas serta tahap kemampuan atau kemantapan yang ada dalam diri individu.

2.8.2 Pengaruh Efikasi Kendiri Terhadap Tingkah laku dan Kognitif

Efikasi sendiri individu akan mempengaruhi pilihan setiap aktiviti, tujuan, dan usaha serta ketekalan mereka dalam kehidupan. Oleh hal demikian, efikasi sendiri akan mempengaruhi pencapaian dan prestasi mereka (Bandura (1977)).

Terdapat beberapa elemen yang akan mempengaruhi efikasi sendiri dalam tingkah laku dan juga kognitif:

a. Pemilihan aktiviti

Individu akan cenderung memilih tugas dan tanggung jawab yang mereka yakin akan berhasil dan menghindari tugas dan aktiviti yang mereka yakin akan

gagal. Individu biasanya akan memilih tugas yang mudah untuk dikerjakan, serta selalu akan menghindari tugas yang dirasakan sukar dan tidak boleh untuk dilaksanakan.

b. Tujuan

Individu akan menetapkan tujuan yang lebih tinggi bagi diri mereka sendiri ketika mereka memiliki efikasi sendiri yang tinggi. Contohnya pilihan karier seseorang dan peningkatan dalam pekerjaannya menunjukkan bahwa mereka memiliki efikasi sendiri yang tinggi dan bukan sebaliknya (Bandura, 1977). Oleh itu setiap individu harus mempunyai tujuan yang ingin dipenuhi dalam melaksanakan sesuatu urusan atau menjalankan sesuatu tanggungjawab

c. Usaha dan Ketekalan

Individu dengan perasaan efikasi yang tinggi mungkin akan lebih mengerahkan segenap tenaga ketika mencuba suatu tugas yang baru. Mereka juga akan lebih gigih dan tidak mudah menyerah untuk mencuba dan mencuba lagi ketika menghadapi halangan. Sebaliknya individu dengan efikasi sendiri yang rendah akan bersikap separuh hati dan begitu cepat menyerah ketika menghadapi kesulitan. Oleh itu individu yang mempunyai kepercayaan dan yakin terhadap kemampuan diri sendiri, tidak akan mudah putus asa dalam mengharungi sesuatu tanggungjawab yang berat, malah akan terus berusaha menyelesaikannya.

d. Pembelajaran dan Prestasi

Individu yang mempunyai efikasi sendiri tinggi cenderung lebih banyak belajar dan berprestasi tinggi daripada mereka yang efikasi dirinya rendah. Menurut

Bandura (1977) ia akan berlaku walaupun tahap kemampuan berfikir individu itu adalah sama. Dengan kata lain ketika beberapa individu memiliki kemampuan yang sama, mereka yang yakin dapat melakukan suatu tugas akan lebih mampu untuk menyelesaikan tugas tersebut dengan jayanya berbanding dengan mereka yang tidak yakin mampu untuk melaksanakannya. Dengan efikasi sendiri yang tinggi akan mencapai tahap yang luar biasa kerana mereka akan terlibat dalam proses-proses kognitif yang meningkatkan pembelajaran, memberikan perhatian, mengorganisasi dan berkolaborasi (Bong & Skaalvik, 2008).

Berdasarkan huraian di atas dapat disimpulkan bahawa individu yang berprestasi tinggi adalah memiliki efikasi sendiri yang tinggi dalam suatu proses belajar kerana mereka memiliki keyakinan akan kemampuan yang dimilikinya. Manakala sebaliknya pula individu yang rendah efikasi kendirinya hanya mampu dengan tugas yang dianggapnya mudah, sesuai dengan kemampuan yang ada dalam dirinya dan tidak mampu menguasai semua tugas.

2.8.3 Faktor Yang Mempengaruhi Perkembangan Efikasi Kendiri

Efikasi sendiri sangat mempengaruhi perilaku manusia. Jika individu yakin mempunyai kemampuan untuk menghasilkan sesuatu yang diinginkan maka individu akan berusaha untuk mencapainya. Efikasi sendiri merupakan keyakinan seseorang terhadap dirinya bahawa dia akan mampu melaksanakan apa yang diperlukan dalam suatu tugas yang akan dipengaruhi oleh banyak faktor. Efikasi sendiri merupakan faktor penting untuk menentukan apakah seseorang akan menunjukkan prestasi yang baik ataupun tidak. Menurut Bandura (1997), faktor-faktor yang dapat mempengaruhi efikasi sendiri adalah :

a. Sifat tugas yang dihadapi.

Situasi-situasi atau jenis tugas tertentu menuntut kerja yang lebih sukar dan berat daripada tugas dan situasi yang lain.

b. Insentif eksternal.

Insentif berupa hadiah atau penghargaan yang diberikan oleh individu lain untuk merefleksikan keberhasilan seseorang dalam menguasai dan melaksanakan suatu tugas misalnya pemberian pujian

c. Status atau peranan individu.

Status sosial individu akan mempengaruhi penghargaan dari individu lain dan rasa percaya terhadap dirinya.

d. Maklumat tentang kemampuan dirinya.

Efikasi sendiri individu akan meningkat atau menurun jika ia mendapat maklumat yang positif atau negatif tentang dirinya. Efikasi sendiri yang mempengaruhi proses berfikir, motivasi dan perasaan semuanya berperanan terhadap apa yang dilakukan. Individu dengan efikasi sendiri yang rendah dalam mengerjakan tugas tertentu akan cenderung menghindari tugas itu. Individu akan merasa sukar untuk memotivasikan dirinya dan akan mengurangi usahanya atau menyerah dalam berbagai macam rintangan yang di hadapinya.

Efikasi sendiri juga memainkan peranan utama dalam mempengaruhi usaha dan ketahanan individu menghadapi kesulitan. Individu dengan efikasi sendiri yang tinggi memandang tugas-tugas yang sulit sebagai cabaran untuk dihadapi daripada

sebagai ancaman untuk dihindari. Oleh itu faktor yang dapat mempengaruhi efikasi sendiri untuk melaksanakan suatu tugas yang di rasakan sukar harus di hadapinya dengan berbagai situasi tertentu adalah melalui keyakinan akan kemampuan dirinya sendiri.

Keyakinan terhadap kemampuan diri adalah menjadi aspek penting bagi kaunselor untuk menggerakkan proses belajar yang berterusan dalam memenuhi tuntutan dari pelbagai situasi. Jika kaunselor tidak yakin dapat meraih hasil yang mereka inginkan, mereka akan mempunyai motivasi yang rendah untuk bertindak. Menurut Al Darmaki (2004), efikasi sendiri kaunselor merupakan salah satu aspek pengetahuan tentang diri atau *self-knowledge* yang paling berpengaruh dalam kehidupan kaunselor sehari-hari. Ini kerana efikasi sendiri yang dimiliki oleh mereka akan mempengaruhi dan menentukan sebarang tindakan yang akan dilakukan dalam mencapai suatu tujuan terutama dalam menghadapi sesuatu cabaran. Kaunselor yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi akan percaya bahawa mereka memiliki kemampuan untuk menyelesaikan tugas-tugas yang sukar dan pelbagai serta yakin akan mencapai apa yang diinginkan. Sedangkan kaunselor dengan efikasi sendiri yang rendah akan menganggap dirinya tidak mampu untuk mengerjakan segala sesuatu yang ada di sekelilingnya (Iannelli, 2000; Harris, 2007). Dalam situasi yang sukar kaunselor dengan efikasi sendiri yang rendah akan cenderung untuk mudah menyerah. Sementara kaunselor dengan efikasi sendiri yang tinggi akan berusaha lebih keras untuk menghadapi cabaran yang ada. Sekiranya seseorang kaunselor ingin mencapai tujuan yang diinginkan, mereka harus yakin akan kemampuan diri mereka sendiri walau sebesar mana kesulitan yang dialami, asalkan mereka

mempunyai keinginan, sentiasa berusaha dan tidak menyerah maka mereka akan mendapatkan hasil yang baik (Harris, 2007).

Pengetahuan. Corey (2001) menjelaskan seorang kaunselor yang efektif perlulah mempunyai ciri-ciri iaitu pengetahuan dan kemahiran. Bagi menjadi seorang kaunselor yang efektif, seorang kaunselor itu perlu bersedia untuk mengaplikasikan teori psikologikal dan latihan dalam diri mereka. Seorang kaunselor itu juga seharusnya dapat mengintegrasikan kecekapan pelbagai budaya yang ada dalam bentuk pengetahuan dan kemahiran serta mempunyai kesedaran sendiri. Seorang kaunselor itu sepatutnya secara berterusan membentuk kesedaran nilai dan perasaan untuk terus berkembang. Pengetahuan yang mendalam dalam bidang kaunseling akan dapat memberikan keyakinan yang tinggi kepada kaunselor tersebut untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada klien mereka (Corey, 2001). Pengetahuan dalam bidang kaunseling adalah amat penting kepada kaunselor kerana bidang ini memerlukan kemahiran tertentu dalam pelaksanaannya terutama sekali apabila melibatkan klien yang mempunyai masalah yang kompleks.

Kemahiran. Terdapat banyak kemahiran yang perlu dikuasai oleh seorang kaunselor. Menurut Sapora (2010), antara kemahiran yang perlu ada pada seorang kaunselor agar dapat memberikan perkhidmatan terbaik untuk kliennya adalah kemahiran mendengar, kemahiran merumus, kemahiran memberi maklumat, kemahiran teori dan teknik kaunseling, kemahiran melakukan percanggahan, kemahiran menghadapi kesenyapan, kemahiran berempati, kemahiran mencabar dan sebagainya. Kesemua kemahiran ini adalah kemahiran asas kaunseling yang perlu diaplikasikan untuk memberikan perkhidmatan terbaik terutamanya ketika

berhadapan dengan klien yang berada dalam keadaan emosi dan psikologi yang tidak seimbang.

2.9 Kajian Mengenai Kesejahteraan Psikologi

Menurut Diener (2000) seseorang individu itu akan mendapat kesejahteraan psikologi apabila emosi mereka mendapat lebih ketenangan dari keresahan, sentiasa terlibat di dalam aktiviti yang menarik minat mereka, memperolehi banyak nikmat dan kurang kesakitan dan mereka sentiasa berpuas hati dengan kehidupan mereka.

Chang (2006) telah menjalankan kajian untuk mengkaji kesejahteraan yang menilai aspek bilangan aduan kesihatan diri individu. Kajian ini juga turut menggunakan instrumen yang mengenalpasti sama ada seseorang itu mengalami '*burn out*'. Oleh yang demikian individu yang tidak mengalami '*burn out*' ataupun masalah kesihatan yang tinggi akan dikategorikan sebagai mempunyai kesejahteraan. Oleh yang demikian kesejahteraan psikologi boleh dilihat sebagai ketiadaan '*burn out*', kemurungan dan juga tekanan dalam diri individu.

Terdapat juga penyelidik yang melihat kesejahteraan psikologi sebagai ketiadaan unsur-unsur pengalaman yang negatif, kebosanan, tekanan, kepenatan dan keresahan (Daniels, 2000). Ketiadaan elemen tersebut maka akan mewujudkan tahap kesejahteraan psikologi yang rendah. Oleh yang demikian kesejahteraan psikologi adalah kawasan yang belum dibangunkan di dalam diri individu (Harari, Waehler & Roger, 2005). Selain dari itu Ryff (2002) juga menyatakan bahawa kesejahteraan psikologi juga adalah dibangunkan dari usaha untuk mendapatkan kesempurnaan diri serta menyedari tentang potensi sebenar seseorang itu.

Menurut Christopher (1999), individu itu sendiri yang akan menentukan standard atau kriteria untuk menilai kehidupan mereka. Manakala Diener (1984) pula menengahkan konsep kesejahteraan subjektif. Kesejahteraan subjektif merangkumi kepuasan hidup dan keseimbangan afektif. Kepuasan hidup adalah berdasarkan kepada penghargaan kognitif individu. Ia bergantung kepada standard yang telah ditetapkan oleh responden itu sendiri mengenai apakah kehidupan yang baik. (Diener, 1984).

Kesejahteraan psikologi adalah merupakan perasaan optimis seseorang bahawa dia akan memperolehi hasil yang positif dari peristiwa dan pengalaman di dalam kehidupannya (Adam, Bezner, Duabhs, Zambarano & Steinhardt, 2000). Pemahaman yang jelas tentang kesejahteraan psikologi akan menghasilkan satu bentuk penilaian yang juga akan membantu di dalam meneroka struktur kesejahteraan itu sendiri serta memberikan manfaat kepada pengamal, pengkaji serta masyarakat keseluruhannya.

Keseimbangan afektif pula merujuk kepada kesejahteraan ataupun kegembiraan. Kegembiraan adalah satu penilaian kesejahteraan yang melihat kesan positif yang melebihi dari kesan negatif. Dari perspektif ini kita di kategorikan sebagai insan yang gembira apabila kita mengalami lebih banyak perasaan positif dari perasaan negatif di dalam hidup. (Diener, 1984).

Easterlin (2003) pula memperkatakan setiap individu mempunyai satu "titik kegembiraan" (*set point of happiness*) yang diperolehi dari genetik dan juga peribadi setiap individu. Sesuatu peristiwa dalam kehidupan seperti perkahwinan, kehilangan

pekerjaan , kecederaan serius dan sebagainya mungkin akan menyebabkan seseorang itu berada dibawah ataupun di atas titik kegembiraan tersebut. Beliau juga menambah bahawa apa-apa langkah yang dilakukan untuk memperbaiki keadaan ekonomi atau sosial hanya mempunyai kesan yang sementara terhadap kesejahteraan kerana setiap individu akan kembali kepada titik kegembiraan masing-masing.

Manakala menurut Diener, Lucas dan Scallion (2006), manusia akan bertindak berasaskan kepada perkara yang baik dan juga buruk. Namun begitu selepas itu mereka akan kembali kepada keadaan neutral. Oleh itu kegembiraan dan kesedihan adalah reaksi jangka pendek yang mengubah manusia mengikut keadaan. Manusia secara berterusan berasa gembira kerana mereka percaya bahawa kegembiraan akan tercapai di dalam setiap impian yang terlaksana atau di atas kejayaan dalam hubungan yang baru ataupun selepas selesainya sesuatu masalah yang dihadapi oleh mereka. Namun begitu manusia itu tersilap kerana sasaran yang baru itu akan sentiasa menarik perhatian mereka secara berterusan dan menjadikan mereka gembira tanpa menyedari bahawa dalam jangkamasa panjang usaha mereka itu adalah sia-sia.

Sheldon dan Lyubomirsky (2004) juga turut menyatakan bahawa perubahan dalam aktiviti akan meningkatkan tahap kegembiraan manusia. Ini bermaksud apabila individu melakukan beberapa perlakuan yang baik setiap hari maka kegembiraan mereka akan meningkat. Selain dari itu menurut Strauser , Lustig dan Ciftci (2008) individu dengan tahap kesejahteraan psikologi yang tinggi atau meningkat akan mempunyai kemahiran yang lebih efektif terhadap proses pembangunan kerjaya dan tingkah laku mereka. Kesejahteraan psikologi akan dapat

memberikan individu satu impak terhadap kerjaya mereka serta akan menjadi individu tersebut terus maju ke hadapan dalam menghadapi cabaran dalam kerjayanya.

Jika dilihat dari aspek kesejahteraan psikologi individu di tempat kerja, Reynolds (1997) menyatakan bahawa ketiadaan kesejahteraan psikologi di tempat kerja adalah disebabkan oleh tekanan di tempat kerja. Tekanan di tempat kerja seperti kemurungan psikologi, ketidakhadiran bertugas di tempat kerja serta prestasi kerja yang merudum adalah akibat dari kombinasi antara karektor individu dan juga karektor persekitaran tempat kerja individu tersebut. Hasil dari kedua inilah yang akan menentukan sama ada tekanan di tempat kerja seseorang itu pada tahap tinggi, sederhana ataupun rendah. Oleh yang demikian ia juga akan dapat menentukan bagaimanakah tahap kesejahteraan psikologi individu di tempat kerja.

Briner (2000) pula menyatakan bahawa persekitaran kerja mempunyai kesan positif dan juga kesan negatif terhadap kesejahteraan psikologi seseorang individu. Oleh kefahaman tentang kesejahteraan psikologi ini harus mengambilkira pengaruh yang baik dan juga yang buruk persekitaran kerja terhadap kesejahteraan psikologi individu yang bekerja di situ.

Pendapat ini adalah selari dengan dapatan oleh Jones, Hohenshil dan Burge (2009) yang mengkaji mengenai kepuasan kerja kaunselor Afrika – Amerika. Kajian mereka mendapati bahawa penilaian terhadap kepuasan kerja kaunselor adalah amat penting kepada profesion tersebut kerana ia akan dapat membantu menentukan keperluan pekerja di dalam bidang ini dapat dipenuhi.

Manakala mengenai kaunselor di Malaysia pula perlu fokuskan masa dan tenaga mereka yang amat berharga itu untuk memasarkan perkhidmatan dan meningkatkan kesedaran untuk kesihatan mental di kalangan masyarakat (See & Ng, 2010). Oleh itu kaunselor diharapkan untuk menyediakan latihan dalam hubungan keibubapaan dan juga pengurusan stress bagi memastikan masyarakat sentiasa mempunyai kesejahteraan psikologi yang baik.

Kaunselor yang profesional sentiasa berusaha untuk mencapai psikologi yang sejahtera melalui pembangunan, pencegahan dan intervensi bagi mengukuhkan kesejahteraan psikologi (Myers & Weeney, 2008). Dalam memperkatakan perkara ini, kajian yang dijalankan oleh Leinbaugh, Hazler, Bradley dan Hill (2003) mendapati bahawa kaunselor sekolah mempunyai tahap kesejahteraan yang lebih tinggi apabila mereka mempunyai kawalan terhadap persekitaran kerja termasuklah kursus yang mereka ajar serta kajian – kajian yang sedang dilakukan.

Menurut Diener (2010), konsep kesejahteraan psikologi kaunselor adalah sebagai nilai subjektif individu yang menilai kehidupannya dari aspek emosi dan juga fikiran. Menurutnya lagi seseorang individu itu akan mendapat kesejahteraan psikologi apabila emosi mereka mendapat lebih ketenangan dari keresahan, sentiasa terlibat di dalam aktiviti yang menarik minat mereka, memperolehi banyak nikmat dan kurang kesakitan dan mereka sentiasa berpuas hati dengan kehidupan mereka.

Chang (2006) telah menjalankan kajian untuk mengkaji kesejahteraan yang menilai aspek bilangan aduan kesihatan diri individu. Kajian ini juga turut menggunakan instrumen yang mengenalpasti sama ada seseorang itu mengalami

'*burn out*'. Oleh yang demikian individu yang tidak mengalami '*burn out*' ataupun masalah kesihatan yang tinggi akan dikategorikan sebagai mempunyai kesejahteraan. Oleh yang demikian kesejahteraan psikologi boleh dilihat sebagai ketiadaan '*burn out*', kemurungan dan juga tekanan dalam diri individu.

Terdapat juga penyelidik yang melihat kesejahteraan psikologi sebagai ketiadaan unsur-unsur pengalaman yang negatif, kebosanan, tekanan, kepenatan dan keresahan. (Daniels, 2000). Ketiadaan elemen tersebut maka akan mewujudkan tahap kesejahteraan psikologi yang rendah. Oleh yang demikian kesejahteraan psikologi adalah kawasan yang belum dibangunkan di dalam diri individu. (Harari, Waehler & Roger, 2005). Selain dari itu kesejahteraan psikologi juga adalah di bangunkan dari usaha untuk mendapatkan kesempurnaan diri serta menyedari tentang potensi sebenar seseorang itu (Ryff, 2002).

Menurut Christopher (2009), individu itu sendiri yang akan menentukan standard atau kriteria untuk menilai kehidupan mereka. Manakala Diener (2004) pula mengenengahkan konsep kesejahteraan subjektif. Kesejahteraan subjektif merangkumi kepuasan hidup dan keseimbangan afektif. Kepuasan hidup adalah berdasarkan kepada penghargaan kognitif individu. Ia bergantung kepada standard yang telah ditetapkan oleh responden itu sendiri mengenai apakah kehidupan yang baik (Diener, 2004).

Kesejahteraan psikologi adalah merupakan perasaan optimis seseorang bahawa dia akan memperolehi hasil yang positif dari peristiwa dan pengalaman di dalam kehidupannya (Adam, Bezner, Duabhs, Zambarano & Steinhardt, 2000).

Pemahaman yang jelas tentang kesejahteraan psikologi akan menghasilkan satu bentuk penilaian yang juga akan membantu di dalam meneroka struktur kesejahteraan itu sendiri serta memberikan manfaat kepada pengamal, pengkaji serta masyarakat keseluruhannya.

Keseimbangan afektif pula merujuk kepada kesejahteraan ataupun kegembiraan. Kegembiraan adalah satu penilaian kesejahteraan yang melihat kesan positif yang melebihi dari kesan negatif. Dari perspektif ini kita di kategorikan sebagai insan yang gembira apabila kita mengalami lebih banyak perasaan positif dari perasaan negatif di dalam hidup (Diener, 2004).

Easterlin (2013) pula memperkatakan setiap individu mempunyai satu “titik kegembiraan” (*set point of happiness*) yang diperolehi dari genetik dan juga peribadiiti setiap individu. Sesuatu peristiwa dalam kehidupan seperti perkahwinan, kehilangan pekerjaan, kecederaan serius dan sebagainya mungkin akan menyebabkan seseorang itu berada dibawah ataupun di atas titik kegembiraan tersebut. Beliau juga menambah bahawa apa-apa langkah yang dilakukan untuk memperbaiki keadaan ekonomi atau sosial hanya mempunyai kesan yang sementara terhadap kesejahteraan kerana setiap individu akan kembali kepada titik kegembiraan masing-masing.

Manakala menurut Diener, Lucas dan Scallan (2006), manusia akan bertindak berasaskan kepada perkara yang baik dan juga buruk. Namun begitu selepas itu mereka akan kembali kepada keadaan neutral. Oleh itu kegembiraan dan kesedihan adalah reaksi jangka pendek yang merubah manusia mengikut keadaan. Manusia secara berterusan merasa gembira kerana mereka percaya bahawa kegembiraan akan

tercapai di dalam setiap impian yang terlaksana atau di atas kejayaan dalam hubungan yang baru ataupun selepas selesainya sesuatu masalah yang dihadapi oleh mereka. Namun begitu manusia itu tersilap kerana sasaran yang baru itu akan sentiasa menarik perhatian mereka secara berterusan dan menjadikan mereka gembira tanpa menyedari bahawa dalam jangka masa panjang usaha mereka itu adalah sia-sia.

Sheldon dan Lyubomirsky (2014) juga turut menyatakan bahawa perubahan dalam aktiviti akan meningkatkan tahap kegembiraan manusia. Ini bermaksud apabila individu melakukan beberapa perlakuan yang baik setiap hari maka kegembiraan mereka akan meningkat.

Selain dari itu menurut Strauser, Lustig dan Ciftci (2010) individu dengan tahap kesejahteraan psikologi yang tinggi atau meningkat akan mempunyai kemahiran yang lebih efektif terhadap proses pembangunan kerjaya dan tingkah laku mereka. Kesejahteraan psikologi akan dapat memberikan individu satu impak terhadap kerjaya mereka serta akan menjadi individu tersebut terus maju ke hadapan dalam menghadapi cabaran dalam kerjayanya.

Jika dilihat dari aspek kesejahteraan psikologi individu di tempat kerja, Reynolds (2007) menyatakan bahawa ketiadaan kesejahteraan psikologi di tempat kerja adalah disebabkan oleh tekanan di tempat kerja. Tekanan di tempat kerja seperti kemurungan psikologi, ketidakhadiran bertugas di tempat kerja serta prestasi kerja yang merudum adalah akibat dari kombinasi antara karektor individu dan juga karektor persekitaran tempat kerja individu tersebut. Hasil dari kedua inilah yang

akan menentukan sama ada tekanan di tempat kerja seseorang itu pada tahap tinggi, sederhana ataupun rendah. Oleh yang demikian ia juga akan dapat menentukan bagaimanakah tahap kesejahteraan psikologi individu di tempat kerja.

Briner (2010) pula menyatakan bahawa persekitaran kerja mempunyai kesan positif dan juga kesan negatif terhadap kesejahteraan psikologi seseorang individu. Oleh kefahaman tentang kesejahteraan psikologi ini harus mengambilkira pengaruh yang baik dan juga yang buruk persekitaran kerja terhadap kesejahteraan psikologi individu yang bekerja di situ.

Pendapat ini adalah sesuai dengan dapatan oleh Jones, Hohenshil dan Burge (2010) yang mengkaji mengenai kepuasan kerja kaunselor Afrika – Amerika. Kajian mereka mendapati bahawa penilaian terhadap kepuasan kerja kaunselor adalah amat penting kepada profesion tersebut kerana ia akan dapat membantu menentukan keperluan pekerja di dalam bidang ini dapat dipenuhi.

Manakala mengenai kaunselor di Malaysia pula perlu fokuskan masa dan tenaga mereka yang amat berharga itu untuk memasarkan perkhidmatan dan meningkatkan kesedaran untuk kesihatan mental di kalangan masyarakat (See & Ng, 2010). Oleh itu diharapkaunselor dapat menyediakan latihan dalam hubungan keibubapaan dan juga pengurusan stress bagi memastikan masyarakat sentiasa mempunyai kesejahteraan psikologi yang tinggi.

Kaunselor yang profesional sentiasa berusaha untuk menggalakkan kesejahteraan psikologi melalui pembangunan, pencegahan dan intervensi bagi

mengukuhkan kesejahteraan psikologi (Myers & Weeney, 2008). Dalam memperkatakan perkara ini, kajian yang dijalankan oleh Leinbaugh, Hazler, Bradley & Hill (2013) mendapati bahawa kaunselor sekolah mempunyai tahap kesejahteraan yang lebih tinggi apabila mereka mempunyai kawalan terhadap persekitaran kerja termasuklah kursus yang mereka ajar serta kajian – kajian yang sedang dilakukan.

2.10 Kajian Mengenai Kesejahteraan Spiritual

Kajian oleh Kelly (1995) mengenai nilai-nilai kaunselor berdasarkan kepada responden dari ahli Persatuan Kaunseling Amerika (ACA) menunjukkan bahawa 64% respondennya percaya kepada Tuhan, 25% dari responden percaya kepada dimensi spiritual dan hubungannya dengan realiti, 70% responden sentiasa bergabung dengan organisasi beragama dan 45% responden pula menunjukkan partisipasi yang tinggi di dalam beragama. Di dalam kajian itu juga beliau mendapati bahawa responden yang menganggap diri mereka seorang yang beragama akan menunjukkan orientasi beragama intrinsik yang lebih tinggi dari ekstrinsik. Ini bermakna mereka mempunyai nilai beragama sebagai panduan hidup yang lebih tinggi dari nilai beragama untuk urusan sosial dan peribadi.

Hickson, Housley dan Wages (2000) juga turut menjalankan kajian terhadap 147 orang kaunselor di Georgia dan Mississippi mengenai spiritualiti di dalam proses terapeutik. Hasil kajian tersebut mendapati semua kaunselor tersebut sedar tentang kepentingan kepercayaan spiritual di dalam diri mereka di sepanjang proses kaunseling. Mereka juga percaya bahawa elemen spiritual akan dapat menjadi agen psikologi yang kuat di dalam amalan kaunseling.

Manakala kajian oleh Shafranske dan Malony (1990) adalah untuk mengkaji hubungan di antara orientasi agama dan spiritual terhadap ahli psikologi dan psikoterapi. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa 74% respondennya menyatakan bahawa isu-isu agama dan spiritual harus dipertimbangkan di dalam bidang psikologi. Selain dari itu juga majoriti responden menyatakan bahawa ahli psikologi secara umumnya tidak mempunyai pengetahuan atau kemahiran untuk membantu klien dalam perkembangan agama dan spiritual. Seterusnya satu pertiga responden juga menyatakan bahawa kompetensi di dalam kepercayaan peribadi adalah berdasarkan kepada orientasi pengalaman dan juga teoritikal.

Kajian oleh Kelly (2005) mengenai nilai-nilai kaunselor berdasarkan kepada responden dari ahli Persatuan Kaunseling Amerika (ACA) menunjukkan bahawa 64% respondennya percaya kepada Tuhan, 25% dari responden percaya kepada dimensi spiritual dan hubungannya dengan realiti, 70% responden sentiasa bergabung dengan organisasi beragama dan 45% responden pula menunjukkan partisipasi yang tinggi di dalam beragama. Di dalam kajian itu juga beliau mendapati bahawa responden yang menganggap diri mereka seorang yang beragama akan menunjukkan orientasi beragama intrisik yang lebih tinggi dari ekstrinsik. Ini bermakna mereka mempunyai nilai beragama sebagai panduan hidup yang lebih tinggi dari nilai beragama untuk urusan sosial dan peribadi.

Hickson, Housley dan Wages (2010) juga turut menjalankan kajian terhadap 147 orang kaunselor berdaftar di Georgia dan Mississippi mengenai spiritualiti di dalam proses terapeutik. Hasil kajian tersebut mendapati semua kaunselor tersebut sedar tentang kepentingan kepercayaan spiritual di dalam diri mereka di sepanjang

proses kaunseling. Mereka juga percaya bahawa elemen spiritual akan dapat menjadi agen psikologi yang kuat di dalam amalan kaunseling.

2.11 Kajian Mengenai Efikasi Kendiri

Terdapat beberapa kajian yang telah dilaksanakan mengenai efikasi sendiri kaunselor. Namun begitu bilangan kajian dalam bidang efikasi sendiri kaunselor di Malaysia amat kurang dan kajian ini akan dapat menyumbang kepada pertambahan ilmu dalam bidang tersebut.

Curry (2007) yang telah menjalankan kajian terhadap kaunselor pelatih mendapati bahawa efikasi sendiri kaunselor dari segi kompetensi secara signifikannya mempengaruhi jenis kerjaya yang dipilih serta bagaimana mereka berusaha untuk berjaya dalam karier mereka itu. Manakala Al-Darmaki (2004) yang menjalankan kajian terhadap kaunselor pelatih di Turki mengaitkan efikasi sendiri kaunselor dengan tahap esteem sendiri yang tinggi, tahap kebimbangan yang rendah, tahap penyelesaian masalah yang tinggi serta jenis kemahiran mikro yang dipilih.

Kajian mengenai efikasi sendiri kaunselor terhadap pelatih kaunseling telah dijalankan oleh Barbee, Scherer dan Combs, 2003 ; Barnes, 2004 dan Lent, Hill dan Hoffman, 2002 telah menunjukkan terdapat korelasi yang positif di dalam efikasi sendiri kaunselor dengan pembelajaran pra praktikum (Barbee, Scherer & Combs, 2003), kemahiran kaunseling yang tinggi (Barnes, 2004) dan aspek tingkah laku kognitif yang lebih baik dan respons afektif yang tinggi (Lent, Hill & Hoffman, 2002). Kajian tersebut menunjukkan bahawa efikasi sendiri kaunselor adalah elemen

penting yang membantu dalam penghasilan proses kaunseling yang positif terhadap klien dan seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan kaunselor.

Iannelli (2000) telah menjalankan kajian mengenai hubungan antara efikasi sendiri kaunselor dengan hasil proses kaunseling dan juga prestasi kaunselor. Respondennya adalah seramai 185 orang kaunselor dan 73 orang penyelia kaunselor. Beliau mendapati bahawa terdapat hubungan yang kuat di antara efikasi sendiri kaunselor dengan hasil proses kaunseling tersebut. Kaunselor yang mempunyai tahap efikasi sendiri kaunselor yang tinggi akan dapat menjalankan proses kaunseling tersebut dengan hasil yang positif kepada klien mereka. Senario ini juga akan menjadikan kaunselor bertambah yakin dan mempunyai kesejahteraan serta kepuasan di dalam dirinya.

Seterusnya kajian yang dijalankan oleh Woods (2009) pula adalah mengenai efikasi sendiri sebagai penengah (*mediator*) di dalam hubungan antara peranan bukan kaunseling dan kesihatan (*wellness*) kaunselor sekolah. Kajian ini melihat efikasi sendiri kaunselor sekolah di dalam peranan bukan kaunseling yang terpaksa dilakukan oleh kaunselor sekolah. Banyak tugas selain dari tugas di bidang kaunseling yang terpaksa dilakukan oleh kaunselor di sekolah. Ini termasuklah kerja-kerja perkeranian, disiplin, penyeliaan, pemantauan dan sebagainya yang tidak mencakupi bidang kaunseling. Hasil kajian Woods (2009) ini juga mendapati bahawa hubungan efikasi sendiri kaunselor dengan peranan bukan kaunseling oleh kaunselor sekolah adalah rendah dan memberi makna bahawa peranan bukan kaunseling adalah faktor yang menjadikan efikasi sendiri kaunselor menurun.

Kajian efikasi sendiri kaunselor juga turut dijalankan oleh Harris (2007) terhadap 59 orang pelajar sarjana dalam bidang kaunseling pemulihan di *Council On Rehabilitation Education (CORE)*, Amerika Syarikat. Kajian ini untuk menilai efikasi sendiri kaunselor serta faktor-faktor yang mempengaruhinya. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesemua kaunselor mempunyai tahap efikasi yang tinggi dari aspek pembangunan kaunselor, motivasi kaunselor dan juga kompetensi kaunselor. Dalam pada itu juga kajian mendapati elemen-elemen pengupayaan kemahiran kaunseling, tahap pencapaian dipengaruhi oleh kombinasi proses kognitif dan juga afektif. Ini telah dapat memberikan satu sumbangan dalam memahami faktor spesifik yang mempengaruhi kepercayaan dan persepsi kaunselor tentang keupayaan mereka untuk melaksanakan tugas dan memberikan perkhidmatan kaunseling secara lebih profesional (Harris, 2007).

Kajian mengenai efikasi sendiri kaunselor terhadap pelatih kaunseling telah dijalankan oleh Barbee, Scherer dan Combs (2003) ; Barnes (2004) serta Lent, Hill dan Hoffman (2002) telah menunjukkan terdapat korelasi yang positif di dalam efikasi sendiri kaunselor dengan pembelajaran pra praktikum (Barbee, Scherer & Combs, 2003), kemahiran kaunseling yang tinggi (Barnes, 2004) dan aspek tingkah laku kognitif yang lebih baik dan respons afektif yang tinggi (Lent, Hill & Hoffman, 2002). Kajian tersebut menunjukkan bahawa efikasi sendiri kaunselor adalah elemen penting yang membantu dalam penghasilan proses kaunseling yang positif terhadap klien dan seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan kaunselor.

2.12 Hubungan Di Antara Kesejahteraan Psikologi, Kesejahteraan Spiritual Dan Efikasi Kendiri Kaunselor

Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO) telah mendefinisikan kesejahteraan sebagai satu keadaan di mana bukan sahaja tiada kesakitan atau penyakit tetapi juga merupakan satu kesejahteraan yang lengkap meliputi kesejahteraan fizikal, mental dan juga sosial (WHO, 1967). Berdasarkan kepada definisi tersebut kesemua bentuk kesejahteraan adalah saling berhubung kait antara satu dengan yang lain. Namun begitu pengkaji tidak menemui kajian lepas yang mengkaji hubungan antara ketiga – tiganya iaitu kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan juga efikasi. Namun begitu kebanyakan pengkaji hanya melihat hubungan antara dua faktor sahaja sama ada antara kesejahteraan psikologi dengan kesejahteraan spiritual ataupun efikasi sendiri dengan kesejahteraan spiritual dan sebagainya.

Hubungan antara kesejahteraan spiritual dan juga efikasi sendiri sememangnya wujud. Menurut Richards dan Begin (2005), sumber-sumber di dalam agama tradisi seseorang kaunselor akan dapat meningkatkan efikasi sesuatu proses rawatan dalam bidang kaunseling. Ini menyokong kajian yang telah dijalankan oleh Cashwell, Young and Belaire (2001) yang telah mendapati bahawa klien yang dikenalpasti mempunyai orientasi spiritual yang kuat akan menganggap kaunselor sebagai seorang yang boleh dipercayai dan mempunyai kepakaran berbanding dengan klien yang sebaliknya. Oleh itu ini akan dapat memberikan kaunselor satu kedudukan yang lebih baik untuk membantu dan memberikan perkhidmatan kepada klien.

Hubungan antara kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri kaunselor juga turut dikaji oleh Pollock (2007). Hasil kajiannya mendapati bahawa terdapat hubungan antara persepsi spiritual dengan efikasi sendiri kaunselor. Beliau menyatakan bahawa kaunselor akan semakin mengetahui bahawa hubungan spiritual adalah amat penting kepada klien. Ia akan membolehkan kaunselor meningkatkan kemahiran serta membantu mereka dalam mengenali dan meneroka klien dengan lebih mendalam. Hubungan spiritual juga turut akan mengurangkan kebimbangan, tekanan serta dapat meningkatkan kesihatan mental di samping kaunselor akan mempunyai keyakinan diri, fokus dan minat yang tinggi.

Terdapat juga hubungan di antara kesejahteraan psikologi dengan kesejahteraan spiritual. Kajian yang dijalankan oleh Lumadue dan Wooten (2007) mendapati bahawa terdapat korelasi yang signifikan di antara skor dalam pengukuran keseluruhan dengan skor di kalangan sub skala. Ini memberi indikasi bahawa kesejahteraan spiritual dan kesejahteraan psikologi adalah berhubungkait di dalam populasi yang dikaji oleh mereka.

Ini disokong oleh kajian Richter (2001) yang melihat korelasi antara kesejahteraan psikologi dengan kesejahteraan spiritual. Beliau mendapati bahawa tahap spiritual yang tinggi dikaitkan dengan karektor peribadiiti yang sihat. Kajiannya juga memperolehi korelasi yang positif di antara kesejahteraan psikologi dengan kesejahteraan spiritual.

Kajian yang dijalankan oleh Ellison dan Smith (1991), *General Social Survey* (GSS) terhadap 400 responden mendapati responden yang mempunyai pegangan


agama tinggi dilaporkan memperoleh kepuasan hidup yang juga tinggi. Ellison dan Smith (1991) juga mendapati bahawa kesejahteraan spiritual dapat meningkatkan kesejahteraan hidup melalui empat cara. Pertama ia menyediakan sokongan dan integrasi sosial kepada seluruh masyarakat. Kedua kesejahteraan spiritual dapat menyediakan satu kesinambungan di dalam makna kehidupan dan kewujudan manusia di atas muka bumi ini. Seterusnya ketiga kesejahteraan spiritual juga turut meningkatkan kesejahteraan psikologi dengan wujudnya hubungan antara makhluk dengan penciptanya. Keempat kesejahteraan spiritual menggalakkan individu berada dalam pertubuhan-pertubuhan agama yang dapat membentuk cara hidup seseorang ke arah yang lebih positif.

Secara keseluruhannya di dapati bahawa kesejahteraan kaunselor tidak hanya tertumpu kepada satu faktor sahaja tetapi kesejahteraan kaunselor dipengaruhi oleh banyak faktor yang berada di luar persekitaran mereka dan juga faktor di dalam diri mereka sendiri. Oleh itu kajian ini akan melihat kesejahteraan kaunselor dari aspek kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan juga efikasi sendiri kaunselor.

2.13 Model *Mediation*

Model *mediation* adalah satu model yang dapat mengenalpasti dan menerangkan mekanisma atau proses di mana hubungan antara pemboleh ubah bersandar (DV) dan pemboleh ubah bebas (IV) melalui kemasukan pemboleh ubah yang ketiga yang dikenali sebagai pemboleh ubah mediator (Pollack, VanEpps & Hayes, 2012). Model *mediation* ini juga mencadangkan bahawa pemboleh ubah bebas (IV) mempengaruhi pemboleh ubah mediator yang mana ini juga akan turut mempengaruhi pemboleh ubah bersandar. Model *mediation* juga dikenali sebagai


kesan tidak langsung pemboleh ubah bebas (IV) ke atas pemboleh ubah bersandar (DV) melalui pengaruh dari pemboleh ubah mediator (M).



Rajah 2.3 Model Mediation


Jenis-Jenis *mediation*. Menurut Hayes (2013), terdapat tiga bentuk *mediation* iaitu *mediation* penuh (*full mediation*), *mediation* separa (*partial mediation*) dan tiada *mediation* (*no mediation*).

Mediation Penuh (*full mediation*). *mediation* penuh juga menunjukkan hubungan yang maksimum terhadap *mediation*. Ia berlaku apabila kemasukan pemboleh ubah mediator (M) menyebabkan hubungan antara pemboleh ubah bebas (IV) dengan pemboleh ubah bersandar (DV) menjadi sifar. Ini jarang sekali berlaku.




Rajah 2.4 Mediation Penuh

Mediation Separa (partial mediation). *Mediation* separa berlaku apabila wujudnya hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah mediator (M) dengan pemboleh ubah bersandar (DV) dan dalam masa yang sama pemboleh ubah mediator (M) juga turut mempunyai hubungan dengan pemboleh ubah bebas (IV).



Rajah 2.5 Mediation Separa

Tiada Mediation (no mediation). *Tiada mediation* akan berlaku apabila terdapat hanya satu sahaja hubungan antara pemboleh ubah di dalam model *mediation* tersebut. Sama ada pemboleh ubah bersandar (DV) dengan pemboleh ubah bebas (IV) atau pemboleh ubah moderator (M) dengan pemboleh ubah bebas (IV) atau yang seumpama dengannya.



Rajah 2.6 Tiada mediation

2.14 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan tentang kajian-kajian lepas ke atas kaunselor khususnya yang melibatkan tentang kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri kaunselor. Perbincangan meliputi konsep asas kaunselor, teori-teori yang berkaitan kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri. Berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lepas, ternyata terlihat kepentingan bagi menjalankan kajian ini secara lebih empirikal lagi. Pengkaji mendapati bahawa ketiga-tiga pemboleh ubah saling mempunyai hubungan yang menyumbang dalam kesejahteraan psikologi para kaunselor khususnya kaunselor organisasi. Penerangan dalam bab ini diharap dapat membantu pengkaji menjalankan kajian dengan lebih baik berpandukan teori-teori yang dipilih yang mendasari kajian ini.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan reka bentuk kajian, populasi dan persampelan kajian, instrumen pengumpulan data, kajian rintis, pentadbiran dan prosedur analisis data metodologi kajian yang berkaitan dengan aspek-aspek pelaksanaan kajian. Muhamad Najib (2003) menyatakan bahawa metodologi sangat penting untuk menjelaskan pelaksanaan proses kajian yang dijadikan sebagai garis panduan untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Oleh yang demikian, metodologi ini dirangka untuk mencapai matlamat kajian yang telah dirancang. Terdapat enam objektif utama yang akan dicapai melalui kajian ini. Pertama adalah untuk menentukan tahap kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri kaunselor organisasi pendidikan di Malaysia. Kedua adalah untuk menentukan kesepadanan model *a priori* dengan data kajian. Seterusnya objektif kajian ketiga adalah bagi menentukan kesejahteraan spiritual sebagai mediator dalam model kajian. Manakala objektif kajian keempat adalah bagi menentukan kesan tidak langsung ke atas kesejahteraan psikologi dalam model kajian. Objektif kajian kelima pula bertujuan untuk menentukan sama ada gender, lokasi tempat kerja dan pengalaman bekerja berperanan sebagai moderator dalam model kajian. Akhir sekali objektif kajian keenam adalah bertujuan untuk menentukan sama ada gender berperanan sebagai moderator dalam model '*moderated – mediatition*' yang dicadangkan.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ialah prosedur untuk mendapatkan data dan sebagai suatu panduan tentang kaedah atau suatu perancangan dalam proses mencapai objektif kajian (Wiersma, 2000). Menurut Chua (2006) pula kaedah ini merupakan salah satu kaedah penyelidikan bukan eksperimental yang paling popular. Ia mempunyai ciri-ciri seperti cara memungut data yang cepat, penggunaan saiz sampel yang besar, pemerolehan maklumat yang terus dan keupayaan hasil keputusan digeneralisasikan. Piaw (2011); Thomas, Nelson dan Silverman (2005) menjelaskan bahawa kajian yang berbentuk tinjauan adalah satu bentuk kajian yang bersesuaian, sistematik dan sangat berkesan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Kajian ini melibatkan dua fasa iaitu fasa pertama adalah untuk kajian rintis dan fasa kedua merupakan kajian sebenar. Kajian ini dirancang untuk dijalankan di peringkat kebangsaan ke atas kaunselor di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Satu set soal selidik akan diedarkan melalui pos kepada subjek-subjek kajian. Set soal selidik yang digunakan terdiri daripada empat bahagian. Bahagian A adalah demografi responden, Bahagian B adalah Skala Kesejahteraan Psikologi oleh Ryff (1989), Bahagian C adalah Skala Efikasi Kendiri Kaunselor oleh Melchert et al. (1996) dan Bahagian D adalah Skala Kesejahteraan Spiritual oleh Paloutzian dan Ellison (1982). Ketiga – tiga instrumen ini menggunakan versi yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia.

Kajian Tinjauan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu menggunakan kaedah kajian tinjauan (survey). Menurut Fraenkel dan Wallen (2001) terdapat tiga ciri utama kajian tinjauan iaitu pertama maklumat yang diperolehi

adalah dari sekumpulan orang yang mewakili populasi tertentu untuk melihat beberapa aspek atau ciri – ciri tertentu misalnya seperti pendapat, sikap, kepercayaan ataupun pengetahuan. Kedua, kaedah pengumpulan maklumat adalah melalui pertanyaan soalan yang mana jawapan kepada soalan yang ditanya merupakan data kepada kajian. Pertanyaan dalam kajian ini adalah dalam bentuk soal selidik yang perlu dijawab oleh responden menggunakan pen dan kertas. Seterusnya ketiga ialah maklumat dikumpulkan dari sampel tertentu dan tidak dari setiap ahli di dalam populasi tersebut.

Kaedah tinjauan ini juga dipilih memandangkan ianya dapat menerangkan masalah atau fenomena yang sedang terjadi (Ahmad Mahdzan & Mohd Majid, 2009; Abdul Hamid , 2013). Menurut Hasimah (2010), kajian tinjauan adalah kaedah terbaik bagi memungut data yang asli daripada satu populasi yang besar melalui teknik pesampelan yang bersesuaian dengan kajian berbantuan soal selidik. Selain dari itu juga penggunaan kaedah tinjauan akan dapat memberikan gambaran tentang suasana sebenar di lapangan iaitu termasuklah sikap, persepsi dan proses yang sedang berlaku dan kesannya ataupun aliran kecenderungannya (Cohen & Manion, 2007). Oleh itu kajian tinjauan ini adalah sangat sesuai di laksanakan dalam kajian ini dengan bantuan soal selidik dan akan dianalisis oleh pengkaji menggunakan statistik kuantitatif.

3.3 Populasi Kajian

Menurut Lim (2007), populasi adalah suatu kumpulan kes yang digemari oleh penyelidik. Kes ini pula boleh wujud sebagai individu, institusi, peristiwa, tempat, fenomena, suatu tempoh masa, dokumen dan perkara-perkara yang disukai

penyelidik. Populasi ini juga dipanggil populasi sasaran dan ditentukan oleh penyelidik melalui soalan kajiannya.

Dalam kajian ini, populasi kajian terdiri daripada, kaunselor organisasi di Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri, Institut Pendidikan Guru, Kolej Matrikulasi dan Bahagian Psikologi dan Kaunseling di Kementerian Pendidikan Malaysia.


Oleh kerana populasi tersebar luas maka persampelan bertujuan dipilih. Semua individu di tempat – tempat berkenaan dipilih menjadi ahli sampel. Teknik persampelan ini dinamakan persampelan bertujuan (Lim,2007). Menurut Lim (2007) juga pertimbangan ini penting bagi mendapatkan sampel yang seberapa representatif yang boleh dalam konteks kekangan yang dihadapi supaya generalisasi yang dilakukan nanti mempunyai kredibiliti.

3.4 Sampel Kajian.

Pemilihan sampel kajian amat penting di dalam sesuatu kajian. Ini kerana matlamat persampelan menurut Lim (2007) adalah untuk mendapatkan sampel yang mampu menggambarkan populasi dari segi pemboleh ubah yang menjadi fokus kajian. Sekiranya tujuan ini tercapai, maka sampel dikatakan tidak bias dan mampu mewakili populasi berdasarkan pemboleh ubah berkenaan. Ini bermakna sampel yang representatif adalah sampel yang baik. Penyelidik yang ingin membuat generalisasi dapatan sampel kepada populasi, penting mempunyai sampel yang tidak bias dan representatif.

Sampel kajian ini adalah seramai 203 orang kaunselor yang sedang berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.. Kaunselor yang berada di bawah kementerian terdiri daripada mereka yang berkhidmat sebagai kaunselor seramai 110 responden (54.3%) bertugas di Pejabat Pendidikan Daerah, 18 responden (8.6%) di Jabatan Pendidikan Negeri, 40 responden (19.7%) di Institut Pendidikan Guru serta di Kolej Matrikulasi dan Kementerian Pendidikan masing-masing seramai 24 orang (12.0%) dan 11 orang (5.3%).

Menurut Fauzi et al. (2014) penggunaan persampelan bertujuan adalah merupakan satu cara pemilihan sampel daripada satu populasi yang khusus dan spesifik. Sampel yang dipilih seharusnya dapat memenuhi ciri-ciri yang telah ditetapkan bagi kajian ini iaitu dilantik oleh kementerian dan berkhidmat di unit atau bahagian di kementerian. Sampel adalah dipilih juga berdasarkan kepada pengetahuan dan pengalaman dalam bidang kaunseling. Kaedah persampelan adalah seperti ditunjukkan pada Rajah 3.1 dibawah.



Rajah 3.1 Kaedah Persampelan

Kajian ini juga mengambil pendapat yang dikemukakan oleh Hair et al. (2010) yang mencadangkan jumlah saiz sampel yang minimum berdasarkan kepada kompleksiti model dan pengukuran asas bagi ciri-ciri model. Ini ditunjukkan dalam Jadual 3.1 di bawah.

Jadual 3.1.

Ciri – ciri Model dan Saiz Sampel Minimum (Hair et al.. (2010))

Ciri-ciri Model (Bilangan konstruk laten dan item)	Sampel Minimum Yang Diperlukan
Lima atau kurang konstruk laten. Setiap konstruk laten mempunyai lebih daripada tiga item	100 sampel
Tujuh atau kurang konstruk laten. Setiap konstruk laten mempunyai lebih daripada tiga item	150 sampel
Tujuh atau kurang konstruk laten. Seseengah konstruk laten mempunyai kurang daripada tiga item (model yang dikenalpasti)	300 sampel
Lebih dari tujuh konstruk laten. Seseengah konstruk laten mempunyai kurang daripada tiga item (model yang dikenalpasti)	500 sampel

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah analisis SEM (*Structural Equation Modeling*) yang direka khas untuk menganalisis data kuantitatif. Menurut Byrne (2010), SEM juga merupakan satu kaedah statistik yang menggunakan pendekatan pengesahan (*confirmatory approach*) untuk menguji hipotesis. SEM juga boleh digunakan secara efektif untuk mengutarakan pelbagai permasalahan kajian termasuklah dalam kajian bukan eksperimental.

Chua (2009) juga menyatakan SEM menggunakan kaedah menguji model (*model testing*) untuk menyelidik perhubungan sebab – akibat antara sekumpulan

variabel dalam kajian. Oleh itu Model *a priori* Kesejahteraan Kaunselor Organisasi yang dicadangkan oleh pengkaji akan diuji sama ada ia sepadan dengan data kajian yang akan dikumpulkan daripada responden kajian.

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini menepati ciri-ciri model yang pertama iaitu mengandungi lima atau kurang konstruk laten manakala setiap konstruk pula mempunyai lebih daripada tiga item. Oleh itu saiz sampel yang terlibat dalam kajian ini dengan menggunakan model persamaan struktur adalah 203 orang kaunselor organisasi yang berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Jumlah ini adalah mencukupi dan menepati jumlah minimum sampel yang dicadangkan.

3.5 Instrumen Kajian

Bagi mendapatkan maklumat berdasarkan konsep kajian yang dikehendaki maka satu alat ukur boleh digunakan untuk tujuan tersebut (Majid Konting, 2005 & Rozmi, 2013). Instrumen atau alat ukur adalah merupakan satu elemen penting dalam merancang kaedah kajian bagi mengumpul data dan menjawab soalan kajian yang dikemukakan.

3.5.1 Soal Selidik

Dalam kajian ini instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik. Satu set soal selidik yang terdiri daripada empat bahagian iaitu Bahagian A hingga Bahagian D. Bahagian A terdiri daripada demografi responden, Bahagian B pula terdiri daripada Skala Kesejahteraan Psikologi oleh Ryff (1989), Bahagian C terdiri daripada Skala Efikasi Kendiri Kaunselor oleh Melchert et al. (1996) dan Bahagian D

adalah Skala Kesejahteraan Spiritual oleh Paloutzian dan Ellison (1982). Ketiga – tiga instrumen yang digunakan adalah di dalam versi Bahasa Melayu.

3.5.1.1 Bahagian A: Demografi

Data demografi adalah merupakan data yang pertama perlu dijawab oleh responden. Ia mengandungi 14 item demografi. Item-item tersebut termasuklah gender, bangsa, agama, umur, status, negeri berkhidmat, tempat bekerja, lokasi tempat bekerja, kelulusan dalam bidang kaunseling, pengalaman sebagai kaunselor, perakuan amalan dan nombor keahlian kaunselor. Kesemua item perlu diisi oleh responden berdasarkan kepada kod yang telah disediakan. Misalnya untuk item pertama iaitu gender, kod nya adalah 1 bagi lelaki dan 2 bagi perempuan. Oleh itu sekiranya responden itu lelaki maka dituliskan nombor satu pada kotak di item tersebut. Bagi item yang melibatkan soalan terbuka misalnya umur dan pengalaman bekerja maka responden hanya perlu menuliskan angka yang sesuai di dalam kotak yang disediakan

3.5.1.2 Bahagian B: Skala Kesejahteraan Psikologi.

Bahagian ini mempunyai 54 item yang mengukur kesejahteraan psikologi seseorang untuk mendapatkan maklumat berkaitan 'Kesejahteraan Psikologi'. Instrumen asal versi Bahasa Inggeris dibangunkan oleh Carol Ryff (1989). Skala ini adalah merupakan satu skala umum yang cuba melihat kesejahteraan psikologi seseorang secara umum. Skala ini mempunyai 6 dimensi kefungsiian psikologi positif dan setiap konstruk mempunyai 9 item. Konstruk-konstruk tersebut adalah autonomi,

menguasai persekitaran, penerimaan sendiri, perkembangan peribadi, hubungan positif dengan orang lain dan tujuan hidup . Skala ini juga menggunakan 6 Skala Likert bagi responden menjawab skala tersebut. (Jadual 3.2).

Jadual 3.2.

Skala Jawapan Untuk Skala Kesejahteraan Psikologi, Ryff (1989)

Kategori	Skala
Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Sederhana Tidak Setuju	3
Sederhana Setuju	4
Setuju	5
Sangat Setuju	6

Menurut Petterson dan Arnetz (1997) terdapat satu keperluan yang amat tinggi terhadap satu alat ukur yang dapat mengukur dengan tepat kesejahteraan pekerjaan dan isu-isu lain di dalam lingkungan kualiti kerja mereka. Ryff (1989) juga turut menyatakan bahawa di dalam usaha untuk memantapkan sesuatu konstruk yang spesifik memerlukan satu instrumen untuk menilainya. Oleh itu berdasarkan kepada pendapat tersebut maka skala ini menjadi satu alat ukur yang tepat bagi mengetahui kesejahteraan psikologi kaunselor.

Autonomi

Konstruk ini untuk menilai kesungguhan sendiri dan keupayaan untuk berdikari seseorang kaunselor. Ia juga turut melihat bagaimana pendirian kaunselor

membuat sesuatu keputusan penting. Skor yang tinggi menunjukkan kaunselor mempunyai kesungguhan serta mampu untuk menghadapi tekanan pekerjaan dalam tindakan dan pemikiran. Skor rendah pula menunjukkan kebimbangan terhadap ekspektasi dan penilaian orang lain terhadap pekerjaan. Selain dari itu ia menunjukkan kebergantungan kepada rakan sekerja untuk membuat keputusan yang penting.

Jadual 3.3

Contoh Item Positif Dan Item Negatif Konstruk Autonomi

Nombor Item	Konstruk Autonomi
Item 1	Keputusan saya selalunya tidak dipengaruhi oleh apa yang dilakukan oleh orang lain
Item 3 (-)	Saya berasa bimbang dengan apa yang orang lain fikir tentang diri saya

Menguasai Persekitaran

Dimensi ini pula adalah untuk melihat keupayaan kaunselor di dalam menguasai pekerjaannya. Ia turut mengenalpasti adakah kaunselor sedar tentang peluang-peluang yang wujud di sekelilingnya serta mengambil peluang tersebut. Skor tinggi menunjukkan kaunselor mempunyai kepakaran dan kompetensi di dalam menguruskan pekerjaannya. Mereka mampu mengawal aktiviti, peluang serta berkeupayaan untuk menilai dan memilih keperluan serta nilai dalam pekerjaan mereka. Skor rendah pula menunjukkan kesukaran untuk menguruskan pekerjaan serta tidak berupaya untuk mengubah dan meningkatkan persekitaran kerja. Disamping itu mereka juga kurang melihat peluang di sekeliling pekerjaan mereka.

Jadual 3.4

Contoh Item Positif Dan Item Negatif Konstruk Menguasai Persekitaran

Nombor Item	Konstruk Menguasai Persekitaran
Item 10	Saya bijak menguruskan masa supaya saya dapat menyelesaikan semua perkara yang perlu dibereskan
Item 13 (-)	Saya tidak dapat menyesuaikan diri dengan baik terhadap orang ramai dan masyarakat sekeliling saya

Penerimaan Kendiri

Dimensi ini untuk menilai sikap kaunselor terhadap diri mereka sendiri sama ada mereka berpuas hati ataupun tidak. Dimensi ini juga melihat kualiti yang positif dan juga negatif dalam diri kaunselor. Skor tinggi merujuk kepada kaunselor yang mempunyai sikap positif terhadap pekerjaan serta dapat menerima, menghargai semua aspek dan kualiti yang baik atau buruk di dalam pekerjaan mereka. Skor rendah pula adalah merujuk kepada kaunselor yang kurang berpuas hati dengan pekerjaan mereka dan masa lalu serta bermasalah dalam menerima pekerjaan tersebut.

Jadual 3.5

Contoh Item Positif Dan Item Negatif Konstruk Penerimaan Kendiri

Nombor Item	Konstruk Penerimaan Kendiri
Item 48	Apabila saya membandingkan diri saya dengan rakan-rakan, ia membuatkan saya rasa gembira dengan diri saya
Item 52 (-)	Dalam banyak perkara saya rasa kecewa dengan pencapaian dalam hidup

Responden yang menjawab Skala Kesejahteraan Psikologi Kaunselor ini akan memilih satu dari enam pilihan jawapan bagi setiap item iaitu :1 = Amat Sangat Tidak Setuju, 2 = Sangat Tidak Setuju, 3 = Tidak Setuju, 4 = Setuju, 5 = Sangat Setuju dan 6 = Amat Sangat Setuju.

Skala ini mempunyai kenyataan positif dan negatif. Responden yang menjawab item-item berbentuk negatif akan diterbalikkan skornya di peringkat akhir penskoran agar skor yang tinggi dapat menggambarkan ketinggian kadar jawapan responden dalam dimensi yang dinilai. Terdapat item - item telah di terbalikkan kodnya (rujuk Jadual 3.6) untuk menjadi Amat Tidak Bersetuju kepada 6, Sangat Tidak Bersetuju kepada 5, Tidak Bersetuju kepada 4, Bersetuju kepada 3, Sangat Bersetuju kepada 2 dan Amat Bersetuju kepada 1.

Jadual 3.6

Item Yang Diterbalikkan Untuk Konstruk Penerimaan Kendiri

Senarai item yang diterbalikkan kod

3 , 4 , 7 , 8 , 11 , 13 , 14 , 18 , 19 , 21 , 23 , 24 , 25 , 27 , 28 , 30 , 31 , 35 , 36 , 38 ,
40 , 41 , 42 , 43 , 45 , 46 , 49 , 52

Perkembangan Peribadi

Dimensi ini adalah untuk mengenalpasti sama ada kaunselor dapat meningkatkan perkembangan pekerjaan mereka. Ini termasuklah dari aspek potensi, perlakuan serta sikap kaunselor terhadap sesuatu yang baru di dalam pekerjaan mereka. Skor yang tinggi menunjukkan kaunselor sentiasa melihat potensi pekerjaan yang sentiasa berkembang. Mereka juga sentiasa sedar bahawa mereka berpotensi untuk berubah dan sedang berubah ke arah tersebut. Skor rendah pula merujuk kepada kaunselor yang kurang perkembangan di dalam pekerjaan mereka dan sentiasa berasa bosan dan sukar untuk membangunkan tingkah laku dan sikap yang baru.

Jadual 3.7

Contoh Item Positif Dan Item Negatif Konstruk Perkembangan Peribadi

Nombor Item	Konstruk Perkembangan Peribadi
Item 20	Saya mempunyai kesedaran bahawa selama ini saya telah menjadi seorang manusia berguna
Item 19 (-)	Saya tidak berminat dengan aktiviti yang akan mengembangkan horizon saya

Hubungan Positif dengan Orang Lain

Dimensi ini pula meneroka dari aspek hubungan kaunselor di dalam organisasinya yang meliputi hubungan yang positif, kepercayaan, simpati, empati dalam hubungan sesama rakan sekerja dan ahli di dalam organisasi. Ia juga melihat adakah kaunselor merasa keseorangan, tidak boleh bertolak ansur dan sering dikecewakan. Skor tinggi di dalam dimensi ini menunjukkan kaunselor mempunyai hubungan kepercayaan di tempat kerja, sentiasa mengambil berat kebajikan orang lain, empati, simpati di dalam organisasi serta sentiasa bertolak ansur dalam hubungan organisasi. Skor rendah pula menunjukkan hubungan kepercayaan di tempat kerja yang kurang. Sukar untuk mengambil berat tentang orang lain di dalam organisasi dan sentiasa mengasing dan diasingkan serta sukar untuk bertolak ansur di dalam organisasi.

Jadual 3.8.

Contoh Item Positif Dan Item Negatif Konstruk Hubungan Positif Dengan Orang Lain

Nombor Item	SKP
Item 29	Saya suka perbualan yang peribadi dan jujur dengan ahli keluarga dan rakan-rakan
Item 36 (-)	Saya tidak pernah mengalami hubungan yang baik dan dipengaruhi dengan orang lain

Tujuan Hidup

Dimensi ini mengukur aspek matlamat di dalam kerjaya kaunselor termasuklah tujuan dalam kerjaya, sasaran atau objektif kerjaya kaunselor kepada mereka. Skor tinggi merujuk kepada kaunselor yang mempunyai sasaran dan tujuan dalam kerjaya serta sentiasa berusaha untuk menjadikannya satu kenyataan. Skor rendah pula menunjukkan kaunselor tidak mempunyai tujuan yang jelas dalam kerjaya maka secara langsung boleh melemahkan semangat mereka. Mereka tidak melihat pengalaman lalu sebagai sesuatu yang dapat membantu di dalam kerjaya ini.

Jadual 3.9

Contoh Item Positif Dan Item Negatif Tujuan Hidup

Nombor Item	Konstruk Tujuan Hidup
Item 39	Saya seorang yang aktif dalam menjalankan perancangan yang telah saya tetapkan untuk diri sendiri
Item 45 (-)	Saya menjalani hidup ini setiap hari dan tidak memikirkan mengenai masa depan

Responden yang menjawab Skala Kesejahteraan Psikologi Kaunselor ini akan memilih satu dari enam pilihan jawapan bagi setiap item iaitu :1 = Amat Sangat Tidak Setuju, 2 = Sangat Tidak Setuju, 3 = Tidak Setuju, 4 = Setuju, 5 = Sangat Setuju dan 6 = Amat Sangat Setuju.

Skala ini mempunyai kenyataan positif dan negatif. Responden yang menjawab item-item berbentuk negatif akan diterbalikkan skornya di peringkat akhir penskoran agar skor yang tinggi dapat menggambarkan ketinggian kadar jawapan responden dalam dimensi yang dinilai. Jadual 3.10 menunjukkan item - item yang telah di terbalikkan untuk menjadi Amat Tidak Bersetuju kepada 6, Sangat Tidak

Bersetuju kepada 5, Tidak Bersetuju kepada 4, Bersetuju kepada 3, Sangat Bersetuju kepada 2 dan Amat Bersetuju kepada 1.

Jadual 3.10

Item Yang Diterbalikkan Untuk Konstruk Tujuan Hidup

Senarai item yang diterbalikkan kod

3 , 4 , 7 , 8 , 11 , 13 , 14 , 18 , 19 , 21 , 23 , 24 , 25 , 27 , 28 , 30 , 31 , 35 , 36 , 38 ,
40 , 41 , 42 , 43 , 45 , 46 , 49 , 52

3.5.1.3 Bahagian C: Skala Kesejahteraan Spiritual.

Skala Kesejahteraan Spiritual dibangunkan oleh Paloutzian dan Ellison (1982). Skala ini mempunyai 20 item yang mengandungi dua sub skala. Ia terdiri dari 20 item yang mana responden harus memilih berdasarkan kepada enam skala Likert yang bermula dari Amat Bersetuju (1) hinggalah kepada Amat Tidak Bersetuju (6). SKS bertujuan untuk mengukur kesejahteraan spiritual yang dialami apabila seseorang itu melibatkan dirinya dengan sesuatu yang bermakna dalam kehidupannya (Ellison, 1983).

Skala ini dibangunkan oleh Paloutzian dan Ellison (1982) mengandungi 20 item dengan dua sub skala iaitu :-

- a. Kesejahteraan Beragama yang didefinisikan sebagai “ *well-being in relation to God*” (kesejahteraan yang berkaitan dengan Tuhan) (Ellison , 1983)
- b. Kesejahteraan Kewujudan yang didefinisikan sebagai “ *a sense of life-purpose and satisfaction, with no reference to anything specifically religious*” (satu tujuan hidup dan kepuasan tanpa merujuk kepada agama secara spesifik) (Ellison, 1983)

Sub skala Kesejahteraan Beragama adalah item-item yang mengukur hubungan responden dengan Tuhannya manakala sub skala Kesejahteraan Kewujudan pula adalah item yang mengukur hubungan responden dengan persekitarannya (Peterson, 2005). Kedua-dua sub skala ini dijumlahkan untuk menghasilkan kesejahteraan spiritual secara keseluruhan.

Selain dari itu terdapat beberapa item yang dinyatakan dalam bentuk negatif dan harus diterbalikkan kodnya. Item tersebut adalah item 1, 2, 5, 6, 9, 12, 13, 16 dan 18. Kesemua item ini harus di kodkan semula sebelum proses penjumlahan dilaksanakan untuk mendapatkan keputusan yang tepat.

Bagi Sub skala Kesejahteraan Beragama, contoh item positif ialah Item 3- Saya percaya Tuhan menyayangi dan mengambil berat tentang diri saya. Manakala contoh item negatif pula ialah Item 6 -Saya merasa bimbang tentang masa depan saya. Bagi Sub skala Kesejahteraan Kewujudan, contoh item positif ialah Item 20 - Saya percaya kehidupan saya mempunyai tujuan yang hakiki. Manakala contoh item negatif pula ialah Item 12- Saya tidak menikmati kehidupan ini sepenuhnya. Jadual 3.11 menunjukkan item-item mengikut sub konstruk bagi Skala Kesejahteraan Spiritual. Manakala Jadual 3.12 pula adalah respons jawapan dan skor markah bagi skala kesejahteraan spiritual

Jadual 3.11.

Item – Item Dalam Skala Kesejahteraan Spiritual

Bil	Sub Skala	Item
1	Kesejahteraan Beragama	1, 3, 5, 7, 9, 11, 13, 15, 17 dan 19

Contoh :
Item 1 : *Saya tidak mendapat kepuasan*

		<i>sepenuhnya semasa menunaikan sembahyang secara berseorangan kepada Tuhan</i>
		Item 3 : <i>Saya percaya Tuhan Menyayangi dan mengambil berat tentang diri saya</i>
2	Kesejahteraan Kewujudan	2, 4, 6, 8, 10, 12, 14, 16, 18 dan 20
		Contoh : Item 2 : <i>Saya tidak tahu siapa diri saya, dari mana saya datang dan ke mana saya akan pergi</i>
		Item 4 : <i>Saya berasakan kehidupan ini adalah satu pengalaman yang positif</i>

Jadual 3.12.

Respons Jawapan Dan Skor Markah Skala Kesejahteraan Spiritual

Respons Jawapan	Skor Markah
Sangat Tidak Setuju	1 markah
Tidak Setuju	2 markah
Sederhana Tidak Setuju	3 markah
Sederhana Setuju	4 markah
Setuju	5 markah
Sangat Setuju	6 markah

3.5.1.4 Bahagian D: Skala Efikasi Kendiri Kaunselor

Skala Efikasi Kendiri Kaunselor dibangunkan oleh Melchert, Hays, Wiljanen dan Kolocek (1996) dengan mempunyai dua sub skala iaitu pengetahuan dan kemahiran. Kajian yang mereka jalankan itu bertujuan untuk mengukur hubungan di antara efikasi sendiri kaunselor dengan jumlah latihan klinikal dan pengalaman

seseorang kaunselor. Setiap item di dalam skala ini menggambarkan kemahiran yang digunakan di dalam amalan kaunseling dan tidak tertumpu kepada kompetensi-kompetensi spesifik yang terdapat di dalam sesuatu teori ataupun teknik (Curry, 2007).

Instrumen ini mengandungi 20 item dengan skor satu hingga lima pada Skala Likert. Beberapa item ditulis secara negatif dan perlu diterbalikkan kodnya untuk tujuan penskoran. Skor mentah bagi instrumen ini adalah dari 20 untuk skor yang paling rendah hingga ke 100 bagi skor yang paling tinggi. Min bagi instrumen ini boleh berdasarkan dari skor mentah atau min berdasarkan dari skor purata responden (Melchert et al., 1996).

Menurut Melchert et al. (1996) instrumen ini mempunyai nilai alpha .90 setelah dilakukan analisis terhadap item-itemnya sewaktu mentadbir instrumen ini kepada pelajar graduan dan amali kedoktoran. Oleh yang demikian kebolehpercayaan terhadap instrumen ini adalah tinggi. Terdapat 10 item positif dan 10 item negatif di dalam instrumen ini yang bertujuan untuk melihat efikasi kaunselor. Item – item yang negatif adalah item 3, 4, 6, 9, 10, 11, 12, 14, 17 dan 19 . Manakala item yang positif adalah item 1, 2, 5, 7, 8, 13, 15, 16, 18 dan 20. Di antara contoh item positif di dalam instrumen ini adalah seperti berikut:

Item 1 - Pengetahuan saya mengenai perkembangan peribadiiti adalah mencukupi untuk menjalankan sesi kaunseling. Item 13- Saya boleh membimbing dengan berkesan perkembangan matlamat yang sesuai bersama klien.

Contoh item negatif pula adalah seperti berikut :-

Item 4 - Saya tidak mampu untuk menjalankan penilaian psikologi mengikut standard profesional. Item 17- Pengetahuan saya terhadap prinsip – prinsip kedinamikan kumpulan masih belum mencukupi.

3.5.2 Kaedah Penskoran

Terdapat item-item di dalam Skala Kesejahteraan Psikologi yang diterbalikkan kodnya kepada Sangat Tidak Setuju kepada 6, Tidak Setuju kepada 5, Sederhana Tidak Setuju kepada 4, Sederhana Setuju kepada 3, Setuju kepada 2 dan Sangat Setuju kepada 1.

Manakala bagi Skala Efikasi Kendiri Kaunselor juga terdapat item-item yang diterbalikkan kodnya menjadi Sangat Tidak Setuju kepada 5, Tidak Setuju kepada 4, Tidak Pasti kepada 3, Setuju kepada 2 dan Sangat Setuju kepada 1.(Jadual 3.13).

Seterusnya bagi Skala Kesejahteraan Spiritual pula terdapat juga item-item diterbalikkan kodnya menjadi Sangat Tidak Setuju kepada 6, Tidak Setuju kepada 5, Sederhana Tidak Setuju kepada 4, Sederhana Setuju kepada 3, Setuju kepada 2 dan Sangat Setuju kepada 1. Seterusnya kesemua skor sub skala bagi setiap instrumen akan dijumlahkan bagi setiap responden untuk mendapatkan skor mentah responden. Skor mentah ini kemudiannya akan dibahagikan dengan bilangan item dalam setiap skala dan seterusnya didarabkan dengan 100 bagi tujuan mendapatkan peratusnya.

Jadual 3.13

Item-item yang diterbalikkan kodnya mengikut instrumen

Instrumen	Nombor Item yang Diterbalikkan
Skala Kesejahteraan Psikologi	3 , 4 , 7 , 8 , 11 , 13 , 14 , 18 , 19 , 21 , 23 , 24 , 25 , 27 , 28 , 30 , 31 , 35 , 36 , 38 , 40 , 41 , 42 , 43 , 45 , 46 , 49 dan 52 .
Skala Efikasi Kendiri Kaunselor	3, 4, 6, 9, 10, 11, 12, 14, 17 dan 19
Skala Kesejahteraan Spiritual	1, 2, 5, 6, 9, 12, 13, 16 dan 18.

Skor Skala Kesejahteraan Psikologi, Skala Efikasi Kendiri Kaunselor dan Skala Kesejahteraan Psikologi yang telah diselaraskan di dalam bentuk peratus dengan item di dalam skala tersebut adalah untuk mendapatkan kekuatan bagi dimensi skala tersebut. Menurut (Ryff, 1989) semakin tinggi skor yang diperolehi responden bagi setiap konstruk maka menunjukkan semakin tinggi tahap kesejahteraan psikologi responden tersebut. Misalnya seseorang responden itu memperoleh 60% skor di dalam skala ini menunjukkan bahawa responden tersebut mempunyai 60% tahap kesejahteraan psikologi dalam dirinya.

Begitu juga dengan interpretasi bagi skor Skala Efikasi Kendiri Kaunselor yang mana skor mentahnya adalah dari 20 untuk yang paling rendah dan 100 untuk yang paling tinggi. Menurut Melchert (1996), min boleh berdasarkan dari skor mentah ataupun min diperolehi dari skor purata responden dan nilai efikasi sendiri kaunselor adalah berdasarkan kepada tinggi nilai skor yang diselaraskan kepada bentuk peratus. Semakin tinggi nilai skor tersebut maka semakin tinggi tahap efikasi sendiri kaunselor bagi responden.

Skala Kesejahteraan Spiritual juga turut menjumlahkan kedua – dua sub skalanya iaitu sub skala Kesejahteraan Beragama dan sub skala Kesejahteraan Kewujudan dan akan menghasilkan skala keseluruhan iaitu Skala Kesejahteraan Spiritual. Dalam skala ini juga memberikan indikator bahawa semakin tinggi nilai skornya maka akan lebih kuat tahap kesejahteraan spiritualnya dengan nilai skor paling rendah adalah 20 dan nilai skor paling tinggi adalah 120.

Skor yang tinggi memberi petunjuk bahawa individu tersebut adalah merupakan seorang individu yang tidak kesunyian, mempunyai kemahiran sosial yang tinggi, mempunyai esteem sendiri yang tinggi serta mempunyai komitmen beragama yang juga tinggi. Oleh itu lagi tinggi skor yang diperolehi oleh seseorang responden maka lagi kuat kesejahteraan spiritualnya (Boivin et al. , 1999). Jadual 3.14 menunjukkan nilai skor yang rendah adalah pada skor 20 ke 40, skor sederhana adalah pada skor 41 ke 99 dan skor tinggi pula adalah terletak pada skor 100 ke 120 (Boivin et al. , 1999).

Jadual 3.14
Penskoran Skala Kesejahteraan Spiritual (Boivin et al., 1999)

Nilai Skor	Tahap Skor
20 hingga 40	Rendah
41 hingga 99	Sederhana
100 hingga 120	Tinggi

3.6 Kebolehpercayaan Instrumen

Menurut Azizi et al. (2010) dan Gay dan Airasian (2006), kebolehpercayaan merujuk kepada setakat mana instrumen mengukur pemboleh ubah kajian secara konsisten. Kebolehpercayaan kajian adalah konsistensi sesuatu kajian yang menunjukkan ketepatan dan kemantapan sesuatu alat ukur yang dibentuk untuk mengukur sesuatu konsep. Kebolehpercayaan alat ukur boleh dianggap mantap apabila tidak adanya tafsiran yang berbeza daripada maklumbalas terhadap kajian ini sama ada melalui responden atau pemerhati. Ianya harus mempunyai tafsiran yang sama terhadap persoalan yang dikemukakan. Kebolehpercayaan seringkali dirujuk kepada kebolehpercayaan dalaman (*internal reliability*) dan kebolehpercayaan luaran (*external reliability*). Kebolehpercayaan dalaman merujuk kepada setakat mana pengumpulan data, analisis dan interpretasi data adalah konsisten (tekal). Manakala, kebolehpercayaan luaran sering kali dirujuk kepada setakat mana sesuatu kajian itu *replicable*.

Di dalam kajian yang berbentuk kuantitatif, kebolehpercayaan instrumen adalah amat penting iaitu untuk mengukur variabel-variabel kajian. Kajian rintis akan dijalankan bagi menentukan sejauh mana instrumen kajian mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan menggunakan koefisien alfa bagi menentukan kebolehpercayaan pengukuran. Langkah ini bertujuan untuk setakat mana item –item yang digunakan dalam instrumen kajian mengukur pemboleh ubah kajian iaitu memperlihatkan konsistensi dalaman yang baik.

Kebolehpercayaan instrumen bermaksud pada aras mana instrumen tersebut tekal dalam mengukur apa yang diukur. Lebih tinggi kebolehpercayaan instrumen

tersebut adalah lebih menyakinkan pengkaji untuk mengukur perkara yang sama. Aras kepercayaan yang menunjukkan ralat yang minimum. (Gay et al., 2006).

3.6.1 Kebolehpercayaan Skala Kesejahteraan Psikologi.

Skala ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi menurut Ryff (1989). Kajian yang dijalankannya terhadap 321 responden mendapati nilai alpha adalah tinggi. Bagi autonomi .86, menguasai persekitaran .90, penerimaan sendiri .93, perkembangan peribadi .87, hubungan positif dengan orang lain .91 dan tujuan hidup .90. Manakala bagi keseluruhan skala nilai *Alpha Cronbach* nya adalah .91. Ini menunjukkan bahawa skala ini mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai untuk ditadbirkan dalam kajian ini.

Ini juga disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Strauser dan Lustig (2008) menggunakan skala kesejahteraan psikologi Ryff (1989). Hasil kajian mendapati nilai kesahan dalaman bagi setiap dimensi adalah tinggi. Bagi autonomi ialah .76, menguasai persekitaran ialah .87, penerimaan sendiri ialah .88, perkembangan peribadi ialah .79, hubungan positif dengan orang lain ialah .84 dan tujuan hidup ialah .85. Ini menunjukkan bahawa skala ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

3.6.2 Kebolehpercayaan Skala Kesejahteraan Spiritual.

Menurut Syed Sohail et al. (2009) terdapat tiga penskoran di dalam instrumen ini. Skor Kesejahteraan Beragama dan Kesejahteraan Kewujudan adalah di antara 10 hingga 60. Manakala skor bagi Skala Kesejahteraan Spiritual mempunyai skor antara 20 hingga 120. Di samping itu Syed Sohail et al. (2009) yang

menjalankan kajian di Malaysia juga turut memperoleh nilai kebolehpercayaan yang tinggi dengan nilai *Alpha Cronbach* adalah .89 bagi Kesejahteraan Spiritual dan masing-masing .86 bagi Kesejahteraan Beragama serta .81 untuk Kesejahteraan Kewujudan.

Ini bersamaan dengan kajian yang dijalankan oleh Ellison dan Smith (1991) terhadap 435 orang pelajar kolej di Pacific Northwest. Beliau memperoleh kebolehpercayaan yang tinggi bagi SKS dan dua sub skalanya. Bagi SKS nilai *Alpha Cronbach* nya adalah .89 manakala bagi Kesejahteraan Beragama .95 dan Kesejahteraan Kewujudan .83. Boivin et al. (1999) juga turut telah menggunakan skala ini untuk kajiannya yang menggunakan seramai 900 responden. Beliau melaporkan bahawa kesahan yang diperolehinya adalah tinggi. Skala tersebut memperoleh kesahan dalaman bagi keseluruhan skalanya adalah di antara .89 hingga .94. Manakala bagi sub skala beragama terletak di antara .82 hingga .94 dan sub skala kewujudan pula adalah terletak di antara .78 hingga .86. kesemua skor ini menunjukkan bahawa skala ini mempunyai kesahan dalaman yang tinggi dan sekaligus menunjukkan skala ini adalah satu skala yang berwibawa untuk digunapakai.

3.6.3 Kebolehpercayaan Skala Efikasi Kendiri Kaunselor

Pengkaji yang membangunkan skala ini iaitu Melchert et al. (1996) mendapati setelah dijalankan analisis keseluruhan instrumen memperoleh .90 nilai *Alpha Cronbach*. Kebolehpercayaan kandungan adalah merupakan satu keadaan di mana skor di dalam sesuatu instrumen itu mempunyai hubungan dengan variabel kriteria luaran yang mengukur perlakuan atau tingkahlaku item (Pallant, 2001).

Disamping itu juga Melchert et al. (1996) telah menjalankan pengesahan konstruk konvergen ke atas skala ini dengan membuat korelasi skor yang diperolehi dengan skor yang diperolehi dari Skala Inventori Efikasi oleh Friedler dan Synder (1983). Analisis pengesahan konvergen ini dianalisis menggunakan data dari 60 sampel yang telah digunakan oleh Skala Efikasi Kendiri Kaunselor. Hasil korelasi antara kedua skala tersebut menunjukkan nilai yang tinggi iaitu $r = .83$. Oleh yang demikian Skala Efikasi Kendiri Kaunselor adalah merupakan satu skala yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Jadual 3.15

Nilai Kebolehpercayaan Alpha Instrumen Bagi Kajian Sebenar

Bahagian	Instrumen	Bilangan Item	Alpha Cronbach
A	Demografi	14	-
B	Skala Kesejahteraan Psikologi (Ryff, 1989)	54	0.91
C	Skala Kesejahteraan Spiritual (Paloutzian & Ellison, 1982)	20	0.89
D	Skala Efikasi Kendiri Kaunselor (Melchert et al., 1996)	20	0.91
Jumlah Item		108	

3.7 Prosedur Penterjemahan Bahasa Alat Ukur

Prosedur penterjemahan menggunakan kaedah “*back to back translation*”. Ini adalah dicadangkan untuk penyelidikan merentas budaya yang menggunakan instrumen sedia ada yang berbeza dari bahasa asal responden (Brislin, 1986). Dua daripada tiga soal selidik dilakukan proses *back to back translation* iaitu Skala Efikasi Kendiri Kaunselor (Melchert et al., 1996) dan Skala Kesejahteraan Psikologi (Ryff, 1989). Manakala bagi Skala Kesejahteraan Spiritual (Palouzian & Ellison, 1982) pula adalah menggunakan versi Bahasa Melayu yang telah menjalani proses *back to back translation* yang telah dilakukan oleh Syed Sohail et al. (2009).

Soal selidik Skala Efikasi Kendiri Kaunselor (Melchert et al., 1996) dan Skala Kesejahteraan Psikologi (Ryff, 1989) telah dialihbahasa dengan menggunakan kaedah terjemahan dan terjemahan kembali seperti yang disarankan oleh Brislin (1986). Kaedah ini mengkehendaki alat ukur asal dalam Bahasa Inggeris diterjemah ke dalam Bahasa Melayu dan penterjemah lain diminta menterjemah semula alat ukur yang telah dialihkan bahasa dalam Bahasa Melayu ke dalam Bahasa Inggeris. Penterjemah pertama telah menterjemah alat ukur ini ke dalam Bahasa Melayu dan sentiasa memastikan terjemahan menepati maksud asal alat ukur dan menggunakan laras bahasa yang mudah difahami.

Alat ukur ini kemudiannya diberikan kepada penterjemah kedua untuk menterjemah semula dari Bahasa Melayu ke Bahasa Inggeris. Versi terjemahan semula ini kemudian dibandingkan dengan versi asal. Jika terdapat terjemahan item

yang tidak sama, sesi perbincangan dengan penterjemah akan dilakukan sehingga berjaya menghasilkan pernyataan yang menepati maksud asal alat ukur.

3.8 Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan adalah untuk menilai kesahan dan kebolehpercayaan kesemua skala versi Bahasa Melayu. Menurut Chua (2006) kajian rintis merupakan satu kajian secara kecil-kecilan yang dilaksanakan sebelum kajian sebenar dilaksanakan. Ia dilakukan untuk melihat kebolehlaksanaan dan kemunasabahan sesuatu kajian yang bakal dijalankan. Kajian rintis ini juga dijalankan untuk memastikan masa yang diambil untuk menjawab soal selidik tersebut sepenuhnya. Selain dari itu juga responden dikehendaki untuk memberikan komen dan cadangan mengenai item-item yang dirasakan agak mengelirukan, tidak jelas serta kabur untuk difahami. Item-item tersebut akan diasing serta dikaji serta dinilai semula. Instrumen tersebut akan dinilai ketekalan dalaman *Alpha Cronbach*. Ini untuk melihat sama ada item-item dalam instrumen tersebut mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi atau sebaliknya. (Chua, 2006). Kebolehpercayaan adalah darjah item-item di dalam instrumen tersebut saling bergantung antara satu dengan lain (Pallant, 2001).

Satu set soal selidik yang mengandungi Skala Kesejahteraan Psikologi (Ryff, 1989), Skala Efikasi Kaunselor (Melchert et al., 1996) dan Skala Kesejahteraan Spiritual (Paloutzian & Ellison, 1982) telah dijalankan kajian rintis untuk melihat kesahan dan juga kebolehpercayaan instrumen tersebut. Kajian rintis ini dilaksanakan adalah untuk menilai kesahan dan kebolehpercayaan ketiga – tiga instrumen ini iaitu Skala Kesejahteraan Psikologi, Skala Efikasi Kendiri Kaunselor dan Skala Kesejahteraan Spiritual di dalam versi Bahasa Melayu. Kajian rintis juga dijalankan

untuk mendapatkan ulasan dan komen terhadap item yang meragukan. Komen-komen tersebut akan dicatatkan dan diberikan perhatian sewaktu pemurnian instrumen tersebut kelak.

Kajian rintis dijalankan dengan mengedarkan instrumen kepada seramai 88 orang kaunselor sekolah di dalam satu perjumpaan yang diadakan di Kolej Profesional MARA, Air Molek, Melaka pada hari Rabu bertarikh 02 Mac 2011. Seramai 88 orang responden iaitu 26 lelaki dan 62 yang telah menjawab soal selidik untuk tujuan kajian rintis ini. Nilai minimum bagi *Alpha Cronbach* ialah .6 telah ditetapkan. Sekiranya skala menepati kriteria ini, korelasi antara item-item akan diuji. Mana-mana item yang mempunyai korelasi negatif akan dibuang. Konstruk yang tidak memperolehi nilai *Alpha Cronbach* .6, langkah berikut akan dilaksanakan. Pertamanya item-item yang mempunyai korelasi antara item yang negatif akan dibuang dan nilai *Alpha Cronbach* yang baru akan dikira. Sekiranya nilai *Alpha Cronbach* masih kurang dari .6, item-item yang mempunyai korelasi antara item yang rendah akan digugurkan. Proses ini akan diulang sehinggalah nilai *Alpha Cronbach* mencapai .6 atau sehingga nilai terbaik di bawah .6 dicapai.

Hasil dari analisis kebolehpercayaan kajian rintis ini mendapati bahawa ketiga-tiga skala telah mendapat nilai *Alpha Cronbach* yang tinggi dengan Skala Kesejahteraan Psikologi memperolehi .83 dan ini selari dengan dapatan Ryff (1989) yang juga memperolehi nilai *Alpha Cronbach* tinggi iaitu .91. Bagi Skala Kesejahteraan Spiritual pula pengkaji memperolehi nilai *Alpha Cronbach* .70 yang masih dianggap tinggi, manakala dapatan oleh Ellison dan Smith (1991) adalah .89. Nilai *Alpha Cronbach* bagi Skala Efikasi Kendiri Kaunselor di dalam kajian rintis

yang telah dilaksanakan memperoleh 0.70 dan dapatan oleh Melchert et al. (1996) pula adalah .90.

Jadual 3.16

Nilai Kebolehpercayaan Alpha Instrumen Bagi Kajian Rintis Dan Kajian Sebenar

Bahagian	Instrumen	Bilangan Item	Nilai <i>Alpha Cronbach</i> Sebenar	Nilai <i>Alpha Cronbach</i> Kajian Rintis
A	Demografi	14	-	
B	Skala Kesejahteraan Psikologi (Ryff, 1989)	54	0.91	0.83
C	Skala Kesejahteraan Spiritual (Paloutzian & Ellison, 1982)	20	0.89	0.70
D	Skala Efikasi Kendiri Kaunselor (Melchert et al., 1996)	20	0.91	0.70
Jumlah Item		108		

Jadual 3.16 menunjukkan nilai kebolehpercayaan *Alpha* bagi ketiga-tiga skala adalah tinggi dan sesuai untuk diaplikasikan di dalam kajian ini. Bagi tujuan kesahan, sama ada alat ujian dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur maka proses analisis faktor konfirmatori (CFA) dilaksanakan. Sebagai rumusan, dapatan analisis kesahan alat ujian melalui model pengukuran menunjukkan semua nilai

pemberat adalah signifikan. Ini membuktikan bahawa instrumen ini adalah sah dan dapat mengukur konstruk yang ingin diukur.

3.9 Prosedur Kajian

Kebenaran untuk menjalankan kajian ini adalah diperolehi dari Bahagian Penyelidikan dan Perancangan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Bahagian ini telah mengeluarkan surat kebenaran untuk menjalankan kajian di semua unit, bahagian dan sektor di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memberi kerjasama dengan mengemukakan senarai kaunselor organisasi di bawah kementerian. Seterusnya surat kebenaran dari Jabatan Pendidikan Negeri dan juga Pengarah Bahagian di Kementerian Pendidikan dipohon bertujuan mendapatkan kebenaran untuk menjawab instrumen kajian bagi semua kaunselor yang terlibat. Kebenaran yang diperolehi akan membolehkan pengkaji menghubungi kaunselor terlibat melalui Ketua Jabatan masing-masing. Tempoh pengumpulan data ditetapkan selama tiga bulan.

Instrumen yang akan diberikan kepada responden adalah direkabentuk untuk ditadbirkan mengikut format laporan sendiri. Ini bermakna responden hanya perlu membaca dan menjawab semua soal selidik tersebut dengan sendiri. Kesemua instrumen tersebut dicadangkan untuk dijalankan di dalam situasi yang tenang dan kondusif agar tiada gangguan semasa proses menjawab instrumen tersebut. Masa selama lebih kurang 15 ke 25 minit telah diambil bagi keseluruhan empat bahagian berkenaan. Terdapat 14 item bagi Bahagian A – Demografi, 20 item bagi Bahagian B – Skala Efikasi Kendiri Kaunselor (Melchert et al., 1996), 54 item bagi Bahagian

C – Skala Kesejahteraan Psikologi (Ryff, 1989), 20 item bagi Bahagian D – Skala Kesejahteraan Spiritual (Ellison & Poultzian , 1982). Keseluruhannya terdapat 108 item yang perlu dijawab oleh responden untuk instrumen ini.

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengambil langkah-langkah yang sepatutnya dalam memastikan garis panduan standard etika penyelidikan adalah dipatuhi. Borang persetujuan termaklum yang disediakan akan menjelaskan kepada responden tentang tujuan kajian, kerahsiaan data kajian, kepentingan untuk memberikan jawapan yang jujur serta hak responden untuk menarik diri dari menjadi responden pada bila-bila masa sahaja. Memandangkan pengumpulan data ini adalah melibatkan responden yang sedang berkhidmat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia maka privasi responden kajian dan kerahsiaan data kajian adalah amat diberikan perhatian secara khusus. Semasa pengumpulan data juga pengkaji tidak merekodkan sebarang identiti, nombor telefon dan maklumat-maklumat lain yang boleh mengganggu privasi dan kerahsiaan dalam borang jawapan tersebut. Selain dari itu pengkaji juga akan memastikan bahawa akses kepada data kajian hanya boleh dilakukan oleh individu yang dibenarkan sahaja.

3.10 Prosedur Analisis Data

Proses menganalisis data dilaksanakan untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian yang akan memastikan tercapainya objektif kepada kajian ini. Analisis data kajian ini akan menggunakan *Statistical Package For Social Sciences* (SPSS) Versi 20 dan juga *Analysis of Moment Structure* (AMOS) Versi 20, bagi mencapai objektif kajian. Analisis deskriptif digunakan untuk menjawab soalan kajian yang pertama iaitu untuk melihat tahap kesejahteraan kaunselor organisasi di

KPM. Untuk mencapai objektif kajian kedua akan menggunakan analisis statistik Model Persamaan Struktur (SEM) dan analisis faktor konfirmatori (CFA) untuk menentukan kesepadanan model *a priori* dengan data kajian kesejahteraan kaunselor organisasi Kementerian Pendidikan Malaysia. Bagi menjawab soalan kajian ketiga analisis *Sobel Test* akan digunakan untuk menentukan kesejahteraan spiritual sebagai mediator dalam model kajian. Seterusnya analisis laluan (*path analysis*) pula digunakan untuk menjawab soalan kajian keempat bagi menentukan kesan tidak langsung ke atas kesejahteraan psikologi dalam model kajian. Analisis Pelbagai Kumpulan (*Multiple Group Analysis*) akan digunakan untuk menjawab soalan kajian kelima bagi menilai gender, lokasi tempat kerja dan pengalaman bekerja berperanan sebagai moderator dalam model kajian. Soalan kajian keenam akan menggunakan Analisis Pelbagai Kumpulan (*Multiple Group Analysis*) bagi menilai sama ada gender berperanan sebagai moderator dalam model ‘*moderated – mediation*’ yang dicadangkan. Berikut adalah Jadual 3.17, rumusan ujian statistik yang digunakan bagi menjawab soalan kajian.

Jadual 3.17
Rumusan ujian statistik

Bil	Soalan Kajian	Ujian Statistik
1	Apakah tahap kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri dalam kalangan kaunselor organisasi pendidikan di Malaysia ?	Statistik deskriptif: min, sisihan piawai
2	Adakah terdapat kesepadanan model <i>a priori</i> dengan data kajian ?	<i>Structural Equation Modeling</i> (SEM) dan CFA Chi-Square CFI, AGFI, GFI, RMSEA

3	Adakah Kesejahteraan Spiritual berperanan sebagai mediator dalam model kajian?	<i>Sobel Test</i>
4	Adakah terdapat kesan tidak langsung ke atas kesejahteraan psikologi dalam model kajian?	<i>Path Analysis (AMOS)</i>
5	Adakah faktor jantina, lokasi tempat kerja dan pengalaman bekerja berperanan sebagai moderator dalam model kajian?	<i>Structural Equation Modeling Analisis Pelbagai Kumpulan</i>
6	Adakah jantina berperanan sebagai moderator dalam model 'moderated-mediation' yang dicadangkan?	<i>Structural Equation Modeling Analisis Pelbagai Kumpulan</i>

3.11 Analisis SEM (Structural Equation Modeling)

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah analisis SEM (*Structural Equation Modeling*) yang direka khas untuk menganalisis data kuantitatif. Model persamaan struktur adalah sesuai untuk digunakan bagi memodelkan hubungan antara konstruk bersandar dan tidak bersandar yang berbilang secara serentak. (Zulkifley & Kamaruzaman, 2009). Oleh itu SEM dipilih untuk kajian ini kerana kajian ini melibatkan hubungan yang wujud secara teori antara pemboleh ubah secara serentak dan ia dapat menghasilkan ukuran yang mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang lebih baik (Chua, 2009). Selain dari itu juga SEM akan mengambilkira ralat pengukuran (*error measurement*) setiap item dalam proses menguji kesesuaian model.

Menurut Byrne (2010), SEM juga merupakan satu kaedah statistik yang menggunakan pendekatan pengesahan (*confirmatory approach*) untuk menguji

hipotesis. SEM juga boleh digunakan secara efektif untuk mengutarakan pelbagai permasalahan kajian termasuklah dalam kajian bukan eksperimental. Chua (2009) juga menyatakan SEM menggunakan kaedah menguji model (*model testing*) untuk menyelidik perhubungan sebab – akibat antara sekumpulan variabel dalam kajian. Harrington (2009) menyatakan SEM mengandungi dua bahagian model iaitu model pengukuran dan model struktural. Justeru itu berdasarkan justifikasi-justifikasi di atas maka SEM dilihat sangat sesuai diaplikasikan dalam kajian ini.

3.11.1 Model Pengukuran.

Model pengukuran adalah model yang digunakan untuk menguji sama ada pemboleh ubah yang diperhatikan (*observed*) yang telah ditetapkan dalam teori kajian dapat mewakili pemboleh ubah terpendam yang dihipotesiskan. Bagi menganalisis model pengukuran, analisis pengesahan faktor (*confirmatory factor analysis*) atau CFA akan digunakan. Ia bagi menentukan sama ada sesuatu model hipotesis itu sesuai dengan sesuatu set data kajian ataupun tidak. (Hair et al., 2010; Byrne, 2010). Bagi menentukan kesepadanan model yang baik terdapat beberapa nilai indeks padanan yang harus digunapakai dalam analisis tersebut. Menurut Kline (2005) mencadangkan sekurang-kurangnya empat ujian nilai indeks padanan yang harus digunakan iaitu Chi-Square, *Goodness of Fit Index* (GFI), *Normed Fit Index* (NFI) atau *Comparative Fit Index* (CFI), *Non-Normed Fit Index* (NNFI) dan *Root Mean Square Residual* (RMSR).

3.11.2 Model Struktural

Manakala model struktural pula adalah pemetaan bagi model pengukuran yang menerangkan perkaitan bersebab antara pemboleh ubah terpendam dan pemboleh ubah yang diperhatikan (Harrington, 2009; Kline, 2005; Chua, 2009). Model struktural ini adalah untuk mendefinisikan hubungan antara pemboleh ubah terpendam dengan menggunakan kaedah *maximum likelihood* (Byrne, 2001). Chong (2006) menyatakan bahawa model struktural ini dapat membuat spesifikasi sejauh manakah sesuatu pemboleh ubah terpendam dapat meramalkan pemboleh ubah terpendam yang lain di dalam model tersebut. Model struktural akan dapat diukur setelah model pengukuran mencapai nilai kesepadanan yang boleh diterima. Setelah itu model struktural boleh diuji semua laluan struktural antara pemboleh ubah terpendam dalam model dan keseluruhan padanan model struktural yang dihipotesis.

3.11.3 Pengujian Kesepadanan Model

Namun begitu tidak ada peraturan yang khusus bagi menentukan apakah indeks kesepadanan yang patut dilaporkan bagi sesuatu model tertentu (Hooper, Coughlan & Mullen, 2008; Hair et al., 2010). Pemilihan indeks kesepadanan ini adalah bergantung kepada bidang kajian yang dijalankan (Hooper, Coughlan & Mullen, 2008). Pengukuran indeks kesepadanan sesuatu model dikelompokkan kepada tiga kelompok utama iaitu *Absolute Fit Indices* (AFI), *Incremental Fit Indices* (IFI) dan *Parsimony Fit Indices* (PFI) (Hair, et al., 2010).

Absolute Fit Indices (AFI)). Indeks kesepadan yang berada dalam kelompok AFI ini digunakan bagi menentukan sejauh mana model kajian adalah sepadan dengan data sampel kajian (Garson, 2009 ; Mc Donald & Ho, 2002) serta akan dapat memberikan satu model hipotesis yang mencapai tahap padanan terbaik. Indeks kesepadan yang berada dalam kelompok ini adalah *Root Mean Square Error of Approximation (RMSEA)*, *Goodness of fit (GFI)* , *Adjusted Goodness of Fit (AGFI)*, *Root Mean Square Residual (RMR)* dan *Standard Root Mean Square Residual (SRMR)*.

Incremental Fit Indices (IFI). IFI adalah kumpulan indeks yang tidak menggunakan model khi kuasa dua dalam bentuk asalnya tetapi membandingkan nilai khi kuasa dua ini terhadap nilai asas model (model nul atau model bebas). Model hipotesis nul adalah merupakan pemboleh ubah yang tidak dikorelasikan di antara satu sama lain (Mc Donald & Ho, 2002). Nama lain bagi kumpulan indeks IFI ini adalah *Comparative Fit Index (CFI)*, (Miles & Shevlin, 2007) ataupun *Relative Fit Index (RFI)* (Mc Donald & Ho, 2002).

Parsimony Fit Indices (PFI). PFI adalah satu kategori indeks kesepadan yang digunakan untuk melihat tahap parsimoni model kajian. Indeks ini digunakan bagi membandingkan ketepatan padanan antara dua buah model. Model yang kompleks akan menghasilkan nilai kesepadan yang lebih elok berbanding dengan dengan model yang ringkas. Terdapat dua jenis indeks dalam kategori PFI ini iaitu *Parsimony Goodness of fit Index (PGFI)* dan *Parsimonious Normed Fit Index (PNFI)*.

Hair et al. (2010) menyatakan bahawa adalah memadai untuk melaporkan tiga atau lebih indeks kesepadan bagi membuktikan kesepadan yang baik untuk sesebuah model tanpa perlu untuk menerangkan kesemua indeks ketepatan padanan yang ada. Namun begitu menurut Hair et al. (2010) lagi, pengkaji sebaiknya melaporkan sekurang-kurangnya satu Incremental Fit Indices (IFI) dan satu Absolute Fit Indices (AFI) sebagai tambahan kepada Khi kuasa dua (X^2) dan darjah kebebasan (*degree of freedom*). Indeks *absolute* iaitu SRMR atau RMSEA dapat melihat ketepatan padanan yang tidak elok (*bad fit*). Seterusnya indeks incremental iaitu CFI atau TLI pula menunjukkan ketepatan padanan yang elok (*good fit*). Terdapat juga pengkaji lain yang mencadangkan beberapa indeks ketepatan yang patut digunakan untuk tujuan pelaporan kesepadan model misalnya Hu dan Bentler (1999), mencadangkan paparan dua indeks untuk tujuan tersebut iaitu SRMR dengan NNFI (atau TLI), RMSEA atau CFI. Manakala Kline (2005) pula mencadangkan penggunaan ujian khi kuasa dua, RMSEA, CFI dan SRMR.

Oleh itu berdasarkan pandangan Hair et al. (2010) dan Kline (2005) maka kajian ini mencadangkan sekurang-kurangnya empat ujian nilai indeks padanan yang harus digunakan iaitu Chi-Square, Goodness of Fit Index (GFI), Normed Fit Index (NFI) atau Comparative Fit Index (CFI), Non-Normed Fit Index (NNFI) dan Root Mean Square Residual (RMSR).

Bagi kajian ini ujian nilai indeks padanan dinilai melalui beberapa indeks. Bagi indeks *Root Mean Square of Error Approximation* (RMSEA) nilai julat adalah antara 0.05 dan 0.1 boleh dipertimbangkan sebagai diterima dan *Comparative Fit Index* (CFI) bagi *Incremental fit* pula dipertimbangkan apabila nilai indeks melebihi

0.9. Manakala nilai *Chi Square/ Degree of Freedom* (Chisq/Df) pula haruslah di bawah 5.0 untuk mencapai padanan.(Hair et al.,2010; Byrne, 2010). Jadual 3.18 di bawah menunjukkan indeks-indeks kepadanan untuk model pengukuran.

Jadual 3.18
Indeks Kepadanan Untuk Model Pengukuran

Nama Kategori	Nama Indeks	Nilai Indeks	Literatur
<i>Absolute fit</i>	RMSEA	0.05-0.1	Browne and Cudeck (1993)
	GFI	≥ 0.9	Hair (2006,2010)
<i>Incremental fit</i>	CFI	≥ 0.9	Bentler (1990)
<i>Parsimonious fit</i>	Khi Kuasa Dua/Darjah Kebebasan (X ² /df)	< 5.0	Hair (2006, 2010)


Ujian Khi Kuasa Dua (CMIN/df). Dalam menentukan model mempunyai kesepadanan yang baik , keputusan untuk ujian khi kuasa dua perlu menjadi tidak signifikan. Ini kerana nilai khi kuasa dua yang signifikan bermaksud matriks varians – kovarians bagi model yang dipostulasikan itu mempunyai perbezaan yang signifikan berbanding dengan matriks varians- kovarians boleh cerap yang diperolehi daripada set data. Maka model akan ditolak jika nilai p di dapati < .05. Namun begitu apabila saiz sampel yang semakin besar, nilai p akan cenderung menjadi signifikan dan boleh menyebabkan wujudnya ralat jenis II iaitu menolak sesuatu yang benar (Byrne, 2001). Ini menjadikan nilai khi kuasa dua tidak sesuai digunakan untuk menilai padanan model. Oleh itu Byrne (2001) telah mencadangkan agar membahagikan nilai kuasa dua dengan darjah kebebasan untuk menguji sesuatu

model. Nisbah ini dikenali sebagai CMIN/df. Sesuatu model dianggap sepadan apabila nisbah yang diperolehi adalah kurang daripada 2 atau 3. Namun begitu sesuatu model itu tidak boleh dikatakan sepadan sekiranya nisbah adalah melebihi daripada 5 (Kline, 1998; Jackson, Dezee, Douglas & Shimeall, 2006).

Comparative Fit Index (CFI). Nilai CFI adalah untuk membuat perbandingan bagi sesuatu model yang dipostulasikan dengan model tidak bersandar. Dalam keadaan ini semua pemboleh ubah tersembunyi dijangkakan tidak mempunyai korelasi antara satu dengan lain. Nilai CFI bersamaan atau lebih besar dari .90 menunjukkan padanan model yang baik. (Bentler, 1990)

Goodness of Fit Index (GFI). Dalam menilai sesuatu model, nilai 1 bagi GFI menunjukkan nilai padanan yang sempurna. Nilai .90 atau lebih dianggap sebagai nilai yang diterima (Hair et al., 2006, 2010) atau padanan yang baik (Kline, 2005).

Root mean-square error of approximation (RMSEA). RMSEA adalah mewakili sisihan per darjah kebebasan yang mana dengan nilai 0 ia menunjukkan padanan yang sempurna (Jackson et al., 2006) manakala nilai yang kurang daripada .05 pula menunjukkan padanan model yang baik (Jackson et al., 2006; Kenny, 2003). Bagi nilai yang bersamaan atau kurang daripada .08 memberi indikasi padanan yang memuaskan bagi penerimaan model tersebut. Bagi Browne and Cudeck (1993), nilai RMSEA yang dicadangkan adalah antara 0.05 hingga 0.1 sebagai pengukur bagi padanan model yang baik.



Rajah 3.2. Prosedur Kajian Analisis Model Persamaan Struktur (Hair et al., 2010)

3.11.4 Langkah-langkah Kajian Analisis Model Persamaan Struktur.

Bagi menjalankan analisis model persamaan struktur, berdasarkan Rajah 3.8 di atas adalah langkah-langkah kajian menggunakan analisis model persamaan struktur menurut Hair et al.(2010). Terdapat enam prosedur yang perlu dipatuhi dalam menjalankan analisis model persamaan struktur menurut Hair et al., (2010).

Tahap 1 – Pentakrifan Konstruk. Dalam tahap ini pengkaji perlu mengenalpasti apakah item-item yang akan digunakan sebagai variabel yang akan diukur. Ia melibatkan proses pentakrifan konstruk kajian serta meliputi proses penentuan dan penulenan konstruk. Tahap ini amat penting dalam memastikan kesimpulan yang sah dapat diperolehi dari kajian yang dijalankan (Hair et al., 2010). Pengkaji juga memperolehi definisi konstruk-konstruk yang terlibat. Seterusnya pengkaji akan mengoperasikan konstruk terlibat dengan memilih atau membina skala pengukuran item dan juga jenis skala yang akan digunakan dalam kajian tersebut.

Tahap 2 – Penentuan Model Pengukuran. Apabila skala bagi item-item telah dikenalpasti maka pengkaji akan mengenalpasti model pengukuran bagi konstruk yang telah dipilih. Pada tahap ini setiap konstruk laten dan juga konstruk yang diukur akan dikenalpasti. Pengkaji harus menentukan kesahan dan unidimensionality skala yang akan digunakan. Model pengukuran yang lengkap haruslah mempunyai hubungan pengukuran kepada setiap item dan konstruk (*measurement relationships for the items and construct*), hubungan korelasi antara setiap konstruk (*correlational relationship among the constructs*) dan *error terms* untuk setiap item (*error terms for the items*). Sekiranya model tidak mencapai kesepadanan yang baik maka proses

penentuan semula bagi model pengukuran akan dilakukan dengan menggugurkan item dan bukannya untuk membangunkan model (Hair et al., 2010). Terdapat tiga jenis diagnostik yang boleh digunakan iaitu penentuan anggaran laluan, *standardized residuals* dan indeks modifikasi.

Penentuan Anggaran Laluan. Penentuan anggaran laluan adalah ditentukan berdasarkan nilai pemberatan faktor bagi setiap konstruk. Nilai pemberatan faktor $< .05$ atau sebaik-baiknya $< .07$ perlu dipertimbangkan untuk disingkirkan daripada konstruk (Hair et al.,2010).

Standardized Residual. Nilai *standardized residual* item yang melebihi 2.5 adalah menunjukkan item tersebut perlu dipertimbangkan untuk disingkirkan daripada konstruk kajian. Namun begitu sekiranya nilai *standardized residual* melebihi 4.0 item itu dianggap sangat bermasalah dan perlu disingkirkan daripada konstruk kajian (Hair et al.,2010).

Indeks Modifikasi. Terdapat dua jenis indeks modifikasi iaitu bagi pemberatan faktor dan *error terms*. Nilai indeks modifikasi antara *error terms* bagi dua item yang paling tinggi menunjukkan item tersebut bermasalah. Namun begitu penambahan hubungan antara *error terms* adalah perlu dielakkan. Seterusnya nilai indeks modifikasi menganggarkan sejauh mana sesuatu item mempunyai hubungan dengan konstruk-konstruk lain dalam kajian. Nilai indeks modifikasi item yang melebihi dari 4.0 menunjukkan item tersebut mempunyai masalah undimensionaliti.

Tahap 3 – Mereka bentuk Kajian Empirikal. Setelah model pengukuran dapat ditentukan, pengkaji harus pula memberikan tumpuan terhadap perkara-perkara empirikal dalam kajian tersebut iaitu dari aspek reka bentuk kajian dan juga model anggaran (*estimate model*). Aspek reka bentuk kajian adalah mengenai jenis data untuk dianalisa, kesan dan kesediaan untuk data hilang dan kesan dari saiz sampel. Manakala aspek model anggaran adalah mengenai struktur model, teknik –teknik anggaran (*estimation technique*) yang perlu dan aplikasi-aplikasi komputer yang boleh digunakan. Kesimpulannya dalam prosedur analisis SEM ini terdapat dua model yang perlu disahkan iaitu model pengukuran dan model struktural. Model pengukuran dijalankan untuk menguji kesahan konstruk yang diukur dalam kajian. Manakala model struktural pula terdiri daripada gabungan semua laluan bagi pemboleh ubah yang dicadangkan dalam kajian untuk diuji. Setelah model pengukuran telah dapat mencapai kriteria indeks padanan maka analisis model struktural pula dijalankan.

Tahap 4 – Penilaian Kesahan Model Pengukuran. Apabila model pengukuran telah dapat dikenalpasti, data-data yang dikutip adalah mencukupi serta teknik-teknik anggaran telah dapat dibuat maka pengkaji perlu memastikan kesahan model tersebut. Kesahan konstruk adalah berkait rapat dengan ketepatan pengukuran. Konstruk yang mencapai tahap kesahan yang diterima membuktikan bahawa item-item pengukuran yang didapati dari sampel kajian adalah betul menggambarkan keadaan yang wujud dalam populasi. Tiga bentuk kesahan konstruk iaitu kesahan konvergen (*convergent validity*), kesahan diskriminan (*discriminant validity*) dan kesahan nomologikal (*nomological validity*).

Kesahan konvergen menunjukkan sejauh mana sesuatu item bagi sesuatu konstruk secara umumnya menyumbang sejumlah varians bagi konstruk berkenaan (Hair et al., 2010). Menurut Hair et al. (2010) dan Fornell dan Lacker (1981) terdapat tiga kaedah untuk mengukur kesahan konvergen iaitu dengan penentuan nilai pemberatan faktor piawai, purata varians terekstrak dan kebolehpercayaan konstruk.

Kesahan diskriminan pula adalah menunjukkan sejauh mana sesuatu konstruk itu adalah unik. Kesahan diskriminan akan dapat membuktikan bahawa konstruk tersebut benar-benar berbeza dari konstruk yang lain bagi mengukur keadaan yang dikaji (Byrne, 2010; Hair et al., 2010). Kaedah pertama mengukur kesahan diskriminan adalah dengan membuat perbandingan antara nilai purata varians terekstrak (AVE) antara konstruk dengan korelasi berganda dua (r^2) bagi dua konstruk yang diuji (Fornell & Larcker, 1981; Hair et al., 2010). Bagi memenuhi kesahan diskriminan antara konstruk nilai AVE haruslah lebih besar dari nilai korelasi ganda dua. Kaedah kesahan diskriminan ini digunakan bagi model pengukuran keseluruhan. Seterusnya kaedah kedua adalah apabila tiada '*cross loading*' berlaku antara pemboleh ubah cerapan dalam model yang mencapai kesepadanan yang baik. Kaedah ini digunakan dalam model pengukuran yang dibangunkan bagi setiap konstruk (Hair et al., 2010).

Kesahan nomologikal menentukan tahap hubungan di antara konstruk yang diuji disahkan bertepatan dengan ramalan teoritikal (Hair et al., 2010) sama ada berasaskan teori yang dibina ataupun literatur yang disandarkan.

Tahap 5 – Penentuan Model Struktur. Penentuan model pengukuran ini dilaksanakan dengan menyatakan hubungan di antara satu konstruk dengan konstruk yang lain berdasarkan kepada model teoritikal yang dicadangkan. Ia dilakukan dengan pengkaji mengenalpasti hubungan pemboleh ubah yang dihipotesiskan wujud di antara konstruk-konstruk. Garisan dengan anak panah dilukis untuk mewakili hipotesis struktural di dalam model yang dikaji. Model hipotesis kesejahteraan kaunselor adalah model yang dibentuk dengan menghubungkan antara pemboleh ubah eksogenus kepada pemboleh ubah endogenus secara sehala. Model ini juga dibentuk berdasarkan kerangka teoritikal kajian berasaskan teori-teori kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri.

Tahap 6 – Penilaian Kesahan Model Struktur. Setelah model pengukuran dilaksanakan dan memperolehi model fit yang memuaskan, barulah ujian untuk melihat hubungan struktural boleh dilakukan. Penilaian kesahan bagi model struktur adalah menggunakan kriteria yang sama dalam model pengukuran iaitu sekurang-kurangnya satu *absolute indices* dan satu *incremental indices*. Kedua-dua indeks kesepadanan ini dapat mengemukakan kesahan model struktural.

Namun begitu pelaksanaan kajian diadaptasi daripada enam langkah SEM yang dicadangkan oleh Hair et al. (2010).

3.12 Kesimpulan

Bab ini menerangkan mengenai kaedah yang digunakan dalam menjalankan penyelidikan ini. Instrumen-instrumen yang digunakan dalam kajian ini iaitu Skala Kesejahteraan Psikologi (Ryff, 1989), Skala Efikasi Kendiri Kaunselor (Melchert et al., 1996) dan Skala Kesejahteraan Spiritual (Polouztian et al., 1982) akan dipastikan

mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi untuk menghasilkan data-data yang sesuai untuk dianalisis menggunakan SPSS dan AMOS bagi menjawab persoalan kajian. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi untuk menjawab soalan kajian yang sesuai mengikut hipotesis yang ditetapkan dalam kajian ini dan seterusnya dilaporkan dalam bab 4.

Universiti Malaya

BAB 4

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan kutipan data kajian yang telah dilaksanakan. Data kuantitatif yang telah dipungut menggunakan borang soal selidik dianalisis menggunakan *Statistical Package For Social Sciences* (SPSS) Versi 20 dan juga *Analysis of Moment Structure* (AMOS) Versi 21. Perbincangan hasil analisis data berdasarkan soalan kajian dan objektif kajian yang dibina dan telah dijelaskan dalam bab 1. Bahagian pertama membincangkan tentang analisis awal data. Seterusnya, bahagian kedua membincangkan tentang analisis deskriptif. Bahagian ketiga pula membincangkan analisis inferens yang dibuat berdasarkan soalan kajian dan hipotesis. Bahagian akhir, dapatan dirumuskan dan dibuat kesimpulan.

Terdapat enam objektif utama dalam kajian ini iaitu pertama adalah untuk melihat tahap kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri kaunselor organisasi pendidikan di Malaysia. Objektif kedua adalah untuk menentukan kesepadanan model *a priori* dengan data kajian. Manakala bagi soalan kajian ketiga adalah untuk menentukan kesejahteraan spiritual sebagai mediator dalam model kajian. Keempat untuk menentukan kesan tidak langsung ke atas kesejahteraan psikologi dalam model kajian. Seterusnya objektif kajian kelima bagi menentukan sama ada gender, lokasi tempat kerja dan pengalaman bekerja berperanan sebagai moderator dalam model kajian. Manakala objektif kajian yang keenam adalah bagi menentukan sama ada gender berperanan sebagai moderator dalam model *moderated – mediation* yang dicadangkan.

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah analisis SEM (*Structural Equation Modeling*) yang direka khas untuk menganalisis data kuantitatif. Menurut Byrne (2010), SEM juga merupakan satu kaedah statistik yang menggunakan pendekatan pengesahan (*confirmatory approach*) untuk menguji hipotesis. SEM juga boleh digunakan secara efektif untuk mengutarakan pelbagai permasalahan kajian termasuklah dalam kajian bukan eksperimental.

Chua (2009) juga menyatakan SEM menggunakan kaedah menguji model (*model testing*) untuk menyelidik perhubungan sebab – akibat antara sekumpulan variabel dalam kajian. Oleh itu Model *a priori* Kesejahteraan Psikologi Kaunselor Organisasi yang dicadangkan oleh pengkaji akan diuji sama ada ia sepadan dengan data kajian yang akan dikumpulkan daripada responden kajian.

Kajian ini melibatkan dua fasa iaitu fasa pertama adalah menjalankan kajian rintis dan fasa kedua merupakan kajian sebenar. Kajian ini dirancang untuk dijalankan di peringkat kebangsaan ke atas kaunselor organisasi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Satu set soal selidik diedarkan kepada responden-responden kajian. Set soal selidik yang digunakan terdiri daripada empat bahagian. Bahagian A adalah demografi responden, Bahagian B adalah Skala Kesejahteraan Psikologi oleh Ryff (1989), Bahagian C adalah Skala Kesejahteraan Spiritual oleh Paloutzian dan Ellison (1982) dan Bahagian D adalah Skala Efikasi Kendiri Kaunselor oleh Melchert et al.(1996). Ketiga-tiga instrumen ini menggunakan versi yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia.

4.2 Analisis Awal Data

Prosedur semakan data dijalankan bagi melihat kesesuaian, kedudukan dan kehilangan data. Proses ini dilakukan sebelum proses analisis multivariate. Proses semakan data ini dibahagikan kepada dua peringkat iaitu proses saringan data dan ujian-ujian bagi memenuhi andaian-andaian untuk analisis statistik multivariate (Hair et al., 2006). Bagi andaian-andaian multivariate, tiga bentuk ujian dilakukan iaitu ujian normality (*normality test*), ujian multikolineariti (*multicollinearity test*) dan ujian kelinearan (*linearity test*). Kesemua ujian ini adalah bertujuan untuk membuat kesimpulan dan menyediakan keputusan statistik yang merupakan prasyarat sebelum analisis faktor dan analisis multivariate dijalankan (Hair et al., 2006).

Kajian ditadbir ke atas responden seramai 221 orang kaunselor organisasi di seluruh Malaysia menggunakan soal-selidik yang telah disediakan. Proses penyemakan data dilakukan dan terdapat sebanyak 13 soal selidik yang terpaksa dikeluarkan kerana tidak diisi dengan sempurna. Setelah itu, terdapat 5 data terpaksa disingkirkan kerana terdapat data yang menyimpang (*outlier*). Jumlah akhir kes yang terlibat untuk proses analisis data ialah sebanyak 203 kes.

Oleh itu hanya 203 atau 91.85% borang soal selidik sahaja yang digunakan dalam kajian ini. Bilangan ini adalah sesuai dan relevan bagi penyelidikan sains sosial yang bercorak tinjauan (Fraenkel, 2001).

4.3 Ujian Normaliti

Proses menyemak dan membuat penapisan data adalah merupakan langkah untuk memastikan kajian yang dijalankan berada dalam keadaan normal dan ujian ini

dapat menentukan data yang dikutip memenuhi andaian yang diperlukan sebelum dianalisis. Ujian normaliti merupakan andaian asas kepada ujian multivariate yang merujuk kepada bentuk taburan setiap pemboleh ubah kajian.

Kedua-dua ujian multivariate dan univariate hanya sah apabila taburan pemboleh ubah dalam keadaan normal. Ujian kenormalan yang dijalankan mendapati andaian kenormalan data dicapai bagi kesemua pemboleh ubah kajian. *Skewness* bagi setiap pemboleh ubah berada di antara -1.00 sehingga +1.00 seperti cadangan Tabachnick dan Fidell (2003) bahawa data yang bertaburan normal berdasarkan nilai *skewness* adalah antara -1.00 sehingga +1.00 dan *kurtosis* pula bagi item-item tersebut adalah berada antara kurang daripada -1.00 hingga +1.00. Statistik *skewness* dan *kurtosis* bagi setiap pemboleh ubah telah dianalisis menggunakan pakej perisian SPSS versi 20.0.

Jadual 4.1 di bawah menunjukkan keputusan ujian normaliti. Pemboleh ubah kesejahteraan psikologi memperoleh nilai *skewness* dan *kurtosis* -.456 dan .387 Manakala bagi pemboleh ubah kesejahteraan spiritual pula menunjukkan nilai *skewness* -.670 dan nilai *kurtosis* .454. Seterusnya bagi pemboleh ubah efikasi sendiri pula, nilai *skewness* adalah -.017 dan nilai *kurtosis* pula adalah -.019. Dapatan analisis pada peringkat univariate ini menunjukkan nilai *skewness* dan *kurtosis* memberi gambaran bahawa taburan data kajian adalah normal.

Jadual 4.1

Keputusan Ujian Normaliti Pemboleh Ubah Kesejahteraan Psikologi, Kesejahteraan Spiritual dan Efikasi Kendiri

Pemboleh Ubah	Skewness		Kurtosis	
	Nilai	Ralat Piawai	Nilai	Ralat Piawai
Kesejahteraan Psikologi	-.456	.171	.387	.340
Kesejahteraan Spiritual	-.670	.171	.454	.340
Efikasi Kendiri Kaunselor	-.017	.171	-.019	.340

Jadual 4.2 di bawah pula menunjukkan keputusan ujian normaliti bagi sub konstruk pemboleh ubah kesejahteraan psikologi (perkembangan peribadi, menguasai persekitaran, hubungan positif, tujuan hidup, penerimaan sendiri dan autonomi), sub konstruk kesejahteraan spiritual (kewujudan dan keagamaan) dan sub efikasi sendiri (pengetahuan dan kemahiran).

Bagi sub konstruk pemboleh ubah kesejahteraan psikologi, perkembangan peribadi memperolehi nilai skewness dan kurtosis $-.717$ dan $.887$, untuk menguasai persekitaran nilai skewness dan kurtosis adalah $-.331$ dan $.298$, untuk hubungan positif nilai skewness dan kurtosis adalah $-.619$ dan $.309$, untuk tujuan hidup nilai skewness dan kurtosis adalah $-.189$ dan $.140$, untuk penerimaan sendiri pula nilai skewness dan kurtosis adalah $-.404$ dan $-.160$ manakala bagi autonomi pula nilai skewness dan kurtosis adalah $.163$ dan $-.281$.

Seterusnya bagi sub konstruk pemboleh ubah kesejahteraan spiritual pula iaitu kewujudan menunjukkan nilai skewness $-.564$ dan nilai kurtosis $.371$. Bagi keagamaan pula menunjukkan nilai skewness adalah $-.616$ dan nilai kurtosis $.029$

Manakala bagi sub konstruk pemboleh ubah efikasi sendiri pula menunjukkan nilai skewness $-.167$ dan nilai kurtosis pula adalah $.194$ bagi sub konstruk pengetahuan dan nilai skewness $.002$ dan nilai kurtosis pula adalah $.001$ bagi sub konstruk kemahiran. Dapatan analisis pada peringkat univariate ini menunjukkan nilai skewness dan kurtosis memberi gambaran bahawa taburan data kajian adalah normal.

Jadual 4.2

Ujian Normaliti Sub Konstruk Kesejahteraan Psikologi, Kesejahteraan Spiritual dan Efikasi Kendiri

Pemboleh Ubah Sub Konstruk Kesejahteraan Psikologi	Skewness		Kurtosis	
	Nilai	Ralat Piawai	Nilai	Ralat Piawai
Perkembangan peribadi	-.717	.171	.887	.340
Menguasai persekitaran	-.331	.171	.298	.340
Hubungan positif	-.619	.171	.309	.340
Tujuan hidup	-.189	.171	.140	.340
Penerimaan sendiri	-.404	.171	-.160	.340
Autonomi	.163	.171	.281	.340

Pemboleh Ubah Sub Konstruk Kesejahteraan Spiritual	Skewness		Kurtosis	
	Nilai	Ralat Piawai	Nilai	Ralat Piawai
Kewujudan	-.564	.171	.371	.340
Keagamaan	-.616	.171	.029	.340

Pemboleh Ubah Sub Konstruk Efikasi Kendiri	Skewness		Kurtosis	
	Nilai	Ralat Piawai	Nilai	Ralat Piawai
Pengetahuan	-.167	.171	.194	.340
Kemahiran	.002	.171	.001	.340

4.4 Analisis Multikolariti

Analisis multikolariti dijalankan ke atas pemboleh ubah tidak bersandar (*exogenous*) yang terdapat dalam kajian ini. Ini bertujuan untuk mengenalpasti sama ada wujud korelasi yang tinggi di antara dua atau lebih pemboleh ubah tidak bersandar (Hair et al., 2006). Korelasi yang tinggi akan memberi kesan ke atas kedudukan koefisien dan akan mengurangkan kuasa ramalan (*predictive power*) sesuatu pemboleh ubah (Hair et al., 2006). Masalah multikolariti akan wujud apabila hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar (*exogenous*) adalah melebihi nilai .09. Dalam set data kajian ini hubungan di antara pemboleh ubah tidak bersandar (*exogenous*) didapati berada di antara .09 hingga .65. Maka dapat disimpulkan bahawa data kajian tidak mempunyai masalah multikolariti.

Hubungan Linear Data. Bagi menjalankan analisis multivariate, hubungan di antara pemboleh ubah bersandar (*endogenous*) dan pemboleh ubah tidak bersandar (*exogenous*) haruslah linear. Ini boleh dikenalpasti dengan menggunakan kaedah plot serakan (*scatterplot*) (Hair et al., 2006). Kaedah ini digunakan kerana dapat memperjelaskan keadaan sebenar purata data yang diperolehi dan data yang tersisih daripada sampel, iaitu jika terdapat perbezaan antara satu skor dengan skor yang lain dalam taburan berbentuk garis lurus yang linear (Aiken, 2003; Kaplan & Sacuzzo,

2001; Kerlinger & Lee, 2000). Dalam kajian ini semua hubungan yang dianalisis menunjukkan hubungan yang linear.

4.5 Dapatan Analisis Statistik Deskriptif

Tujuan analisis deskriptif di dalam kajian ini adalah untuk menentukan tahap-tahap kesejahteraan psikologi kaunselor organisasi pendidikan di Malaysia. Analisis deskriptif juga bertujuan untuk menjawab soalan kajian pertama.

Demografi Responden. Data bagi kajian ini telah dikumpulkan melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada responden kajian. Selepas proses semakan, penyingkiran data dan *outliers* maka data akhir yang terlibat untuk proses analisis adalah sebanyak 203 kes. Terdapat responden seramai 117 orang lelaki (57.2%) dan 86 orang perempuan (42.8%). Manakala seramai 110 responden (54.3%) bertugas di Pejabat Pendidikan Daerah, 18 responden (8.6%) di Jabatan Pendidikan Negeri, 40 responden (19.7%) di Institut Pendidikan Guru serta di Kolej Matrikulasi dan Kementerian Pendidikan masing-masing seramai 24 orang (12.0%) dan 11 orang (5.3%).

Bilangan responden kajian mengikut negeri bertugas iaitu bagi negeri Johor terdapat seramai 18 orang (8.8%). Manakala Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah seramai 13 orang (6.4%), Kedah seramai 18 orang (8.8%), Kelantan seramai 14 orang (6.8%) dan Wilayah Persekutuan Labuan pula adalah seramai 3 orang (1.4%). Seterusnya bagi negeri Melaka adalah seramai 7 orang (3.4%) , Negeri Sembilan seramai 10 orang (4.9%), Pulau Pinang seramai 11 orang (5.4%), Pahang

seramai 13 orang (6.4%), Perak seramai 13 orang (6.4%), Perlis seramai 4 orang (1.9 %) dan Sabah seramai 16 orang (7.8%). Bagi negeri Selangor pula adalah seramai 12 orang (5.9 %), Sarawak seramai 30 orang (14.7%), Terengganu seramai 10 orang (4.9%) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya seramai 11 orang (5.4%).

Daripada sejumlah 203 responden majoritinya adalah berbangsa Melayu (n=166, 81.7%), dan diikuti oleh bangsa lain iaitu Cina seramai 16 orang (7.8%), India (n=4, 1.9%), Bumiputra Sabah seramai 6 orang (2.9%) dan Bumiputra Sarawak seramai 8 orang (3.9%). Dari segi umur pula, seramai 50 (24.1%) orang responden berada dalam lingkungan umur 25 hingga 35 tahun. Manakala seramai 79 (38.9%) orang responden pula terdiri dari kumpulan umur 36 hingga 45 tahun. Seterusnya bagi responden yang berumur dalam lingkungan 46 hingga 55 tahun adalah seramai 68 orang (33.4%). Seterusnya responden yang berumur 56 tahun ke atas hanya terdapat seramai 8 orang dan mewakili 6% dari keseluruhan responden. Jika merujuk kepada taraf perkahwinan, didapati seramai 24 (11.8%) responden masih bujang dan belum berumahtangga. Manakala seramai 177 (87.1%) responden adalah yang sudah berumahtangga dan masing –masing 1 (0.5%) mewakili responden yang sudah bercerai hidup dan juga bercerai mati.

Dari segi kelulusan tertinggi dalam bidang kaunseling, terdapat seramai 3 (1.4%) responden yang memiliki Diploma dalam bidang kaunseling. Seramai 145 (71.4%) responden pula memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kaunseling dan 55 (27.0%) responden memiliki Ijazah Sarjana dalam bidang kaunseling sebagai kelulusan akademik tertinggi.

Analisis deskriptif ini juga turut menunjukkan bahawa terdapat seramai 54 (26.6%) responden mempunyai pengalaman sebagai kaunselor selama 1 hingga 5 tahun. Manakala seramai 80 (39.4%) responden telah mempunyai pengalaman sebagai kaunselor selama 6 hingga 10 tahun. Seterusnya seramai 49 (24.1%) responden pula telah mempunyai pengalaman sebagai kaunselor selama 11 hingga 15 tahun. Seramai 19 (9.3%) responden juga telah berpengalaman sebagai kaunselor selama 16 hingga 20 tahun dan 1 (0.5%) responden telah berpengalaman sebagai seorang kaunselor selama 21 hingga 25 tahun. Analisis ini juga menunjukkan bahawa 110 (54.1%) responden adalah merupakan kaunselor berdaftar dan seramai 93 (45.8%) responden masih tidak berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia. Jadual 4.3 menunjukkan ciri demografi responden kajian yang telah diperolehi.

Jadual 4.3
Ciri – ciri Demografi Responden Kajian

Ciri - ciri	Kekerapan (n = 203)	Peratusan (%)
Gender		
Lelaki	117	57.6
Perempuan	86	42.4
Tempat Bertugas		
PPD	110	54.1
JPN	18	8.8
IPG	40	19.7
KM	24	11.8
KPM	11	5.4
Bangsa		
Melayu	166	81.7
Cina	16	7.8
India	4	1.9
Bumiputra Sabah	6	2.9
Bumiputra Sarawak	8	3.9

Umur		
25 – 35 tahun	50	24.6
36 – 45 tahun	79	38.9
46 – 55 tahun	68	33.4
56 ke atas	8	3.9
Taraf Perkahwinan		
Bujang	24	11.8
Berkahwin	117	57.6
Bercerai Hidup	1	0.5
Bercerai Mati	1	0.5
Kelulusan Akademik		
Diploma	3	1.4
Ijazah Sarjana Muda	147	72.4
Ijazah Sarjana	58	13.3
Pengalaman Sebagai Kaunselor		
1 hingga 5 tahun	54	26.6
6 hingga 10 tahun	80	39.4
11 hingga 15 tahun	49	24.1
16 hingga 20 tahun	19	9.3
21 hingga 25 tahun	1	0.5

4.6 Tahap Kesejahteraan Kaunselor Organisasi

Bagi mengenalpasti tahap kesejahteraan kaunselor organisasi yang berkhidmat di Kementerian Pendidikan Malaysia, satu soal selidik yang terdiri daripada Skala Kesejahteraan Psikologi oleh Ryff (1989), Skala Kesejahteraan Spiritual oleh Paloutzian dan Ellison (1982) dan Skala Efikasi Kendiri Kaunselor oleh Melchert et al., (1996) telah digunakan. Skor min yang tinggi bagi setiap skala menunjukkan tahap yang tinggi bagi kaunselor organisasi yang berkhidmat di Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bagi pemboleh ubah kesejahteraan psikologi, responden kajian mencatatkan skor min 234.61 dengan sisihan piawai 21.02 keseluruhannya yang telah diukur

menggunakan alat ujian Skala Kesejahteraan Psikologi oleh Ryff (1989). Manakala bagi kesejahteraan spiritual pula menggunakan Skala Kesejahteraan Spiritual oleh Paloutzian dan Ellison (1982) mencatatkan skor min 95.99 dengan sisihan piawainya 9.95. Skor min bagi efikasi sendiri kaunselor yang telah diukur menggunakan Skala Efikasi Kendiri Kaunselor oleh Melchert et al., (1996) pula mencatatkan skor 72.38 dengan sisihan piawainya 7.4. Jadual 4.4 di bawah menunjukkan skor min bagi kesejahteraan kaunselor organisasi .

Jadual 4.4

Skor Min Bagi Kesejahteraan Kaunselor Organisasi

Konstruk	Skor Min	Sisihan Piawai
Kesejahteraan Psikologi	234.61	21.02
Kesejahteraan Spiritual	95.99	9.95
Efikasi Kendiri Kaunselor	72.38	7.43

4.7 Tahap Kesejahteraan Psikologi

Tahap kesejahteraan psikologi, skor yang lebih tinggi menunjukkan semakin tinggi tahap kesejahteraan seseorang kaunselor itu. Skor min untuk kesejahteraan psikologi dibahagikan kepada tiga tahap. Skor min 234 hingga 324 adalah untuk tahap tinggi manakala skor min 144 hingga 233 adalah tahap sederhana. Seterusnya bagi skor min 54 hingga 143 menunjukkan tahap kesejahteraan psikologi yang rendah seperti yang ditunjukkan pada Jadual 4.5 di bawah. Tahap kesejahteraan psikologi kaunselor di Kementerian Pendidikan Malaysia secara keseluruhannya adalah tinggi dengan skor min 235.61 dan sisihan piawai 21.02.

Jadual 4.5
Kategori Konstruk Kesejahteraan Psikologi

Skor Min	Tahap
234 hingga 324	Tinggi
144 hingga 233	Sederhana
54 hingga 143	Rendah

Terdapat juga enam sub konstruk dalam kesejahteraan psikologi iaitu autonomi, menguasai persekitaran, perkembangan peribadi, hubungan positif dengan orang lain, tujuan hidup dan penerimaan sendiri. Oleh itu untuk perbandingan min bagi setiap sub konstruk berdasarkan Jadual 4.6 di bawah maka skor min dibahagikan kepada tiga tahap iaitu skor min 37 hingga 54 adalah untuk tahap tinggi, skor min 19 hingga 36 adalah untuk tahap sederhana dan skor min 1 hingga 18 pula adalah untuk tahap rendah.

Jadual 4.6
Kategori Sub Konstruk Kesejahteraan Psikologi

Skor Min	Tahap
37 hingga 54	Tinggi
19 hingga 36	Sederhana
1 hingga 18	Rendah

Berdasarkan Jadual 4.7 di bawah menunjukkan tahap kesejahteraan bagi enam sub konstruk dalam skala kesejahteraan psikologi Ryff. Terdapat empat sub konstruk yang berada pada tahap tinggi dan dua sub konstruk pada tahap sederhana. Sub konstruk yang tertinggi ialah perkembangan peribadi dengan mencatatkan nilai min iaitu 45.08 dengan sisihan piawai 4.95. Dan diikuti dengan sub konstruk

hubungan positif dengan orang lain yang mencatatkan skor min iaitu 42.96 dengan sisihan piawai 5.27. Seterusnya sub konstruk menguasai persekitaran yang memperolehi skor min 40.21 dengan sisihan piawai 4.38. Dan akhir sekali sub konstruk tujuan hidup memperolehi skor min 37.18 dengan sisihan piawai 4.37. Manakala sub konstruk pada tahap sederhana pula ialah sub konstruk penerimaan sendiri dengan skor min 35.61 dan sisihan piawai 4.01. Dan diikuti sub konstruk autonomi dengan skor min 33.56 dan sisihan piawai 4.60. Sebagai kesimpulannya tahap kesejahteraan psikologi para kaunselor organisasi adalah baik kerana kesemuanya berada pada tahap sederhana dan tinggi.

Jadual 4.7

Min, Sisihan Piawai dan Tahap Sub Konstruk Kesejahteraan Psikologi

Sub konstruk	Minimum	Maksimum	Min (n = 203)	Sisihan Piawai
Perkembangan Peribadi	27.00	54.00	45.08	4.95
Hubungan Positif	27.00	53.00	42.96	5.27
Menguasai Persekitaran	26.00	50.00	40.21	4.38
Tujuan Hidup	24.44	48.67	37.18	4.37
Penerimaan Kendiri	22.56	43.67	35.61	4.01
Autonomi	23.44	46.67	33.56	4.60

4.8 Tahap Kesejahteraan Spiritual

Bagi tahap kesejahteraan spiritual, skor yang lebih tinggi menunjukkan semakin tinggi tahap kesejahteraan seseorang kaunselor organisasi itu. Tahap kesejahteraan spiritual kaunselor organisasi KPM secara keseluruhannya adalah sederhana dengan skor min 95.99 dan sisihan piawai 9.95. Terdapat dua sub konstruk dalam kesejahteraan spiritual iaitu kewujudan dan beragama. Di antara dua sub konstruk ini sub konstruk beragama mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 50.78 dengan sisihan piawai 6.15. Seterusnya diikuti dengan sub konstruk kewujudan yang mencatatkan skor min 50.44 dengan sisihan piawai 5.40.

Jadual 4.8
Kategori Sub Konstruk Kesejahteraan Spiritual

Skor Min	Tahap
100 hingga 120	Tinggi
41 hingga 99	Sederhana
20 hingga 40	Rendah

Jadual 4.9
Min, Sisihan Piawai dan Tahap Kesejahteraan Spiritual

Susunan	Sub Konstruk	Min (n = 203)	Sisihan Piawai	Tahap
1	Beragama	50.78	6.15	Sederhana
2	Kewujudan	50.44	5.40	Sederhana

Jadual 4.8 dan 4.9 di atas menunjukkan bahawa kedua-dua sub konstruk kesejahteraan spiritual iaitu kesejahteraan beragama dan kesejahteraan kewujudan

berada pada tahap sederhana dengan skor min sub konstruk kesejahteraan beragama berada lebih tinggi daripada skor min sub konstruk kesejahteraan kewujudan.

4.9 Tahap Efikasi Kendiri Kaunselor

Bagi tahap efikasi sendiri kaunselor, skor yang lebih tinggi menunjukkan semakin tinggi tahap efikasi sendiri seseorang kaunselor itu. Tahap efikasi sendiri kaunselor di Kementerian Pendidikan Malaysia secara keseluruhannya adalah sederhana dengan skor min 72.38 dan sisihan piawai 7.43. Terdapat dua sub konstruk dalam efikasi sendiri iaitu kemahiran dan pengetahuan. Di antara dua sub konstruk ini sub konstruk kemahiran mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 51.19 dengan sisihan piawai 5.80. Seterusnya diikuti dengan sub konstruk pengetahuan yang mencatatkan skor min 23.17 dengan sisihan piawai 2.98.

Jadual 4.10
Kategori Sub Konstruk Efikasi Kendiri Kaunselor

Skor Min	Tahap
74 hingga 100	Tinggi
47 hingga 73	Sederhana
20 hingga 46	Rendah

Jadual 4.11
Min, Sisihan Piawai dan Tahap Sub Konstruk Efikasi Kendiri Kaunselor

Susunan	Sub Konstruk	Min (n = 203)	Sisihan Piawai	Tahap
1	Kemahiran	51.19	5.80	Sederhana
2	Pengetahuan	23.17	2.98	Rendah

Jadual 4.10 dan 4.11 di atas menunjukkan bahawa sub konstruk efikasi sendiri kaunselor iaitu kemahiran berada pada tahap sederhana, manakala sub konstruk pengetahuan berada pada tahap rendah.

Jadual 4.12

Tahap Kesejahteraan Psikologi, Kesejahteraan Spiritual dan Efikasi Kendiri Kaunselor Organisasi di KPM

Konstruk	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Kesejahteraan Psikologi	234.61	21.02	Tinggi
Kesejahteraan Spritual	95.99	9.95	Sederhana
Efikasi Kendiri	72.38	7.43	Sederhana

Berdasarkan Jadual 4.12 di atas, secara keseluruhannya di dapati bahawa tahap kesejahteraan psikologi kaunselor organisasi adalah berada pada tahap yang tinggi manakala bagi kesejahteraan spiritual pula adalah berada pada tahap yang sederhana. Tahap efikasi sendiri kaunselor organisasi juga adalah berada pada tahap yang sederhana juga.

4.10 Kesepadanan Model *a priori* Dengan Data Kajian

Sebelum menjalankan analisis persamaan struktur, ujian pengesahan konstruk telah dilaksanakan. Untuk mengukur struktur faktor dan kesahan soal selidik dalam kajian ini, ujian pengesahan konstruk atau *confirmatory factor analysis* (CFA) akan dijalankan terhadap 203 responden dengan menggunakan *Maximum Likelihood estimation* (MLE) melalui aplikasi AMOS versi 21. Penggunaan MLE adalah seperti yang dicadangkan oleh Hair et al., (2010) kerana kaedah ini adalah merupakan kaedah yang kukuh terhadap apa-apa pelanggaran kemungkinan normaliti. Setiap


konstruk yang telah dibina berdasarkan komponen yang terhasil daripada analisis faktor perlu dianalisis melalui analisis pengesahan faktor (CFA). Semua item akan diuji untuk mencapai padanan. Ujian kebagusan padanan dinilai melalui beberapa indeks. Bagi indeks *Root Mean Square of Error Approximation* (RMSEA) nilai julat adalah sama atau lebih besar dari 0.08 boleh dipertimbangkan sebagai diterima dan *Comparative Fit Index* (CFI) bagi *Incremental fit* pula dipertimbangkan apabila nilai indeks melebihi 0.9. Manakala nilai *Chi Square/ Degree of Freedom* (Chisq/Df) pula haruslah di bawah 5.0 untuk mencapai padanan.

4.11 Penilaian Model Pengukuran

Sebelum melaksanakan ujian model persamaan struktur bagi mendapatkan model padanan antara kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri terhadap kesejahteraan psikologi kaunselor Kementerian Pendidikan Malaysia maka perlu dilaksanakan ujian analisis faktor pengesahan antara konstruk-konstruk yang terlibat.

Ujian ini penting dijalankan kerana dapat menunjukkan kebolehpercayaan model persamaan struktural. Jika model pengukuran tidak sepadan dengan data kajian, maka model persamaan struktural yang dibina adalah tidak sah (Chua, 2014).

Selain itu, tujuan ujian adalah untuk mencari kesatuan dimensi atau *unidimensionality indicator* bagi setiap konstruk atau pemboleh ubah. Bagi mencapai tujuan ini, pemboleh ubah diuji dengan ujian pengesahan konstruk secara bersama-sama untuk menunjukkan kekuatan sumbangan setiap indikator kepada konstruk dan pemboleh ubahnya seperti ditunjukkan pada Rajah 4.1 di bawah ini.



Rajah 4.1. Model Pengukuran Penuh (CFA)

Rajah 4.1 menunjukkan model pengukuran keseluruhan konstruk yang merangkumi semua konstruk termasuk seluruh item yang diuji untuk mencapai kepadanan. Model pengukuran ini mempunyai 3 konstruk utama iaitu kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri bersama dengan sub konstruk masing-masing. Bagi kesejahteraan psikologi terdapat enam sub konstruk iaitu autonomi, menguasai persekitaran, penerimaan sendiri, perkembangan peribadi, hubungan positif dengan orang lain dan tujuan hidup. Manakala bagi konstruk kesejahteraan spiritual pula mempunyai dua sub konstruk iaitu Kesejahteraan

Beragama dan Kesejahteraan Kewujudan. Seterusnya konstruk efikasi sendiri kaunselor pula mempunyai dua sub konstruk iaitu Pengetahuan dan Kemahiran.

Nilai indeks untuk Chisq/Df adalah sebanyak 2.87, telah mencapai tahap yang diperlukan iaitu di bawah 5.0. Begitu juga dengan indeks CFI dan RMSEA masing-masing bernilai 0.92 dan 0.09, yang mana telah mencapai tahap yang diperlukan iaitu untuk CFI adalah harus melebihi 0.9 dan RMSEA pula nilai julatnya antara 0.05 hingga 0.1. Jika indeks kepadanan masih belum mencapai tahap yang diperlukan maka pengkaji harus melihat kepada faktor muatan (*loading factor*). Item yang mempunyai faktor muatan yang kurang dari 0.6 harus dibuang satu persatu. Namun begitu oleh kerana model pengukuran keseluruhan ini sudah mencapai kepadanan yang diperlukan maka tiada keperluan untuk melihat kepada item-item yang mempunyai faktor muatan di bawah 0.6. Ini juga bermaksud bahawa model yang ditunjukkan di atas telah mencapai nilai padanan dan tidak perlu dimodifikasi.

Jadual 4.13
Indeks Kesepadan (Goodness of Fit Index)


Nama Kategori	Nama Indeks	Literatur	Nilai Indeks	Nilai Indeks Model	Ulasan
Absolute fit	RMSEA	Browne and Cudeck (1993)	0.05-0.1	0.095	Tahap Kepadanan Tercapai
Incremental fit	CFI	Bentler (1990)	≥ 0.9	0.928	Tahap Kepadanan Tercapai
Parsimonious fit	GFI	Hair (2006,2010)	≥ 0.9	0.920	Tahap Kepadanan Tercapai
	CMIN/DF	Hair (2006,2010)	< 5.0	2.878	

Jadual 4.13 menunjukkan indeks kepadanan untuk model pengukuran penuh konstruk telah mencapai tahap kepadanan yang ditetapkan. Tiga jenis indeks yang

digunakan beserta dengan literatur yang menyokongnya dapat dilihat. Nilai indeks bagi RMSEA dan CFI masing-masing adalah 0.09 dan 0.92. Bagi kajian ini nilai indeks Chisq/Df adalah 2.87 dan tahap yang diperlukan sudah dipenuhi. Justeru ketiga-tiga nilai indeks padanan ini telah memenuhi syarat yang dicadangkan.

4.12 Penilaian Model Struktural

Selepas mendapatkan model padanan pada ujian pengesahan antara konstruk atau pemboleh ubah, maka dapat menjalankan ujian model persamaan struktur secara penuh, seperti yang ditunjukkan pada Rajah 4.2 di bawah ini.



Rajah 4.2. Model Kesejahteraan Psikologi Kaunselor Organisasi KPM

Rajah 4.2 di atas menunjukkan model keseluruhan yang dihasilkan berdasarkan kerangka teori dan kerangka konseptual kajian untuk menganalisis faktor muatan (*factor loading*) keseluruhan item yang terdapat di dalam instrumen kajian. Terdapat tiga konstruk latent yang mewakili setiap sub dimensi yang wujud. Konstruk Kesejahteraan Psikologi diwakili oleh 6 dimensi iaitu autonomi, menguasai persekitaran, penerimaan sendiri, perkembangan peribadi, hubungan positif dengan orang lain dan tujuan hidup. Setiap dimensi mempunyai 9 item dan kesemuanya berjumlah 54 item. Manakala konstruk Kesejahteraan Spiritual pula adalah diwakili oleh dimensi Kesejahteraan Beragama dan dimensi Kesejahteraan Kewujudan yang masing-masing mempunyai 10 item dan menjadikan jumlah keseluruhan item dalam konstruk ini adalah sebanyak 20 item. Seterusnya konstruk Efikasi Kendiri Kaunselor pula diwakili oleh dimensi Pengetahuan dan Kemahiran. Kedua-dua konstruk ini mempunyai 7 dan 13 item. Oleh itu keseluruhan item bagi konstruk ini adalah sebanyak 20 item. Jumlah keseluruhan item yang digunakan dalam instrumen pengukuran ini adalah 84 item, sama seperti yang terdapat pada soal-selidik kajian.

Jadual 4.14
*Hasil analisis indeks padanan model struktural penuh
 (Hair et. al., 2006; Zainuddin, 2014; Ghazali, 2008)*

Indeks	Nilai yang dicadangkan	Nilai diperolehi
CMIN/DF	-	2.88
Df	-	32
P	-	.00
CFI	$\geq .90$.92
GFI	$\geq .90$.92
RMSEA	$\leq .08$.09


Model Kesejahteraan Psikologi terdiri daripada tiga konstruk iaitu kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri kaunselor. Nilai padanan model struktural kesejahteraan psikologi didapati sepadan dan diterima (GFI= .92, CFI = .92, RMSEA = .09). Nilai padanan ini yang ditunjukkan pada Jadual 4.14 di atas menunjukkan bahawa model struktural kesejahteraan psikologi telah mencapai kesepadanan yang ditetapkan. Berdasarkan nilai padanan model yang dapat dilihat pada jadual tersebut nilai padanan untuk CFI dan GFI berada dalam lingkungan .92 iaitu telah mencapai nilai padanan yang dicadangkan iaitu $\geq .90$. Nilai RMSEA (.95) turut mencapai nilai padanan yang disarankan iaitu $\leq .08$.

Jadual 4.15
Pemberat regresi bagi model struktural


Parameter			95% Selang Keyakinan		
			Anggaran	Bawahan	Atasan
Kesejahteraan Spiritual	←	Efikasi Kendiri	.23	.06	3.62
Kesejahteraan Psikologi	←	Kesejahteraan Spiritual	.41	.07	5.17
Kesejahteraan Psikologi	←	Efikasi Kendiri	.78	.05	3.66
Autonomi	←	Kesejahteraan Psikologi	1.00	1.00	1.00
Menguasai Persekitaran	←	Kesejahteraan Psikologi	1.36	.17	7.98
Penerimaan Kendiri	←	Kesejahteraan Psikologi	1.12	.15	7.56
Perkembangan Peribadi	←	Kesejahteraan Psikologi	1.32	.18	7.37
Hubungan Positif	←	Kesejahteraan Psikologi	1.50	.19	7.69
Tujuan Hidup	←	Kesejahteraan Psikologi	1.03	.15	6.79
Beragama	←	Kesejahteraan Spiritual	1.00	1.00	1.00
Kewujudan	←	Kesejahteraan Spiritual	1.87	.32	5.74
Kemahiran	←	Efikasi Kendiri	1.00	1.00	1.00
Pengetahuan	←	Efikasi Kendiri	.25	.04	5.14

Berdasarkan Jadual 4.15, semua nilai *unstandardized regression weight* adalah signifikan di mana nilai sifar tidak berada di antara nilai bawahan dan nilai atasan bagi mana-mana hubungan.

Dalam model ini, kesejahteraan psikologi adalah merupakan pemboleh ubah bersandar (*endogenous*). Manakala kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri kaunselor adalah pemboleh ubah tidak bersandar (*exogenous*). Kesejahteraan psikologi diukur melalui enam sub konstruk iaitu autonomi, menguasai persekitaran, penerimaan sendiri, perkembangan peribadi, hubungan positif dengan orang lain dan tujuan hidup. Kesejahteraan spiritual pula diukur menggunakan dua sub konstruk iaitu kesejahteraan beragama dan kesejahteraan kewujudan. Manakala efikasi sendiri kaunselor pula diukur melalui dua konstruk juga iaitu pengetahuan dan kemahiran. Berdasarkan tinjauan kajian lepas, kedua-dua pemboleh ubah tidak bersandar (*exogenous*) dijangka memberi kesan ke atas kesejahteraan psikologi. Ini boleh dirujuk melalui Rajah 4.3 di bawah.



Rajah 4.3. Konstruk Bagi Pemboleh Ubah Model Kajian



Rajah 4.4 Model Struktural Kesejahteraan Psikologi Kaunselor

Hasil pembinaan model struktural yang dipaparkan seperti dalam Rajah 4.4 menunjukkan nilai padanan telah mencapai kriteria dan boleh diterima. Oleh itu keputusan kajian ini mendapati bahawa model padanan telah dapat tercapai maka hipotesis Ho1 adalah ditolak

Jadual 4.16

Pemberat regresi bagi Model Struktural Kesejahteraan Psikologi

Parameter	95% Selang Keyakinan		
	Anggaran	Bawahan	Atasan
Kesejahteraan Spiritual ← Efikasi Kendiri	.23	.06	3.62
Kesejahteraan Psikologi ← Kesejahteraan Spiritual	.41	.07	5.17
Kesejahteraan Psikologi ← Efikasi Kendiri	.78	.05	3.66


Jadual 4.16 menunjukkan hasil analisis pemberat regresi pada selang keyakinan 95% berdasarkan 203 sampel. Berdasarkan jadual, semua nilai *unstandardized regression weight* adalah signifikan. Pemberat regresi adalah mewakili jumlah perubahan dalam pemboleh ubah bersandar di mana perubahan ini disebabkan oleh perubahan sebanyak 1 sisihan piawai dalam pemboleh ubah tidak bersandar. Apabila efikasi sendiri kaunselor meningkat sebanyak 1 sisihan piawai maka kesejahteraan spiritual didapati meningkat sebanyak .23. Manakala apabila kesejahteraan spiritual meningkat sebanyak 1 sisihan piawai maka kesejahteraan psikologi akan meningkat sebanyak .41. Seterusnya apabila efikasi sendiri kaunselor meningkat sebanyak 1 sisihan piawai maka kesejahteraan psikologi akan meningkat sebanyak .78.

Nilai pemberat regresi tertinggi adalah di antara Efikasi Kendiri → Kesejahteraan Psikologi (.78) dan pemberat regresi terendah adalah Efikasi Kendiri → Kesejahteraan Spiritual (.23). Tiada nilai sifar yang berada di antara nilai bawahan dan nilai atasan, dan ini menunjukkan bahawa semua laluan adalah signifikan pada selang keyakinan 95%.

4.13 Kesejahteraan Spiritual Berperanan Sebagai Mediator dalam Model Kajian

Bagi mengesahkan peranan kesejahteraan spiritual sebagai mediator di dalam model kajian ini maka analisis Ujian Statistik Sobel digunakan. Ujian Sobel pada dasarnya ialah ujian khusus yang menyediakan kaedah untuk menentukan sama ada sesuatu pemboleh ubah tidak bersandar berperanan sebagai mediator. Sekiranya terdapat pengurangan ketara maka kesan mediator tersebut adalah signifikan. (Baron & Kenny, 1986).

Dengan kata lain Ujian Statistik Sobel digunakan untuk menentukan kesejahteraan spiritual sebagai mediator yang mempengaruhi pemboleh ubah tidak bersandar terhadap pemboleh ubah bersandar.



Sobel Test Statistic (KS) = **3.18**, $p < 0.05$ (sig)

	Nilai
A:	0.260
B:	0.381
SE _A :	0.062
SE _B :	0.078
Sobel test statistic:	3.182
One-tailed probability:	0.0073178
Two-tailed probability:	0.00146

Rajah 4.5. Keputusan Ujian Statistik Sobel

Hasil analisis Ujian Statistik Sobel pada Rajah 4.5 di atas menunjukkan bahawa kesejahteraan spiritual berperanan sebagai mediator dalam model kajian ini (3.18, $p < 0.05$ sig). Peranan Kesejahteraan Spiritual sebagai mediator di antara efikasi sendiri kaunselor dengan kesejahteraan psikologi, menghasilkan $z = 3.182$, $p < .5$. Keputusan ujian Sobel ini juga mencadangkan bahawa kaitan di antara efikasi sendiri dengan kesejahteraan psikologi adalah dimoderasikan oleh kesejahteraan spiritual. Keputusan ini menunjukkan bahawa kesejahteraan spiritual akan dapat meramalkan kesejahteraan psikologi yang baik dengan berperanan sebagai mediator terhadap hubungan antara efikasi sendiri dan kesejahteraan psikologi kaunselor organisasi pendidikan di Malaysia. Oleh yang demikian hipotesis Ho2 adalah ditolak.

4.14 Kesan Tidak Langsung Ke Atas Kesejahteraan Psikologi Dalam Model Kajian

Bagi mengenalpasti kesan tidak langsung serta jumlah kesan di antara kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri kaunselor ke atas kesejahteraan psikologi kaunselor organisasi pendidikan di Malaysia, maka Jadual 4.17 berikut adalah dirujuk.

Jadual 4.17

Kesan Tidak Langsung Dan Jumlah Kesan Bagi Model Struktural

Parameter	Anggaran	95% Selang keyakinan	
		Bawahan	Atasan
KS → KP			
Kesan tidak langsung	-.02	-.04	.02
Jumlah	.50	.42	.67
EK → KP			
Kesan tidak langsung	.01	-.01	.01
Jumlah	.17	.07	.26
KS → EK			
Kesan tidak langsung	.00	.00	.00
Jumlah	.39	.26	.54

Petunjuk :


KP – Kesejahteraan Psikologi

KS – Kesejahteraan Spiritual

EK – Efikasi Kendiri

Dalam Jadual 4.17 hasil analisis bagi model pengukuran kesejahteraan psikologi kaunselor menunjukkan bahawa peramal utama kepada kesejahteraan psikologi bagi keseluruhan responden adalah kesejahteraan spiritual dengan jumlah kesan .50. Jumlah ini bermaksud apabila kesejahteraan spiritual bertambah sebanyak 1 sisihan piawai, maka kesejahteraan psikologi meningkat sebanyak .50 sisihan piawai. Jumlah kesan sebanyak .50 ini adalah disebabkan oleh kesan tidak langsung sebanyak -.02. Nilai sifar diperhatikan wujud di antara nilai bawahan dan nilai atasan bagi kesan tidak langsung, bermakna kesan ini adalah tidak signifikan.

Efikasi sendiri kaunselor menjadi peramal kedua kepada kesejahteraan psikologi dengan jumlah kesan sebanyak .17. Apabila efikasi sendiri meningkat sebanyak 1 sisihan piawai maka kesejahteraan psikologi akan bertambah sebanyak .17. Jumlah kesan ini disebabkan oleh kedua-dua kesan langsung sebanyak .16 dan kesan tidak langsung sebanyak .01. Kesan tidak langsung efikasi sendiri kaunselor terhadap kesejahteraan psikologi adalah didapati tidak signifikan. Selain itu kesejahteraan spiritual juga didapati mempunyai nilai sifar diperhatikan wujud di antara nilai bawahan dan nilai atasan bagi kesan tidak langsung, bermakna kesan ini adalah tidak signifikan.



*Signifikan pada aras alfa < .05

Rajah 4.6. Analisis Kesejahteraan Spiritual Sebagai Moderator

Oleh itu kesimpulannya adalah kesejahteraan spiritual berperanan sebagai *partial mediator* dalam hubungan efikasi sendiri kaunselor dengan kesejahteraan psikologi dengan signifikan pada aras alfa < .05 seperti yang ditunjukkan pada Rajah 4.6 di atas. Oleh itu hipotesis Ho3 adalah ditolak.

4.15 Faktor Gender, Lokasi Tempat Kerja dan Pengalaman Bekerja Berperanan Sebagai Moderator


Objektif kajian kelima adalah untuk menentukan sama ada gender, lokasi tempat kerja dan pengalaman bekerja berperanan sebagai moderator dalam model *a priori*. Untuk menentukan peranan gender, lokasi tempat kerja dan pengalaman bekerja sebagai moderator, *multiple group analysis* dijalankan. Pemboleh ubah moderator yang terlibat dalam analisis adalah gender, lokasi tempat kerja dan pengalaman bekerja. Dalam prosedur analisis pelbagai kumpulan atau *multiple group analysis*, dua jenis model iaitu model *unconstrained* dan model *constrained* akan dinilai.

Bagi model *constrained*, kesemua laluan (*path*) disekat. Ini bermakna anggaran tidak standard adalah sama bagi semua parameter dalam kumpulan. Manakala di dalam model *unconstrained*, anggaran bagi semua parameter adalah bebas. Kemudian perbezaan nilai khi kuasa dua dan darjah kebebasan di antara dua model ini dihitung. Dengan merujuk kepada jadual taburan khi kuasa dua, aras signifikan akan ditentukan.

Sekiranya hasil analisis menunjukkan bahawa pemboleh ubah yang dikaji adalah signifikan sebagai moderator ($p < .05$), maka punca kehadiran kesan moderasi perlu diperiksa. Bagi tujuan ini semua laluan dalam model *constrained* disekat satu persatu. Prosedur antara model *constrained* dan model *unconstrained* dibuat bagi menentukan aras signifikan berpandukan jadual taburan khi kuasa dua. Dengan darjah kebebasan 1, nilai perbezaan khi kuasa dua > 3.84 menunjukkan aras p yang signifikan.

4.15.1 Moderator Gender

Terdapat dua kumpulan gender yang dirujuk dengan Kumpulan 1 bagi gender lelaki dan Kumpulan 2 bagi gender perempuan. Rajah 4.7 di bawah menunjukkan Model Struktural Kesejahteraan Psikologi dan laluan dalam model *constrained*.



Rajah 4. 7 Model Struktural Bagi Analisis Pelbagai Kumpulan Untuk Gender

Jadual 4.18

Analisis Pelbagai Kumpulan Berdasarkan Moderator Gender

Model	GFI	CFI	RMSEA	χ^2	DF	P	χ^2/DF
Unconstrained	.86	.88	.08	593.19	142	.05	4.18
Constrained	.86	.90	.06	169.32	96	.05	4.32

Jadual 4.19

Nilai P Berdasarkan Kepada Jumlah Perubahan Khi Kuasa Dua Dan Darjah Kebebasan Bagi Moderator Gender

Model	$\Delta\chi^2$	ΔDF	p	Keputusan
Unconstrained				
Constrained	63.93	10	.05	Signifikan

Hasil analisis bagi model *constrained* dan *unconstrained* ditunjukkan dalam Jadual 4.18 dan 4.19. Jumlah perubahan khi kuasa dua adalah sebanyak 63.93 dengan darjah kebebasan 10. Berdasarkan jumlah taburan khi kuasa dua, nilai p adalah signifikan, $p < .005$. Dengan ini gender adalah merupakan moderator di dalam model struktural kesejahteraan psikologi.

Jadual 4.20

Pemberat Regresi Model Struktural Kesejahteraan Psikologi Bagi Kumpulan Gender 1 Dan Kumpulan Gender 2

Parameter	Kumpulan 1			Kumpulan 2		
	95% Selang Keyakinan					
	Anggaran	Bawah an	Atasan	Anggaran	Bawah an	Atasan
KS ← EK	-.05	-.02	.09	-.15	-.35	.04
KP ← KS	-.10	-.26	.05	-.08	-.31	.11
KP ← EK	.31	.20	.44	-.03	-.20	.19

Petunjuk :

- KS - Kesejahteraan Spiritual
- KP - Kesejahteraan Psikologi
- EK - Efikasi Kendiri

Jadual 4.20 menunjukkan pemberat regrasi bagi Model Struktural Kesejahteraan Psikologi bagi dua kumpulan gender. Bagi model struktural kesejahteraan psikologi untuk Kumpulan 1, Efikasi Kendiri (EK) → Kesejahteraan Psikologi (KP) adalah didapati signifikan. Manakala bagi model struktural kesejahteraan psikologi untuk Kumpulan 2 pula, tiada laluan yang menunjukkan kesignifikanan. Melalui jadual di atas juga didapati bahawa laluan Efikasi Kendiri (EK) → Kesejahteraan Psikologi (KP) adalah signifikan bagi Kumpulan 1 tetapi ia tidak signifikan bagi Kumpulan 2. Seterusnya nilai pemberat regresi yang tertinggi bagi kedua-dua kumpulan adalah Efikasi Kendiri Kaunselor (EK) → Kesejahteraan Psikologi (KP).

4.15.2 Model Comparison Bagi Gender

Berikut adalah jadual yang menunjukkan perbezaan nilai khi kuasa dua dan darjah kebebasan bagi moderator gender lelaki dan perempuan.

Jadual 4.21
Perbezaan Nilai Khi Kuasa Dua Dan Darjah Kebebasan Bagi Moderator Gender


Parameter	Unconstrained Model		Constrained Model		$\Delta\chi^2$	Δdf	p	Keputusan
	χ^2	df	χ^2	df				
KS → KP	593.19	142	593.57	143	.38	1	.54	Tidak Signifikan
EK → KS	593.19	142	594.08	143	.89	1	.35	Tidak Signifikan
EK → KP	593.19	142	606.99	143	13.81	1	.00	Signifikan

Petunjuk :

- KS - Kesejahteraan Spiritual
- KP - Kesejahteraan Psikologi
- EK - Efikasi Kendiri


Jadual 4.21 di atas menunjukkan bahawa dapatan bagi perbezaan nilai khi kuasa dua dan darjah kebebasan bagi model *constrained* dan model *unconstrained*. Bagi model *constrained*, hanya satu laluan disekat pada satu satu masa dengan laluan lain dianggarkan secara bebas. Dengan perbezaan darjah kebebasan 1, nilai perubahan khi kuasa dua > 3.84 , memberikan nilai p yang signifikan. Berdasarkan jadual tersebut hanya laluan EK \rightarrow KP di dapati signifikan. Maka dengan ini laluan EK \rightarrow KP telah dimoderasikan oleh faktor gender dalam Model *Comparison* ini. Oleh itu hipotesis (Ho4) yang menyatakan bahawa faktor gender tidak berperanan sebagai moderator dalam model yang dicadangkan telah berjaya ditolak.

Rajah 4.8 dibawah memberikan kesimpulan hasil dari ujian yang telah dijalankan bagi menentukan sama ada gender berperanan sebagai moderator dalam model kajian ini.



Rajah 4.8. Faktor Gender Lelaki Sebagai Moderator Dalam Model Kajian

Berdasarkan Rajah 4.8 di atas, peramal kesejahteraan psikologi menunjukkan bahawa jumlah varians adalah 64.7%. Dalam erti kata lain, varians ralat di dalam kesejahteraan psikologi adalah kira-kira 35.3% daripada keseluruhan varians kesejahteraan psikologi itu sendiri bagi faktor gender lelaki.



Rajah 4.9. Faktor Gender Perempuan Sebagai Moderator Dalam Model Kajian

Berdasarkan Rajah 4.9 di atas, peramal kesejahteraan psikologi menunjukkan bahawa jumlah varians adalah 53.3%. Dalam erti kata lain, varians ralat di dalam kesejahteraan psikologi adalah kira-kira 46.7% daripada keseluruhan varians kesejahteraan psikologi itu sendiri bagi faktor gender perempuan.

Jadual 4.22

Perbandingan Peranan Gender Sebagai Moderator Dalam Model Kajian

LELAKI			
kesejahteraan_spiritual	←	efikasi_kendiri	.524
kesejahteraan_psikologi	←	kesejahteraan_spiritual	.579
kesejahteraan_psikologi	←	efikasi_kendiri	.332
PEREMPUAN			
kesejahteraan_spiritual	←	efikasi_kendiri	.394
kesejahteraan_psikologi	←	kesejahteraan_spiritual	.495
kesejahteraan_psikologi	←	efikasi_kendiri	.376


Berdasarkan Jadual 4.22 di atas, perbandingan peranan gender sebagai moderator dalam model kajian ini menunjukkan bahawa faktor gender lelaki mempunyai hubungan yang tinggi dalam kesejahteraan spiritual dengan kesejahteraan psikologi (.579). Begitu juga dengan hubungan antara efikasi sendiri dengan kesejahteraan spiritual yang melihatkan hubungan yang tinggi dengan nilai .524.

Jika ditinjau pula hubungan faktor gender perempuan sebagai moderator dalam model kajian ini ketiga-tiga bentuk hubungan yang paling tinggi iaitu hubungan antara kesejahteraan spiritual dengan kesejahteraan psikologi dengan nilai .495. Manakala hubungan antara efikasi sendiri dengan kesejahteraan spiritual hanya dengan nilai .394 dan hubungan efikasi sendiri dengan kesejahteraan psikologi adalah .376.

Oleh itu dari aspek faktor gender lelaki dan perempuan, didapati bahawa gender lelaki lebih berkesan dan memberikan impak yang signifikan sebagai moderator dalam model kajian ini.

4.16 Moderator Dan Model *Comparison* Lokasi Tempat Kerja

Terdapat dua kumpulan lokasi tempat kerja yang dirujuk dengan Kumpulan 1 bagi lokasi tempat kerja di bandar dan Kumpulan 2 bagi lokasi tempat kerja di luar bandar. Rajah 4.10 di bawah menunjukkan model struktural bagi analisis pelbagai kumpulan moderator lokasi tempat kerja dan laluan dalam model *constrained*.



Rajah 4.10. Model Struktural Bagi Analisis Pelbagai Kumpulan Moderator Lokasi Tempat Kerja


Jadual 4.23.
Model Comparison Lokasi Tempat Kerja

Model	GFI	CFI	RMSEA	χ^2	DF	P	χ^2/DF
Unconstrained	.85	.88	.08	593.07	146	.05	4.06
Constrained	.89	.93	.06	116.12	64	.05	3.90

Jadual 4.23 menunjukkan hasil analisis bagi Model *Comparison* iaitu perubahan nilai khi kuasa dua dan darjah kebebasan ditunjukkan. Perbezaan nilai khi kuasa dua adalah sebanyak 14.67 dengan perbezaan darjah kebebasan 10. Berdasarkan jadual taburan khi kuasa dua, nilai p adalah signifikan, $p > .05$. Dengan


ini lokasi tempat kerja adalah moderator dalam model kesejahteraan psikologi. Hipotesis (Ho5) yang menyatakan bahawa lokasi tempat kerja tidak berperanan sebagai moderator dalam model yang dicadangkan adalah ditolak.

Rajah 4.11 di bawah memberikan kesimpulan hasil dari ujian yang telah dijalankan bagi menentukan sama ada lokasi tempat kerja berperanan sebagai moderator dalam kajian ini.



Rajah 4.11. Faktor Lokasi Bandar Sebagai Moderator Dalam Model Kajian

Berdasarkan Rajah 4.11 di atas, peramal kesejahteraan psikologi menunjukkan bahawa jumlah varians adalah 57.6%. Dalam erti kata lain, varians ralat di dalam kesejahteraan psikologi adalah kira-kira 42.4% daripada keseluruhan varians kesejahteraan psikologi itu sendiri bagi faktor lokasi bandar.



Rajah 4.12. Faktor Lokasi Luar Bandar Sebagai Moderator Dalam Model Kajian

Berdasarkan Rajah 4.12 di atas, peramal kesejahteraan psikologi menunjukkan bahawa jumlah varians adalah 67%. Dalam erti kata lain, varians ralat di dalam kesejahteraan psikologi adalah kira-kira 33% daripada keseluruhan varians kesejahteraan psikologi itu sendiri bagi faktor lokasi luar bandar.

Jadual 4.24
Perbandingan Lokasi Tempat Kerja Sebagai Moderator

BANDAR		
kesejahteraan_spiritual	←	efikasi_kendiri .444
kesejahteraan_psikologi	←	kesejahteraan_spiritual .481
kesejahteraan_psikologi	←	efikasi_kendiri .411


LUAR BANDAR

kesejahteraan_spiritual	←	efikasi_kendiri	.498
kesejahteraan_psikologi	←	kesejahteraan_spiritual	.615
kesejahteraan_psikologi	←	efikasi_kendiri	.315


Berdasarkan Jadual 4.24 di atas faktor lokasi luar bandar menunjukkan hubungan yang lebih signifikan berbanding dengan faktor lokasi bandar dalam efikasi sendiri dengan kesejahteraan spiritual dan juga kesejahteraan spiritual dengan kesejahteraan psikologi. Hubungan kesejahteraan spiritual dengan kesejahteraan psikologi mempunyai nilai hubungan yang tertinggi iaitu .615 . Manakala hubungan efikasi sendiri dengan kesejahteraan spiritual pula memperolehi nilai .498 dalam faktor lokasi luar bandar berbanding dengan efikasi sendiri dengan kesejahteraan spiritual (.444) dan kesejahteraan spiritual dengan kesejahteraan psikologi (.481) dalam faktor bandar. Oleh itu dari aspek faktor lokasi tempat kerja di bandar dan luar bandar, didapati bahawa lokasi luar bandar lebih berkesan dan memberikan impak yang signifikan sebagai moderator dalam model kajian ini.

4.17 Moderator dan Model *Comparison* Pengalaman

Rajah 4.13 di bawah memberikan keputusan dari ujian yang telah dijalankan bagi menentukan sama ada pengalaman berperanan sebagai moderator.




Rajah 4.13. Model Struktural Bagi Analisis Pelbagai Kumpulan Moderator Pengalaman




Rajah 4.14. Faktor Pengalaman Sebagai Moderator Kumpulan 1 (0 hingga 5 tahun, n = 53)

Berdasarkan Rajah 4.14 di atas menunjukkan bahawa kesejahteraan spiritual tidak berperanan sebagai mediator bagi Kumpulan 1 iaitu kaunselor yang mempunyai pengalaman dari 0 hingga 5 tahun.



Rajah 4.15 Faktor Pengalaman Sebagai Moderator Kumpulan 2 (6 hingga 12 tahun, n = 90)

Berdasarkan Rajah 4.15 di atas pula menunjukkan bahawa kesejahteraan spiritual adalah berperanan sebagai partial mediator bagi Kumpulan 2 iaitu kaunselor yang mempunyai pengalaman dari 6 hingga 12 tahun.



Rajah 4.16 Faktor Pengalaman Sebagai Moderator Kumpulan 3 (13 hingga 19 tahun, n = 50)

Berdasarkan Rajah 4.16 di atas pula menunjukkan bahawa kesejahteraan spiritual adalah berperanan sebagai full mediator bagi Kumpulan 3 iaitu kaunselor yang mempunyai pengalaman dari 13 hingga 19 tahun.

Jadual 4.25

Perbandingan Peranan Pengalaman Sebagai Moderator

PENGALAMAN KUMPULAN 1

(0 - 5 TAHUN) n = 53

kesejahteraan_spiritual	← Efikasi sendiri	.295	Tidak signifikan
kesejahteraan_psikologi	← Kesejahteraan spiritual	.732	Signifikan
kesejahteraan_psikologi	← Efikasi sendiri	.144	Tidak signifikan

Kesejahteraan spiritual bukan Mediator

PENGALAMAN KUMPULAN 2			
(6 - 12 TAHUN) n = 90			
kesejahteraan_spiritual	← Efikasi sendiri	.449	Signifikan
kesejahteraan_psikologi	← Kesejahteraan spiritual	.290	Signifikan
kesejahteraan_psikologi	← Efikasi sendiri	.599	Signifikan
# Kesejahteraan spiritual sebagai Partial Mediator			
PENGALAMAN KUMPULAN 3			
(13 - 19 TAHUN) n = 50			
kesejahteraan_spiritual	← Efikasi sendiri	.522	Signifikan
kesejahteraan_psikologi	← Kesejahteraan_spiritual	.591	Signifikan
kesejahteraan_psikologi	← Efikasi sendiri	.327	Tidak Signifikan
# Kesejahteraan spiritual sebagai Full Mediator			


Berdasarkan Jadual 4.25 di atas menunjukkan perbandingan pengalaman sebagai moderator dalam model kajian ini yang dibahagikan kepada tiga kumpulan. Bagi Kumpulan 1 yang mengelompokkan kaunselor yang berpengalaman selama 0 hingga 5 tahun seramai 53 orang menunjukkan bahawa kesejahteraan spiritual tidak berperanan sebagai mediator bagi kumpulan ini. Ini disebabkan hanya satu sahaja hubungan yang signifikan iaitu antara kesejahteraan spiritual dengan kesejahteraan psikologi (.732). Manakala dua lagi konstruk tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan masing-masing ialah hubungan antara efikasi sendiri dengan kesejahteraan spiritual (.295) dan kesejahteraan psikologi dengan efikasi sendiri (.144).

Seterusnya bagi Kumpulan 2 seramai 90 orang, iaitu kelompok kaunselor yang berkhidmat selama 6 hingga 12 tahun pula, kesejahteraan spiritual telah berperanan sebagai partial mediator di mana ketiga-tiga hubungan iaitu antara kesejahteraan spiritual dengan kesejahteraan psikologi (.290), efikasi sendiri dengan kesejahteraan spiritual (.449) dan juga kesejahteraan psikologi dengan efikasi sendiri (.599) adalah mempunyai hubungan yang signifikan dalam kajian ini.

Manakala Kumpulan 3 pula yang mengelompokkan kaunselor yang telah berkhidmat selama 13 hingga 19 tahun seramai 50 orang menunjukkan bahawa kesejahteraan spiritual berperanan sebagai full mediator. Ini bermakna terdapat hanya satu sahaja hubungan yang tidak signifikan dalam model yang dicadangkan iaitu hubungan antara kesejahteraan psikologi dengan efikasi sendiri (.327). Manakala bagi hubungan kesejahteraan spiritual dengan kesejahteraan psikologi (.591) dan efikasi sendiri dengan kesejahteraan spiritual (.522) adalah signifikan. Hasil analisa menunjukkan bahawa kesemua faktor adalah merupakan moderator dalam model kajian ini dan sekaligus menolak hipotesis Ho4, Ho5 dan Ho6.

4.18 Faktor Gender Berperanan Sebagai Moderator Dalam Model *Moderated-mediation*

Bagi melihat adakah faktor gender dapat berperanan sebagai moderator di dalam model *moderated-mediation* yang dicadangkan maka analisis pelbagai kumpulan (*multiple group analysis*) telah dijalankan.




GENDER	DIRECT β Tanpa mediation	DIRECT β Dengan mediation	INDIRECT β	Type of mediation
LELAKI	-0.406(sig)	.147(sig)	-0.237(ns)	Partial
PEREMPUAN	-0.432(sig)	.130(sig)	-0.076(ns)	Partial

Rajah 4.17 Gender Sebagai Moderator Antara EK Dengan KS

Hasil analisa pada Rajah 4.17 di atas menunjukkan bahawa gender adalah berperanan sebagai moderator dalam hubungan di antara efikasi sendiri dengan kesejahteraan spiritual.

Manakala hasil analisa daripada Rajah 4.17 di atas juga menunjukkan bahawa gender adalah berperanan sebagai moderator dalam hubungan di antara kesejahteraan spiritual dengan kesejahteraan psikologi. Oleh yang demikian hipotesis Ho7 adalah ditolak.



GENDER	DIRECT β Tanpa <i>mediation</i>	DIRECT β Dengan <i>mediation</i>	INDIRECT β	Type of <i>mediation</i>
LELAKI	-.406(sig)	.147(sig)	.140(ns)	Partial
PEREMPUAN	-.432(sig)	.130(sig)	.036(ns)	Partial

Rajah 4.18. Gender Sebagai Moderator Antara KS Dengan KP

Manakala hasil analisa daripada Rajah 4.18 di atas juga menunjukkan bahawa gender adalah berperanan sebagai moderator dalam hubungan di antara kesejahteraan spiritual dengan kesejahteraan psikologi. Oleh yang demikian hipotesis Ho7 adalah ditolak.

4.19 Rumusan Dapatan Kajian

Terdapat enam soalan kajian yang dibina untuk mencapai tujuan kajian iaitu :-

- i). Apakah tahap kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri kaunselor organisasi di Kementerian Pendidikan Malaysia ?

- ii). Adakah terdapat kesepadanan model *a priori* dengan data kajian?
- iii). Adakah kesejahteraan spiritual berperanan sebagai mediator dalam model kajian?
- iv). Adakah terdapat kesan tidak langsung ke atas kesejahteraan psikologi dalam model kajian?
- v). Adakah faktor gender , lokasi tempat kerja dan pengalaman bekerja berperanan sebagai moderator dalam model yang dicadangkan?
- vi). Adakah gender berperanan sebagai moderator dalam model ‘moderated – mediator’ yang dicadangkan?

Bagi menjawab kesemua soalan kajian , terdapat dua kaedah yang digunakan iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi. Bagi soalan kajian yang pertama iaitu berkenaan tahap kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri kaunselor di Kementerian Pendidikan menggunakan analisis deskriptif. Manakala soalan kajian kedua, ketiga, keempat, kelima dan keenam dijawab dengan menggunakan model persamaan struktur.

Hasil analisis menunjukkan beberapa dapatan iaitu bagi soalan kajian pertama, hasil penilaian secara deskriptif mendapati bahawa tahap kesejahteraan psikologi kaunselor dan tahap kesejahteraan spiritual adalah pada tahap yang sederhana. Manakala efikasi sendiri berada pada tahap yang tinggi. Soalan kajian kedua yang melihat kesepadanan model *a priori* dalam kesemua konstruk yang diuji menunjukkan bahawa ketiga – tiga konstruk yang diuji iaitu kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri menunjukkan tahap kesepadanan yang baik.

Bagi soalan kajian yang ketiga menunjukkan hasil analisis kesejahteraan spiritual telah berperanan sebagai mediator dalam model kajian ini hasil dari Ujian analisis statistik Sobel (3.18, $p < 0.05$).

Soalan kajian keempat juga menggunakan analisis laluan yang dijalankan untuk menguji kesan tidak langsung ke atas kesejahteraan psikologi dalam model kajian. Hasil analisis mendapati bahawa kesejahteraan spiritual berperanan sebagai partial mediator dalam model kajian ini.

Manakala bagi soalan kajian kelima yang menilai faktor gender, lokasi tempat kerja serta pengalaman sebagai moderator dalam kajian ini. Analisis pelbagai kumpulan (multiple group analysis) yang dijalankan menunjukkan bahawa ketiga-tiga faktor adalah berperanan sebagai moderator dalam kajian ini.

Bagi soalan kajian keenam adalah untuk menilai sama ada gender berperanan sebagai moderator dalam model *moderated-mediation* menggunakan analisis pelbagai kumpulan.

Jadual 4.26
Hasil Keputusan Pengujian Hipotesis

Hipotesis		Keputusan
Ho1	Tidak terdapat kesepadanan model bagi kesejahteraan psikologi kaunselor dengan data kajian	Ditolak
Ha1	Terdapat kesepadanan model bagi kesejahteraan psikologi kaunselor dengan data kajian	Diterima
Ho2	Kesejahteraan spiritual tidak berperanan sebagai mediator dalam model kajian	Ditolak
Ha2	Kesejahteraan spiritual berperanan sebagai mediator dalam model kajian	Diterima

Ho3	Tidak terdapat kesan tidak langsung ke atas kesejahteraan psikologi dalam model kajian	Ditolak
Ha3	Tidak terdapat kesan tidak langsung ke atas kesejahteraan psikologi dalam model kajian	Diterima
Ho4	Faktor gender tidak berperanan sebagai moderator dalam model kajian	Ditolak
Ha4	Faktor gender berperanan sebagai moderator dalam model kajian	Diterima
Ho5	Faktor lokasi tempat kerja tidak berperanan sebagai moderator dalam model kajian	Ditolak
Ha5	Faktor lokasi tempat kerja berperanan sebagai moderator dalam model kajian	Diterima
Ho6	Faktor pengalaman tidak berperanan sebagai moderator dalam model kajian	Ditolak
Ha6	Faktor pengalaman berperanan sebagai moderator dalam model kajian	Diterima
Ho7	Gender tidak berperanan sebagai moderator dalam model 'moderated-mediator' yang dicadangkan	Ditolak
Ha7	Gender berperanan sebagai moderator dalam model 'moderated-mediator' yang dicadangkan	Diterima

Hasil analisis data kajian menunjukkan keputusan hipotesis yang telah dibina pada Jadual 4.26 di atas. Keseluruhannya Ho1, Ho2, Ho3, Ho4, Ho5, Ho6 dan Ho7 adalah hipotesis yang ditolak dan kesemua Ha1, Ha2, Ha3, Ha4, Ha5, Ha6 dan Ha7 adalah hipotesis yang diterima berdasarkan analisis yang telah dilaksanakan.

4.20 Kesimpulan

Bab ini telah melaporkan tentang dapatan kajian dan analisis yang telah dibuat bagi menjawab enam soalan kajian dan tujuh hipotesis bagi mencapai objektif

kajian. Pada peringkat awal bab diterangkan mengenai proses analisis awal data dan pemprosesan data. Seterusnya menghuraikan mengenai dapatan berbentuk deskriptif dan menghuraikan juga dapatan analisis inferensi. Pada bahagian akhir dinyatakan rumusan keseluruhan dapatan kajian ini.

Universiti Malaya

BAB 5

PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan dan merumuskan hasil dapatan kajian/penyelidik berdasarkan objektif yang telah ditetapkan, seterusnya mencadangkan Model Kesejahteraan Kaunselor Organisasi KPM. Perbincangan tentang dapatan kajian adalah berdasarkan analisis data dalam Bab 4 bagi menjawab semua persoalan kajian yang dikupas dengan merujuk kepada perbincangan dapatan-dapatan kajian lepas dalam Bab 2. Penyelidik juga membuat rumusan implikasi atau sumbangan kajian terhadap aspek teori dan amalan. Seterusnya pengkaji akan mengemukakan cadangan serta sasaran untuk kajian-kajian seterusnya.

5.2 Ringkasan Kajian

Kajian ini dijalankan ke atas kaunselor organisasi yang berkhidmat di Kementerian Pendidikan Malaysia. Tujuan kajian dijalankan adalah untuk mengetahui tahap kesejahteraan para kaunselor organisasi di seluruh negara umumnya, dan menilai model *a priori* yang telah dibina bagi menerangkan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah di dalam kajian ini. Di samping itu kajian juga bertujuan untuk melihat dan menentukan peranan kesejahteraan spiritual sebagai mediator dalam model kajian. Di harap aspek spiritual yang diperbincangkan dalam penulisan kajian ini dapat memberi pendedahan dan dibuktikan kepentingannya dalam menyumbang melahirkan kaunselor mempunyai kesejahteraan psikologi yang

tinggi seterusnya membimbing para kaunselor ke arah kesejahteraan yang hakiki menuju kebahagiaan yang kekal abadi di akhirat kelak.

Kajian ini dijalankan bagi mencapai enam objektif kajian iaitu pertama adalah untuk melihat tahap kesejahteraan kaunselor organisasi di Kementerian Pendidikan Malaysia. Objektif kedua adalah untuk menentukan kesepadanan model *a priori* dengan data. Manakala bagi soalan kajian ketiga adalah untuk menentukan kesejahteraan spiritual sebagai mediator dalam model kajian. Objektif keempat adalah untuk menentukan kesan tidak langsung ke atas kesejahteraan psikologi dalam model kajian. Seterusnya objektif kajian kelima bagi menentukan sama ada gender, lokasi tempat kerja dan pengalaman bekerja berperanan sebagai moderator dalam model kajian. Dan akhir sekali, objektif kajian keenam adalah bagi menentukan sama ada gender berperanan sebagai moderator dalam model '*moderated – mediation*' yang dicadangkan.

Borang soal selidik dalam kajian ini terdiri daripada empat bahagian iaitu Bahagian A hingga Bahagian D. Bahagian A terdiri daripada demografi dan latar belakang responden yang terdiri daripada soalan tentang umur, gender, bangsa, taraf perkahwinan, lokasi tempat kerja, tahap pendidikan dan pengalaman bekerja sebagai kaunselor. Bahagian B pula terdiri daripada Skala Kesejahteraan Psikologi oleh Ryff (1989) yang mengukur aspek kesejahteraan psikologi. Bahagian C terdiri daripada Skala Kesejahteraan Spiritual oleh Paloutzian dan Ellison (1982) yang digunakan untuk mengukur kesejahteraan spiritual responden dan Bahagian D adalah Skala Efikasi Kendiri Kaunselor oleh Melchert et al., (1996) yang akan dapat mengukur efikasi sendiri kaunselor.

Seterusnya kajian ditadbir ke atas responden seramai 221 orang kaunselor organisasi di seluruh Malaysia menggunakan soal-selidik yang telah disediakan. Proses penyemakan data dilakukan dan terdapat sebanyak 13 soal selidik yang terpaksa dikeluarkan kerana tidak diisi dengan sempurna. Setelah itu, terdapat 5 data terpaksa disingkirkan kerana terdapat data yang menyimpang (*outlier*). Jumlah akhir kes yang terlibat untuk proses analisis data ialah sebanyak 203 kes.

Justeru itu dalam kajian ini, terdapat 203 sampel kajian yang mewakili kaunselor organisasi bagi seluruh negara. Persampelan bertujuan telah digunakan sebagai kaedah persampelan dalam kajian ini. Semua instrumen yang digunakan untuk proses pengumpulan data telah menunjukkan kebolehpercayaan dan kesahan yang boleh diterima. Data yang telah diperolehi melalui soal selidik ini, dimasukkan ke dalam perisian SPSS 20.0 dan juga perisian Microsoft Excel dan dianalisis menggunakan kaedah permodelan persamaan struktur (*Structural Equation Modelling*) dan menggunakan program Amos (Versi 21). Pada peringkat awal bagi mendapat gambaran tentang ciri-ciri demografi responden yang terlibat, maka analisis deskriptif dilakukan. Pengiraan min dan sisihan piawai dilakukan terhadap kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan juga efikasi sendiri. Pengujian menggunakan model persamaan struktur digunakan untuk menganalisis data kajian dan menguji padanan model dengan data yang dikutip melibatkan dua model iaitu model pengukuran dan model struktural.

Seterusnya analisis pengesahan faktor (*confirmatory factor analysis*) dilakukan untuk menentukan kesahan faktor dalam kajian. Penilaian di peringkat model struktural pula adalah melibatkan penilaian padanan model berdasarkan

hubungan antara pemboleh ubah dalam model tersebut. Dalam kajian ini juga, bagi menguji kesan tidak langsung antara pemboleh ubah, analisis model persamaan struktur dilakukan. Manakala analisis kumpulan pelbagai (*multiple group analysis*) dilakukan untuk mengenalpasti moderator faktor gender, lokasi tempat kerja dan pengalaman bekerja dalam kajian ini.

5.3 Rumusan Dapatan Kajian

Sebagai rumusan, kajian kesejahteraan kaunselor organisasi di KPM, merupakan satu kajian tinjauan yang bertujuan untuk menentukan faktor – faktor yang signifikan yang dapat menyumbang kepada kesejahteraan kaunselor di Kementerian Pendidikan Malaysia. Dalam kajian ini, pengkaji mengemukakan dua konstruk sebagai faktor utama bagi pembentukan model *a priori* ini iaitu kesejahteraan spiritual dan juga efikasi sendiri kaunselor. Berdasarkan teori dan kajian lepas kedua-dua faktor ini dijangka dapat menyumbang kepada kesejahteraan psikologi kaunselor organisasi di Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dalam kajian ini Skala Kesejahteraan Psikologi oleh Ryff (1989) digunakan untuk mengukur tahap kesejahteraan psikologi kaunselor. Terdapat enam sub konstruk kesejahteraan psikologi iaitu autonomi, menguasai persekitaran, penerimaan sendiri, perkembangan peribadi, hubungan positif dengan orang lain dan tujuan hidup. Daripada keenam-enam sub konstruk ini perkembangan peribadi mencatatkan skor yang paling tinggi, diikuti dengan hubungan positif dengan orang lain, kemudian menguasai persekitaran, seterusnya tujuan hidup, diikuti penerimaan sendiri dan akhir sekali adalah autonomi. Manakala aspek kesejahteraan spiritual pula diukur menggunakan Skala Kesejahteraan Spiritual oleh Paloutzian dan Ellison

(1982) terdapat dua sub konstruk terlibat iaitu kesejahteraan beragama dan kesejahteraan kewujudan. Antara keduanya, sub konstruk kesejahteraan beragama mempunyai skor min lebih tinggi berbanding dengan sub konstruk kesejahteraan kewujudan. Manakala aspek efikasi sendiri kaunselor yang diukur menggunakan Skala Efikasi Kendiri Kaunselor oleh Melchert et al., (1996). Terdapat dua sub konstruk yang terlibat iaitu pengetahuan dan kemahiran. Skor min yang paling tinggi antara keduanya adalah kemahiran dan diikuti oleh pengetahuan. Secara keseluruhannya pemboleh ubah yang menunjukkan skor min pada tahap sederhana ialah kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri kaunselor. Manakala skor min pada tahap tinggi ialah kesejahteraan psikologi.

Analisis Pengesahan Faktor (*Confirmatory Factor Analysis*) menunjukkan bahawa model pengukuran dan model struktural mempunyai padanan dengan data kajian. Kesemua faktor muatan menunjukkan nilai yang signifikan. Ini bermaksud bahawa item-item dalam alat ujian ini sesuai dengan faktor masing-masing. Kesepadanan ini secara langsung memberi pengesahan bahawa ketiga-tiga alat ujian yang terlibat dalam kajian ini iaitu Skala Kesejahteraan Psikologi oleh Ryff (1989), Skala Kesejahteraan Spiritual oleh Paloutzian dan Ellison (1982) dan Skala Efikasi Kendiri Kaunselor oleh Melchert et al., (1996) adalah sah digunakan untuk mengukur konstruk yang hendak diukur.

Hasil analisis kesan tidak langsung serta jumlah kesan menunjukkan bahawa kesan tidak langsung kesejahteraan spiritual terhadap kesejahteraan psikologi dalam kajian ini adalah sangat kecil dan tidak signifikan. Manakala kesan tidak langsung efikasi sendiri terhadap kesejahteraan psikologi juga adalah kecil tetapi signifikan.

Seterusnya kesan tidak langsung kesejahteraan spiritual terhadap efikasi sendiri adalah tidak memberi kesan dan signifikan.

Bagi analisis moderator pula, analisis pelbagai kumpulan dijalankan bagi menilai kesan pemboleh ubah gender, lokasi tempat kerja dan pengalaman bekerja sebagai moderator dalam kajian ini. Analisis ke atas perbezaan khi kuasa dua dan darjah kebebasan antara dua model menunjukkan bahawa gender adalah moderator dalam model yang dicadangkan manakala lokasi tempat kerja bukan moderator dalam model ini. Seterusnya dalam model persamaan struktur kaunselor didapati bahawa kesemua padanan telah mencapai kesepadanan. Berdasarkan analisis kajian, kesemua enam soalan kajian telah dapat dijawab termasuk juga dengan pengujian tujuh hipotesis yang terlibat dalam soalan kajian kedua hingga keenam.

Berikut adalah rumusan dapatan bagi kesemua soalan kajian ini:

i). Apakah tahap kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri kaunselor organisasi di Kementerian Pendidikan Malaysia ?

Tahap kesejahteraan psikologi kaunselor organisasi di Kementerian Pendidikan Malaysia berada pada tahap tinggi. Manakala kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri kaunselor organisasi berada pada tahap sederhana.

ii). Adakah terdapat kesepadanan model *a priori* dengan data kajian?

Terdapat kesepadanan model *a priori* kesejahteraan psikologi kaunselor organisasi dengan data kajian.

iii). Adakah kesejahteraan spiritual berperanan sebagai mediator dalam model kajian?

Kesejahteraan spiritual berperanan sebagai mediator dalam model kajian ini.

iv). Adakah terdapat kesan tidak langsung ke atas kesejahteraan psikologi dalam

model kajian?

Kesejahteraan spiritual memberi kesan tidak langsung ke atas kesejahteraan psikologi dalam model kajian.

v). Adakah faktor gender, lokasi tempat kerja dan pengalaman bekerja berperanan sebagai moderator dalam model yang dicadangkan?

Gender, lokasi tempat kerja dan pengalaman bekerja memberi kesan yang signifikan dalam model yang dicadangkan.

vi). Adakah gender berperanan sebagai moderator dalam model *moderated – mediation* yang dicadangkan?

Gender berperanan sebagai moderator dalam model *moderated – mediation* yang dicadangkan.

5.4 Tahap Kesejahteraan Psikologi

Secara keseluruhannya tahap kesejahteraan psikologi kaunselor organisasi di Kementerian Pendidikan Malaysia adalah pada tahap yang tinggi. Responden kajian yang terdiri dalam kalangan mereka yang sedang berkhidmat sebagai kaunselor organisasi di Kementerian Pendidikan Malaysia sama ada di Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri, Kolej Matrikulasi, Institut Pendidikan Guru dan juga Bahagian Psikologi dan Kaunseling, di Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dapatan tahap kesejahteraan psikologi dari aspek sub konstruk menunjukkan perkembangan peribadi, hubungan positif dengan lain, menguasai persekitaran dan tujuan hidup adalah berada pada tahap tinggi. Manakala sub kontrak, penerimaan sendiri dan autonomi berada pada tahap sederhana. Keempat-empat sub konstruk

yang berada pada tahap tinggi tersebut adalah merujuk kepada pekerjaan kaunselor itu sendiri. Dapatan ini memberikan gambaran bahawa kaunselor sentiasa berusaha untuk mengembangkan diri dalam aspek peribadi mereka. Ini adalah selari dengan prinsip yang ada dalam diri seorang kaunselor yang harus sentiasa meningkatkan kualiti diri dari aspek pengetahuan dan kemahiran.

Secara keseluruhannya kesejahteraan psikologi adalah pada tahap tinggi. Faktor yang menyumbang kepada keadaan ini adalah dari segi majoriti umur responden adalah berumur dari 36 ke 55 tahun. Oleh itu faktor usia yang matang dan berfikiran rasional maka telah menyumbang menghasilkan tahap tinggi yang tinggi dalam kajian ini. Umur manusia yang berada dalam lingkungan usia 40 an adalah merupakan satu tahap umur yang secara biologinya telah mencapai tahap puncak perkembangannya. Pada usia ini juga manusia akan berada dalam kondisi psikologi yang stabil dan waras. Hadith Rasulullah Salallahu alaihi wassalam juga turut ada menyatakan bahawa pada umur 40 tahun sekiranya manusia tidak berubah maka dia akan kekal dengan sifatnya itu.

Sub konstruk perkembangan peribadi merupakan sub konstruk yang paling tinggi tahapnya di antara kesemua sub konstruk dalam kesejahteraan psikologi. Ia merupakan salah satu dari elemen yang perlu ada dalam diri seorang kaunselor. Mereka harus sentiasa meningkatkan perkembangan diri mereka dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan seiring dengan peredaran zaman dan masa. Seorang kaunselor haruslah sentiasa mempunyai kemahiran dan ilmu terkini dalam mendepani klien mereka. Ini amat bertepatan dengan data demografi kajian yang menunjukkan bilangan kaunselor yang mempunyai kelayakan akademik di peringkat

Ijazah Sarjana Muda adalah yang teramai dan terdapat juga di antara kaunselor yang dikaji itu memiliki Ijazah Sarjana. Ini menunjukkan bahawa kaunselor – kaunselor yang dikaji melihat perkembangan peribadi sebagai satu elemen penting dalam meningkatkan mutu perkhidmatan yang boleh ditawarkan kepada klien mereka.

Sub kontrak kedua yang berada pada tahap tinggi dalam konstruk kesejahteraan psikologi adalah hubungan positif dengan orang lain. Aspek ini juga merupakan satu elemen penting dalam bidang tugas sebagai seorang kaunselor. Sewaktu menjalankan tugas sebagai seorang kaunselor hubungan yang positif harus wujud demi untuk mendapatkan kepercayaan antara kaunselor dan klien. Kewujudan hubungan yang positif akan memastikan proses-proses kaunseling berjalan lancar dan akan wujud persefahaman antara keduanya dalam usaha kaunselor untuk membantu jalan keluar kepada klien mereka. Faktor ini jika dilihat adalah disumbangkan kepada faktor pengalaman bekerja majoriti responden yang dikaji adalah lebih dari lima tahun sebagai seorang kaunselor. Oleh yang demikian hasil dari pengalaman bekerja mereka yang sudah berkemahiran mengendalikan sesi kaunseling memberikan satu indikator bahawa hubungan positif sememangnya diberikan perhatian yang tinggi dalam menjalankan tugas sebagai seorang kaunselor.

Sub kontrak yang ketiga tertinggi tahapnya adalah menguasai persekitaran. Elemen ini juga adalah merupakan satu elemen yang ada dalam bidang tugas responden sebagai seorang kaunselor. Seorang kaunselor yang berkesan dalam menjalankan tugas seharusnya boleh menguasai persekitarannya agar tidak terganggu dengan perkara-perkara lain yang tidak kondusif sehingga menyebabkan tugasnya tidak dapat berjalan dengan baik dan sempurna. Persekitaran adalah amat penting

bagi seorang kaunselor untuk menjalankan sesi kaunselingnya dengan klien. Ia akan membolehkan sesinya berjalan dengan sempurna dengan langkah dan proses-proses kaunseling dapat diaplikasikan dengan lancar. Dalam kajian ini sub konstruk menguasai persekitaran berada pada tahap tinggi hasil daripada responden yang majoritinya adalah kaunselor yang amat berpengalaman bekerja dalam bidang ini dengan pengalaman bekerja selama lebih dari lima hingga 25 tahun. Selain dari itu juga kebanyakan responden adalah merupakan responden yang telah berkahwin. Oleh yang demikian mereka adalah dari golongan yang matang, waras, rasional dan juga terlatih. Dapatan kajian ini juga bertepatan dengan hasil kajian oleh Van Beek et al. (2012) yang menyatakan bahawa hubungan kasih sayang amat penting dalam persekitaran kerja kaunselor kerana ia akan dapat meningkatkan kesejahteraan dan juga penglibatan kerja mereka.

Sub konstruk tujuan hidup pula adalah berada pada tahap sederhana disebabkan majoriti responden untuk kajian ini adalah kaunselor yang berumur 36 hingga 55 tahun. Pada tahap umur yang sedemikian responden adalah berada pada zon kehidupan yang selesa dan stabil. Pada zon ini mereka kurang untuk memikirkan mengenai tujuan hidup kerana apa yang mereka impikan kebanyakannya telah tercapai dan telah dapat dipenuhi walaupun tidak secara keseluruhannya. Semua perkara yang berkaitan dengan hidup telah pun mereka penuhi baik dari aspek ekonomi, sosial, kerjaya, material dan sebagainya. Terdapat dua lagi sub konstruk yang berada pada tahap sederhana iaitu penerimaan sendiri dan autonomi. Kedua-dua sub konstruk ini adalah berhubungkait dengan diri kaunselor itu sendiri. Tahap sederhana bagi sub konstruk penerimaan sendiri menunjukkan bahawa kaunselor mempunyai sikap dan pandangan yang positif terhadap diri sendiri. Kaunselor

adalah merupakan individu yang sentiasa menghargai dan menerima semua aspek kelemahan dan kelebihan diri sendiri. Selain itu mereka juga turut mempunyai tanggapan yang positif terhadap sejarah kehidupan mereka.

Manakala bagi sub konstruk autonomi yang mempunyai tahap sederhana bagi seorang kaunselor menunjukkan bahawa mereka adalah individu yang sentiasa berdikari dan tidak memerlukan orang lain untuk membuat keputusan yang penting dalam hidup mereka. Mereka juga mempunyai kemahuan untuk mencuba sesuatu yang baru walaupun orang lain menganggap perkara tersebut adalah terlalu sukar. Selain dari itu kaunselor pada tahap autonomi yang sederhana juga mempunyai kemahiran daya tindak yang dapat menangani tekanan sosial dalam kehidupan.

5.5 Tahap Kesejahteraan Spiritual

Kesejahteraan spiritual adalah berfungsi sebagai satu bentuk elemen kerohanian dan juga satu alat pengukuran bagi mengukur tahap kerohanian atau spiritual seseorang (Smith, 2004) Selain dari itu kesejahteraan spiritual juga turut dijelaskan sebagai satu kehidupan yang berhubung dengan Tuhan, diri sendiri, komuniti dan persekitaran yang akan menjadi pemangkin kepada kesempurnaan hidup (Arnold et al., 2007). Spiritual telah muncul sebagai komponen yang penting dalam kualiti kehidupan dan kesejahteraan (Aranda, 2008; Carmody, Reed, Kristeller & Merriam, 2008; Fiorito & Ryan, 2007). Secara konseptualnya kesejahteraan spiritual ialah satu kepuasan terhadap kesejahteraan beragama yang mencerminkan hubungannya dengan Yang Maha Esa, kesejahteraan kewujudannya serta makna dan

tujuannya dalam kehidupan ini. Dapatan hasil analisis kajian menunjukkan bahawa tahap keseluruhan kesejahteraan spiritual adalah pada tahap sederhana.

Kesederhanaan dalam kesejahteraan spiritual memberikan satu indikator bahawa responden dalam kajian ini telah dapat merealisasikan elemen-elemen sub konstruk dalam kesejahteraan spiritual iaitu kesejahteraan kewujudan dan kesejahteraan keagamaan. Menjiwai kesejahteraan kewujudan perlu ada dalam diri seorang kaunselor kerana sub konstruk kesejahteraan kewujudan juga dirujuk sebagai dimensi horizontal kerana ia cenderung melihat aspek- aspek psikologi sosial. Ia adalah mengenai bagaimana bagus nya seseorang individu itu dapat menyesuaikan dirinya dengan komuniti dan persekitarannya. Sub konstruk ini juga melibatkan tujuan kewujudan insan itu, kepuasan dalam hidupnya, pengalaman bekerja yang positif dan juga negatif (Ellison & Smith, 1991, Trott, 1996). Responden kajian yang majoritinya adalah merupakan responden yang telah berkahwin dalam peringkat umur antara 25 hingga 55 tahun serta ditambah pula mempunyai pengalaman bekerja lebih dari lima tahun sebagai seorang kaunselor tentunya telah mengalami berbagai pengalaman bekerja dalam hidup mereka. Penyesuaian diri dalam persekitaran keluarga dan masyarakat akan dapat membantu dalam menzahirkan kewujudan diri mereka.

Manakala sub konstruk kesejahteraan beragama juga didapati berada pada tahap sederhana. Boivin et al. (1999) juga turut menyatakan bahawa dimensi vertikal ialah kesejahteraan beragama. Ini kerana di dalam sub konstruk ini ia memfokuskan kepada kesejahteraan spiritual seseorang itu berhubung dengan Pencipta. Elemen beragama dalam diri responden yang dikaji menunjukkan bahawa kesemua mereka

mempunyai pegangan agama yang dapat membuat mereka ada tempat untuk menaruh harapan, meminta pertolongan serta tempat untuk mengadu nasib kepada tuhan masing-masing. Pegangan agama yang wujud dalam diri seseorang akan membolehkan mereka sentiasa berada dalam keadaan yang terkawal dan sentiasa boleh mendisiplinkan diri mereka dalam mengharungi kehidupan ini. Ini kerana agama mempunyai satu set peraturan yang perlu diikuti oleh penganutnya. Sekiranya mereka melanggar peraturan yang telah ditetapkan maka natijahnya akan kembali kepada diri mereka sendiri. Sesiapa yang berbuat baik akan mendapat balasan yang baik manakala sesiapa yang berbuat jahat maka akan dibalas dengan siksaan dan pembalasan yang setimpal dengan kejahatan mereka.

5.6 Tahap Efikasi Kendiri Kaunselor

Analisis terhadap dapatan dari kajian ini menunjukkan bahawa tahap efikasi kendiri kaunselor yang berkhidmat di Kementerian Pendidikan Malaysia berada pada tahap yang sederhana. Kaunselor dikatakan mempunyai tahap efikasi kendiri yang sederhana apabila mereka mempunyai keupayaan untuk memberi kesan yang positif kepada perkembangan klien mereka. Dalam usaha untuk memperolehi kepercayaan ini kaunselor harus yakin bahawa mereka memberikan perkhidmatan yang dapat memberi impak positif kepada klien mereka. Efikasi kendiri kaunselor adalah merupakan satu kepercayaan seseorang kaunselor mengenai keupayaannya untuk memberikan perkhidmatan kaunseling yang efektif kepada kliennya (Friedlander & Snyder, 1983, Larson et al., 1992, Sharply & Ridgway 1993). Oleh yang demikian responden yang dikaji telah berupaya untuk memberikan satu perkhidmatan yang terbaik kepada klien-klien mereka. Iannelli (2000) menjalankan


kajian mengenai hubungan antara efikasi sendiri kaunselor dengan hasil proses kaunseling dan juga prestasi kaunselor mendapati bahawa terdapat hubungan yang kuat di antara efikasi sendiri kaunselor dengan hasil proses kaunseling tersebut. Kaunselor yang mempunyai tahap efikasi sendiri kaunselor yang positif akan dapat menjalankan proses kaunseling tersebut dengan hasil yang positif kepada klien mereka. Senario ini juga akan menjadikan kaunselor bertambah yakin dan mempunyai kesejahteraan serta kepuasan di dalam dirinya.

Terdapat dua sub konstruk yang terlibat dalam efikasi sendiri iaitu kemahiran dan pengetahuan. Di antara kedua sub konstruk ini elemen kemahiran adalah berada pada tahap sederhana dan elemen pengetahuan berada pada tahap rendah. Ini bertepatan dengan kajian efikasi sendiri kaunselor yang dijalankan oleh Harris (2007). Kajian untuk menilai efikasi sendiri kaunselor serta faktor-faktor yang mempengaruhinya. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesemua kaunselor mempunyai tahap efikasi yang tinggi dari aspek pembangunan kaunselor, motivasi kaunselor dan juga kompetensi kaunselor. Dalam pada itu juga kajian mendapati elemen-elemen pengupayaan kemahiran kaunseling, tahap pencapaian pengetahuan dipengaruhi oleh kombinasi proses kognitif dan juga afektif. Ini telah dapat memberikan satu sumbangan dalam memahami faktor spesifik yang mempengaruhi kepercayaan dan persepsi kaunselor tentang keupayaan mereka untuk melaksanakan tugas dan memberikan perkhidmatan kaunseling secara lebih profesional (Harris, 2007). Oleh itu proses kognitif dan juga afektif yang berbeza di antara responden kajian yang membezakan keupayaan mereka dalam memberikan perkhidmatan kepada klien.

5.7 Kesepadanan Model *a priori* Dengan Data Kajian

Indeks kepadanan untuk model pengukuran penuh konstruk telah mencapai tahap kepadanan yang ditetapkan. Tiga jenis indeks yang digunakan beserta dengan literatur yang menyokongnya dapat dilihat. Nilai indeks bagi RMSEA dan CFI masing-masing adalah 0.09 dan 0.92. Bagi kajian ini nilai indeks Chisq/Df adalah 2.87 dan tahap yang diperlukan sudah dipenuhi. Justeru ketiga-tiga nilai indeks padanan ini telah memenuhi syarat yang dicadangkan.

Nilai indeks untuk Chisq/Df adalah sebanyak 2.87, telah mencapai tahap yang diperlukan iaitu di bawah 5.0. Begitu juga dengan indeks CFI dan RMSEA masing-masing bernilai 0.92 dan 0.09, yang mana telah mencapai tahap yang diperlukan iaitu untuk CFI adalah harus melebihi 0.9 dan RMSEA pula nilai julatnya antara 0.05 hingga 0.1. Hasil pembinaan model struktural menunjukkan nilai padanan telah mencapai kriteria yang ditetapkan. Justeru itu, objektif dan matlamat membangunkan satu model kesejahteraan kaunselor khususnya untuk kaunselor di Kementerian Pendidikan Malaysia telah mencapai sasarannya. Model yang terbentuk diakui kesahannya dengan nilai-nilai padanan yang sangat baik. Gabungan elemen-elemen psikologi yang enam, dengan diperkukuhkan dua elemen spiritual dan keagamaan dan disertai elemen-elemen efikasi sendiri kaunselor yang memfokus kepada kepentingan ilmu pengetahuan dan kemahiran di dalam pekerjaan, menjadikan sepuluh elemen yang merupakan sub konstruk di dalam kajian menarik membentuk satu model kesejahteraan kaunselor yang mantap untuk diimplementasikan di dalam kerjaya kaunselor seperti yang ditunjukkan pada Rajah 5.1 di bawah.



Rajah 5.1 Model Kesejahteraan Kaunselor

5.8 Kesejahteraan Spiritual Berperanan Sebagai Mediator dalam Model Kajian

Hasil analisis Ujian Statistik Sobel menunjukkan bahawa kesejahteraan spiritual berperanan sebagai mediator dalam model kajian ini (3.18, $p < 0.05$ sig). Peranan Kesejahteraan Spiritual sebagai mediator di antara efikasi sendiri kaunselor dengan kesejahteraan psikologi, menghasilkan $z = 3.182$, $p < .5$. Keputusan ujian Sobel ini juga mencadangkan bahawa hubungan di antara efikasi sendiri dengan kesejahteraan psikologi adalah dimoderasikan oleh kesejahteraan spiritual. Keputusan ini menunjukkan bahawa kesejahteraan spiritual akan dapat meramalkan kesejahteraan psikologi yang baik dengan berperanan sebagai mediator terhadap hubungan antara efikasi sendiri dan kesejahteraan psikologi kaunselor organisasi pendidikan di Malaysia. Dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa kesejahteraan spiritual telah memberi sumbangan sebagai mediator kepada kesejahteraan psikologi para kaunselor organisasi. Dan dapatan pengkaji adalah terbukti selari dengan kajian-kajian dari barat antaranya, Fabricatore, Handal dan Fenzel, (2000) kajiannya telah membuktikan bahawa spiritual sebagai mediator antara tekanan dan kesejahteraan. Kajian oleh Temane dan Wissing, (2006) pula, menunjukkan bahawa spiritual berperanan sebagai mediator antara hubungan kontak dan kesejahteraan psikologi. Mereka juga mendapati bahawa spiritual adalah sangat penting di dalam kehidupan orang ramai. Ini disokong oleh Sebagai rumusannya, dapatlah dinyatakan bahawa peranan kesejahteraan spiritual yang melibatkan penghayatan amalan-amalan baik dan keagamaan merupakan sesuatu yang amat penting di dalam kehidupan seharian. Yatimah dan Mohd.Tajuddin (2011) menyatakan bahawa Al-Ghazali sangat memberi penekanan terhadap peranan hati yang merupakan unsur spiritual dalam kehidupan manusia. Hati dapat meningkatkan martabat manusia dalam kehidupan dunia dan

akhirat. Dan melalui hati manusia mampu mengenal Allah. Sabda Rasulullah SAW: *“Ingatlah dalam jasad ada seketul daging, jika ia baik, maka baiklah jasad seluruhnya. Jika ia rosak, maka rosaklah jasad seluruhnya. Ketahuilah bahawa daging itu adalah al-qalb”* (Riwayat al-Bukhari dan Muslim, Hadis 40). Abd.Rahman (2017) juga ada menyatakan, manusia yang mempunyai unsur spiritual yang tinggi akan meningkatkan kedudukan mereka ke tahap yang amat tinggi sehingga lahirnya pancaran Nur Ilahi. Maka jelas di sini betapa pentingnya peranan kesejahteraan spiritual dalam kehidupan seseorang khususnya kaunselor dalam melalui penghidupan seharian yang penuh dengan pancaroba apabila behadapan dengan klien yang mempunyai pelbagai permasalahan kini. Justeru dengan jika berbekalkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT maka seseorang itu khususnya dapat menikmati hidup dengan sejahtera tanpa ada rasa kecewa dan sebagainya apabila mereka diuji.

5.9 Kesan Tidak Langsung Ke Atas Kesejahteraan Psikologi Dalam Model Kajian

Hasil analisis bagi model pengukuran kesejahteraan psikologi kaunselor menunjukkan bahawa peramal utama kepada kesejahteraan psikologi bagi keseluruhan responden adalah kesejahteraan spiritual dengan jumlah kesan .50. Jumlah ini bermaksud apabila kesejahteraan spiritual bertambah sebanyak 1 sisihan piawai, maka kesejahteraan psikologi meningkat sebanyak .50 sisihan piawai. Oleh itu kesimpulannya adalah kesejahteraan spiritual berperanan sebagai *partial mediator* dalam hubungan efikasi sendiri kaunselor dengan kesejahteraan psikologi dengan signifikan pada aras $\alpha < .05$.

Dapatan kajian di atas menunjukkan bahawa kesejahteraan spiritual secara tidak langsung telah menyumbang kepada kesejahteraan psikologi. Dan ini juga telah dapat membuktikan bahawa kesejahteraan spiritual sememangnya berperanan sebagai *partial mediator* di dalam kajian ini. Walaupun ada elemen lain iaitu efikasi sendiri dengan sub konstruknya pengetahuan dan kemahiran, tetapi peranan kesejahteraan spiritual tetap dapat menyumbang kepada kesejahteraan psikologi para kaunselor.

5.10 Faktor Gender, Lokasi Tempat Kerja dan Pengalaman Bekerja Berperanan Sebagai Moderator

5.10.1 Kesan Moderasi Gender dalam Model Kajian.

Faktor gender didapati berperanan sebagai moderator dalam model kajian ini. Ini bermakna bahawa perbezaan pada faktor gender menghasilkan dapatan yang berbeza dalam sampel kajian ini. Dalam kajian ini, perbandingan ke atas kedua-dua gender, lelaki dan perempuan menunjukkan bahawa hubungan efikasi sendiri dengan kesejahteraan psikologi gender lelaki didapati lebih signifikan. Manakala bagi gender perempuan pula, tiada laluan yang menunjukkan signifikan. Hasil kajian ini adalah bertepatan dengan hasil kajian Vosloo et al. (2009) yang mendapati bahawa gender memainkan peranan sebagai moderator kepada hubungan antara spiritual dengan kesejahteraan psikologi. Ringkasnya hasil dapatan kajian menunjukkan efikasi sendiri memberi kesan yang signifikan terhadap kesejahteraan psikologi gender lelaki berbanding dengan gender perempuan. Manakala kesejahteraan spiritual tidak memberi kesan moderasi terhadap perubahan dalam kesejahteraan psikologi gender lelaki ataupun perempuan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa gender lelaki

lebih memainkan peranan yang lebih positif di dalam mencapai sesuatu matlamat kerja mereka sehingga memberi kesan positif terhadap kesejahteraan psikologi mereka. Kebanyakan responden dalam kajian ini adalah terdiri dari gender lelaki yang telah matang dari aspek umur, pengalaman bekerja serta mempunyai kelulusan akademik di peringkat tinggi.

Oleh yang demikian aspek psikologi mereka berada pada tahap yang seimbang dan stabil. Pada peringkat ini mereka tidak mempunyai masalah yang memberatkan aspek psikologi mereka. Secara umumnya pada tahap umur responden yang dikaji adalah merupakan satu tahap kehidupan yang berada di puncak dengan kesemua elemen dalam hidup ini telah mungkin telah dipenuhi. Mereka mempunyai pekerjaan yang baik, keluarga yang telah berkembang, anak-anak yang telah pun bekerja, pendapatan yang mencukupi, taraf hidup yang selesa dan juga hubungan dengan masyarakat adalah baik. Ini menjadikan ia memberikan kesan yang signifikan kepada gender lelaki berbanding gender perempuan. Di dalam Islam sendiri, lelaki merupakan pemimpin bagi perempuan. Dengan keistimewaan yang ada ini telah menyebabkan gender lelaki lebih signifikan sebagai moderator dalam model kajian ini.

Berbeza dengan kajian dari barat oleh Van Eaden, Wissing dan Du Toit, (2000) mendapati tahap kesejahteraan spiritual gender perempuan lebih tinggi berbanding lelaki di dalam menyumbang kepada kesejahteraan psikologi. Emmons, (2003) juga mendapati secara keseluruhannya terdapat hubungan yang kuat antara matlamat spiritual dan kesejahteraan dalam kalangan perempuan. Perbezaan yang wujud ini berlaku

5.10.2 Kesan Moderasi Lokasi Tempat Kerja

Hasil analisis ke atas model kajian menunjukkan bahawa lokasi tempat kerja kaunselor memberi kesan moderasi kepada model kajian dalam menjelaskan tentang kesejahteraan psikologi . Dari aspek lokasi tempat kerja di dalam kajian ini, terdapat dua klasifikasi kumpulan iaitu lokasi di bandar dan lokasi di luar bandar.

Secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan bahawa keseluruhan model kesejahteraan psikologi adalah bergantung juga kepada lokasi tempat kerja kaunselor itu sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Dapatan keseluruhan juga memberikan gambaran bahawa lokasi tempat kerja memberi kesan moderasi ke atas laluan di antara kesejahteraan spiritual dengan kesejahteraan psikologi dan efikasi sendiri dengan kesejahteraan psikologi. Dapatan dalam kajian ini memberikan gambaran bahawa apa juga lokasi tempat kerja sama ada di bandar ataupun di luar bandar, ia dapat menjelaskan tentang kesejahteraan psikologi dalam konteks kajian ini. Kesejahteraan psikologi kaunselor adalah bergantung juga kepada lokasi tempat kerja mereka. Ini berkemungkinan disebabkan oleh sikap dalaman individu itu sendiri. Bagi individu yang mempunyai lokus kawalan dalaman yang baik dan tinggi, mereka mungkin dapat menguruskan psikologi mereka dengan baik walau berkhidmat di mana – mana sekali pun. Pengurusan diri dengan lebih rasional dari aspek emosi dan intelek di samping dapat menangkis faktor-faktor luaran yang boleh memberi kesan kepada kesejahteraan psikologi. Individu yang mempunyai lokus kawalan dalaman percaya bahawa mereka mampu untuk mengawal peristiwa dan hasil dalam kehidupan mereka (Fournier, 2010).

Selain dari itu di harap pengalaman bekerja yang lebih dari lima tahun dalam bidang kaunseling dan juga dalam bidang pekerjaan dapat memberikan mereka lebih pertimbangan dan toleransi dalam menjalankan tugas sebagai seorang kaunselor. Ditambah pula dengan nilai-nilai sebagai seorang kaunselor yang sentiasa menjadi amalan responden menjadi nilai tambah kepada kesejahteraan psikologi tanpa mengambil kira walau di mana sekali pun khidmat mereka diperlukan. Di harap keadaan ini menjadikan individu tidak begitu terganggu dengan faktor lokasi tempat kerja sebaliknya pengalaman bekerja yang dilalui dalam bidang kaunseling lebih dapat memberi kesan yang signifikan dalam kesejahteraan psikologi mereka. Kedua-dua kemungkinan ini mungkin dapat memberikan penerangan tentang lokasi tempat kerja yang juga berperanan sebagai moderator dalam kajian ini.

5.10.3 Kesan Moderasi Pengalaman Bekerja

Bagi Kumpulan 1 yang mengelompokkan kaunselor yang berpengalaman selama 0 hingga 5 tahun berkhidmat seramai 53 orang menunjukkan bahawa kesejahteraan spiritual tidak berperanan sebagai mediator bagi kumpulan ini. Ini disebabkan hanya satu sahaja hubungan yang signifikan iaitu antara kesejahteraan spiritual dengan kesejahteraan psikologi (.732). Manakala dua lagi konstruk tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan masing-masing ialah hubungan antara efikasi sendiri dengan kesejahteraan spiritual (.295) dan kesejahteraan psikologi dengan efikasi sendiri (.144).

Kumpulan 2 seramai 90 orang, iaitu kelompok kaunselor yang berkhidmat selama 6 hingga 12 tahun pula, kesejahteraan spiritual telah berperanan sebagai *partial mediator* di mana ketiga-tiga hubungan iaitu antara kesejahteraan spiritual

dengan kesejahteraan psikologi (.290), efikasi sendiri dengan kesejahteraan spiritual (.449) dan juga kesejahteraan psikologi dengan efikasi sendiri (.599) adalah mempunyai hubungan yang signifikan dalam kajian ini. Setiap hubungan saling berkait dan menyumbang kepada kesejahteraan psikologi kaunselor.

Kumpulan 3 pula yang mengelompokkan kaunselor yang telah berkhidmat selama 13 hingga 19 tahun seramai 50 orang menunjukkan bahawa kesejahteraan spiritual berperanan sebagai *full mediator*. Ini bermakna terdapat hanya satu sahaja hubungan yang tidak signifikan dalam model yang dicadangkan iaitu hubungan antara kesejahteraan psikologi dengan efikasi sendiri (.327). Manakala bagi hubungan kesejahteraan spiritual dengan kesejahteraan psikologi (.591) dan efikasi sendiri dengan kesejahteraan spiritual (.522) adalah signifikan.

Daripada perbandingan ketiga-tiga kelompok pengalaman bekerja di atas, dapat disimpulkan bahawa kaunselor yang baru berkhidmat tidak lebih daripada lima tahun dan kebanyakan mereka masih muda tidak memerlukan mediator untuk mencapai kesejahteraan psikologi. Berbanding dengan kedua-dua kelompok yang memerlukan kesejahteraan spiritual berperanan sebagai mediator untuk mencapai kesejahteraan psikologi. Jika kita perhatikan dalam kehidupan seharian, sememangnya dua kelompok yang ada di atas ini memandangkan aspek spiritual sebagai sesuatu yang penting. Biasanya mereka akan lebih mudah mendampingi tempat-tempat ibadah, berminat dengan urusan-urusan keagamaan yang dapat menyumbang kepada kesejahteraan dalam hidup mereka. Kesibukan dengan tugas yang diamanahkan dengan kedudukan yang mantap serta faktor usia yang meningkat, maka elemen spiritual dan keagamaan sangat-sangat diperlukan dalam hidup mereka

bagi menyumbang kepada kesejahteraan mereka. Minat kepada hal-hal keagamaan lebih cenderung kepada kelompok ini.

5.11 Gender Berperanan Sebagai Moderator Dalam Model *Moderated-mediation*

Hasil analisa juga menunjukkan bahawa gender adalah berperanan sebagai moderator dalam hubungan di antara kesejahteraan spiritual dengan kesejahteraan psikologi dengan memperoleh nilai yang signifikan iaitu *mediation* ($L = .147$, $P = .130$) dan tanpa *mediation* ($L = -.406$, $P = -.432$). Menurut Baron, Patricia dan Andrew (2004) terdapat lima kemungkinan dalam penghasilan *moderated mediation*, iaitu harus wujud :

- i. pemboleh ubah bebas (IV) juga memoderasikan hubungan antara mediator dan pemboleh ubah bersandar (DV)
- ii. pemboleh ubah yang baru yang memoderasikan hubungan antara mediator dan pemboleh ubah bersandar (DV)
- iii. pemboleh ubah moderator yang baru memoderasikan hubungan antara mediator dan pemboleh ubah bersandar (DV)
- iv. satu pemboleh ubah moderator memberi kesan kepada kedua-dua hubungan antara pemboleh ubah bebas (IV) dan mediator serta juga memberi kesan kepada hubungan antara mediator dan pemboleh ubah bersandar (DV)
- v. dua pemboleh ubah moderator yang baru, masing- masing akan memoderasikan laluan A dan laluan B

Oleh itu dalam kajian ini penghasilan model *moderated mediation* adalah melalui kaedah yang kelima di mana dua pemboleh ubah moderator yang baru iaitu

gender lelaki dan perempuan masing-masing akan memoderasikan laluan A dan laluan B. Laluan A adalah hubungan antara efikasi sendiri dan kesejahteraan spiritual manakala laluan B pula adalah hubungan antara kesejahteraan spiritual dan kesejahteraan psikologi.

Gender lelaki dan perempuan memberikan kesan yang berbeza terhadap hubungan antara efikasi sendiri dan kesejahteraan spiritual. Begitu juga dengan hubungan antara kesejahteraan spiritual dan kesejahteraan psikologi. Jika dilihat hasil dari kajian ini menunjukkan bahawa gender telah bertindak sebagai moderator yang berkesan dalam mempengaruhi hubungan antara dua pemboleh ubah tersebut. Menurut Frone (1999), model *moderated mediation* adalah satu model yang berupaya untuk menerangkan tentang bagaimana dan bila sesuatu kesan langsung akan berlaku. James dan Brett (1984) pula menyatakan bahawa model *mediated mediation* boleh terjadi apabila wujudnya interaksi di antara pemboleh ubah moderator dan pemboleh ubah bebas. Oleh itu kajian ini telah berjaya untuk menghasilkan satu model *mediated mediator* menggunakan pemboleh ubah - pemboleh ubah kesejahteraan spiritual, kesejahteraan psikologi dan juga efikasi sendiri kaunselor yang '*statistically significant*'.

5.12 Hubungan Antara Kesejahteraan Spiritual dengan Kesejahteraan Psikologi

Hasil analisis kajian ini mendapati bahawa hubungan di antara kesejahteraan spiritual dengan kesejahteraan psikologi adalah merupakan satu hubungan yang signifikan dan memberi impak yang besar/tinggi terhadap responden iaitu kaunselor yang berkhidmat di Kementerian Pendidikan Malaysia. Kesejahteraan spiritual

dalam kajian ini diukur menggunakan dua sub konstruk iaitu elemen kewujudan dan beragama. Kedua-dua elemen ini adalah amat penting dalam hidup setiap individu untuk memastikan keadaan kehidupan mereka sentiasa berada dalam keadaan yang tenang dan tenteram. Manakala kesejahteraan psikologi pula diukur menggunakan enam sub konstruk iaitu autonomi, menguasai persekitaran, penerimaan sendiri, perkembangan peribadi, hubungan positif dengan orang lain dan tujuan hidup. Di dalam perkembangan peribadi, elemen kewujudan dan beragama adalah berkaitan dan saling berhubungan. Perkembangan yang positif dan sihat memerlukan elemen kewujudan dan beragama yang dapat membentuk diri dan peribadi seseorang. Aspek kewujudan misalnya akan memastikan individu sentiasa berada dalam persekitaran masyarakat yang baik dan sentiasa mengamalkan budaya hidup yang sihat. Aspek beragama pula akan memelihara perkembangan peribadi seseorang itu ke arah yang positif. Ini kerana dalam beragama akan memastikan individu mematuhi setiap peraturan yang wujud dalam agama tersebut dan seterusnya membentuk individu yang patuh dan berdisiplin.

Aspek hubungan positif juga turut menunjukkan elemen kewujudan dan beragama memberikan impak yang besar. Bagi memperolehi satu bentuk hubungan yang positif baik dari kalangan rakan sekerja mahupun klien, seorang kaunselor perlu memastikan kehadiran mereka itu diterima dan dapat memberi impak. Malah kewujudan mereka dalam masyarakat juga haruslah sentiasa positif agar profesion kaunselor dapat menarik masyarakat untuk mendapatkan khidmat dari mereka. Elemen beragama turut memberi impak besar dalam hubungan positif di mana dalam beragama perlulah seseorang itu menjaga hubungan dengan tuhanNya dan juga menjaga hubungan dengan orang lain.

Sub konstruk kesejahteraan psikologi seterusnya adalah menguasai persekitaran. Elemen kewujudan dan beragama juga turut memberi impak yang besar kepada sub konstruk menguasai persekitaran. Dalam usaha untuk menguasai persekitaran dengan baik seseorang itu perlu untuk mengetahui keadaan persekitarannya, tahu tentang budaya dan juga keadaan sosio ekonomi persekitaran menggunakan elemen kewujudan yang akan dapat membantu untuk mengesan perkara tersebut. Dapatan kajian oleh Mc Kim (2014) juga turut menyatakan bahawa kaunselor yang mempunyai kawalan terhadap aktiviti pekerjaan mereka dan pengalaman yang lama akan memperolehi tahap kepuasan yang tinggi. Disamping itu elemen keagamaan akan membantu untuk mencerap persekitaran yang mana akhirnya akan membolehkan individu menyertai persekitaran dengan cara yang boleh diterima.

Sub konstruk kesejahteraan psikologi yang seterusnya adalah tujuan hidup. Dalam melihat kepada tujuan hidup, elemen kewujudan dan beragama tentunya memainkan peranan yang signifikan. Setiap individu mempunyai tujuan di dalam hidup ini yang mana tujuan tersebut seringkali dipengaruhi oleh pelbagai faktor di sekeliling mereka. Elemen kewujudan memberi kesan kepada tujuan hidup dengan adanya masyarakat dan juga keluarga yang hampir dengan individu tersebut. Keadaan masyarakat dan keluarga akan membentuk dan mempengaruhi tujuan hidup seseorang. Elemen beragama pula jika dilihat adalah amat memberi kesan langsung kepada tujuan hidup seseorang dengan peraturan dan juga kawalan dari segi rohani dan spiritual. Ia akan sentiasa memberikan individu itu pilihan dalam mendapatkan tujuan hidupnya sama ada memilih jalan yang selari dengan agama ataupun sebaliknya.

Penerimaan sendiri adalah sub konstruk untuk kesejahteraan psikologi yang juga turut menerima impak yang signifikan dari elemen kewujudan dan beragama. Ini kerana individu akan mempunyai penerimaan diri yang positif apabila mempunyai elemen kewujudan dan beragama dalam diri mereka. Mereka akan berasa lebih yakin dengan diri sendiri serta berupaya untuk meningkatkan potensi diri dengan lebih baik. Elemen kewujudan dan beragama juga akan turut menggalakkan individu untuk terus menjadi seorang yang lebih positif.

Bagi sub konstruk kesejahteraan psikologi seterusnya adalah autonomi. Hubungan antara autonomi dengan elemen kewujudan dan beragama juga adalah signifikan dan memberikan kesan langsung yang besar. Kewujudan dalam diri individu memerlukan autonomi yang benar-benar dapat menguruskan diri ke arah yang terbaik. Manakala elemen beragama pula akan memimpin autonomi dalam diri individu ke arah yang berlandaskan peraturan dan perintah agama. Gabungan antara keduanya akan dapat menghasilkan individu yang berautonomi secara yang positif dan berkesan.

Oleh itu hasil kajian ini menunjukkan bahawa kesejahteraan spiritual dan kesejahteraan psikologi mempunyai kesan langsung yang signifikan dan kesan tidak langsung kesejahteraan spiritual terhadap kesejahteraan psikologi adalah sangat kecil dan tidak signifikan. Ini amat bertepatan dengan Richter (2001) yang melihat korelasi antara kesejahteraan psikologi dengan kesejahteraan spiritual yang mendapati bahawa tahap spiritual yang tinggi dikaitkan dengan karektor peribadiiti yang sihat. Kajiannya juga memperolehi korelasi yang positif di antara kesejahteraan psikologi dengan kesejahteraan spiritual.

Kajian yang dijalankan oleh Ellison dan Smith (1991) juga mendapati responden yang mempunyai pegangan agama tinggi dilaporkan memperoleh kepuasan hidup yang juga tinggi. Kesejahteraan spiritual dapat meningkatkan kesejahteraan hidup melalui empat cara. Pertama ia menyediakan sokongan dan integrasi sosial kepada seluruh masyarakat. Kedua kesejahteraan spiritual dapat menyediakan satu kesinambungan di dalam makna kehidupan dan kewujudan manusia di atas muka bumi ini. Seterusnya ketiga, kesejahteraan spiritual juga turut meningkatkan kesejahteraan psikologi dengan wujudnya hubungan antara makhluk dengan penciptanya. Keempat kesejahteraan spiritual menggalakkan individu berada dalam pertubuhan-pertubuhan agama yang dapat membentuk cara hidup seseorang ke arah yang lebih positif.

5.13 Hubungan Antara Efikasi Kendiri dengan Kesejahteraan Psikologi

Dapatan kajian ini yang telah dijalankan menunjukkan bahawa kesan langsung dan tidak langsung efikasi kendiri terhadap kesejahteraan psikologi adalah kecil tetapi signifikan. Untuk mengukur nilai-nilai efikasi kendiri dalam kajian ini menggunakan dua sub konstruk iaitu pengetahuan dan juga kemahiran. Kedua-dua sub konstruk efikasi kendiri ini adalah saling menghubungkan dengan sub konstruk kesejahteraan psikologi untuk memberikan kesan langsung dan tidak langsung.

Dalam sub konstruk kesejahteraan psikologi iaitu perkembangan peribadi, didapati bahawa elemen pengetahuan dan juga kemahiran wujud dengan pengaruh yang kecil namun ia amat penting dalam mencorakkan perkembangan peribadi seseorang kaunselor itu. Seseorang yang sentiasa mempunyai perkembangan peribadi dalam kehidupannya akan sentiasa berjaya dalam mencapai cita-citanya. Individu

tersebut juga adalah merupakan seorang individu yang mempunyai kawalan terhadap dan keyakinan terhadap dirinya sendiri untuk terus berusaha untuk membangunkan potensi mereka, untuk berkembang sebagai seorang manusia (Ryff, 1989). Untuk membolehkan wujudnya perkembangan peribadi yang baik dan positif, elemen-elemen pengetahuan dan kemahiran harus ada bagi membolehkan perkembangan peribadi membentuk diri menjadi seorang kaunselor yang betul-betul memahami tugas mereka. Elemen kemahiran misalnya adalah satu perkara yang penting dalam tugas seorang kaunselor. Sekiranya tiada kemahiran yang mencukupi maka kemungkinan untuk sesi kaunseling itu gagal adalah amat tinggi. Oleh itu pentingnya elemen kemahiran, begitu juga dengan elemen pengetahuan dalam perkembangan peribadi. Tanpa pengetahuan yang cukup dan terkini, perkhidmatan kaunseling yang bakal diberikan kepada klien mungkin akan boleh dipersoalkan. Oleh itu walaupun hubungan yang wujud itu kecil namun ia masih lagi signifikan kepada kesejahteraan psikologi kaunselor.

Sub konstruk kesejahteraan psikologi iaitu hubungan positif turut mempunyai hubungan dengan elemen dalam efikasi sendiri iaitu pengetahuan dan kemahiran. Hubungan positif amat penting dalam bidang tugas seorang kaunselor kerana tanpa hubungan yang positif dengan seorang klien tentunya sukar untuk proses kaunseling berjalan dengan lancar. Kedua-dua pihak akan saling curiga mencurigai dan akhirnya sesi kaunseling tersebut akan gagal. Dalam usaha untuk mendapatkan satu hubungan yang positif dalam diri, persekitaran dan juga tanggungjawab mereka maka seharusnya kaunselor memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang mantap. Pengetahuan dalam bidang psikologi serta kaunseling adalah amat penting kepada seorang kaunselor yang mana dengannya akan membolehkan kaunselor menjalankan

sesi kaunseling kepada klien dengan lebih berkesan dan dapat membantu klien dalam mencari jalan keluar kepada masalah yang dihadapinya. Pengetahuan yang meluas dalam aspek ini akan dapat membina satu hubungan yang positif dalam proses kaunseling. Seterusnya kemahiran juga perlu dalam mewujudkan hubungan positif dengan klien mereka bagi seorang kaunselor. Kemahiran yang baik khususnya dalam proses kaunseling, teknik kaunseling dan kaedah kaunseling akan membantu kaunselor membina hubungan yang positif antara kaunselor dan klien. Oleh itu kesan langsung dan tidak langsung antara efikasi sendiri dengan kesejahteraan psikologi adalah amat penting walaupun ianya tidak besar.

Menguasai persekitaran adalah merupakan sub konstruk kesejahteraan psikologi yang mempunyai hubungan dengan elemen dalam efikasi sendiri iaitu pengetahuan dan kemahiran. Walaupun kesan langsung dan tidak langsung hubungan ini adalah kecil namun begitu ia adalah signifikan terhadap kaunselor yang menjadi responden dalam kajian ini. Chang (2006) melihat aspek menguasai persekitaran ini adalah keupayaan seseorang untuk memanipulasi persekitarannya mengikut keperluannya. Sekiranya individu itu merasakan tidak dapat mengawal persekitaran mereka maka mungkin tidak akan ada langkah-langkah untuk mencapai cita-cita kerana timbul rasa putus asa terhadap halangan yang mendatang. Seorang kaunselor yang berkesan haruslah boleh menguasai persekitaran mereka tidak hanya terhadap kepada persekitaran diri, keluarga dan masyarakat tetapi juga mereka harus bijak dalam menguasai persekitaran emosi, spiritual dan juga fizikal klien mereka. Oleh yang demikian seorang kaunselor mestilah memiliki pengetahuan dan juga kemahiran dalam membolehkan mereka menguasai persekitaran yang wujud di sekeliling mereka. Pengetahuan yang luas dalam aspek persekitaran akan dapat

membantu kaunselor untuk mengenalpasti perkara-perkara yang menjadi permasalahan kepada klien mereka. Kaunselor akan dapat mengaplikasikan pengetahuan yang ada dalam diri mereka untuk membuat pertimbangan yang tepat tentang persekitaran masalah klien yang sedang mereka bantu. Seterusnya dengan kemahiran yang khusus dalam teknik dan kaedah kaunseling yang baik juga akan membantu mewujudkan persekitaran yang selesa, saling percaya mempercayai, yakin antara satu dengan lain serta dapat merungkai masalah klien tersebut. Oleh yang demikian elemen pengetahuan dan kemahiran dapat memberikan impak yang signifikan terhadap menguasai persekitaran dalam sub konstruk kesejahteraan psikologi.

Tujuan hidup merupakan satu lagi sub konstruk kesejahteraan psikologi yang mempunyai hubungan kesan langsung dan tidak langsung yang kecil namun kesan tersebut adalah signifikan kepada kaunselor yang menjadi responden dalam kajian ini. Sub konstruk tujuan hidup dilihat mempunyai hubungan dengan elemen pengetahuan dan kemahiran dalam efikasi sendiri. Ini kerana kaunselor harus mempunyai tujuan hidup yang positif dan dapat memberi manfaat kepada diri, keluarga dan juga masyarakat. Tanpa tujuan hidup yang positif individu akan terumbang – ambing dalam meneruskan kehidupan ini. Maka kaunselor harus menterjemahkan kepercayaan dan cita-citanya dengan berusaha ke arah mencapai satu matlamat yang diimpikan. Kesemua ini apabila digabungkan akan menjadikan hidup ini lebih bermakna kerana tujuan dalam hidup adalah berhubungan dengan kesihatan mental (Ryff, 1989). Pengetahuan tentunya akan memainkan peranan yang dominan dalam menentukan hala tuju kehidupan seseorang. Pengetahuan yang tidak mencukupi akan meletakkan individu dalam keadaan yang tidak menentu dan tidak pasti dalam

kehidupannya. Bagi seorang kaunselor pengetahuan yang luas serta kemahiran yang dimiliki akan membolehkan mereka memandu kehidupan mereka dan juga klien mereka ke arah yang lebih baik.

Sub konstruk penerimaan sendiri dalam kesejahteraan psikologi juga mempunyai hubungan dengan efikasi sendiri. Hubungan yang memberi kesan langsung dan tidak langsung walaupun sedikit namun ia adalah penting dalam mempengaruhi responden yang dikaji iaitu kaunselor yang berkhidmat di Kementerian Pendidikan Malaysia. Penerimaan sendiri merupakan satu tahap di mana individu dapat menerima dan menghargai semua aspek di dalam diri mereka tanpa mengira sama ada baik atau pun buruk. Sheldon dan Kasser (2001) menyatakan apabila individu mempunyai perasaan yang bagus, enak dan baik terhadap diri sendiri walaupun mereka sedar yang mereka masih mempunyai beberapa kelemahan menunjukkan bahawa mereka mempunyai satu tahap penerimaan sendiri yang tinggi. Individu yang tidak dapat menerima diri mereka akan berusaha dengan kualiti-kualiti tertentu untuk mencapai tahap yang mereka harapkan. Bagi seorang kaunselor penerimaan sendiri yang positif amat perlu dan penting kerana mereka akan berurusan dengan klien yang bermasalah dalam kehidupan mereka. Ini tentunya akan membawa bersama mereka penerimaan sendiri yang positif pada diri klien tersebut. Oleh yang demikian dengan pengetahuan dan kemahiran pada diri kaunselor akan dapat memastikan mereka sentiasa bersedia untuk membantu klien tersebut. Kaunselor akan sentiasa dapat menghargai dan menerima klien mereka tanpa rasa prejudis hasil dari pengetahuan dan kemahiran dalam penerimaan sendiri. Maka hubungan yang walaupun kecil antara sub konstruk kesejahteraan psikologi iaitu penerimaan sendiri dengan pengetahuan dan kemahiran yang mewakili sub konstruk

efikasi sendiri tetapi ia adalah satu hubungan yang penting dalam mempengaruhi kaunselor menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.

Autonomi juga adalah sub konstruk kesejahteraan psikologi yang dikaji mempunyai hubungan kesan langsung dan tidak langsung yang kecil dengan efikasi sendiri. Namun begitu kesan yang kecil ini juga turut mempengaruhi responden yang dikaji iaitu kaunselor yang berkhidmat di Kementerian Pendidikan Malaysia. Autonomi adalah keazaman sendiri dan juga kebebasan serta kemampuan untuk berfikir dan bertindak serta membentuk tingkahlaku dan menilainya dengan standard peribadi. Ini bermaksud seseorang yang mempunyai autonomi adalah individu yang ada lokus penilaian dalaman yang mana dia tidak memerlukan sesiapa untuk mendapatkan kelulusan tetapi boleh menilai sendiri berdasarkan standardnya (Rogers, 1961). Dalam hal ini seorang kaunselor yang mempunyai autonomi harus memiliki pengetahuan dan kemahiran yang lengkap. Kaunselor harus mempunyai pengetahuan serta kemahiran untuk berfikir, bertingkah laku serta bertindak dalam segala aspek dalam hidup dan bidang tugas mereka. Sekiranya mereka tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang lengkap maka tahap autonomi mereka tidak sempurna. Sapora dan Hapsah (2014) turut menyatakan keperluan pengetahuan serta kemahiran dalam serta menggabungkan teori kepada perlu ada bagi menggabungkan teori psikologi dan latihan ke dalam proses kaunseling itu. Pengetahuan yang luas dalam pelbagai budaya turut menjadi satu kelebihan dalam profesion menolong.

Mereka masih memerlukan orang lain untuk membuat keputusan dan bertindak bagi pihak mereka. Autonomi juga mencerminkan satu tahap kesihatan psikologi yang individu akan pilih sama untuk bergantung dengan orang lain

ataupun untuk berfungsi secara sendirian (Deci & Ryan, 2008). Oleh itu autonomi bagi seorang kaunselor adalah dikaitkan dengan kematangan dalam pengetahuan dan kemahiran serta kesejahteraan psikologi mereka dalam menentukan dirinya berfungsi secara sendirian.

5.14 Implikasi Kajian Ke atas Aspek Teori

Penyelidikan ini telah menyumbang kepada penambahan model kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri kaunselor yang berkhidmat di Kementerian Pendidikan Malaysia. Kajian ini juga telah menyokong idea yang dibawa oleh teori-teori yang terlibat di dalam kajian ini. Disamping itu juga terdapat beberapa dapatan baru yang terhasil apabila diuji ke atas responden di Malaysia.

Aspek kebolehaplikasian teori secara umumnya memberi keyakinan bahawa teori Kesejahteraan Psikologi oleh Ryff (1989) boleh digunakan sebagai salah satu cara bagi memahami, mengukur, menganalisa dan menilai kesejahteraan psikologi seseorang. Ryff (1989) dalam kajiannya mendapati bahawa semua individu merasakan bahawa pentingnya untuk mendapatkan penglibatan orang lain untuk berfungsi secara positif. Kajiannya juga mencadangkan bahawa setiap individu haruslah sentiasa bersimpati, mempunyai hubungan yang positif dengan orang lain disamping sentiasa mengambil berat antara satu dengan yang lain. Beliau juga dapati bahawa individu akan sentiasa berusaha untuk berperasaan positif dengan diri sendiri di samping cabaran yang sentiasa mencabar mereka. Dapatan kajian ini juga menyokong teori yang dikemukakan oleh Ryff dalam teori Kesejahteraan Psikologi ini. Hasil dapatan menunjukkan bahawa keenam-enam sub konstruk dalam kesejahteraan psikologi menyumbang kepada tahap kesejahteraan kaunselor. Sub

konstruk yang tertinggi dalam dapatan kajian ini adalah perkembangan peribadi yang juga menyokong konsep teori kesejahteraan psikologi di mana Ryff dan Singer (2006) menyatakan bahawa kesejahteraan psikologi juga adalah berkait terus dengan kegembiraan namun begitu ia adalah hasil dari sebuah kehidupan yang berjalan dengan baik dan sempurna (*well-lived*).

Teori Kesejahteraan Spiritual pula mendefinisikan kesejahteraan spiritual adalah sebagai satu bentuk elemen kerohanian dan juga satu alat pengukuran bagi mengukur tahap kerohanian atau spiritual seseorang (Smith, 2004) dan juga Arnold et al., (2007) menyatakan kesejahteraan spiritual ialah satu kepuasan terhadap kesejahteraan beragama yang mencerminkan hubungannya dengan Yang Maha Esa, kesejahteraan kewujudannya serta makna dan tujuannya dalam kehidupan ini. Oleh itu kajian menunjukkan bahawa tahap kesejahteraan spiritual kaunselor yang dikaji adalah pada tahap yang sederhana dengan sub konstruk beragama yang lebih tinggi berbanding dengan sub konstruk kewujudan. Maka konsep kesejahteraan spiritual yang menyatakan bahawa ini adalah satu bentuk cerminan terhadap hubungan dengan tuhan adalah selari dengan data kajian ini yang menunjukkan elemen beragama berada pada tahap yang tinggi.

Manakala Teori Kognitif Sosial yang dipelopori oleh Bandura (1977, 1982, 1986, 1995) menyatakan bahawa efikasi sendiri merupakan keazaman dalam tindakan seseorang, dalam membuat keputusan, dalam usaha untuk mencapai matlamat serta meletakkan seluruh jiwa dan raganya di dalam usaha tersebut agar tidak menemui kegagalan (Bandura, 1986). Efikasi sendiri juga dilihat sebagai satu mekanisme menyeluruh di dalam diri individu yang berintegrasi di antara kognitif,

tingkahlaku dan kemahiran sosial ke arah sesuatu matlamat (Larson 1998). Oleh yang demikian dapatan kajian yang menunjukkan bahawa efikasi sendiri kaunselor yang berkhidmat di Kementerian Pendidikan Malaysia adalah tinggi telah menyokong konsep teori tersebut. Efikasi sendiri yang tinggi menunjukkan bahawa mereka sentiasa meletakkan keazaman, komitmen dan cita-cita yang tinggi dalam usaha untuk mencapai matlamat yang telah ditentukan. Ini menyokong kajian-kajian yang telah dijalankan oleh sarjana mengenai tahap efikasi sendiri kaunselor iaitu Curry (2007), Al-Darmaki (2004), Barbee, Scherer dan Combs (2003) ; Barnes (2004) serta Lent, Hill dan Hoffman (2002) yang mendapati bahawa tahap efikasi sendiri kaunselor atau kaunselor pelatih yang dikaji adalah tinggi.

5.15 Implikasi Kajian Ke atas Aspek Praktikal

Aspek kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri terhadap kaunselor bukanlah satu tajuk perbincangan yang baru pada masa kini. Ia telah dibincangkan, dikaji serta dinilai oleh pelbagai pihak tertentu yang bertujuan untuk mengenalpasti elemen-elemen yang boleh membantu kaunselor memantapkan lagi keberkesanan perkhidmatan kaunseling di negara ini. Usaha-usaha bagi memantapkan lagi perkhidmatan dan bidang tugas kaunseling telah dilakukan oleh pelbagai pihak yang terlibat.

Namun begitu pemahaman yang jelas dan menyeluruh terhadap elemen-elemen yang wujud dalam kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri akan dapat membantu menyumbang kepada peningkatan kualiti perkhidmatan kaunseling di Malaysia. Hasil kajian ini membolehkan aspek-aspek yang berisiko dikenal pasti dan seterusnya diberikan perhatian. Berdasarkan tahap

kesejahteraan psikologi, sub konstruk autonomi dikenalpasti sebagai yang paling rendah skor min berbanding dengan sub konstruk yang lain. Manakala dalam tahap kesejahteraan spiritual pula, sub konstruk kewujudan menunjukkan skor min yang terendah. Seterusnya dalam efikasi sendiri pula sub konstruk pengetahuan didapati memperolehi skor min terendah. Oleh yang demikian sub konstruk autonomi, kewujudan dan pengetahuan merupakan elemen-elemen yang perlu diberikan perhatian untuk dianalisis dengan lebih teliti dan mendalam oleh pihak-pihak yang berkepentingan seperti Majlis Kaunselor Malaysia, Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Ini bertujuan untuk mengenalpasti bagaimana elemen-elemen tersebut dapat diteroka agar penambahbaikan dapat dilaksanakan demi untuk memastikan kaunselor yang memberikan perkhidmatan kepada klien mereka akan sentiasa berada pada tahap kesejahteraan yang baik.

Selain dari itu dari aspek amalan kaunseling, dapatan kajian ini akan dapat dijadikan panduan kepada para kaunselor bagi menambah pengetahuan dan pemahaman terhadap aspek-aspek yang diteroka terutamanya dalam aspek kesejahteraan psikologi, kesejahteraan spiritual dan efikasi sendiri. Ini kerana melalui pemahaman dan pengetahuan yang betul dan baik akan membantu mereka dalam menjalankan tugas sebagai kaunselor yang perlu memberikan celik akal kepada klien. Ketiga-tiga elemen tersebut bukan hanya perlu ada pada seorang kaunselor tetapi ia perlu juga wujud dalam diri klien supaya dapat memahami situasi yang melanda dirinya sendiri. Aspek kesejahteraan psikologi akan membolehkan seseorang itu mengetahui pencapaian kegembiraan, kesesuaian keseimbangan antara kesan positif dan kesan negatif serta kepuasan hidup secara keseluruhannya. Ini

kerana kesejahteraan psikologi ini adalah usaha ke arah kesempurnaan dan menyedari akan potensi sebenar diri seseorang. (Ryff, 1995). Manakala dengan pengetahuan dari aspek kesejahteraan spiritual pula akan membolehkan seseorang itu melihat diri sebagai satu kehidupan yang berhubung dengan Tuhan, diri sendiri, komuniti dan persekitaran yang akan menjadi pemangkin kepada kesempurnaan hidup (Arnold et al., 2007). Seterusnya dengan pengetahuan dari aspek efikasi sendiri akan melihat diri sebagai satu mekanisma yang menyeluruh dan berintegrasi di antara kognitif, tingkahlaku dan kemahiran sosial ke arah sesuatu matlamat (Larson 1998). Oleh itu pemahaman dalam ketiga-tiga elemen ini akan menjadikan seseorang itu lebih fokus dalam memainkan peranan masing-masing baik sebagai seorang kaunselor mahupun klien.

5.16 Cadangan Kajian

Beberapa kajian baru boleh dijalankan pada masa hadapan bagi tujuan pengukuhan dan pemantapan kepada perkhidmatan kaunseling di Malaysia. Selain dari itu kajian ini juga dapat membantu untuk memperbanyakkan lagi literatur dalam bidang yang khusus mengenai kaunselor dan bidang kaunseling itu sendiri. Faktor kesejahteraan psikologi dan kesejahteraan spiritual terutamanya dalam sub konstruk autonomi dan kewujudan perlu diberikan perhatian sebagai satu cara untuk meningkatkan lagi perkhidmatan kaunseling. Kesemua sub konstruk yang memperoleh skor min yang rendah itu memerlukan kajian lanjut oleh pengkaji-pengkaji dalam bidang kaunseling agar ianya dapat difahami dan dirungkaikan dengan lebih baik dan jelas demi untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kaunseling di Malaysia.

Cadangan kedua yang pengkaji ingin cadangkan adalah agar para pengkaji pada masa akan datang menjalankan kajian ini menggunakan penyelidikan secara kualitatif yang khusus untuk memahami faktor kesejahteraan yang terdapat pada kaunselor. Ini kerana kajian berbentuk kualitatif adalah bentuk kajian yang lebih khusus kepada aspek yang tertentu dengan proses pemerhatian, pengamatan dan temubual yang spesifik. Proses pemerhatian dan pengamatan kepada aspek kesejahteraan yang boleh dilakukan itu mungkin akan lebih menarik memandangkan ia dianalisis berdasarkan pemerhatian secara berterusan dan sistematik. Namun begitu pengkaji perlu juga berhati-hati dan memerhatikan juga elemen-elemen atau isu-isu lain yang mungkin timbul sewaktu kajian dilaksanakan.

